

EDISI KHAS SASTERAWAN NEGARA

Pertemuan
Abadi

Koleksi Terpilih

**ABDULLAH
HUSSAIN**

EDISI KHAS SASTERAWAN NEGARA

Pertemuan
Abadi

Koleksi Terpilih

**ABDULLAH
HUSSAIN**

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2000

MOOS YAM 20

10/10/2000
10/10/2000

136

10/10/2000

Cetakan Pertama 2000
© Abdullah Hussain 2000

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-
dalam-Penerbitan

Abdullah Hussain, 1920-

Pertemuan abadi : koleksi terpilih Abdullah Hussain / Abdullah Hussein.

ISBN 983-62-7031-0

1. Short stories, Malay--Collections. 2. Malay poetry--Collections. 3. Malay fiction--Collections. I. Judul.
899.23301

M

899

23301

899

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

/ M |

1016917

05 MAY 2001

Perpustakaan Negara
Malaysia

Kandungan

Pengantar

Senario Perjuangan dan Dunia Kreativiti
Abdullah Hussain ix

Cerpen

- Pertemuan di Tjiandjur 3
Pertemuan di Kuching 17
Pertemuan di Kota Bharu 36
Sebuah Pekan Bernama Semporna 55
Mellisa 80
Nagasaki 102

Fragmen Novel

- Interlok 129
Masuk ke Dalam Cahaya 143
Imam 166

Fragmen Biografi

Pendeta Za'ba dalam Kenangan 181

Fragmen Skrip Drama Televisyen

Keruh di Hulu 201

Fragmen Skrip Drama Pentas

Intan 219

Fragmen Skrip Filem

Konserto Terakhir 251

Puisi

Kisah Dua Ekor Tupai 263

Masa Berangkat Semakin Dekat 265

Arafah 267

Medan Uhud 271

Sare 274

Esei Sastera

Sastera Boleh Memperkukuh Kepercayaan
Beragama 279

Jurnalisme Baru dalam Karya Kreatif 294

Menoleh ke Belakang Sebelum Melangkah
Lalu Melangkah dengan Yakin 304



Pengantar



Senario Perjuangan dan Dunia Kreativiti Abdullah Hussain

I

SASTERAWAN Negara Dato' Abdullah Hussain dilahirkan pada 25 Mac 1920 di Sungai Limau Dalam, Yan, Kedah Darul Aman. Dalam penulisannya beliau sering menggunakan nama pena seperti A.A., Adiwijaya, A.H., Andi Jaya, Asly, Bintang Kecil, Iskandar Muda, Roslany Ashikin, Suryakanta dan Zamroed.

Abdullah Hussain menulis dalam pelbagai genre penulisan meliputi genre cerpen, novel, biografi, autobiografi, kritikan, drama, terjemahan, umum dan skrip filem. Selain itu beliau juga berpengalaman dalam industri penerbitan akhbar, buku dan majalah di Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia (khususnya Sumatera).

Ketrampilan dan keunggulannya dalam bidang penulisan novel teruji dengan kemenangan novel *Imam Mihad* (yang kemudian diberi judul *Imam* sahaja) dalam Sayembara Novel Nasional (Mengenang Pak Sako) yang memberikan hadiah bernilai RM30 000.

Sejarah penulisan Abdullah Hussain merupakan rentetan yang panjang dan bermula sejak tahun 1939.

Penglibatannya dalam dunia kesusasteraan Malaysia sebenarnya berkait rapat dengan penyertaan beliau dalam pelbagai sayembara penulisan yang pernah diadakan di Indonesia dan di negara ini. Sayembara penulisan ini sedikit sebanyak telah menyemarakkan semangat perjuangannya dalam dunia penulisan sebagai motivasi dan pengujian bakat kreatifnya.

Sekadar contoh Abdullah Hussain pernah memenangi hadiah ketiga (tiada pemenang pertama dan kedua) dalam Sayembara Mengarang Roman Sejarah di Aceh dengan karyanya yang berjudul *Darah Pembalasan*. Abdullah Hussain juga pernah memenangi tempat kedua dalam Sayembara Mengarang Cerpen di Aceh dengan cerpennya yang berjudul "Manusia Baru".

Dalam Sayembara Mengarang Cerpen sempena perayaan Hari Buruh di Medan, Sumatera pada tahun 1950, cerpen beliau yang berjudul "Kario Buruh Kebun" telah mendapat hadiah pertama.

Beliau juga beberapa kali memenangi sayembara lain dalam penulisan cerpen berunsur Islam yang diadakan di negara ini. Cerpennya, "Tuhan, Bagaimana Akan Kau Cari-Nya?" memenangi hadiah pertama dalam Sayembara Cerpen Berunsur Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama) pada tahun 1977. Cerpen "Cahaya Langit" menang hadiah kedua sayembara yang sama (1983). Cerpennya "Sahabat" memenangi hadiah sagu hati dalam Sayembara Cerpen anjuran ESSO-GAPENA pada tahun 1979. Kumpulan cerpennya *Cahaya Langit* memenangi hadiah penghargaan Yayasan Pelajaran Islam-DBP 1988.

Dalam penulisan novel, Abdullah Hussain telah melontarkan pelbagai kritikan sosial, perjuangan membela nusa dan bangsa, kebobrokan sosial dan permasalahan masyarakat Melayu di desa, kota dan Nusantara.

Sehingga kini Abdullah Hussain telah menghasilkan beberapa buah novelet seperti *Dia ... Kekasihku* (1941), *Kasih Isteri* (1941) *Amin Pemuda Desa* (1947), *Berenang di Lautan Madu* (1957), *Kalau Tidak Kerana Tuan* (1957), *Janganlah Jangan* (1964).

Pada peringkat awal penulisannya, Abdullah Hussain menulis siri novel atau cerita bersambung berjudul *Binti Penghulu* dan novel bersiri *Harta dan Jodoh Menanti di England* sebanyak 38 siri dalam akhbar *Sahabat*.

Penghasilan novelnya sesudah itu banyak dipengaruhi oleh luasnya cakerawala pembacaan novel-novel Timur dan Barat khususnya pengarang-pengarang dari Indonesia dan Rusia dan daripada pengalaman peribadi.

Novel-novel Abdullah Hussain yang lain ialah *Terjebak* (1964), *Peristiwa* (1965), *Rantau Selamat* (1965), *Aku Tidak Minta* (1967), *Kuala Lumpur Kita Punya* (1967), *Interlok* (1971), *Intan* (1973), *Noni* (1976), *Buih di Atas Air* (1980), *Konserto Terakhir* (1980) dan *Masuk ke Dalam Cahaya* (1983).

Abdullah Hussain juga memberikan sumbangan yang besar dalam kegiatan penterjemahan karya-karya besar karangan novelis Barat dan Timur yang ternyata amat membantu menyemarakkan pengajian kesusasteraan bandingan dan penyebarluasan karya-karya agung daripada kesusasteraan asing untuk dinikmati oleh sasterawan tempatan.

Karya-karya yang pernah diterjemahkan oleh Abdullah Hussain ialah novel *Orang Tua dengan Laut* karya Ernest Hemingway (1961), *Bumi Bertuah* karya Pearl S. Buck (1962), *Mutiara* karya John Steinbeck (1962), *Angin Timur Angin Barat* karya Pearl S. Buck (1964), *Lorong Midaq* karya Naquib Mahfouz (1986) dan

Isabella karya Maulana Mohamad Saeed (1987).

Sumbangan Abdullah Hussain dalam penulisan biografi dan autobiografi ialah melalui autobiografinya yang berjudul *Sebuah Perjalanan* (1984) dan biografi *P. Ramlee Seniman Agung* (1973), *Pendeta Za'ba Dalam Kenangan* bersama-sama Khalid Hussain (1974), *Harun Aminurrashid: Pembangkit Semangat Kebangsaan* (1982) dan biografi *Tun Datu Mustapha*.

Abdullah Hussain yang tidak gemar menonjolkan diri sendiri juga memberikan sumbangan dalam mengekalkan unsur budaya dan seni bangsa Melayu iaitu peribahasa. Beliau telah menghasilkan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (1965), *Kamus Simpulan Bahasa* (1966) dan *Canai Budi* (1998).

Beliau juga menghasilkan antologi cerpen *Kota ke Kota* (1977), *Sebuah Pekan Bernama Semporna*, *Cahaya Langit* dan *Dari Kota Cahaya* dan telah menyelenggara beberapa antologi cerpen bersama yang sebahagiannya digunakan sebagai teks kajian sastera SPM dan STPM iaitu *Hadiah* (penyusun bersama A. Bakar Hamid, 1973) dan *Jejak Langkah* (penyusun bersama Ismail Ahmad, 1975).

Genre drama pentas juga turut diceburi dengan drama *Intan* dalam antologi berjudul *Di Atas Pentas* (1984). Beliau juga menghasilkan buku *Penulisan Cerpen: Kaedah dan Pengalaman* (1960) yang bermanfaat kepada para penulis muda yang ingin berjinak-jinak dalam penulisan cerpen.

Abdullah Hussain telah menyusun buku *Balabatu dan Lain-lain Cerita* (DBP, 1980) dan *Bayagong dan Lain-lain Cerita* (DBP, 1982). Ini memperlihatkan sikap prihatinnya terhadap pengumpulan dan pendokumentasian cerita-cerita rakyat Sabah yang semakin tidak diketahui oleh generasi muda.

Di samping itu beliau juga ada menulis puisi meskipun tidak seproduktif genre-genre lain. Apabila diteliti kepada penghasilan karya-karya Abdullah Hussain, ternyata beliau telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden khususnya dalam genre novel dan biografi.

Sumbangan besar Abdullah Hussain dalam bidang kesusasteraan ini telah memberikan beliau beberapa pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Selain Anugerah Sastera Negara yang diterima pada 5 April 1996 daripada kerajaan Malaysia, beliau juga pernah menerima S.E.A. Write Award pada tahun 1981 yang diberikan oleh kerajaan Thailand. Beliau juga menerima Pingat Jasa Hukom Ngon Adat Lembaga Adat Kebudayaan Aceh (LAKA) pada tahun 1995. Beliau juga dianugerahi Darjah Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah sempena Hari Keputeraan Baginda pada 14 Januari 1996 yang membawa gelaran Dato' dan anugerah bintang Panglima Jasa Negara (PJNI) daripada Baginda Yang di-Pertuan Agong yang juga membawa gelaran Datuk pada tahun 1996.

II

Pertemuan Abadi: Koleksi Terpilih Abdullah Hussain memuatkan karya pilihan dalam pelbagai genre: cerpen, novel, biografi, drama televisyen, drama pentas, filem, puisi dan esei. Dalam koleksi ini karya novel, biografi, drama televisyen, drama pentas dan filem hanya diterbitkan dalam bentuk fragmen sahaja.

Antara tahun 1939 hingga 1999, Abdullah Hussain telah menghasilkan sejumlah besar cerpen yang menarik dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri yang sebahagian besarnya digarap berdasarkan pengalaman

sebenar yang digabungkan dengan daya imaginasi beliau. Kecenderungan Abdullah mengambil tempat, nama dan lokasi sebenar dalam karya cerpen dan novelnya hanya dilakukannya secara kebetulan sahaja meskipun memang ada wujudnya teori gaya kewartawanan baru yang diperkenalkan oleh Tom Wolfe dalam bukunya *The New Journalism* (1973). Abdullah Hussain telah menggunakan gaya ini seawal penglibatannya dalam dunia penulisan apalagi beliau telah berkecimpung dalam dunia kewartawanan dan kesusasteraan lebih dulu daripada Tom Wolfe.

Enam buah cerpen dalam koleksi ini jelas menunjukkan bahawa Abdullah Hussain gemar menggunakan nama tempat, watak, lokasi sebenar dan hal-hal alamiah yang wujud dalam realiti kehidupan ke dalam karyakaryanya setelah difiksyenkan menjadi sebuah karya sastera yang menarik, memanusiaikan jiwa manusia dan mempertajamkan akal budi kemanusiaan.

Keenam-enam cerpen tersebut memang jelas mempunyai ciri-ciri penulisan gaya kewartawanan baru yang ditekuninya yang menggambarkan persepsi dan pemikiran beliau selaku perakam peristiwa yang dilaluinya dan berhubung rapat dengan perubahan-perubahan yang dialami oleh masyarakat Melayu/Islam di Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia malah di negara Jepun yang dikunjungi pada tahun 1999.

Cerpen "Pertemuan di Tjiandjur" (*Dewan Bahasa*, November 1972) mempunyai latar penciptaan yang tersendiri kerana ia berdasarkan kesan kunjungan Abdullah Hussain ke Jakarta pada tahun 1970 untuk mengiringi Sanusi Junid berkahwin dengan Nila Inangda Manyam Kuemala. Sesudah selesai urusan perkahwinan beliau berkunjung ke Tjimahi dan mengalami masalah apabila kereta yang dinaiki breknya macet dan berhenti

seketika di Pekan Tjiandjur.

Persinggahan di Pekan Tjiandjur mengingatkan kembali beliau dengan perjuangan kemerdekaan Indonesia yang pernah diikutinya sekitar tahun 1945. Imbasan-imbasan kenangan ini diolah semula menurut format sebuah drama daripada suatu program televisyen *Movie of The Week* yang telah mendorong menggarap cerpen "Pertemuan di Tjiandjur" yang bukan sahaja menggunakan teknik filem tetapi juga memanfaatkan gaya kewartawanan baru. Nama-nama tempat seperti Tjiandjur, Kuala Lumpur, Jakarta, Medan Area, dan seumpamanya di samping watak-watak sebenar dan fiksi seperti Kapten Rohana dan Krijisman menjadikan cerpen ini lebih menarik. Dalam cerpen ini Abdullah Hussain memaparkan isu perlunya seorang wanita kembali kepada sifat kewanitaannya seperti watak Ana atau Kapten Ana yang sebelum itu terlalu bersifat kelelahan untuk mengatasi sifat-sifat wanita yang lemah.

Suatu dialog yang cukup menarik dalam cerpen ini memperlihatkan bauran pengalaman sebenar Abdullah Hussain dengan watak Ana yang pernah dikenalnya sejak zaman revolusi kemerdekaan Indonesia.

"Tapi ini hadiahku untuk hari jadimu." Aku memberanikan diri menjawab.

"Aku tidak mahu," pekiknya lebih kuat lagi. "Aku tidak mahu. Kau menghina aku. Mengejek-ejek aku. Aku tahu ...!"

Dia lalu menyembamkan mukanya ke meja dan menangis teresak-esak. Seluruh tubuhnya bergegar.

"Aku tidak mengejek, Kep ... demi Allah, niat aku baik ...!"

"Keluar! Tinggalkan aku sendirian!" Aku mendengar tengkingannya itu seperti perintah yang pernah kudengar lima tahun yang lalu. "Keluar!"

Dia Kapten Ana dari barisan berani mati. Seluruh sendi

anggotaku gementar mendengar pekikannya itu. Lupa aku sejurus bahawa aku sekarang ada di Djakarta, bukan dalam hutan di front Medan Area. Dengan gugup aku keluar.

Penghasilan cerpen "Pertemuan di Kuching" (*Dewan Bahasa*, Julai 1973) berkait rapat dengan pengalaman sebenar beliau dalam kunjungan kali pertama ke Sarawak yang ketika itu masih di bawah ancaman penganas komunis. Keganasan penganas komunis yang memuncak di Sarawak banyak mengorbankan nyawa orang-orang awam yang tidak berdosa. Keadaan menjadi lebih tragis lagi apabila ada orang awam yang menjadi tali barut penganas komunis dan menyelinap ke tengah masyarakat dan berkahwin dengan jejaka yang berlainan ideologi. Tragedi keganasan komunis di Sarawak sebenarnya tidak banyak dikreatifkan oleh sasterawan Malaysia dan gejala ini dijadikan bahan penulisan cerpen yang menarik oleh Abdullah Hussain.

Cerpen "Pertemuan di Kota Bharu" (*Dewan Sastera*, Oktober 1974) terhasil daripada pengalaman sebenar Abdullah Hussain ketika menemankan seorang kawan untuk menyelesaikan suatu urusan di Pejabat Tanah, Kuala Lumpur yang terpaksa menunggu begitu lama sebelum dapat bertemu dengan pegawai berkenaan. Beliau terkesan ada unsur diskriminasi dari aspek layanan terhadap pelanggan Melayu dan bukan Melayu. Menurut Abdullah Hussain, seorang perempuan Cina dilayan dengan begitu cepat sebaik sahaja dia tiba di kaunter sedangkan beliau dan rakannya yang lebih awal datang dibiarkan menunggu. Pengalaman sebenar ini mendorong Abdullah Hussain menggarap masalah ini dengan mengambil latar belakang Kota Bharu, Kelantan dan memasukkan pelbagai masalah kemanusiaan seperti masalah kehidupan seorang penarik beca (teksi roda tiga dalam dialek Kelantan) yang amat mengharapkan

kejayaan anaknya dalam kehidupan dan kerjaya tetapi telah terbunuh kerana dilanggar oleh anaknya sendiri (Ghani) yang sedang memandu kereta Alfa Romeo pemberian bapa teman wanitanya. Menurut Abdullah Hussain, suatu sifat orang Kelantan yang cukup diingatinya iaitu mempelawa tetamunya makan nasi setiap kali datang ke rumah mereka dan hal ini amat menarik hatinya yang mendorongnya menghasilkan cerpen tersebut. Cerpen ini kaya dengan limpahan perasaan kemanusiaan dan mengundang daya fikir pembaca yang antara lain menekankan perlunya seorang anak yang berjaya dalam pengajian di menara gading mengetahui asal usulnya dan tidak lupa daratan apabila sudah berjaya.

Penghasilan cerpen "Sebuah Pekan Bernama Semporna" menurut Abdullah Hussain ada hubungannya dengan kunjungan beliau ke pekan Semporna, sewaktu menyampaikan ceramah sastera bersama-sama Arena Wati. Suatu hal yang menarik tentang "Tamu Besar" ialah pertandingan ratu cantik dan ini memudahkan gadis-gadis mendapat suami orang kaya atau orang ternama. Di samping itu wujud juga kecenderungan gadis-gadis di situ ingin menjadi perempuan yang tulen dan menjadi manusia sempurna yang tidak melakukan kerja-kerja terkutuk. Cerpen "Sebuah Pekan Bernama Semporna" menekankan betapa kebahagiaan hidup diperoleh menerusi ilmu dan pendidikan dan tidak bergantung semata-mata kepada wajah yang cantik untuk memikat lelaki. Ilmu dan pendidikan menjadikan mereka insan yang berguna dan sempurna.

Cerpen "Mellisa" (*Dewan Sastera*, Ogos 1992) ditulis berdasarkan nama seorang pelajar Universiti Malaya yang menulis latihan ilmiah berdasarkan buku *Sebuah Perjalanan* pada tahun 1991. Pelajar itu mempunyai cita-

cita, angan-angan dan impiannya yang tersendiri tentang perhubungan Melayu-Cina di negara ini. Abdullah Hussain dengan daya kreativiti yang tersendiri dan berpengalaman luas mengadunkan kisah ini dengan memasukkan pelbagai kisah kemanusiaan khususnya tentang tragedi 13 Mei 1969 yang banyak mengubah pandangan kepada kedua-dua kaum ini agar lebih bertolak ansur, dan bersatu padu untuk hidup bersama dalam sebuah negara yang berbilang kaum.

Cerpen terbaru Abdullah Hussain yang berjudul "Nagasaki" (*Dewan Sastera*, September 1999) ditulis kesan kunjungan beliau ke negara Jepun pada tahun 1999. Di Jepun beliau berpeluang memerhati, meneliti dan menyaksikan sendiri kesan kemusnahan kota Nagasaki yang menjadi sasaran kedua bom atom tentera Amerika dalam usaha pemusnahan umat manusia. Pengeboman kota Nagasaki menjadi lebih ironis menurut Abdullah Hussain kerana mereka mengebom gereja yang terbesar di Jepun yang dibina oleh orang Barat sendiri. Cerpen ini memaparkan kekejaman tentera Amerika dan kekejaman peperangan yang tidak mengenal mangsa sama ada daripada kalangan musuh mahupun kalangan keluarga mereka sendiri.

Abdullah Hussain juga menghasilkan sejumlah novel-novel yang penting dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Dalam buku ini dipetik beberapa buah novelnya yang terkenal dan sering menjadi tumpuan pengkritik sastera.

Novel *Interlok* (1971) dihasilkan untuk menyertai Peraduan Mengarang Novel Sepuluh Tahun Merdeka anjuran Kerajaan Malaysia pada tahun 1967 yang antara lain menetapkan tema yang berdasarkan perjuangan kemerdekaan, pembangunan negara dan penghidupan di Malaysia. Novel *Interlok* ditulis berdasarkan semangat

ini dan usaha memupuk perhubungan di Malaysia iaitu Melayu, India dan Cina menerusi satu bahasa iaitu bahasa Melayu yang mesti diterima sebagai asas perpaduan bangsa Malaysia dalam menghadapi pelbagai masalah perkauman yang ditinggalkan oleh penjajah. Mesej penting dalam novel ini ialah perpaduan bangsa boleh dipupuk dan disuburkan menerusi Bahasa Kebangsaan yang tunggal, bahasa Melayu.

Novel *Masuk ke Dalam Cahaya* (1983) ditulis untuk menyertai Peraduan Mengarang Novel Bercorak Islam anjuran Yayasan Islam Terengganu pada tahun 1978. Penulisan novel ini sesuai dengan era kebangkitan Islam dewasa itu yang meliputi aspek kesusasteraan Islam. Dorongan terbesar Abdullah Hussain menamakan novel *Masuk ke Dalam Cahaya* ini diambil daripada maksud ungkapan surah *al-Baqarah*, ayat 257:

Tuhan adalah pelindung orang yang beriman. Ia keluarkan mereka dari kegelapan masuk (ke dalam) cahaya tapi orang yang tiada beriman perlindunganannya ialah syaitan yang membawa mereka dari cahaya (masuk) ke dalam kegelapan; merekalah penghuni api (neraka) mereka tinggal di dalamnya selama-lamanya.

Menurut Abdullah, penulisan novel ini dipadankan daripada satu skrip filem yang berjudul "Tuhan atau Syaitan" yang ditulis bersama-sama Seniman Agung P. Ramlee dan Jaffar Abdullah. Penulisan skrip filem ini telah terbengkalai kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan, Abdullah Hussain lalu mengusahakan penulisan novelnya yang lengkap dengan memasukkan watak-watak manusia dan bukan manusia seperti iblis, syaitan dan sebagainya. Novel ini memenangi hadiah penghargaan dalam peraduan mengarang yang

disertainya dan kini dicetak semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk Edisi Khas Sasterawan Negara.

Novel *Imam* (1995) mempunyai latar proses penciptaan yang agak panjang kerana ia ditulis sewaktu Abdullah Hussain tinggal di Negara Brunei Darussalam. Penulisan novel selama tiga tahun ini didorong oleh peristiwa-peristiwa semasa yang melanda masyarakat Islam di seluruh dunia ketika itu seperti peperangan Iran-Iraq, negara-negara Islam yang kucar-kacir, masalah penganut Islam yang menjadi golongan minoriti di negara bukan Islam dan sasaran tohmahan kuasa-kuasa besar dunia sama ada di Timur mahupun Barat. Di samping masalah yang melanda masyarakat Islam di Malaysia yang berpecah-belah kerana perbezaan fahaman politik, bertambahnya perbuatan negatif seperti pecah amanah, rasuah, penyelewengan harta anak yatim, isu sumbang muhrim dan sebagainya.

Kesemua ini dikreatifkan dan dicernakan oleh Abdullah Hussain menerusi gaya kewartawanan baru yang menggabungkan unsur fakta dan fiksyen sehingga menghasilkan sebuah novel berunsur Islam yang besar dalam melukiskan peranan imam yang merupakan pemimpin umat Islam dalam sesuatu jemaah atau kariah dengan segala macam *intrigue* dan persoalannya. Unsur gaya kewartawanan baru bertambah terserlah lagi dengan penggunaan unsur wawancara, nama tempat, lokasi dan sebahagian kisah sebenar dan fiksyen yang diungkapkan dengan pengucapan seni yang menarik. Unsur wawancara biasanya digunakan oleh golongan wartawan untuk mendapatkan sesuatu maklumat atau berita dan hal ini dilakukan oleh seorang wataknya untuk menilai Imam Mihad sama ada wajar atau tidak dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa agama.

Novel *Imam* sudah diadaptasi ke dalam bentuk dra-

ma pentas oleh Zakaria Ariffin dan pernah dipentaskan di beberapa tempat dan mendapat sambutan yang membanggakan. Novel dan drama pentas *Imam* membuka jalinan dan hubungan baru antara golongan sasterawan dan ulama untuk memantapkan fungsi dalam menyebarkan dakwah Islam menerusi daerah kemahiran dan kreativiti masing-masing.

Abdullah Hussain juga terkenal sebagai seorang penulis biografi yang penting di negara ini dan beliau merupakan salah seorang sasterawan yang mengembangkan genre ini di Malaysia. Dalam buku ini dimasukkan sebahagian daripada tulisan biografi beliau iaitu *Pendeta Za'ba dalam Kenangan* (1974) yang diusahakannya bersama-sama Khalid Hussain.

Menurut Abdullah Hussain, proses penulisan biografi ini mempunyai kisah misteri yang lucu dan menarik. Biografi ini ditulis sewaktu Za'ba dalam keadaan uzur. Za'ba menceritakan kisahnya dan Abdullah Hussain menyalinnya dalam bentuk tulisan tangan kerana pada zaman itu belum ada kemudahan pita rakaman seperti sekarang. Setiap kali berjumpa Za'ba minta untuk menyemaknya dan membuat beberapa pembetulan sehinggalah akhirnya dia tidak menyemaknya lagi. Apabila Za'ba meninggal dunia, Keris Mas yang ketika itu Ketua Bahagian Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka tercari-cari orang yang sanggup menulis riwayat hidup Za'ba. Apabila Abdullah Hussain memberitahu bahawa dia sudah pun ada manuskrip biografi tokoh bahasa itu, Dewan Bahasa dan Pustaka lalu menerbitkannya dalam tempoh yang paling cepat iaitu dua bulan sesudah tarikh Za'ba meninggal dunia.

Kisah di sebalik penulisan biografi *Pendeta Za'ba* ini menurut Abdullah Hussain mempunyai beberapa implikasi lain yang menarik termasuk dirinya yang

hampir disaman oleh Tan Sri Mubin Sheppard (editor *JMBRAS*) kerana memuatkan sebuah tulisan Za'ba yang dipetik daripada jurnal itu dan masalah itu selesai apabila salah seorang keluarga Za'ba campur tangan.

Abdullah Hussain merupakan seorang sasterawan *versatile* kerana keupayaannya menulis semua genre penulisan dengan baik. Hal ini terbukti dengan keupayaan beliau menulis skrip drama televisyen, skrip drama pentas dan skrip filem dengan berkesan. Dalam buku ini dimasukkan fragmen skrip drama televisyen berjudul *Keruh di Hulu*, skrip drama pentas berjudul *Intan* (*Dewan Bahasa*, Januari 1972) dan skrip filem *Konserto Terakhir*.

Drama televisyen berjudul "Keruh di Hulu" diambil daripada cerpen "Darah Daging" oleh Haji Abdul Rahman Yusoff mengisahkan dilema perkahwinan lelaki Brunei dengan orang Iban yang timbul masalah apabila berlaku krisis rumah tangga antara suami isteri berlainan keturunan. Perebutan untuk menjaga anak tercetus apabila berlaku perceraian. Lelaki Brunei tentunya mahukan anaknya itu dipelihara secara Islam untuk menyelamatkan akidah anaknya daripada terikut-ikut cara hidup orang Iban. Drama televisyen "Keruh di Hulu" ini membawa isu sejagat dan sering berlaku di mana-mana apabila pasangan suami isteri yang berlainan keturunan menjadi mangsa perceraian.

Drama pentas "Intan" yang bercorak komedi (*Dewan Bahasa*, Januari 1972) ini asalnya daripada novel *Intan* karya Abdullah Hussain sendiri untuk tujuan pementasan di Kuala Lumpur. Novel *Intan* ini juga diadaptasi ke bentuk drama televisyen oleh Abdullah sendiri dan dilakonkan oleh P. Ramlee. Novel *Intan* juga diadaptasi ke bentuk skrip filem di Indonesia oleh Sarinande Film dengan judul *Intan Berduri* dan disutradarakan oleh Turino Junaidi dan dilakonkan oleh Rima

Melati dan Benjamin S. Kedua-dua pelakon ini melalui lakonannya telah menerima Piala Citra semacam oskar untuk kategori pelakon terbaik.

Skrip filem "Konserto Terakhir" ditulis oleh Abdullah Hussain berdasarkan novelnya sendiri *Konserto Terakhir* untuk penerbit filem Wan Rohani Zain tetapi tidak menjadi kenyataan disebabkan beberapa masalah. Walau bagaimanapun Othman Haji Zainuddin telah mengambil langkah bijak apabila beliau mementaskan novel *Konserto Terakhir* dalam bentuk drama muzika dan dipentaskan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 27 November hingga 1 Disember 1996.

Abdullah Hussain juga berbakat dalam penulisan puisi meskipun tidak seproduktif genre-genre lain yang diceburinya. Malahan beliau pernah menerbitkan kumpulan puisi persendirian dalam tulisan rumi berjudul *Menanti Kekasih* (1948). Dalam buku ini dimuatkan lima buah puisi beliau yang terakhir berjudul "Kisah Dua Ekor Tupai", "Masa Berangkat Semakin Dekat", "Arafah", "Medan Uhud" dan "Sare".

Puisi "Kisah Dua Ekor Tupai" (*Dewan Sastera*, Jun 1986) dicipta berdasarkan pengalaman semasa kecil yang sering melihat perlakuan tupai di kampungnya. Dua ekor tupai putih dan hitam melambangkan erti siang dan malam. Tupai yang sentiasa merosakkan tanaman adalah lambang umur yang semakin dekat ke penghujung. Dalam puisi ini, Abdullah Hussain antara lain bermadah:

*Kini cerita tupai kembali menjelma
dalam fikiran yang sudah rengsa
padang ialah dunia
pohon itu ialah kehidupan
dahannya ialah usia*

*tupainya ialah masa
putih ialah siang
hitam ialah malam
yang terus menggerogoti tanpa jeda.*

Puisi-puisi Abdullah Hussain kebanyakannya menceritakan keadaan sesuatu tempat dan kedudukan persekitaran yang dikunjunginya berdasarkan pengalaman sebenar yang dialaminya dan digabungkan dengan daya kreatif dan seninya yang tersendiri seperti terungkap dalam puisi "Masa Berangkat Semakin Dekat", "Arafah", "Medan Uhud" dan "Sare".

Proses penciptaan puisi "Masa Berangkat Semakin Dekat", "Arafah", dan "Medan Uhud" ditulis berdasarkan pengalaman mengerjakan fardu haji yang pernah dilaluinya pada tahun 1406 Hijrah atau tahun 1986. Pengalaman mengerjakan fardu haji merupakan perjalanan rohani yang amat menyentuh hati setiap umat Islam termasuklah Abdullah Hussain.

Dalam puisinya "Masa Berangkat Semakin Dekat", Abdullah Hussain antara lain bermadah:

*Masaku bertolak semakin dekat
terasa seperti esok aku mesti berangkat
pergi bersimpuh hina di bawah arasy-Nya.*

*Semakin lama jalan ini kulalui
semakin insaf aku akan diriku
sebihi debu halus di dalam jagat milik-Nya
terapung-apung dimainkan angin
lemah tidak berdaya melainkan
dengan Iradat-Nya.*

Puisi "Medan Uhud" dicipta sesudah mengunjungi Bukit Uhud di Madinah yang terdapat makam para syu-

hada yang gugur syahid dalam Perang Uhud termasuk Sayidina Hamzah dan para syuhada lain yang sentiasa dikunjungi oleh jemaah haji dan umrah hampir pada setiap ketika. Bagaimanapun sepatutnya mereka bukan sekadar menziarahi sahaja tempat-tempat bersejarah tetapi mengambil semangat dan mencontohi perjuangan mereka yang hebat itu dan diterjemahkan dalam kehidupan kini yang serba mencabar.

Dalam puisi "Medan Uhud" itu Abdullah Hussain antara lain bermadah dan perlu direnungi bersama iaitu:

*Dalam maqam kalian yang tinggi
kalian tentu melihat kami
yang hina dan kerdil ini
datang dari berbagai negeri
sekadar menziarahi
kerana inilah saja yang ada
pada kami generasi ini
melihat dan berdoa
selain daripada itu tiada upaya
apalagi bakti seperti kalian
sebagai syuhada hidup sepanjang zaman.*

Begitu juga dengan puisinya yang berjudul "Sare" yang merupakan suatu tempat tinggi dari permukaan laut di Gunung Seulawah yang dari situ boleh dilihat keindahan Selat Melaka dan kapal-kapal yang belayar dari timur dan barat. Puisi "Sare" sebenarnya menceritakan juga nostalgia perjuangan hidup Abdullah Hussain yang pernah bermukim di Aceh dalam perjuangan menentang penjajah Belanda pada zaman revolusi kemerdekaan Indonesia. Bagaimanapun penyair merasakan keadaan di tempat yang terpencil itu tidak banyak ber-

ubah seperti yang dilihatnya dahulu. Beliau antara lain mengatakan:

*Panorama di sini masih seperti dulu
masih dalam keadaan asal
raksasa pembangunan masih jauh darimu
persekitaranmu masih belum terganggu.*

*Tapi pada diriku, ada
sesuatu yang hilang
jarak masakah yang menjurang, ataupun
aku di sini anak hilang
yang baru pulang.*

Abdullah Hussain telah menghasilkan sejumlah besar esei yang tersiar di pelbagai akhbar dan majalah tanah air dari Indonesia yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan seperti kesusasteraan, keagamaan, pendidikan, perjalanan, bahasa, tokoh, kebudayaan, politik, ekonomi dan seumpamanya yang menyangkut dunia Melayu, umat Islam dan bangsa Melayu di Malaysia dan Nusantara.

Dalam buku ini dimuatkan dua buah esei tulisannya termasuk ucapan penerimaan Anugerah Sastera Negara ke-8.

Esei beliau yang bertajuk "Jurnalisme Baru dalam Karya Kreatif" memperjelaskan pengakuannya tentang gaya penulisan kewartawanan baru yang dipraktikkan secara langsung dan tidak langsung dalam proses penciptaan karya-karyanya sama ada cerpen, novel, drama, puisi, filem dan sebagainya. Esei ini penting untuk menyelami pemikiran sebenar beliau tentang gaya kewartawanan baru yang digunakannya.

Esei beliau berjudul "Menoleh ke Belakang Sebelum Melangkah Lalu Melangkah dengan Yakin" merupakan

kertas kerja yang dibentangkan pada Dialog Agung Bersama Sasterawan Negara pada 26 Februari 2000 di Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka anjuran Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dimuatkan dalam buku ini. Esei ini cukup penting untuk menyelami visi dan harapan beliau dalam menangani reformasi kesusasteraan pada abad ke-21 yang lebih mencabar dan memerlukan kekuatan ilmu dan ketrampilan proaktif dan anjakan paradigma untuk menghadapi ledakan teknologi maklumat.

III

Akhirnya diharapkan buku *Pertemuan Abadi: Koleksi Terpilih Abdullah Hussain* ini berupaya menyerlahkan wajah dan daya fikir Abdullah Hussain yang merupakan sasterawan *versatile* kerana keupayaannya menulis dan menghasilkan semua genre penulisan sama ada esei, cerpen, puisi, drama, filem, biografi, novel, autobiografi, peribahasa, terjemahan dan sebagainya. Hal ini merupakan keunikan dan keistimewaan Abdullah Hussain berbanding Sasterawan Negara lain yang boleh digelarkan "P. Ramlee" dalam dunia sastera kerana kebolehan beliau menulis pelbagai genre sastera dengan produktif dan bermakna.

Talib Samat

Fakulti Bahasa dan Kesusasteraan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak Darul Ridzuan
16 Mac 2000

Bibliografi

- Abdullah Hussain, 1997. *Dari Kota Cahaya (Kumpulan Cerpen): Edisi Khas Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahim Abdullah, 1999. "Abdullah Hussain Sasterawan Versatil" dlm. *Dewan Sastera*, September 1999.
- Fatimah Busu, 1999. "Kota ke Kota: Koleksi Kenangan Seorang Pengembara" dlm. *Dewan Sastera*, September 1999.
- G.L. Koster, 1999. "Negara di Persimpangan: Sepatah Kata Tentang Interlok" dlm. *Dewan Sastera*, September 1999.
- Laporan Ptnel Anugerah Sastera Negara*, 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Thani Ahmad, Sarah Sadon dan Suhaimi Haji Muhammad, 1988. *Wajah: Biografi Penulis (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat, 1998. *Gaya Kewartawanan Baru: Dimensi Kewartawanan dan Kesusasteraan*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Talib Samat, 1998. *Islam Di Antara Percikan Sastera dan Budaya*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Talib Samat, 1998. *Motivasi dan Jihad Umat Islam Alaf Baru*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Tom Wolfe dan E.W. Johnson (ed.), 1975. *The New Journalism*. London: Pan Books Ltd.
- Wawancara dengan Abdullah Hussain di rumahnya di No. 840, Seksyen 17/22, Petaling Jaya pada 12 Mac 2000.



Cerpen



1870

1870
1871
1872
1873
1874
1875
1876
1877
1878
1879
1880
1881
1882
1883
1884
1885
1886
1887
1888
1889
1890
1891
1892
1893
1894
1895
1896
1897
1898
1899
1900

1870

1871

Pertemuan di Tjiandjur*

"REMNYA macet, bu!"

Ucapannya yang tiba-tiba itu mengejutkan kami. Rupanya itulah yang menyebabkan dia diam sejak kami meninggalkan Tjirandjang tadi. Brek itu mengganggu fikirannya.

"Bisa sampai ke Tjiandjur?" tanya adikku yang duduk di sebelahnya. Suaranya berisi kekhuatiran.

"Bisa," jawabnya tanpa berpaling.

Aku berterima kasih kepadanya kerana telah merahsiakan hal itu, kalau tidak kami tentu gugup. Kami tentu takut waktu mendaki dan melalui liku-liku yang bahaya. Dalam diam-diam dia menyelamatkan kami daripada perasaan takut yang mungkin timbul.

Sejak hal itu kami ketahui, motokar itu pun seperti sudah tidak dapat berlari lagi. Rasa-rasanya keempat-empat rodanya seperti sudah tidak dapat berputar. Tersangkut-sangkut. Tetapi kekhuatiran kami agak berkurang kerana pekan Tjiandjur hanya dua kilometer dari situ.

* Nama-nama tempat masih ejaan lama.

"Bisa sampai?" tanya lagi adikku, untuk meyakinkan dirinya.

"Bisa!"

Nada suaranya biasa saja. Jawapannya itu memang seperti sudah tersedia di dalam mulutnya. Orang Indonesia tidak akan mengatakan 'tidak bisa', sebab perkataan itu tidak ada dalam kamus mereka.

Aku mahu bertanya brek roda mana yang macet, tetapi kemudian aku batalkan saja maksudku itu. Ada baiknya kalau aku tidak tahu.

Aku memang tidak tahu apa-apa tentang motokar. Kalau kejadian yang serupa ini berlaku di Kuala Lumpur aku akan tinggalkan saja di tengah jalan dan kemudian memanggil Loh Poi. Sehari suntuk motokar itu dikerjakan di bengkelnya, petang nanti dia akan bawa barang-barang lama yang telah diganti baru untuk jadi bukti. Tetapi aku tidak pernah mahu tahu, asal saja motokar itu boleh dijalankan lagi, sudah!

Setelah berjalan terenjut-enjut sejauh lamanya dalam keadaan yang menjemukan, kami pun memasuki pekan Tjiandjur. Motokar itu diberhentikan di samping kantor pos. Hari terlalu panas. Matahari tepat di atas ubun-ubun.

Adikku dan anak lelakinya yang berumur 11 tahun itu mencari perlindungan di lindap sebuah kedai gunting. Sementara aku mencuba menolong drebar itu apa yang dapat. Memasang dongkrak misalnya.

Roda depan sebelah kiri yang macet itu sudah berasap, baunya seperti getah terbakar. Drebar kami menolak keluar kap roda itu dengan *screwdriver*.

Seorang Eropah kurus tinggi berpakaian kain khaki yang comot-momot, berjambang dan dengan rambut bulu jagung yang tidak berurus, menyeberang jalan menuju ke arahku. Dia berjalan membongkok kerana

menahan *haversack* di atas bahunya.

"Which way to Djakarta?" tanyanya dengan aksen *Continental*.

Aku memandang ke kiri dan ke kanan.

"Mana jalan ke Djakarta, Mas?"

Drebar itu bangun dan melepaskan roda yang sedang diputar-putarnya itu. Ia menuding tangan ke arah belakang. "Jalan terus dan belok ke kiri."

"Go straight and turn to the left."

"Thanks!" ujarnya lalu berjalan. Aku memandang belakangnya. Bajunya basah. Aku memandang kepada kedua-dua kakinya yang kurus beralaskan sepasang kasut getah. Berapa lama sudah kedua-dua kaki itu membawanya mengelilingi dunia. Aku berpaling ketika adikku memanggil dari seberang jalan. Kulihat seorang wanita sedang berdiri di sebelahnya. Seorang anak perempuan yang berumur kira-kira empat tahun bergantung di tangan kiri wanita itu.

Wanita itu berpaling memandang ke arahku. Aku berjalan menuju mereka. Langkahku terhenti bagai dipegang bumi. Aku tersentak dan tanpa kusedari aku telah berada di hadapannya.

"Ana?"

"Adi?"

"Oh, Tuhan ...!" jeritnya tiba-tiba melepaskan anak kecil yang dipegangnya dan menerpa memeluk leherku.

Aku pun memeluk tubuhnya. Kami menjadi tontonan orang ramai. Aku berasa malu lalu melepaskan pelukanku dan menolaknya renggang sedikit. Aku berpaling melihat adikku. Dia memandang kepada kami dengan tersenyum.

Aku merenung ke muka Ana. Matanya berkaca-kaca.

"Kau tak berubah," katanya dalam esakan kecil.

"Masih macam dulu juga."

Aku juga akan mengatakan dia pun tidak berubah. Tetapi kulihat di sekeliling mulutnya telah ada dua garis lengkung yang dalam. Di bawah matanya ada dua garis pula menyebabkan gelambirnya bengkok. Tubuhnya lebih berisi daripada dahulu.

"Aku sudah tua. Lihat kepalaku sudah botak," kataku membujuk.

"Kau masih muda!" katanya dengan riang.

"Ini siapa, anakmu?"

Dia ketawa mendengar pertanyaanku. Aku berpaling memandangnya. "Cucuku."

"Cucu?"

"Ya. Kau ingat Yanti. Ini anaknya."

"Yanti. Maksud kau Dharmayanti?"

Rohana telah melahirkan anak di rumah sakit. Ibu dan bapanya tidak mahu datang melihat, mereka tidak mengakuinya lagi. Aku sedang bekerja waktu seorang teman datang mengkhabarkan hal itu. Aku pun berkejar ke sana. Berbagai-bagai fikiran jahat timbul di dalam kepalaku. Sehingga aku lupa membawa bunga. Dia tertidur waktu aku sampai. Jidatnya berkerut seperti sedang berfikir.

Dia membuka matanya ketika aku duduk di birai katilnya. Aku nampak senyuman di dalam matanya.

"Bagaimana, semuanya selamat?" kataku sambil meletakkan tangan kananku di atas lengannya, yang terlipat di atas perut.

Dia tersenyum lagi. Melihat senyumannya itu kekhuatiranku berkurang. Aku tahu semuanya dalam keadaan baik. Tetapi aku belum puas. "Mana anakmu?"

"Kau mahu lihat?" Dipicitnya loceng di hulu kepalanya dan sebentar kemudian seorang jururawat masuk.

"Tolong bawakan anakku ke mari. Ini pamannya."

Kemudian katanya kepadaku, "Kau tentu suka. Ia comel sekali."

Mendengar ucapannya itu, tahulah aku bahawa dia tidak menyesal lagi menerima kedatangan anak itu. Tidak seperti masa dia mengandungkannya dahulu. Dia mengancam mahu membuang isi kandungannya, dia mengancam mahu bunuh diri dan paling akhir dia mahu memberikan anak itu kepada orang sesudah dilahirkan nanti.

"Sudah ada nama?"

"Kau belum tanya pun lelaki atau perempuan."

"Perempuan," kataku.

"Di mana kau tahu?"

"Naluriku sendiri."

"Sekarang kauberilah namanya."

Itulah Dharmayanti, ibu anak gadis comel ini. Barangkali waktu anak ini lahir dahulu tidak ubahnya seperti ibunya juga. Aku masih ingat, bibir bawahnya tersorok ke dalam.

"Mari ke rumahku," katanya. Kemudian kepada adikku. "Mengapa Dedek tak bawa abang ke rumah? Dedek kan tahu aku di sini."

"Kami tak bermaksud akan singgah, bu." Adikku menjawab. "Abang ingin lekas sampai di Djakarta."

"Tapi ... ah sudah. Mari kita ke rumah." Ditariknya tanganku.

"Tapi mobil kami masih rosak," kata adikku lagi.

Aku tinggalkan mereka bercakap-cakap. Drebar kami sedang mengemaskan perkakas-perkakas yang dikeluarkannya tadi.

"Bagaimana?"

"Sudah baik, pak," ujarnya.

Aku memanggil adikku dan Rohana.

"Siapa namanya?" Aku bertanya sambil mengusap

kepala anak kecil itu.

"Rustati. Tati saja."

"Mari duduk dengan...."

"Kakek!" Rohana ketawa seperti mengusik aku.

Aku dan adikku ikut ketawa. Aku belum mempunyai cucu, panggilan itu agak ganjil kudengar.

"Pergi Tati. Pergi duduk dengan kakek."

Anak perempuan itu tidak mahu. Dia memegang kuat-kuat tangan neneknya.

"Jalan terus," kata Rohana memberi arah. "Sampai di dekat jambatan itu ada sebuah jalan di sebelah kiri. Masuk di situ."

"Yanti di mana?"

"Dia tidak tinggal di sini. Dia dengan suaminya tinggal di Bandung. Kami hanya bertiga saja."

Kami sampai di sebuah rumah banglo kecil. Pekarangannya terjaga dengan rapi. Pohon-pohon orkid dan ros tumbuh dengan subur. Rumah itu peninggalan zaman Belanda dahulu. Mungkin rumah seorang pegawai rendah.

Seorang pembantu rumah membuka pintu.

"Masuklah!"

Waktu itu aku baru teringat mahu bertanya siapa suaminya. Tetapi kemudian tidak jadi. Biarlah aku tanya kepada adikku saja. Aku takut menyinggung perasaannya. Waktu muda-muda dahulu Rohana seorang yang pemanas darah, dan kalau terlalu meradang dia boleh menjadi kejam. Di front Medan Area dia menghukum mati seorang Nica yang ditangkap oleh pasukan kami. Dia sendiri yang menjalankan hukuman itu, kerana dia ketua pasukan.

"Duduklah," katanya. "Kita makan di sini, apa yang ada."

"Eh, tak usah, bu!" kata adikku. Menyembunyikan

maksud kami mahu makan di Sindanglaja.

"Tidak. Tidak bisa. Mesti makan di sini. Menginap di sini malam ini." Dia lalu masuk ke dalam.

Adikku memandangi mukaku dengan tidak berdaya. Aku tahu sifat Rohana.

"Kita kompromi saja," ujarku apabila ia keluar semula. "Kami makan di sini. Menginap lain kali saja."

"Lain kali kapan lagi. Kapan kau mahu datang ke mari lagi. Berapa tahun sudah kita tidak bertemu."

"Aku tidak tahu kau di sini. Kalau tidak, tentu aku tak buat janji di Djakarta. Malam ini ada kawan undang makan. Apa katanya kalau aku tidak datang?"

"Salah Dedek, tidak beritahu," ujanya dengan kesal. "Kali penghabisan kita bertemu tahun 1951. Sebelum kaupulang ke Tanah Melayu."

Adikku tidak mendengar. Dia sudah masuk ke dalam. Yoyo, keponakanku telah terbenam di kerusi dengan sebuah buku komik.

Rohana berjalan ke meja tulis yang terletak di sudut beranda itu. Dihulurnya kepadaku sebuah gambar. "Kau ingat?"

Gambar waktu kami menyambut hari jadinya yang ke-21 di Hotel Sentral, Djakarta. Dia duduk di tengah-tengah memakai baju gaun yang kubeli sebagai hadiah. Aku berdiri di belakangnya, kedua-dua tanganku memegang bahunya.

"Apa ini?" pekiknya. "Aku tidak mahu." Baju gaun dan kotaknya dilempar ke sudut biliknya. Kemudian kotak kasut pula dicampaknya ke arahku. Aku mengelak dan mundur ke pintu. Matakku tidak lepas daripada pistol automatik yang tersangkut di pinggangnya.

"Tapi ini hadiahku untuk hari jadimu." Aku memberanikan diri menjawab.

"Aku tidak mahu," pekiknya lebih kuat lagi. "Aku

tidak mahu. Kau menghina aku. Mengejek-ejek aku. Aku tahu ...!"

Dia lalu menyembamkan mukanya ke meja dan menangis teresak-esak. Seluruh tubuhnya bergegar.

"Aku tidak mengejek, Kep. Demi Allah, niat aku baik ...!"

"Keluar! Tinggalkan aku sendirian!" Aku mendengar tengkingannya itu seperti perintah yang pernah kudengar lima tahun yang lalu. "Keluar!"

Dia Kapten Ana dari barisan berani mati. Seluruh sendi anggotaku gementar mendengar pekikannya itu. Lupa aku sejurus bahawa aku sekarang berada di Djakarta, bukan dalam hutan di front Medan Area. Dengan gugup aku keluar.

Rasa bersalah menguasai diriku. Perasaan sesal bertubi-tubi datang. Mengapa aku membeli baju gaun itu?

Sejak awal tahun 1946 setelah dia keluar dari rumah sakit dia sudah tidak lagi memakai pakaian yang lazim bagi wanita. Dia memakai uniform hijau. Rambutnya dipotong pendek seperti lelaki dan ditutupi dengan sebuah beret kelabu. Dia ikut berlatih dalam pasukan kami sebagai anggota barisan berani mati – dia wanita tunggal dalam pasukan itu.

Minggu pertama pergaulannya dengan kami agak kekok. Sebab kami belum dapat melupakan jenis kelaminnya. Malam pertama ketika dia mahu dipisahkan tidur, dia memberontak. Dia tidak mahu dibeza-bezakan dengan yang lain. Perbezaan jenis katanya bererti perbezaan tugas, nilai dan fasiliti. Apa yang kami orang lelaki dapat, maka itu pula yang mesti diberikan kepadanya. Dia diberi tempat tidur berhampiran dengan dinding tangsi. Kami tolak-menolak untuk tidur di sebelahnya. Akhirnya diundi dan undi itu jatuh kepadaku. Maka akulah yang mesti tidur di sebelahnya.

Dua minggu kemudian dia sudah menjadi sebahagian daripada kami. Dia menerima latihan yang serupa. Pelatih kami, seorang Jepun yang melarikan diri dari kem tahanan Inggeris di Medan, amat kagum dengan kecekapannya, terutama sekali dalam menggunakan senjata api. Tidak ada orang yang dapat menandingi kecepatan dan ketepatannya menembak sasaran. Dia tidak pernah teragak-agak membuat sesuatu perkara. Disiplinnya kuat. Akhirnya dia diangkat menjadi leftenan muda. Ketika kami dikirim ke Medan Area dia telah mendapat pangkat kapten. Ada mobil berbendera biru dan ada drebar. Aku adikongnya. Kami pun lupa bahawa ia wanita.

"Okey, kaududuk di sini dulu. Itu ada album, majalah, buku dan kalau mahu berbaring itu kamarnya. Buatlah macam rumah sendiri. Aku mahu ke dapur." Dia lalu bangun.

"Tak usah susah-susah. Apa yang ada saja."

"Bukan susah. Kau mesti makan masakan Sunda. Lalap gurameh kau akan ingat sampai kapan-kapan." Dia bersuara dari dalam.

Aku memandang gambar itu lagi. Beberapa orang antaranya sudah entah ke mana, tidak pernah kudengar khabarnya lagi.

Aku malu mahu mengatakan apa yang terjadi di dalam kamarnya tadi kepada kawan-kawanku yang menunggu di luar. Dan aku tidak tahu apa akan jadi kalau dia tidak keluar-keluar dari biliknya. Hancurlah semuanya kerana keteledoranku seorang.

Kami sudah pesan tempat di restoran hotel itu untuk makan-makan malam ini, sesuai dengan peristiwa itu. Dua belas orang semuanya dan Kapten Ana tamu yang kami muliakan.

Mengapa aku pandai-pandai memilih hadiah

serupa itu? Aku amat menyesal.

Aku tidak berani memberitahu kawan-kawanku tentang apa yang terjadi. Tentang ia menuduh aku menghinanya. Aku gugup sendirian mengingat hal itu.

Semua orang gelisah menunggu kedatangannya. Tetapi aku tidak berdaya. Alimuddin menyuruh aku pergi melihatnya. Aku menolak dengan kata-kata, "Nanti dia datang." Dengan doa dalam hati.

Ketika semua orang sudah memuncak gelisahnya, aku melihat seorang wanita turun dari tangga. Aku tidak percaya itu Kapten Ana. Gaun itu padan saja dengan tubuhnya. Aku melihat kakinya, kasut itu pun padan saja. Syukur, kataku diam-diam. Kami semua bangun. Mata Alimuddin terbelalak, mata kawan-kawan lain melongo. Mereka tidak menyangka Kapten Ana akan memakai pakaian wanita dan mereka tidak tahu pakaian itu daripadaku. Walaupun rambutnya pendek, tetapi dalam pakaian itu sesungguhnya dia seorang wanita yang cantik. Dia seorang wanita.

Dia berjalan sebagai wanita. Tidak lagi menghentak-hentakkan kakinya. Kami semua terpegun melihatnya. Aku sendiri tidak dapat mengagak apa yang berkecamuk dalam hatiku pada waktu itu. Aku hairan melihat anting-anting di telinganya, di lehernya ada rantai dan sebuah loket. Dari mana?

Dia memberikan senyuman yang pertama kepadaku. Aku tersenyum sumbing.

"Maaf atas kekasaran aku tadi," katanya ketika kami menari. "Aku dikuasai oleh emosiku."

"Aku juga meminta maaf kerana telah menyinggung perasaanmu, Kep," kataku.

"Aku terlalu ikutkan emosiku."

Aku diam. Dia pun diam.

Sebentar kemudian dia meneruskan ucapannya:

"Selama ini aku mencuba untuk tidak mengingatkan diriku ini wanita, aku benci dengan sifat-sifat wanita yang lemah. Kelemahan selalu disalahgunakan sebagai sifat negatif. Menyerah dan menerima apa saja."

Aku teringat perhubungannya dengan Arman. Arman meninggalkannya setelah dia mengandung tiga bulan.

"Aku tidak percaya kepada lelaki lagi sesudah Arman pergi. Aku bertekad akan menunjukkan bahawa aku tidak lemah. Tapi aku tak pernah sedar bahawa apa yang terjadi kepadaku selama ini, apa yang dibentuk oleh revolusi tidak lebih daripada keadaan lahir belaka. Batinku masih perempuan. Aku tak dapat melarikan diriku daripadanya. Hadiah yang kauberikan itu pukulan terakhir kepada egoismeku, kepada perjuangan batinku. Itu sebab aku marah, lebih-lebih lagi apabila orang yang mengalahkan egoismeku itu bukan orang lain tetapi kau, orang yang tak kuduga-duga sama sekali."

Aku bangun melihat beberapa gambar yang tergantung di dinding ruang tamu rumah itu. Aku berhenti ketika melihat sebuah gambar Rohana didampingi oleh seorang lelaki yang memakai uniform tentera. Dharmayanti berdiri di sampingnya.

"Itu suamiku!"

Aku berpaling. Rohana telah berada di belakangku.

"Di mana dia sekarang?"

Rohana diam. Kulihat dia mengetapkan bibirnya. Kelopak matanya berisi air.

"Maafkan aku."

"Kami kahwin sesudah kau berangkat. Dia mengenali aku dalam suatu pesta sahabat kami. Aku memakai gaun hadiahmu. Tapi tak lama. Dia gugur di Irian Barat dalam gelombang penyerangan yang pertama."

Perlahan-lahan aku ucapkan *innalillah* dalam hatiku.

"Orang mana?"

"Orang Sunda. Dia belikan rumah ini sebelum berangkat dan meminta aku terus menetap di sini supaya dekat dengan orang tuanya."

"Yanti selalu datang?"

"Hampir tiap minggu, melihat Tati."

Tati melaungnya dari dapur. Dia meninggalkan aku sendirian. Aku menjenguk ke luar tingkap. Bunga-bunga yang berkembang itu agak pudar kulihat. Matahari sudah condong ke barat.

Pertemuan itu rasanya terlalu singkat, tidak sepadan dengan perpisahan yang begitu lama. Tetapi salah seorang antara kami mesti cuba menghentikannya sampai di situ saja. Walaupun kami lama tidak bertemu dan banyak perkara yang mahu diceritakan, namun antara kami sekarang seperti ada satu tembok yang memisahkan, tembok masa yang telah membuat kami menjadi tua, menjadi lebih hati-hati.

Kemesraan memang ada, tetapi kemesraan itu agak tawar, sudah bertukar corak. Bukan kemesraan yang biasa kami rasai dahulu. Rasa-rasanya ada sesuatu yang hilang. Dia seolah-olah bukan lagi Rohana dahulu dan aku pun bukan lagi Adi yang dahulu. Masa dan tempat tinggal, dimensi dan ruang yang berlainan itu rupanya telah membentuk kami menjadi asing. Sekarang terasa masa yang lalu itu begitu jauh jaraknya, tidak dapat dicapai lagi, walaupun antara kami berdua sekarang begitu dekat, duduk bertentangan mata.

Semacam rasa pilu menyelubungi kalbuku, pilu kerana kerinduan yang telah semakin sayup meninggalkan kami. Aku mesti menyingkatkan pertemuan ini seberapa cepat yang dapat. Kami sudah tidak dapat mengadakan kisah-kisah yang baru lagi, yang boleh

mengatasi kisah-kisah lama, yang sedang kami tuturkan sekarang berulang-ulang. Kalau lama lagi tentu kami akan terbentur kepada tembok kejemuan yang tidak terperikan.

Akhirnya kami berjabat salam untuk berpisah semula. Matanya digenangi air dan aku percaya dia menangis bukan kerana sedih pada perpisahan itu tetapi kerana mengenangkan masa lalu yang tidak akan kembali lagi. Lama kami berpegangan tangan tanpa dapat mengucapkan sepatah kata jua dan aku kemudian menarik tanganku dengan rentapan yang agak kuat untuk melepaskan diri, sambil menyapu air mata yang mula merembes keluar. Aku melepaskan diriku dan dia daripada cengkaman kuku masa lalu.

Orang Eropah itu berdiri di tepi jalan dengan menudingkan ibu jarinya meminta 'lift'. Aku meminta adikku supaya berhenti mengambilnya.

Dia masuk ke dalam motokar dan membawa bersama-sama bau hamis keringat. Menyesal aku sejourus kerana terpaksa membawa bau itu dalam perjalanan.

"Krijzman," ujanya seraya menghulurkan tangan.

"Adi," ujarku. Tangannya basah dengan peluh. Terasa geli. Segera aku melepaskannya dan mengelapkan tanganku ke tempat duduk. Kemudian aku memperkenalkan adikku dan anaknya. Tiba-tiba nama itu menimbulkan satu kenangan. Nama itu pernah kudengar dahulu.

"Krijzman?" Kuulang nama itu dengan gugup.

Dia berpaling, disangkanya aku memanggil namanya.

"Ya," ujanya. "Krijzman."

Sejourus lamanya aku tidak dapat berkata-kata. Kulihat matanya yang meminta kasihan. Tetapi kalau kasihan itu kami berikan bererti perjuangan kami akan

sia-sia, kedudukan kami akan lemah. Sudah banyak kawan kami yang jadi korban kerana kasihan yang kami berikan kepada orang sepertinya dahulu. Kini peti hikmat yang menyimpan kasihan itu sudah ditutup, kasihan sudah dilupakan. Kapten Ana telah memutuskan dalam satu sidang pengadilan tadi, bahawa dia mesti dibunuh.

"Bapa saya asal di sini," katanya tanpa menyedari pergolakan yang sedang terjadi dalam diriku. "Tapi saya tak pernah melihatnya. Dia meninggal dalam zaman revolusi."

Aku mahu menjerit menyuruh dia turun dari motokar itu. Aku mahu membuka pintu dan menolaknya ke dalam jurang. Mengapa dia pula kubawa duduk bersama-sama. Mengapa aku tadi berasa kasihan kepadanya. Aku mahu membuka mulut menyuruh drebar itu menghentikan motokar itu.

"Negeri ini indah. Orang-orangnya baik," katanya lagi, agakku dengan perasaan yang tulus ikhlas.

"Oh, Tuhan!" keluhku bertalu-talu dan membiarkan dia bercerita, sedangkan aku menahan perasaan yang berkocak dengan hebatnya dalam diriku.

Adakah dia ini anak Krijzman, Nica yang kami bunuh di Gebang, Sumatera Timur dahulu? Aku sudah tidak mahu melihat wajahnya lagi. Aku biarkan dia berbicara. Aku biarkan dia menyeksa batinku sepuas-puasnya.

Dewan Bahasa, November 1972

Pertemuan di Kuching

SETELAH meletakkan beg yang dibawanya itu ke tepi tempat timbangan, Jalal berpaling memandangi berkeliling. Ruangan menunggu itu hampir penuh dengan manusia. Suara percakapan bergalau, bercampur-baur dengan deruman enjin kapal terbang Boeing 737 yang baru mendarat.

Degup jantungnya tiba-tiba berhenti. Di sebuah bangku panjang yang berhampiran dengan dinding di depannya ada seorang perempuan seperti yang pernah dikenalnya, duduk berhampiran dengan beberapa orang perempuan lain. Tetapi perempuan itu tidak melihatnya. Dia sedang memandangi ke luar, melihat orang-orang yang baru turun dari kapal terbang yang baru sampai dari Kuala Lumpur.

Hati Jalal waswas. Takut pelanduk dua serupa. Dia merenung sungguh-sungguh. Digunakannya seluruh kekuatan pancainderanya untuk menarik perhatian perempuan itu kepadanya. Perempuan itu berpaling ke arahnya, tetapi secepat itu pula dia balik semula memandangi orang-orang yang baru datang itu berjalan memasuki bangunan. Dalam masa perempuan itu berpaling tadi ada terasa pada Jalal ekor matanya melirik kepadanya.

Dia kelihatannya lebih kurus. Rambutnya pendek. Mukanya pucat dan pakaiannya amat menyedihkan. Anak yang di pangkuannya itu tentulah anaknya. Mahu ke mana dia agaknya? Anak itu menangis, kepanasan.

Perempuan itu menundukkan kepalanya memandangi muka anaknya yang sudah merah. Dicuminya pipi anaknya dan kemudian digoyang-goyang lututnya beberapa kali. Tangan kanannya membelai-belai rambut ubun anak kecil itu dengan penuh kasih. Namun dia tetap tidak memandangi kepada Jalal. Nampak sekali sikapnya itu disengajakan.

Fikiran Jalal seketika lamanya tertumpu kepada perempuan itu. Waktu lengannya dipegang oleh Hakim, dia terkejut terkapa-kapa. Hakim mengajaknya ke restoran, mengikuti Kadri, Sazali dan Rubiah yang sudah berjalan dulu dan sekarang berdiri menunggu di muka pintu restoran itu.

"Pergilah dulu," ujarinya sopan seraya membuat isyarat dengan tangan. "Nanti saya datang."

Hakim memandangi sejurus ke muka Jalal dengan agak hairan tetapi tidak bertanya. Dia melangkah di celah-celah orang ramai dengan membimbit tasnya menuju ke arah kawan-kawan yang sedang menunggu.

Jalal ragu-ragu antara mahu berbuat sesuatu dengan tidak. Barangkali Mona benar-benar marah kepadanya. Tetapi itu sudah lama. Dia ingin mene-gurnya juga. Sikap Mona pada waktu itu menimbulkan satu kepedihan yang seni di hulu hatinya. Dia mahu menegur Mona. Cuma sedar dan bawah sedarnya belum mencapai persesuaian.

"Kalau kau ke Kuching, putuslah hubungan kita," kata Mona sambil melepaskan pegangan tangan kiri Jalal yang dipegangnya dengan erat sejak tadi, ketika mereka berjalan menuju ke pelabuhan Sibn, melihat

panorama petang di Batang Rejang. Mereka selalu ke situ apabila petang-petang tidak hujan. Antara kedua mereka timbul semacam persesuaian, suka melihat kesibukan. Petang itu cuacanya baik. Langit cerah. Hanya di sebelah timur agak jauh ke hulu ada awan kumulus yang agak tebal. Mereka lalu berdiri di atas jeti, bersentuhan tubuh tetapi tidak berpegangan tangan lagi. Waktu itu jauh dalam hati Jalal, terasa ada sesuatu yang tidak kena. Kemurungan wajah Mona amat mengganggu perasaannya. Ketika ia berpaling ke sebelah barat, memandang Sungai Rejang yang berpecah dua itu, terasa hatinya sendiri yang bercabang kini. Tetapi dia tahu kedua-dua sungai itu sama-sama menuju ke suatu arah dan akan bersatu kembali apabila mereka mencapai laut.

Kadri keluar dari restoran menjenguk ke ruangan menunggu yang semakin penuh sesak. Dia memanjangkan lehernya mencari Jalal dari atas kepala orang. Dia bingung bagaimana akan memanggil Jalal yang sudah ditelan oleh orang ramai itu. Kadri masuk semula ke dalam restoran. Agak kesal.

"Aku terpaksa pergi," jawab Jalal tanpa berpaling. Matanya terpaku pada kesibukan pelabuhan waktu petang. Dia mahu mencuba memujuk Mona. Dia tahu perangai Mona yang mudah tersinggung dengan perkara-perkara kecil. Air mukanya yang periang itu mudah benar keruh, apabila ada yang tidak kena pada hatinya.

Dia dihipit dan ditolak dan tanpa disedarinya dia telah hampir benar dengan Mona. Hanya beberapa langkah saja lagi.

Mona menundukkan kepalanya, seperti dia tahu tujuan Jalal. Jalal mahu mendekatinya, tiba-tiba satu tangan terdepang keluar menahan gerakannya. Jalal mahu mendorong badannya juga tetapi tangan yang

terdepang itu bagai ada kuasa, dan mata orang yang punya tangan itu pun bagai mempunyai kuasa juga. Jalal terpaksa di situ. Mona mengangkat kepalanya merenung muka Jalal, seolah-olah menyedari akan pergelutan yang diam-diam berlaku di dekatnya. Ah, itulah mata Mona. Matanya yang dahulu juga walaupun kelihatan cengkung. Matanya yang hitam baldu, kuyu dan lembut. Penuh syahdu. Mona seperti menggeleng-gelengkan kepalanya dengan lemah. Seperti membuat isyarat menegah dia datang mendekatinya. Tetapi betulkah isyarat itu untuknya. Jalal cuba berpaling ke belakang. Ada banyak orang lain sedang mendesak ke depan. Tetapi yang menarik perhatiannya hanyalah seorang tua, agak bongkok sedikit. Bertopi hitam lusuh, kurus dan berpakaian baju dan seluar Cina warna hitam. Dia seperti pernah melihat orang itu, alis matanya di atas kaca mata hitam itu bagai dikenalnya. Tetapi siapa?

Jalal kembali memandangi Mona. Dia bingung. Dia memandangi kepada orang yang mendepangkan tangannya tadi, mahu meminta belas. Tetapi mata itu. Dan mata Jalal bagai ditarik magnet memandangi benda yang menjungkit di bawah baju kotnya. Kini baru Jalal sedar mengapa di sekitar tempat Mona duduk itu terjadi semacam ruang kecil. Jalal tegak kaku, kakinya lekat di jubin bagai ditangkap simen yang belum kering.

"Mari!" ujar orang yang mendepangkan tangan tadi. Jalal tergamam. Kepada siapa ajakan itu dituju? Perempuan-perempuan itu pada bangun. Mona memandangi ke muka Jalal sekilas. Lalu mahu mencempung anaknya. Tetapi tangan kirinya yang mahu memegang bahagian kaki anaknya itu tiba-tiba tertarik ke atas ketika perempuan di sebelahnya itu bangun mendadak. Mona tersentak dan ikut bangun. Pergerakannya itu begitu cepat, hanya kerana kebetulan Jalal sedang memandangi-

nya saja, menyebabkan dia nampak gari yang terpasung pada tangan kedua-dua perempuan itu. Jalal terperanjat. Tetapi Mona tidak melihatnya lagi, dia terus berjalan menuju ke pintu mengikut perempuan-perempuan lain. Jalal menyorongkan dirinya di celah-celah orang ramai mengejar Mona ke pintu. Tetapi dia hanya dapat melihatnya dari belakang saja. Mona menaiki sebuah van hitam tertutup.

"Jalal!" Kadri memegang bahunya.

Jalal berpaling. Dia merasa seperti ada orang memanggilnya.

"Kami sudah lama menunggu," ujar Kadri.

Jalal seperti orang bodoh berjalan mengikut Kadri ke restoran. Kadri kaget melihat sikap Jalal yang berubah secara mendadak. Hatinya berdetak mahu bertanya tetapi kemudian mendiampkannya tanpa sebab. Jalal berpaling melihat ke belakang, ke arah Mona dibawa. Tetapi pandangannya terhambat oleh bangunan-bangunan dan pohon-pohon yang tinggi. Hujan renyai-renyai dalam panas rembang itu ikut menyekat pemandangan Jalal. Dia berhenti melangkah dan dengan cepat berpaling. Matanya liar mencari, tetapi orang tua itu sudah tidak ada. Dia tiba-tiba ingin melihat orang tua itu sekali lagi. Hatinya hampa. Orang tua itu sudah hilang lesap.

Rasa kepiluan tiba-tiba menguasai dirinya, sehingga ketika dia ditegur oleh Hakim, dia menjawab teragak-agap. Dia duduk dan merenung cawan yang ada di depannya.

"Tetapi aku terpaksa pergi," kata Jalal tanpa berpaling. Peristiwa pada petang menjelang perpisahannya dengan Mona itu masih segar dalam ingatannya. Dia duduk agak lama di rumah Mona.

"Minum," kata Rubiah.

"Ya, ya!"

"Kami sudah minum," kata Hakim.

"Ya, ya!"

Kadri lalu menepuk bahu Jalal. "Kenapa kau ini?"

Enam pasang mata yang lain serentak memandang kepada Jalal. Semua biji mata yang seperti mata kucing mengintai mangsa itu meminta jawapan. Hakim yang selama ini periang dan peramah itu tiba-tiba murung. Dia berasa tidak enak, kalau pada waktu berangkatnya ada kawan yang dilamun duka.

Jalal sedar. Dia tidak patut bersikap serupa itu pada saat-saat perpisahan. Dia mencuba mahu tersenyum tetapi senyumannya itu kelat seperti dia terkunyah ubat demam.

Kawan-kawannya itu masih memandang mukanya. Mereka ingin tahu apa yang menyebabkan air mukanya keruh. Mereka tidak mahu Hakim pulang membawa kesan buruk.

"Maaf," ujar Jalal sejurus kemudian.

"Ada apa?" tanya Kadri.

"Perempuan itu tadi. Perempuan itu tadi teman sekolah saya."

Dia melihat Mona berjalan bergandingan tangan dengan Victor, anak Iban dari Kapit, juara lari jauh di sekolahnya, mereka ketawa gembira. Sesekali Victor yang lebih tinggi beberapa inci itu berpaling memandang ke bawah ke muka Mona yang sedang mendongak. Sesekali Mona menolak rambutnya yang panjang lampai sampai ke bahu dengan jari-jarinya yang kurus. Mereka ketawa lagi. Dia berasa iri hati. Tetapi tidak lama sesudah itu, dia pula yang rapat dengan Mona sehinggalah ia berangkat meninggalkan Sibul untuk bekerja. Sepeninggalannyalah Peter muncul dan membawa Mona menghadiri kelas-kelas malam. Mona pun begitu tertarik

dengan ideologi yang dibawakan Peter. Akhirnya Mona memutuskan hubungannya dengan Jalal, setelah berlaku pertukaran fikiran yang agak serius, dia benar-benar terpicik dengan pemuda Cina yang tinggi kurus seperti penghidap penyakit tibi itu.

"Ya, dia itu Peter. Tidak pelik lagi." Jalal berkata sendirian seperti orang mengigau.

Kadri memandang Sazali, kemudian pandangannya beralih ke muka Jalal.

"Peter siapa?" tanya Rubiah ingin tahu.

"Mengumumkan ketibaan kapal terbang MAS nombor MH 242 dari Kota Kinabalu, Labuan, Bandar Seri Begawan, Miri, Bintulu dan Sibu. Announcing...."

Deruman enjin Fokker Friendship yang mendarat itu menggegarkan suasana dan menggelegakkan darah sejurus lamanya.

"Orang tua itu." Jalal membelalakkan matanya, seolah-olah dia baru sedar bahawa orang tua yang berpakaian hitam yang berdiri di belakangnya itu ialah Peter.

"Encik Jalal kenal orang ini?" Inspektor polis itu menyodorkan ke depannya sekeping gambar, sebaik-baik sahaja dia duduk di kerusi yang ditunjukkan kepadanya.

"Dia Peter, kawan sekolah saya."

"Paling penghabisan bila Encik Jalal bertemu dengannya?" Mata polis itu tajam memandangnya. Seolah-olah dengan pandangan itu dia mahu mencungkil rahsia sebanyak yang dapat.

"Oh, lama dulu sebelum saya ke Kuching."

"Tahu di mana dia sekarang?"

Jalal menggelengkan kepalanya. Dia nampak Peter berjalan dengan seorang pemuda di Jalan India beberapa bulan yang lalu.

"Tahu di mana dia sekarang?"

Jalal yang sedang merenung cawan kopinya itu, tiba-tiba berpaling kepada Kadri dan mencengkam daging lengan Kadri dengan kuat, sehingga air muka Kadri berubah.

"Kau nampak orang tua itu?"

"*Mengumumkan keberangkatan kapal terbang MAS MH 682 ke Kuala Lumpur. Announcing ...*"

"Orang tua mana?" tanya Sazali hairan.

"Orang tua yang bercermin mata hitam itu. Saya tidak tahu ia Peter." Jalal memandang Hakim. Dahi Hakim yang luas itu berkerut. Kemudian Jalal memandang Rubiah. Muka bujur telur yang dipeluk rambut hitam lurus mencecah bahu itu juga berkerut, tidak mengerti.

Kadri lebih dulu membuka mulut. "Dia ada di situ lagi?"

Dia lalu bangun.

Jalal menggelengkan kepalanya dan menarik Kadri duduk. "Sudah pergi."

Hakim mahu bertanya tetapi tidak jadi. Mereka biarkan Jalal termenung. Mereka berbicara hal-hal lain.

"*Mengumumkan keberangkatan kapal terbang MAS nombor MH 245 ke Sibu, Miri dan Kota Kinabalu. Penumpang-penumpang dipersilakan naik. Announcing ...*"

Hakim bangun mencapai begnya dengan tangan kiri. Tangan kanannya dihulurkan kepada Rubiah, melintasi meja. "Selamat tinggal."

Kemudian kepada Sazali, Kadri dan kepada Jalal dia agak lambat melepaskan tangannya.

"Saya minta maaf," ujar Jalal suaranya bergetar. "Saya tidak bermaksud mahu bersikap begini."

"Ah, tak mengapa. Saya mengerti," ujar Hakim dan tangan yang berjari-jari panjang kurus itu kemudian

menepuk-nepuk bahu Jalal. "Terima kasih banyak dan saya banyak berhutang budi." Hakim berjalan ke pintu dan kawan-kawan itu mengiringnya. Sampai di pintu besar dia sekali lagi menghulurkan tangannya mahu bersalam. Tangan Rubiah saja yang sempat dijabatnya, sebab dia tiba-tiba teringat bahawa tadi dia baru saja bersalaman dengan mereka itu. Hakim mengangkat tangan melambai dan melangkah panjang-panjang menuju ke kapal terbang, agak tergesa-gesa dia mengekori penumpang-penumpang lain. Di pintu perut kapal terbang Fokker Friendship itu dia berpaling dan melambai sekali lagi.

Jalal mendengar klakson bas dibunyikan bertalutalu. Dia menyelak langsir jendelanya dan memandang ke luar. Bas pekerja telah sampai. Jalal melihat jam tangannya. Agak cepat hari ini. Kemudian dia memandang kembali ke rumah Mona yang sama bentuknya dengan rumahnya. Dan rumah-rumah lain di kawasan itu. Mona keluar sambil membimbing tangan anaknya yang berumur dua tahun menuju ke bas. Bas kecil itu telah sesak dengan wanita dan anak-anak. Anak-anak itu akan ditiptikan di sebuah tempat penjagaan anak-anak sementara ibunya terus ke tempat kerja. Nanti petang mereka akan dijemput. Jalan raya sunyi daripada kenderaan berat, hanya sekali-sekala saja ada bas yang lewat. Motokar-motokar kecil tidak banyak, cuma satu dua yang membawa pembesar-pembesar istimewa. Kebanyakan pekerja yang dekat tempat kerjanya menggunakan basikal. Jalal ingin mempunyai sebuah motokar sendiri tetapi ia tidak dibenarkan kerana itu dianggap sebagai barang *lux*.

Kelmarin petang Jalal pergi ke asrama tempat Iwan tinggal. Dia mahu membawa anaknya itu pulang. Dia berharap dalam masa cuti itu Iwan dapat tinggal bebe-

rapa hari di rumah. Tetapi pengetua sekolah itu dengan tegas menolak permintaan Jalal, kerana Iwan dan anak-anak lain akan dibawa melawat sebuah ladang dan membuat kerja sukarela selama cuti sekolahnya berlangsung.

"Tetapi ibunya rindu dan ingin berjumpa dengannya," kata Jalal berhujah.

"Soal emosional jangan dicampuradukkan. Anak ini anak negara."

"Tetapi sebentar saja, masakan tidak boleh?"

"Tidak."

Jalal bingung sejourus. Anak yang baru berumur tujuh tahun itu sudah mahu direnggut daripada pelukan kasih sayang ibu bapanya. Ayunan langkahnya waktu pulang dari asrama itu amat berat terasa, kakinya bagai digantung dengan ketulan-ketulan batu. Berdegup-degap jatuh di atas aspal. Kepalanya berat. Hatinya berat.

Masya-Allah. Anak ini anak negara. Peter itu anak negara. Aku ini anak negara.

Tiba-tiba perasaan bosan menyelinap menguasai dirinya, bosan hidup sebagai mesin, mengikut perintah dan kemahuan orang yang menjalankannya saja. Jalan, berjalan. Henti, berhenti. Ah, apalah guna seketul darah yang terus-menerus berdenyut di dalam dirinya itu? Kalau dia hanya menjadi sebuah robot?

Klakson motokar berbunyi lagi.

"Siapa itu? Cuba tengok!" isterinya melaung dari dapur. Jalal tidak berapa jelas mendengarnya.

Seri Sarawak sungainya sempit;

Suara Saloma berkumandang dari rumah sebelah. Jalal termenung sejourus terpesona. Kedua-dua telinganya dihalakan ke arah bunyi radio itu. Seluruh perasaannya ditumpahkan kepada nyanyian itu. Air sungai yang likat itu berpusar-pusar di dalam kepalanya.

Sayang nakhoda bersusah hati;

Anaknya dari bilik sebelah tiba-tiba menangis. Jalal lalu melaung memanggil isterinya di dapur. Bunyi lagu itu dan suara tangisan anaknya bercampur-baur. Ia mendengar bunyi air berderau dari bilik mandi.

Hendak kubawa perahuku sempit,

Hendak kutinggalkan....

Jalal bangun menuju ke bilik anaknya. Anak itu telah diam.

Dia kembali keluar. Belum sempat ia duduk, klakson motokar itu berbunyi lagi. Kali ini agak keras. Jalal meninjau dari jendela. Dia baru sedar ada orang di depan rumahnya.

"Hani, mereka datang."

"Suruh mereka masuk dulu. Saya berpakaian."

Jalal mendekati mukanya ke jendela. "Masuklah dulu!"

Di dalam motokar itu ada beberapa orang wanita. Mereka ialah teman-teman Hani, isterinya. Semuanya guru sekolah yang mengajar sebelah petang. Motokar itu kepunyaan Jun (nama penuhnya Junainah) dan wanita-wanita yang lain itu menumpang dengan membayar bulan kepadanya.

Hani keluar tergesa-gesa, sambil menjinjing sebuah beg tangan dan sebundel buku-buku. Tanpa berpaling kepada Jalal dia berkata, "Jaga Iwan baik-baik. Kalau dia menangis berikan susu. Kain lampinnya diganti kalau sudah basah. Susunya di dalam friz."

Hani yang sudah sampai di pintu itu tiba-tiba berpatah balik dan sambil berginjat mencium pipi kirinya. "Pergi, sayang!"

Motokar itu menderum dan deruman enjin itu makin lama makin jauh.

Kesunyian suasana di sekeliling menimbulkan

semacam tekanan. Jalal mengutuk pembantu rumahnya yang meminta cuti pada hari itu. Dia terpaksa menjaga anaknya. Dia mengambil cuti untuk pergi ke tempat tahanan SCO di Batu 7½ untuk menemui Mona.

"Maafkan aku. Aku sengaja tidak mahu kau menegur aku waktu di lapangan terbang kelmarin dulu. Dia ada di situ. Aku tahu kau masih ingatkan aku. Aku ingin sekali berjumpa dengan kau. Ada perkara yang akan kuberitahukan."

Ada perkara yang mahu diberitahukan? Ah, apakah ini satu perangkap? Mula-mula Jalal tidak berapa mengambil berat pada isi surat itu. Tetapi sedikit demi sedikit rasa ingin tahunya bergejolak timbul. Perkara apa? Keinginannya untuk bertemu dengan Mona makin lama makin tidak dapat dikawal lagi. Dia mesti menemuinya.

"Aku cuti besok," katanya kepada Hani.

"Baguslah," jawab Hani. "Mak Jah juga minta cuti besok. Kau boleh jaga Iwan."

"Tetapi aku...."

"Takkan sehari saja kau tak boleh jaga Iwan." Hani mencuit dagunya. Jalal mati akal.

Jalal ke meja makan untuk mengambil radio transistor, dia ingin mendengar lagu-lagu sentimental seperti tadi. Sebab radio sebelah telah lama membisu. Sebuah motokar berhenti di depan rumahnya. Bunyi ketukan pintu. Siapa pula? Daun pintu dibuka.

"Peter!"

Peter melangkah masuk dengan angkuh. Tidak padan dengan tubuh tibi yang kurus kering itu.

"Ada apa?" kata Jalal sambil melihat Peter yang terus duduk tanpa dipelawa. Kakinya disilangkan dan menyandarkan belakangnya, mencari keselesaan. Tetapi daripada gelagatnya Jalal nampak ada semacam kegelisahan yang tersembunyi, dan tangannya itu waktu meletakkan rokok ke bibirnya agak gementar.

"Kauterima surat daripada Mona?"

Jalal tercengang. Betullah terkanya bahawa surat itu perangkap. Memang tak boleh dipercayai.

"Tidak."

"Ah, kau tak perlu sembunyi. Aku tahu. Mana surat itu?" Lagaknya macam orang berkuasa. Rokoknya dibenamkan ke dalam tempat abu rokok.

"Tidak ada!"

"Aku mahu surat itu. Kau mesti serahkan kepadaku."

"Aku sudah buang." Jalal berbohong.

"Aku tak percaya." Peter bangun dan bercekak pinggang. "Lebih baik kau serahkan surat itu. Cepat. Aku tak ada masa lagi."

"Tidak."

Sebuah motokar lewat menderum di depan rumah. Bunyi batuk di luar. Peter tiba-tiba bergegas menuju ke pintu.

"Kau jangan menyesal," katanya ketika akan keluar.

Dia membanting pintu motokar itu dengan kuat. Dan motokar itu pun meluncur ke depan. Deruman yang ditinggalkan motokar itu menghantui perasaan Jalal. Dia tiba-tiba gempar. Kau jangan menyesal. Menyesal apa? Bagaimana Peter tahu surat itu dia terima. Aneh.

Telefon berdering. Jalal terperanjat. Degup jantungnya terhenti. Dia lalu mengangkat gagangnya. "Helo! Helo!"

Klik. Senyap sunyi. Siapa agaknya. Sial.

Jalal mengangkat semula gagang telefon itu dan dengan tergesa-gesa mendail nombor telefon sekolah isterinya. Agak lama dia mendengar brr ... brr ... brr ... brrr.

"Helo! Helo! Jalal di sini. Cikgu Hani ada?" Dia

diam menunggu. "Helo! Hani? Aku di sini. Kau baik? Kau tak ada apa-apa? Tidak ada apa-apa? Baiklah."

Hatinya lega. Isterinya tidak apa-apa. Suara isterinya agak tenang ketika menjawab pertanyaannya tadi. Suaranya seperti benar-benar tidak ada apa-apa.

Berita pukul 1.30. *Pasukan keselamatan telah membunuh seorang pengganas yang memakai pakaian seragam dan bersenjata di Balai Ringin, kira-kira 60 batu tenggara Kuching. Dia ialah pengganas yang ke-29 terbunuh di Bahagian Pertama tahun ini.*

"Kita mesti melakukan kekerasan kalau kita mahu mencapai kemenangan." Demikian Mona berkata kepadanya, ketika dia kembali ke Sibu pada suatu hari dalam bulan Ogos dua tahun yang lalu.

Itulah kekerasan yang dimaksudkan oleh Mona. Setiap hari ada sahaja yang menjadi korban.

"Bilakah pengorbanan yang sia-sia ini akan berakhir?"

"Apabila cita-cita kita tercapai," kata Mona.

"Cita-citamu tidak akan tercapai. Kerana kamu tidak mendapat sokongan rakyat," kata Jalal.

"Kau sudah berubah. Kau seorang reaksioner. Betul kata Peter, kau tak dapat dipercayai." Mona mengeluarkan kata-kata itu penuh dengan sindiran, yang dilahirkan daripada mimik mukanya.

"Bagiku," Jalal masih mahu mempertahankan pendiriannya, "kerajaan yang sah ialah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. *Vox populi* itulah yang benar. Kalian tidak akan dapat melawan kekuatan rakyat ini."

Orang-orang berjalan berpusu-pusu dalam pakaian yang berwarna-warni. Bangunan-bangunan besar mencakar langit. Jalan raya sibuk dengan pelbagai macam kenderaan, bersilang siur. Bertali arus bagai anak sungai. Masing-masing dengan tujuannya. Mencari nafkah

mengikuti kebolehan dan kesukaan sendiri.

Muka orang yang memandu motokar Peter tadi macam pernah dilihatnya. Muka itu tiba-tiba menghantui fikirannya. Di mana dia melihat muka itu dahulu. Dia berusaha memeras otaknya. Ah, dia telah ingat sekarang. Dialah orang yang berdiri di sebelah Peter di dekat pintu masuk ke lapangan terbang itu tiga hari dahulu.

Jalal kembali mencapai gagang telefon dan mendailnya. Telefon kepada isterinya tadi terlalu tergesa-gesa. Tut ... tut ... tut. *Engaged*. Didailnya lagi. *Engaged*. Jalal mulai gugup dan takut. Didailnya. *Engaged*. Tangan Jalal mulai gementar. Perasaannya mulai gempar. Tiba-tiba Iwan menangis. Ah, lampinnya belum diganti lagi. Didailnya. Brrr ... brr ... brrr. Suara Iwan makin meninggi.

"Helo! Saya Jalal. Cikgu Hani ada?" Jalal diam menunggu. "Helo! Apa? Dia tidak ada?" Seluruh anggota Jalal menjadi lemah. "Helo! Celaka. Sudah diletaknya."

Suara anaknya semakin kuat. Jalal mendailnya lagi. Brrr ... brrr ... brrr. "Helo! Cikgu Hani ada?"

Suara perempuan tadi juga. Suaranya garang dan telefon itu terus diletakkannya. Jalal terkulat-kulat. Geramnya bukan kepalang. Kalau dia dekat di situ mahu dipulasnya tengkuk perempuan celaka itu. Tidak ada hati perut. Dia meletakkan gagang telefon itu dan berlari ke dalam. Anaknya sudah berhenti menangis dan dia dengan enak-enak sedang main beraknya. Jalal lupa sejurus kepada isterinya, lupa dia kepada perempuan yang kasar tadi.

"Iwan! Kaubuat apa ini?"

Iwan tersenyum seperti mengejek bapanya.

Dia mengangkat Iwan. Telefon berdering. Dia gempar kembali. Dibawanya anaknya keluar dan tangannya

penuh dengan berak. Telefon berdering. Dia mencari tempat mahu meletakkan anaknya itu. Dipandangnya berkeliling. Di atas *settee* takut jatuh. Di atas katil di dalam bilik. Di situlah dia meletakkan anaknya itu dan diberinya susu yang diambil dari friz. Dipagari anaknya dengan bantal. Telefon berdering. Bunyinya seperti marah yang amat sangat. Jalal berlari keluar, ketika tangannya mahu mencapai gagang telefon itu, deringannya pun berhenti.

"Sial!" kutuknya. Barangkali isterinya yang menelefon tadi. Lalu didailnya ke sekolah isterinya. *Engaged*. Hatinya berdebar-debar. Sial! Siapa yang bercakap agaknya? Didailnya. Brrr ... brrr. Suara perempuan lain. Lembut dan merdu. "Saya Jalal. Cikgu Hani ada di sana?" Perempuan itu menyuruh dia tunggu. Sejurus kemudian perempuan itu memberitahunya Cikgu Hani tidak ada. Jalal benar-benar gempar. Dia terdiam dengan gagang masih di tangannya. Tiba-tiba anaknya menangis. Dia meletakkan gagang telefon itu. Botol susu anaknya jatuh.

Kedengaran motokar berhenti di depan. Dia mencari kain bersih untuk membungkus anaknya. Bunyi ketukan di pintu agak kuat. Jalal meradang. "Tunggu!"

Ketukan terus berbunyi. Dengan menyumpah-nyumpah dia membawa anaknya keluar dan terus membuka pintu.

"Kadri?" Jalal melihat ke *Land Rover* yang ditumpangi Kadri.

"Mari masuk." Jalal mengajaknya. Jalal agak tercipu-sipu kerana menyumpah-nyumpahnya tanpa periksa. *Land Rover* yang dinaiki Kadri itu dipandu oleh seorang polis. Jalal hairan.

"Isterimu...."

Jalal membelalakkan matanya. "Isteriku?"

"Ya, isterimu. Dia terbunuh di Batu 16 jalan ke Bau."

"Tak mungkin. Tak mungkin." Jalal berjalan berkeliling sambil menggoyang-goyangkan anak di dalam gendongannya itu dengan kuat. "Dia di sekolah. Buat apa dia ke Bau? Tak mungkin."

"Dia mati bersama-sama Peter."

"Mati bersama-sama Peter? Apa yang kaukatakan ini?" Suaranya kuat. Iwan dipeluknya dengan rapat ke dadanya.

"Ya. Pukul 2.15 tadi. Sesudah Peter datang ke mari dia lalu mengambil isterimu di sekolah dan di Batu 16 ada serangan hendap daripada pasukan keselamatan. Di situlah mereka mati."

"Serang hendap? Maksud kau isteriku kena culik?" kata Jalal. Anak matanya mulai menggila.

"Dia tidak diculik. Dia pergi dengan rela hati."

"Tak mungkin. Kau bohong. Aku tahu."

Kadri menggelengkan kepalanya. "Aku tak bohong. Dia pergi dengan rela hati. Polis telah lama tahu gerak-geri Hani. Dia anggota sel di bandar ini. Polis tidak mahu mengambil tindakan. Mereka menunggu mahu memerangkap Peter."

"Isteriku anggota sel penganas? Tidak Kadri, tidak. Aku tidak percaya." Jalal berjalan berpusing-pusing dan menghentak-hentakkan kakinya ke lantai sebagai bantahan. Iwan menangis terperanjat. Kadri menghulurkan tangannya mahu mengambil Iwan. Tetapi Jalal melarikan tangannya. Iwan menangis. Jalal menggoncang-goncang anaknya itu.

Kau ada terima surat daripada Mona. Di mana Peter tahu aku ada terima surat daripada Mona. Ada perkara yang akan kuberitahukan. Barangkali itulah yang akan diberitahukan Mona agaknya. Mak Jah juga cuti besok. Mengapa Mak Jah tiba-tiba diberi cuti. Macam sudah

diatur. Hani? Mengapa dia tiba-tiba mencium pipiku waktu akan pergi tadi?

"Aku akan pergi dulu. Kalau ada apa-apa yang dapat aku tolong, kaukatakanlah saja." Kadri menepuk bahu Jalal dan berjalan ke pintu. "Oh ya, kalau kau mahu tengok mayat Hani, kau boleh pergi ke hospital besar."

Jalal bangun dari bangku di ruang menunggu itu ketika dia melihat Mona datang. Jalal terpegun sejeurus lamanya. Bingung dengan keadaan yang berlaku. Begitu cepat. Kelmarin dulu dia bermaksud akan menemui Mona hari ini. Dia tidak menyangka pertemuan itu berlangsung juga, tetapi dalam keadaan dan suasana yang lain sama sekali.

Mereka berdua pandang-memandang sejeurus lamanya, lalu tanpa berkata mereka berpegangan tangan. Mata mereka sama-sama balut. Dalam kesedihan itu Jalal cuba memberikan senyumannya, mereka berdua sama-sama masuk ke bilik mayat. Suatu kuasa ghaib mengawang di dalam bilik itu membuat mereka menjadi begitu dekat. Mayat orang yang mereka sama-sama mahu melihatnya untuk kali penghabisan terasa begitu asing dan aneh. Muka itu mereka kenal. Tetapi orangnya tiba-tiba menjadi begitu asing dan tersisih. Mereka tidak mengeluarkan air mata lagi, dan tidak mengucapkan takziah kepada satu sama lain atas kehilangan orang yang pernah mereka kasihi. Mereka terus membisu. Mata dan perasaan mereka saja yang berkata-kata. Mengeluarkan ucapan-ucapan yang tidak pernah mereka ucapkan selama ini. Isi perasaan yang tidak pernah diketahui oleh orang lain.

Jalal dan Mona berjalan keluar dari rumah mayat itu dengan langkah yang gontai. Suasana menjelang senja di bandar Kuching agak menekan perasaan. Langit di sebelah barat sarat dengan awan larat merah

lembayung. Bangunan-bangunan Federal Sekretariat dan Masjid Negeri tersergam bagai gergasi sedang beradu. Jalan raya sibuk dengan kenderaan yang bersilang-siur. Bising dengan kehidupan, rimas dengan pergerakan. Tetapi di sana sini lampu-lampu sudah mulai dihidupkan. Bandar itu beransur-ansur bermandikan cahaya.

Hai ya'alassolah!

Hai ya'alassolaaaah!

Suara bilal dari Masjid Negeri bergema keluar dengan bertenaga dari pembesar suara.

Jalal dan Mona melangkah keluar. Tangan Mona yang berpaut pada tangannya terasa semakin erat.

Dewan Bahasa, Julai 1972

Pertemuan di Kota Bharu*

BILIK ini terlalu kecil. Sepuluh kaki kali sepuluh kaki luasnya. Tetapi jadilah dulu. Meja besar itu telah memakan satu suku daripada ruangnya itu. Rak fail itu pun kelihatannya menyemak saja. Penuh dengan fail-fail tua. Fail apa agaknya yang banyak itu. Besok akan kulihat fail apa yang menyemakkan itu. Bilik ini jadilah dulu. Bukan biliknya yang penting, nama yang tertulis di atas pintu itu yang penting: Penolong Pegawai Daerah. Nama itu ada gengsi. Ada prestij. Nama itulah yang penting. Ah kerusi ini, ditariknya kerusi itu, tidak padan dengan nama itu. Kerusi lama, mungkin kerusi dari zaman penjajah dahulu belum lagi ditukar-tukar. Kerusi kayu yang berukir bingkainya dengan anyaman rotan belah halus di sandaran, mungkin lantainya juga daripada rotan. Lantainya itu ditutup dengan semacam bantal berenda yang sudah kumal. Ini tidak boleh dipakai lagi. Entah-entah PPD dahulu itu ada penyakit bawasir. Bahaya. Lama juga dia menjadi PPD di sini. Petang nanti aku akan singgah di bandar beli kusyen lain. Dia mengangkat bantal itu dengan ibu jari dan telunjuk tangan

* Disiarkan dalam *Dewan Sastera* dengan judul "Satu Pertemuan".

kirinya, macam memegang ekor tikus mati. Memandang ke kiri kanan mencari tempat sampah. Kemudian dia meletakkan kembali di tempat asalnya.

Dia berdiri bercekak pinggang, memandang berkeliling ruangan itu. Gambar Sultan dan Sultanah tergantung pada dinding di belakang, gambar Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri Agong, tergantung di dinding di depan mejanya. Keempat-empat gambar itu mendatangkan semacam suasana kewibawaan di dalam ruangan bilik sempit itu. Gambar-gambar itu, nama yang terpasang di pintu biliknya memberikan siapa yang duduk di dalamnya semacam autoriti, seperti cokmar Hakim atau cokmar Yang Dipertua Dewan Rakyat. Dengan gambar-gambar itu dan nama yang terpasang di pintu itu dia akan menjalankan tugasnya sebagai Penolong Pegawai Daerah.

Dia terpandang pada kaki kerusinya. Ukiran kuku kambing. Cantik. Kerusi antik. Ini mahal sekarang. Mengapa tidak diserahkan saja kepada muzium?

Ketukan di pintu. Dia tersentak. Tetapi dengan segera dia menyembunyikan perasaannya.

"Tuan Pegawai Daerah panggil!"

"Saya!" Dia menudingkan telunjuknya ke dadanya. Tidak berapa pasti apakah benar dia dipanggil.

Pembantu itu menganggukkan kepalanya. Dia segera keluar. Para kerani: dua perempuan, tiga lelaki, di dalam ruangan kerja yang dilaluinya itu, mengangkat muka memandangnya. Dia tahu mereka memandangnya. Tetapi dia pura-pura tidak tahu. Dadanya saja yang dibusungkan. Mereka tentu mahu mengecamnya. Dialah yang ceritanya tersiar dalam surat khabar waktu konvokesyen di Universiti Malaya dahulu. Anak penarik beca¹ mendapat Ijazah

1 Orang Kelantan menyebutnya teksu.

Sarjana Muda Sastera Kelas Dua dengan kepujian.

"Pak Mat! Pak Mat!"

Pak Mat berhenti mengayuh dan menarik brek becanya. Dia memalingkan kepala tuanya ke belakang melihat orang yang melaungnya. Deris yang memanggilnya. Ada apa agaknya? Dia kenal Deris walaupun dari jarak jauh kerana becanya ada bendera ular-ular berwarna merah dan banyak lampu. Becanya saja yang ada bendera serupa itu. Badan Deris yang kurus itu, terhinggut-hinggut ke kiri ke kanan seperti orang meratib Saman.

"Pak Mat dah tengok ni?" tanya Deris apabila dia sudah sejajar dengan beca Pak Mat. Pak Mat melihat benda yang dipegang Deris. Surat khabar. Dia berasa aneh.

"Apa?" tanya Pak Mat tercengang sedikit.

"Cerita Ghani."

Pak Mat mengerutkan jidatnya. "Cerita Ghani?"

Ghani baru lulus universiti. Dia dan isterinya dijemput ke Kuala Lumpur tetapi mereka tidak upaya pergi, tidak ada wang.

Deris mendayung becanya ke depan sedikit, melewati beca Pak Mat. Sebuah motokar sedan merah melintas dengan laju. Sedikit amat berselisih dengan beca Deris. Kalau lututnya dikangkang sedikit saja, pasti dia disapu oleh motokar itu.

"Deris!" pekik Pak Mat secara automatis.

Deris tergamam. Pak Mat juga tergamam. Mereka terbata-bata sebentar.

Makian yang dibaling angin dari motokar yang laju itu antara terdengar dengan tidak.

Deris memberhentikan becanya di tepi jalan. Dia lupa sebentar pada maksudnya yang awal tadi. Pak Mat pun lupa sejurus pada surat khabar itu. Darah gemuruhnya terasa mengalir seperti semut-semut, berjalan

menyusuri salur nadi darahnya. Tangan kanannya diletakkan di atas dadanya yang leper, menyeru semangatnya datang kembali. Kepalanya digeleng-gelengkan. Deris segera pula mendapat semangatnya kembali. Kejadian serupa itu sudah terlalu biasa dalam hidup mereka. Gemparnya hanyalah sebentar itu saja.

"Ni cerita Ghani," ulangnya lagi sambil mengembangkan halaman surat khabar itu sedikit. Pak Mat tidak tahu membaca, tetapi dia kenal gambar itu. Gambar Ghani, anaknya. Dia ajak Deris ke warung Mek Limah yang terletak di depan Taman Hiburan Biaritz dulu.

Tambang beca yang baru diterimanya daripada penumpang yang dihantarnya ke Telipot tadi ada 50 sen. Dia menyeluk sakunya meraba wang syiling itu. Sejuk dan kaku.

"Pak Mat mahu belanja?" tanya Deris dengan nada tidak percaya. Anak matanya bersinar-sinar kegirangan, telah terasa nikmat meminum kopi yang dibelanjai kawan. Nikmat itu pada perasaannya menjadi makin bertambah apabila Pak Mat yang dahulunya terkenal sebagai seorang yang paling berjimat mahu membelanjanya. Pak Mat mengangguk lemah.

Deris duduk di sebelahnya. Dia membaca dulu surat khabar itu sepintas lalu dengan mulut terkumat-kamit. Pak Mat berasa tidak sabar melihat Deris sengaja mahu menyeksa perasaannya.

Menyesal aku ajak dia minum. Aku sendiri pun dapat membeli surat khabar itu. Tetapi telah terlanjur kuajak. Dia lalu menelan air liurnya. Halkumnya yang menonjol itu melonjak naik. Terkulat-kulat dia menunggu Deris membaca dengan kuat. Tidak berani bersuara. Dia tahu Deris dengan surat khabar sudah menjadi semacam candu. Pagi-pagi dia ambil surat khabar itu dari kedai Nik Man. Apabila dapat sewa dia

terus membayarnya. Surat khabar itu dia baca waktu menunggu penumpang. Kalau penumpang ada dia lipat delapan, lalu dicucuk ke kocek belakang seluarnya.

"Mahu minum apa?" Milah anak Mek Limah datang bertanya dan menjenguk sedikit dari celah-celah bahu Pak Mat dan Deris. "Eh, macam gambar Bang Ghani?"

Pak Mat mengangguk tanpa melihat muka Milah lagi. Dadanya kembang. Orang mulai tahu, wajah anaknya ada dalam surat khabar.

"Mahu minum apa?"

Deris berpaling memandang kepada Pak Mat.

"Kopi o keras," kata Pak Mat.

"Dua?"

"Ya!" Pak Mat mematahkan lehernya ke arah Deris.

"Bacalah!" Dia baru mendapat suaranya apabila kopi telah diminta.

Deris membentangkan surat khabar itu sepenuhnya di permukaan meja dan menekan dengan kedua-dua belah tangannya. Itu dia. Gambar Ghani dengan jubah hitam cukup jelas. Pak Mat membesarkan matanya. Betullah itu gambar Ghani anaknya.

"Bacalah!" Suaranya berisi perintah.

Deris lalu membaca. Pak Mat mendengar dengan tenang. Mata tidak lepas daripada gambar anaknya. Huruf-huruf cetak itu berlompat-lompatan keluar, menari-nari di permukaan meja. Gelombang perasaan bangga dan megah beralun-alun dalam dirinya.

Dia mahu menggadaikan becanya itu kepada Tauke Ali (Ah Lee) ketika Ghani pulang meminta wang sebanyak 150 ringgit untuk masuk universiti. Masih hangat peristiwa itu dalam ingatannya. Rasa-rasanya baru benar hal itu berlaku. Dia cukup sayang pada anaknya dan kadang-kadang sayangnya itu sama banyak pula

dengan sayang pada becanya. Sudah setengah daripada umurnya dihabiskan di atas beca dan beca ini baru saja menjadi miliknya. Hatinya berbelah bagi. Dia benar-benar bingung, tidak tahu mana satu yang harus dipilih. Sayangkan anak dia mesti berpisah daripada becanya. Sayangkan beca bererti dia menguburkan hari depan anaknya. Bagai mengulum buah malakamo. Kepada anaknya dia sayang dan kepada becanya juga dia sayang.

Becanya itu dihiasinya dengan berbagai-bagai perhiasan yang menjadi kesukaannya. Ada ukiran bunga yang cantik, beraneka warna. Ada lampu berkelap-kelip apabila berjalan waktu malam. Beca itu miliknya sendiri. Dia cuci dan bersihkan setiap petang. Bingkai roda dan jari-jari roda beca itu dibrasso sampai berkilat. Kalau ketika berjalan bingkai dan jari-jarinya itu mengeluarkan cahaya berkilau-kilau. Dia tidak dapat melihatnya, tetapi dia tahu. Kawan-kawannya selalu menegurnya. Selalu berkata serupa itu.

Kesayangannya pada beca itu menyebabkan rezekinya lebih murah daripada orang lain. Penumpang-penumpang lebih senang menumpangi becanya. Mereka akan mencarinya di mana-mana saja: di pasar besar, di panggung wayang atau di Sekebun Bunga. Mereka berasa selesa duduk pada tilam yang bersih, serta berasa keselamatannya terjamin. Pak Mat amat hati-hati mendayung becanya.

Beca itulah yang mahu digadainya. Tauke Ali bila-bila saja mahu memberinya 200 ringgit. Dengan pejam mata dia mahu menerima beca itu.

"Bagaimana dengan wang skolasyip yang kauminta itu?" tanyanya dengan bibir yang bergetar.

"Belum ada jawapan."

Dia menggigit bibirnya. Terlalu berat hatinya mahu melepaskan peluang anaknya belajar di universiti.

Peluangnya hanya sekali itu saja. Terlalu berat pula hatinya mahu menyerahkan beca itu kepada orang lain. Dia tahu, dia masih dapat menggunakan terus beca itu walaupun sudah digadai, tetapi sudah tidak sama lagi seperti sekarang ini. Becu itu bukan miliknya lagi. Dia nanti seperti mengulangi bekas bininya yang sudah ditalak tiga. Orang lain pun boleh menggunakan beca itu juga. Dia bukan miliknya lagi.

Pak Mat terlalu bingung. Pelanggan wanita yang sedang sarat mengandung yang mahu dibawanya ke Hospital Besar itu, telah dibawanya sampai ke Berek Dua Belas.

"Orang tua bodoh!" pekik perempuan itu meluahkan marahnya. Astaghfirullah!

Pak Mat diam. Terlalu jauh rasa hatinya mendengar kata-kata kesat itu. Dia mengesat-ngesat peluhnya dengan semuntalnya. Dia seperti orang dungu. Tambangnya diterima antara mahu dengan tidak. Biarlah dia tidak bayar, tidak apa. Asal jangan maki aku. Tetapi tiga keping wang syiling kecil itu tergolek juga di tapak tangannya. Dia melihat pada syiling itu dengan mata yang berair. Alangkah jauhnya jumlah itu dengan jumlah yang dikehendaki anaknya.

Itu hari menghabiskan dia menjadi tuan punya beca itu. Petang nanti dia akan menggadaikannya kepada Tauke Ali. Hatinya sudah berdarah. Perih bisanya menyucuk-nyucuk hulu hatinya. Perih dan pedih itu ditahannya juga. Lututnya tiba-tiba lenguh. Perasaan tua tiba-tiba menguasai dirinya dan dia seperti tidak upaya mahu meneruskan lagi kerjanya itu.

"Minum Pak Mat!" seru Deris dan menyikut belikatnya.

Pak Mat terkejut terkapa-kapa. Dia tidak sedar kopi o pekat telah terhidang di depannya. Mek Limah juga

telah ikut duduk di depan mereka, bertopang dagu mendengar Deris membaca surat khabar itu.

"Untung Pak Mat," kata Mek Limah kemudian. "Tak payah gatih beca lagi. Anak dah jadi orang besar."

"Berapa?" tanya Tauke Ali. Anak matanya yang jinak, yang dibaluti oleh gelambir lemak itu bergerak-gerak licik.

"Dua ratus sudah!"

"Seratus lima puluh."

"Tak cukup!"

"Seratus lapan puluh!"

"Dua ratus!"

"Aiya. Pak Mat ini banyak pandailah." Tauke Ali menepuk-nepuk belakang Pak Mat. Pak Mat tersengih senang mendapat tepukan mesra serupa itu.

"Dah dapat, pak!" pekik Ghani dari belakang bapanya. Pak Mat berpaling.

"Dapat? Dah dapat?"

Rasa lemah lutut tiba-tiba menyerang lagi. Dia mahu tumbang. Tauke Ali takut melihat Pak Mat serupa itu. Dia lalu memegang lengan Pak Mat kuat-kuat. Heboh sebentar di depan kedai basikalnya. Ghani ikut memegang lengan bapanya yang sebelah lagi. Pak Mat tidak jadi jatuh. Tauke Ali lalu melepaskan pegangannya. Menggeleng-gelengkan kepalanya. Kesal. Hatinya geram kerana satu kesempatan baik telah diterbangkan angin.

"Minum!"

Dia mahu mendengar lagi cerita yang dibaca oleh Deris, tetapi rasa segan melarangnya. Biarlah aku beli saja sendiri nanti. Suruh budak-budak baca, lepas itu kutampalkan di dinding rumahku. Anakku jadi orang besar.

"Apakah kerjanya agaknya?" tanya Mek Limah.

"Cik Ghani," kata Pegawai Daerah ketika Ghani telah selesa duduk di depannya. Agak bongkok sedikit. Kurus dan macam tidak cukup protein. Rambutnya panjang terlalu muda untuk memikul tanggungjawab yang berat. "Saya mahu beritahu *you* tugas-tugas sebagai PPD. Saya harap *you* selesa di bilik itu."

Ghani tidak menjawab. Dia hanya memandang ke muka PD yang sudah berumur itu. Nampak rona kebosanan pada wajah itu. Kerutan-kerutan kecil yang timbul pada kulit mukanya yang bulat berisi itu seperti riak batin orang yang fras. Mungkin dia fras kerana setua itu masih di takuk lama juga.

PD itu mencapai paipnya dan mengetuk-ngetuk dapur paip itu pada bucu mejanya sebelah kanan.

"Padakan saja apa yang ada itu," katanya. Matanya pada paipnya. "Kalau mahu minta ganti yang lain, mungkin sesudah kita pindah dari sini baru dapat. Kita akhirnya jadi tukang minta-minta saja."

PD itu memandang kepadanya. Semua PPD yang lalu komplek tentang mejanya. Dia ini pun tentu akan komplek juga. Anak muda julung berkeris. Terlalu idealis.

Hmm. Itulah sebabnya meja dan kerusi itu telah terlalu tua. Sudah menjadi barang antik. Mungkin tilam kumal itu pun inventaris kerajaan juga. Tidak ada siapa yang ingin tukar.

"Ya, kita lupakan hal itu. Sekarang tentang pembahagian kerja. *I* mahu *you* jaga *admin* dan di samping itu tolong-tolong tengokkan juga kerja-kerja rutin yang lain. *You* masih *fresh* dari U jadi perlu dapat pengalaman. Bagaimana, bersetuju?"

"Terserah kepada tuan. Saya bersetuju saja." Tidak ada alternatif yang diberikan olehnya. Kalau aku kata tak setuju pun aku akan kerjakan itu juga. Ini cuma

pemanis mulutnya saja. Apa peduli dengan tugas. Kerja apa saja aku boleh buat. Aku dah letih bersekolah. Aku mahu ambil hasilnya sekarang.

"Bagus!" kata PD itu lalu bangun dan menghulurkan tangannya. "Nah, selamat bertugas."

Ghani sedar ia disuruh keluar dari bilik itu secara hormat. Dia pun bangun lalu berjalan ke pintu.

"Oh, ya!" seru PD itu. Ghani terpaku di antara daun pintu yang sudah terbuka. Lehernya patah ke kiri. "Kalau ada apa-apa yang musykil, jangan segan-segan bertanya."

Ghani keluar tanpa berkata apa-apa.

PD itu mencapai semula paipnya dan diisi dengan tembakau. Matanya merenung pada kertas minit yang terlampir pada fail berpita merah yang terbuka di depannya.

Beberapa orang kerani yang tadinya berkerumun pada sebuah meja bertempiaran lari kembali ke meja masing-masing dan pura-pura bekerja. Ghani memandang dengan ekor matanya. Dia tahu. Tetapi kerani perempuan yang seorang itu menarik minatnya.

Di atas mejanya ada satu nota kecil. Ada panggilan telefon untuknya, dia diminta menghubungi kembali nombor yang tercatat di bawahnya. Tentu Faridah. Apa mahunya? Nanti Idah telefon *you*. Muka bujur telur yang dikepung oleh rambut panjang hitam sampai ke bahu itu, senyum kepadanya. Dia ingin tahu *initial* siapa yang tercatat pada nota itu. Ditekan loceng kecil di sebelah kanannya. Kerani yang berhampiran, seorang lelaki kurus dalam lingkungan 30-an masuk.

"Siapa yang menerima telefon ini tadi, Mir?"

"Rosnah, tuan."

"Mana satu?" Dia lupa nama pegawai-pegawai itu walaupun telah diperkenalkan.

"Itu!" ujar Amir dan menuding ke arah kerani perempuan yang menarik minatnya tadi. Berderau darahnya ke kepala. Rosnah.

"Suruh dia masuk sebentar."

Amir keluar. Rosnah masuk. Tubuhnya dibaluti dengan baju kebaya dan kain batik lepas. Potongan tubuhnya itu tidak ada yang cacat. Dadanya terbuka sedikit. Kulit dadanya yang kelihatan itu timbul kerana loket emas berbatu hitam tergantung di tengah-tengahnya. Barangkali batu hari lahirnya.

"Rosnah yang terima telefon tadi?"

Ini peluang aku berkenalan dengannya lebih intim lagi.

"Ya," jawab perempuan itu *reserved*.

"Ada pesanan lain?"

"Tidak ada."

Dia mahu meneruskan pertanyaannya lagi. Berapa lama sudah bekerja, di mana tinggal. Tetapi maksudnya itu tidak kesampaian kerana tidak ada reaksi daripada perempuan itu. Terlalu kaku. Sangkanya dia terlalu cantik. Sombong dan angkuh. Nantilah.

"Terima kasih!"

Kerani perempuan itu lalu keluar, meninggalkan bau Avon *misty spray* di dalam bilik itu.

"Mengapa Idah panggil?" katanya dalam telefon.

"Perkara motokar."

"Hmmm. Sudah ada yang berkenan?"

"Alfa Romeo!"

"Alfa Romeo?" Dia diam sejeurus lamanya, kelu. "Harganya terlalu tinggi. Takkan cukup dengan *loan* kerajaan."

"Itu tak jadi masalah. Bapa sanggup mendahulukan wang muka."

Bapa Faridah, Datuk Malik, seorang pegawai tinggi

kerajaan. Faridah itu anak tunggalnya. Satu *batch* dengan Ghani waktu di universiti dahulu. Di sanalah mereka berkenalan.

"Bayarannya? Tak sanggup *I* bayar dua tempat. Berapalah gaji *I* sebulan?"

Tetapi apa salahnya kalau bapanya mahu bayar wang muka dulu. Alfa Romeo ada prestij.

"*You* serahkan kepada Idah saja. Okey?"

Kalau sudah tidak ada alternatif lagi. Okey sajalah. Alfa Romeo. Lupa dia mahu bertanya bila boleh dapat motokar itu. Hatinya melompat-lompat gembira. Dia akan dapat Alfa Romeo. Barulah ada prestijnya sebagai PPD. Ah, semua cita-citanya hampir tercapai. Pegawai MCS. Bakal isterinya cantik, anak pegawai tinggi. Motokarnya Alfa Romeo. Apa warnanya? Minta-minta Faridah pilih warna yang garang sedikit.

Faridah menelefonnya petang itu menyuruh dia menunggu di depan pejabatnya. Dia akan datang menjemputnya. Barangkali mahu membawanya pergi melihat motokar itu.

Dia mencari-cari Mercedes Benz ayah Faridah di depan pejabatnya tetapi tidak kelihatan. Alfa Romeo yang berhenti agak jauh sedikit di sebelah kirinya itu menarik perhatiannya. Begitulah motokarnya nanti. Hatinya kembang. Kali kedua dia berpaling ke arah motokar itu ada tangan yang melambai-lambai. Dia lalu berpaling berkeliling melihat kalau-kalau ada orang di sekitar tempat itu yang melambai balik. Tidak ada. Dia saja. Motokar itu maju ke depan sedikit.

Hatinya melompat naik ke kerongkong. Faridah. Inikah motokarnya? Warna hijau pucuk pisang. Agak tua sedikit warna itu. Memang Faridah *crazy* dengan warna itu. Dia lekas-lekas menyeberang jalan dan masuk ke dalam motokar itu. Dia menghenyak-henyak

punggunya mahu merasakan keselesannya. Dia memandang ke belakang. Tersenyum-senyum. Kereta aku. Aku sudah berkereta.

"Bagaimana?" tanya Faridah.

"Bagus! Bagus!"

"Tak bagus!" kata Pak Mat ketika isterinya memberitahunya Ghani telah pulang dengan motokar baru.

Itulah ketakutan Pak Mat yang paling besar apabila anaknya lulus universiti. Dia takut anaknya bermotokar. Dia tidak dapat menghalang Ghani bermotokar tetapi dia tidak begitu gembira kalau anaknya itu membawa pulang motokar ke rumahnya. Kedudukannya sebagai seorang penarik beca akan terancam. Dunianya akan tergugat. Di mana motokar itu akan diletakkan? Dia tidak mahu motokar itu disandingkan dengan becanya. Tiba-tiba timbul perasaan bencinya pada motokar anaknya itu. Dia tidak mahu becanya itu disandingkan dengan motokar anaknya.

"Demo takkan gatih beca lagi, anak kita dah bermotokar besar," kata isterinya.

Pak Mat memandang muka isterinya dengan tajam. Isterinya takut melihat pandangan itu. Dia menundukkan matanya ke tepak sirih. Dia tidak dapat menyelami erti pandangan itu: marah atau benci. Tetapi nalurinya merasa pada pandangan itu ada sesuatu yang tidak kena.

"Itu kata *demo!*" jawabnya kasar.

Isterinya tersentak. Perkataan *demo* itu terlalu menekan. Dia tidak bermaksud akan menyinggung perasaan suaminya, tetapi bukankah patut dia menyatakan pendapatnya? Suaminya itu patut berhenti daripada menarik beca apabila anaknya sudah menjadi orang besar. Apa kata orang apabila bapa PD menarik beca. Dia menggeleng-gelengkan kepalanya, tidak

mengerti. Pak Mat mengambil tikar sembahyang untuk sembahyang asar. Isterinya mengambil kesempatan itu mengelakkan dirinya ke dapur.

Pak Mat masih membaca wirid di atas tikar sembahyangnya. Dia berdoa agak lama kali ini.

"Pak Mat ada, mak cik?"

Dia mendengar pertanyaan itu sayup-sayup datang dari bahagian dapur. Siapa agaknya! Dia mahu bertanya tetapi tidak jadi. Dia terus membaca wiridnya. Terdengar suara isterinya bersoal jawab dengan orang yang bertanya itu.

"Ayah dia ooi!" Isterinya melaung. "Ada orang cari teksi."

"Ambo tak keluar lagi," jawabnya tanpa bergerak.

Terdengar lagi suara percakapan isterinya dengan orang itu. Dia meneruskan wiridnya.

"Orang ini mahu ke rumah sakit," kata isterinya lagi. "Orang dari Atas Lembah."

Pak Mat terhenti daripada wiridnya. Dia terdiam sebentar berfikir. Lalu bingkas bangun, menggantungkan tikar sembahyangnya di ampaian dan tergesa-gesa menyarung seluar dan baju kerjanya yang masih lagi basah dengan peluh.

"Minum dulu," kata isterinya dan berjalan ke dapur mahu mengambilkan kopi yang sudah disediakan.

"Tak payah. Orang sakit!" katanya dan turun mengambil becanya.

"Mana pak, mak?" tanya Ghani ketika dia sampai di rumah. Matahari sudah ayun-temayun. "Bapa belum pulang?"

"Dah keluar lagi, hantar orang sakit."

Ghani memanjat tangga dan seperti tidak percaya kepada keterangan ibunya, dia menjenguk ke dalam rumah. Dia kemudian duduk di muka pintu, berjuntai

di tangga. But Clark berwarna coklat tergantung di kakinya.

Suasana petang di Kampung Bawah Lembah yang biasanya tenang dan malas itu tiba-tiba berkocak oleh ketibaan Ghani dengan motokar Alfa Romeonya pagi tadi. Kocakan itu timbul semula. Beberapa orang anak tetangga yang tidak berbaju dan berkaki ayam, dengan kulit hitam berpenyakit, kembali berkerumun melihat motokar itu. Mereka menyentuh dan meraba-raba, hairan dan kagum.

Faridah mahu ikut, tetapi dia belum mahu membawanya lagi. Tidak sampai hatinya melihat kaki putih itu menjejaki rumah buruknya. Dia malu dengan rumahnya yang buruk dan dengan keadaan sekeliling yang miskin.

"Kita tidur di *rest house* atau di hotel," kata Faridah, ketika dia memberitahu rumahnya buruk dan kecil saja. Tetapi dia tahu, tidur di mana saja Faridah mesti dibawa ke rumahnya juga, berkenalan dengan ibu dan bapanya. Faridah itu bakal isterinya. Tidak boleh. Dia orang kota. Anak orang besar. Tidak boleh datang dalam keadaan seperti sekarang ini. Dalam keadaan bapanya masih menjadi penarik beca.

"Hei, jangan sentuh-sentuh. Nanti bercalar motokarku!" laungnya. Tetapi anak-anak itu hanya berhenti sebentar saja. Tercengang mendengar pekikan Ghani. Sesudah itu mereka menyentuh-nyentuhnya kembali.

"Naiklah!" kata ibunya.

Ghani membuka kasutnya dan naik. Ibunya menuangkan kopi ke dalam cawan bekas bapanya tadi. Ghani berjalan mundur-mandir di dalam rumah itu. Dia kemudian duduk dan mencuba bersila dalam keadaan payah. Matanya memandang jauh ke dalam sungai. Air Sungai Kelantan sedang mengalir tenang.

"Kejar aku!" pekik Mat Keling mencabar Ghani mengejanya dalam sungai itu. Mat Keling itu kawannya yang paling akrab waktu kecil-kecil dahulu. Mereka selalu mandi dalam sungai itu.

"Mana Mat Keling?"

Ibunya memandangnya dengan hairan. Ghani berasa ada sesuatu yang telah berlaku pada Mat Keling dalam pandangan ibunya itu. Mat Keling juga menjadi penarik beca seperti bapanya.

"Kau tak dengar?"

"Dengar apa?"

"Dia dah mati dilanggar kereta."

"Bila?" Ghani macam memekik.

"Dua minggu yang lalu."

Ghani tiba-tiba teringat pada bapanya. Dia lalu bingkas bangun dan menuju ke pintu.

"Kau mahu ke mana?" tanya ibunya.

"Saya mahu keluar sebentar."

"Minumlah dulu," gesa ibunya.

Ghani berjongkok mencapai tangkai cawan kopi itu dan menghirupnya sedikit. Dia lalu menyarung kasutnya dan turun. Sebentar kemudian meraunglah motokarnya beberapa kali, mundur maju mencari jalan keluar. Ibunya melihat motokar itu menghilang di sebalik selekoh dengan perasaan kosong dan sunyi menguasai dirinya. Bunyi raungan motokar itu semakin lama semakin jauh dan bercampur-baur dengan bunyi lain, menindas bunyi yang mahu dicamnya sebentar tadi. Ia tenggelam dalam kesayuan.

Ghani mencari bapanya dengan suatu desakan asing yang dia sendiri tidak mengerti. Ada suatu kuasa dari luar dirinya yang menyuruh dia menemui dan membawa bapanya pulang. Dia mencari bapanya sampai di Hospital Besar, di Pasar Besar yang sudah lengang,

kerana malam baru bermula. Dia mencarinya di Panggung Odeon, di Panggung Rex, di Panggung Lido, di Sekeibun Bunga, tetapi bapanya tidak ada.

Deris yang diketemuinya di depan Taman Biaritz juga tidak melihatnya petang itu. Ke mana?

Ghani memandu motokarnya lagi. Dia menyusur di semua jalan dalam bandar itu, sambil memandu sambil memandangi ke kiri dan kanan.

Dia agak payah mahu mengecam beca bapanya dalam samar-samar malam serupa itu, tetapi dia mesti mencarinya juga sampai dapat. Dia mesti menemui bapanya. Dia telah berpesan kepada tukang-tukang beca yang lain supaya menyuruh bapanya pulang. Dia tidak sempat bercakap-cakap dengan tukang-tukang beca itu yang sebahagian besarnya dia kenal dengan baik, yang tinggal sekampung dengannya dahulu.

Akhirnya semacam rasa putus asa menguasai dirinya, Ghani lalu mengambil keputusan akan kembali saja menunggu bapanya di rumah. Dia membelokkan motokarnya ke Jalan Sultanah Zainab dan melarikan motokarnya dengan laju. Dia mendapat firasat bahawa bapanya sudah pulang ke rumah dan sedang menunggunya.

Ghani mahu melampaui sebuah beca yang sedang menurunkan penumpang di sebelah jalan, ketika dia tanpa sedar telah menyondol sebuah beca lain yang datang dari depan di sebelah kanan. Penarik beca itu terlambung ke atas bonet motokarnya dan kemudian jatuh di sebelah. Sejenak lamanya dia tidak dapat mengawal motokarnya. Apabila perjalanan motokar itu dapat dikawalinya semula, dia berasa seperti baru tersedar daripada sebuah mimpi yang ngeri.

"Bunuh, pembunuh!" Dia mendengar pekikan bertalu-talu di kiri kanan jalan.

Orang-orang di sekitar tempat itu telah gempar dan memekik-mekik dengan riuh. Ghani melihat dari cermin kecil di atas kepalanya. Mereka keluar dari sebelah-menyebelah jalan. Ada yang membawa kayu dan ada yang membawa senjata. Dia gugup dan panik. Dia terus saja memecutkan motokarnya seberapa laju yang dapat. Ekzos motokarnya meraung-raung, meninggalkan bunyi dan asap. Dia membelok ke Jalan Hamzah. Pada waktu itu dia hanya ingin mahu melarikan dirinya saja. Lari dari tempat celaka itu. Tubuh penarik beca yang terhumban di atas bonet motokarnya seperti masih ada lagi di situ. Tubuh itu baru jatuh. Dia mendengar bunyi tubuh itu jatuh terhempap. Tubuh itu ada lagi. Jatuh lagi. Dia terus melarikan motokarnya. Lari.

Orang-orang kampung telah mengejanya dari belakang. Mereka mengacung-acungkan tangan dan kayu sambil meluahkan marah dan geram. Mereka itu dia tinggalkan apabila dia mencapai selekoh. Cuma suara marah-marah mereka saja masih terdengar dalam dirinya. Lantang dan menakutkan. Bengis dan meminta darah.

Ghani terus melarikan motokarnya. Dia melihat tubuh terbujur di atas bonetnya. Dia melihat bapanya. Dia melihat ibunya. Faridah. Datuk Malik. Bilik sepuluh kaki kali sepuluh kaki. Rosnah, Faridah. Ibunya. Bapanya. Deris. Mat Keling. Tubuh itu ada lagi di atas bonet. Tubuh itu jatuh terhempap.

Sebuah beca yang cantik telah remuk di dalam parit dan sebuah badan terbujur tidak jauh darinya.

"Celaka betul orang yang melanggarnya!" Sumpah seorang penonton yang tidak dapat menahan perasaan amarahnya.

"Barusan saja anaknya mencarinya," kata Deris yang baru sampai di tepi parit itu setelah bersusah payah

menyusup di celah-celah tubuh yang berkerumun itu.

Orang ramai berkuak apabila sebuah ambulans datang mengangkat mayat itu ke rumah sakit.

Deris mendayung becanya dengan kuat-kuat menuju ke Bawah Lembah untuk memberitahu Mak Teh, isteri Pak Mat dan Ghani anaknya, yang sudah tentu sedang menunggu di rumah.

Dewan Sastera, Oktober 1974

Sebuah Pekan Bernama Semporna

DI PADANG yang terletak di hadapan Dewan Masyarakat di pekan Semporna, orang-orang sedang sibuk bekerja mendirikan gerai-gerai untuk Tamu Besar yang akan diadakan pada hari Sabtu nanti. Gerai-gerai makan di sudut sebelah kiri telah lebih dulu siap kerangkanya dan para pemilik petak yang telah ditentukan dengan undi itu pun sudah mulai menghiasi petaknya masing-masing, dengan hiasan yang sebaik mungkin untuk memikat para pengunjung Tamu Besar itu.

Petang itu kami berjalan di lorong kecil gerai-gerai makan yang sudah siap dihias. Agak susah juga mahu memilih gerai yang akan disinggahi kerana semuanya menarik, kebanyakan hiasan dindingnya yang melapisi terpal atau atap luar itu daripada permaidani yang indah-indah, daripada kain-kain batik yang sangat cantik coraknya. Meja-meja juga diberi alas dengan kain berbunga dan ditutupi dengan plastik. Masing-masing gerai itu telah siap dengan pelayan wanitanya yang manis-manis. Ada yang genit mencabar kami untuk singgah dengan renungannya yang tajam. Antaranya yang menjadi pelayan itu ialah anak gadis yang punya kedai itu sendiri dan ada juga yang digaji selama Tamu

Besar itu diadakan. Tiap-tiap gerai ada alat penghiburnya, baik yang berupa kaset dari radio transistor dan ada dari kaset dengan *amplifier* yang mahal harganya. Dari tiap-tiap gerai bergema berbagai-bagai lagu, bunyi lagu itu kemudian bercampur-aduk, sehingga akhirnya keluar bunyi yang menderu-deru seperti bunyi guruh musim tengkujuh.

Langganan pertama telah pun ada. Anak-anak muda berambut gondrong, memakai *T-shirt* dengan berbagai-bagai tulisan di dada dan di belakang, jaket kusam yang berbendera Amerika di lengan duduk menongkrong bercakap berbisik dengan para pelayan. Kami lewat tanpa ada tujuan untuk singgah. Dan semua mata memandang ke arah kami, kerana mereka mengenali kami sebagai orang baharu di pekan kecil itu.

Gerai-gerai pameran lain di sebelah kanan baru kelihatan kerangkanya yang semakin lama semakin nyata bentuknya. Masing-masing pemilik sedang bekerja keras untuk menyiapkannya sebelum pagi Sabtu itu. Kami berdiri di tengah-tengah tanah lapang, dielus oleh angin Laut Sulu dengan udaranya yang sejuk bercampur kering.

"Minta-minta jangan ada hujan," kataku, setelah melihat awan hitam sarat di sebelah timur dan setelah melayangkan pandang sekali lalu ke arah gerai makan yang dari luar itu kelihatannya seperti tenda orang Tartar di dataran tinggi dalam filem *Taras Bulba*. Dari luarnya kelihatan buruk sekali, menyakitkan mata memandang, tetapi di dalam, masya-Allah, macam syurga dunia. Memanglah demikian, benda-benda yang lahir itu amat mudah mengelirukan tanggapan.

"Tetapi jangan lupa," sahut Arena Wati. "Sekarang ini bulan November. Musim hujan."

"Kalau hujan, habislah mereka." Ahmad Matusin

mencelah dengan nada suara yang berisi keharuan.

Memang mengharukan sekali kalau hujan turun, gerai yang seluruhnya diselubungi oleh kain terpal dan permaidani yang cantik-cantik dan mahal itu takkan dapat menangkis air dan tentu akan basah semuanya. Berapa hasil yang akan mereka peroleh, barangkali tidak cukup membeli sehelai permaidani serupa itu, apatah pula tiap-tiap gerai itu menggunakan tiga, paling kurang dua helai permaidani yang berukuran besar. Mana gaji pelayan dan modalnya lagi!

"Agak aneh orang-orang di sini." Arena Wati berkata sambil mengeluarkan keluhan halus, ketika kami memutuskan akan kembali ke hotel kerana waktu maghrib telah hampir tiba.

"Kenapa?" Aku menyampuk dengan cepat sambil memandang mukanya dengan hairan.

"Lihat, betapa banyaknya mereka yang membuka gerai makan di sini, sedangkan di pekan itu tak ada sebuah kedai makan pun."

Malam tadi kami makan di kedai orang India yang terletak berhampiran dengan panggung wayang, itulah satu-satunya kedai makan Islam yang kami jumpai setelah berjalan berputar-putar pergi balik.

Tengah hari tadi juga kami makan di situ, untung ada daging payau (rusa) yang telah dipesan oleh Arena supaya direndang tanpa taruh kicap atau cili untuk membuka selera, kalau tidak telur goreng lagi!

Sebaik saja kami melangkah keluar dari padang itu, titik-titik halus hujan telah menimpa mukaku. "Ah, sudah hujan nampaknya."

"Di sini," kata Arena yang pernah menjadi pelaut itu, "perubahan udara tidak dapat diduga-duga. Lebih-lebih lagi menjelang bulan dua belas ini."

"Kalau hujan, kesianlah orang-orang gerai itu."

Sekali lagi Ahmad Matusin meluahkan perasaan simpatinya, dan sebaik saja ucapannya itu habis, hujan dan angin pun datang. Kami berlari masuk ke kaki lima, mencari perlindungan. Suara riuh-rendah kedengaran datang dari gerai-gerai makan itu. Orang-orang kelihatan berlari-larian keluar dan kemudian masuk dan keluar lagi. Sudah ada kain terpal yang terbang, ruang di dalam gerai itu telah terdedah kepada angin dan hujan. Gadis pelayan gerai itu dan beberapa orang pemuda kelihatan memegang tepi kain terpal yang lain, agar jangan ikut terbang. Hujan semakin lebat dengan titik-titik kasar. Berkabus dalam suasana senja itu. Kami pun berlari masuk ke hotel.

"Eh, ada orang menunggu kita," kataku demi melihat seorang gadis dan dua orang anak lelaki bangun dari kerusi di ruang tamu, sebaik saja kami melangkah masuk. Mereka memakai uniform sekolah.

"Sudah lama?" Arena bertanya.

"Lama juga," jawab gadis itu.

"Maaf," kataku. "Kami pergi berjalan ke padang melihat Tamu Besar."

"Saya juga dari sana," jawab gadis itu. "Saya menyiapkan gerai sekolah. Tetapi saya telah minta izin daripada guru untuk datang ke mari."

"Mari masuk." Arena mempelawa mereka masuk setelah pintu bilik dibuka. Aku suruh mereka masuk dulu dan kemudian mempersilakan Ahmad Matusin.

"Biarlah saya sembahyang dulu," kata Ahmad Matusin. "Nanti saya datang."

"Saya mau sembahyang juga," kataku. "Bercakaplah dengan Pak Arena. Nanti Pak Arena sembahyang saya pula gantikan tempatnya."

"Kami tidak mengganggu?" tanya gadis itu.

"Oh, tidak. Kalau Intan mahu sembahyang di sini

juga boleh," kataku.

Gadis itu tercengang kerana aku menyebut namanya. "Di mana bapak tau nama saya?"

"Itu, dari lehermu."

Dia meraba rantai lehernya dan tersenyum. Tadi di sekolahnya juga ada beberapa orang gadis sebaya dengannya yang memakai rantai leher serupa itu. Ada namanya masing-masing.

"Mahu sembahyang?"

"Biarlah saya sembahyang di rumah saja," jawab Intan. Kawannya yang berdua itu masih belum terdengar suaranya. Paling banyak tersenyum sedikit. Atau tersengih. Atau membuat muka tolol.

"Cepatnya bapak sembahyang," kata Intan.

"Biasa saja. Bacanya cepat dan yang utamanya ialah di sini," kataku seraya meletakkan tapak tangan kanan di atas dada kiri. "Di sini mesti betul."

Arena pula keluar mengambil wuduk dan sembahyang di atas tempat tidurnya.

"Nah, pertama sekali. Tidak marahkah ibu bapa Intan kalau pulang lambat?" tanyaku.

"Saya sudah pesankan adik saya. Mereka tidak marah kalau tahu ke mana saya pergi. Saya beritahu mau jumpa bapak berdua di sini."

"Intan tinggal di mana?" tanya Arena.

"Kira-kira empat batu dari sini."

"Ini yang dua lagi ini, yang sejak tadi belum terdengar suaranya?" tanyaku.

"Kami ... kami sekampung," jawab salah seorang daripadanya, yang agak rendah dan rambutnya kejang. Sebatang giginya, gigi siung dimakan ulat.

"Yang ini juga?" tanya Arena kepada yang seorang lagi. Kurus tetapi rendah beberapa inci daripada Intan.

Dia mengangguk.

"Siapa nama? Kenapa tak pakai rantai yang ada nama seperti Intan?"

"Kami lelaki," jawab yang kurus itu tersenyum. "Nama saya Bani dan ini Raup."

"Tingkatan berapa? Sama dengan Intan?"

"Empat," jawab Raup. "Intan sudah tingkatan lima."

Intan melunjurkan kakinya yang panjang itu ke depan sedikit, dirapatkan kedua-dua kakinya itu dan membengkokkan lututnya ke kiri.

"Saya menyesal sekali tidak dapat mendengar ceramah tadi siang. Bolehkah bapak ceritakan pula kepada saya?"

Aku melihat ke muka Arena sambil tersenyum. Agak hebat permintaannya itu dan bagaimana kami akan berceramah hanya untuk dia tiga orang saja, suasananya tidak sesuai. Apa yang kami ceramahkan tadi tentu tidak mungkin diceramahkan lagi.

"Begini," kata Arena mencari jalan keluar. "Intan tanya saja. Kami akan jawab."

"Tetapi saya tidak tahu apa yang mahu ditanyakan," jawabnya seperti mahu menangis. "Saya cukup kesal tak dapat ikut tadi. Saya disuruh sediakan gerai untuk Tamu Besar."

Nampaknya anak ini benar-benar ingin belajar, kataku dalam hati. Dia berusaha untuk datang berjumpa dengan kami walaupun hari sudah malam. Kami tidak boleh menghampakan maksudnya. Tetapi bagaimana kami mahu mengulangi kembali apa yang kami ceramahkan itu. Masakan ceramah yang memakan masa kira-kira enam jam itu dapat kami ulangi dalam masa satu jam saja. Aku tahu Arena juga sedang berfikir seperti itu.

"Baiklah," kataku. "Buku-buku apa yang Intan gunakan sekarang?"

Arena lalu bercakap tentang buku itu. Aku menyampuknya. Intan bertanya. Raup juga sudah berani bertanya, sekali-sekala disampuk oleh Bani. Percakapan kami pun mulai hidup. Pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Intan kadang-kadang mengagumkan. Fikirannya cukup kritis. Pendapatnya tentang sesuatu perkara kadang-kadang memajukan. Kami lupa waktu isyak, sehingga Ahmad Matusin mengetuk pintu.

"Sudah isyak," katanya. "Sembahyang atau pergi makan dulu. Kalau lambat nanti kedai ditutup."

"Di sini kedai-kedai ditutup jam lapan malam. Kalau tidak ada orang kadang-kadang ditutup lebih awal," kata Intan.

"Kita makan dulu," jawab Arena. "Mari kita pergi makan bersama-sama. Sesudah itu Intan boleh pulang."

Tetapi Intan menolak. Dia mahu pulang takut ketiadaan bas. Di pekan kecil serupa ini, orang lebih cepat tidur, walaupun ada panggung wayang, tetapi orang lebih senang duduk-duduk di rumah.

Pagi-pagi lagi orang sudah mulai ramai. Pasar, kedai kopi telah penuh sesak dengan langganan. Sebahagiannya menuju ke padang tempat Tamu Besar akan diadakan. Dari jauh kelihatan orang-orang yang masuk ke padang itu menyingsing kaki seluarnya ataupun menyelak kainnya. Tadi malam hujan cukup lebat. Kain terpal yang menjadi atap dan dinding gerai-gerai makan itu lembap dan kelihatan berat. Lorong kecil di antara gerai-gerai makan itu telah lecek dengan lumpur. Arena ikut menyingsing kaki seluarnya dan mencuba memilih tempat yang tidak becak. Hampir tidak ada lagi tempat yang kering. Kerusi-kerusi untuk jemputan yang menghadiri upacara pembukaan rasmi oleh menteri juga diatur di atas lumpur dan air. Beberapa keping papan

diletakkan untuk tempat menteri berjalan.

Persiapan masih terus dilakukan. Ada gerai yang belum siap betul. Bunyi ketukan masih terdengar. Ada yang baru mahu mengecat dinding gerainya. Ada yang baru meletakkan nama pejabatnya dan ada pula yang baru memacak tiang bendera.

Walaupun keadaan padang itu becak seperti itu, tetapi orang semakin ramai juga. Masing-masing dengan pakaian yang berwarna-warni. Orang-orang di pekan ini amat kaya dan berani dengan warna. Rumah-rumah dan masjid mereka dicat dengan warna-warna yang garang. Merah, kuning, hijau dan biru. Warna pakaian mereka juga demikian. Dalam sebentar saja, padang itu telah berubah menjadi lautan warna.

"Bapak!" Intan melaung aku dari gerai sekolahnya, ketika aku membalas lambaian daripada guru besarnya. Dia bercakap sesuatu dengan guru besar itu dan kemudian keluar mendapatkan aku yang sedang berdiri di tengah lautan warna.

"Bapak mahu ke mana?" tanyanya. "Mana Pak Arena?"

Aku menunjukkan Arena yang sedang bercakap-cakap di gerai Yayasan Sabah. "Intan mahu bawa saya ke mana?"

"Mari kita berjalan berdua. Cepat!"

"Kenapa?"

"Nanti kawan-kawan saya ikut sama. Ada yang mahu saya tanyakan bapak," jawabnya sambil menarik lenganku.

Kami pun berjalan. Belum beberapa langkah, tiba-tiba ada serombongan kawan-kawannya tercegat di depan kami. "Mana aci, berjalan berdua saja. Kami juga mahu ikut."

Muka Intan muram. Tetapi dia tidak berdaya mahu

mengusir kawan-kawannya itu. Kami pun berjalan dalam satu rombongan mengelilingi padang itu. Intan tidak jadi bertanya.

Tiba-tiba di hadapan kami melintas tiga orang perempuan. Perempuan yang muda itu berpakaian seperti gadis-gadis pekerja pejabat di Kuala Lumpur. Berbaju kot dan *skirt* berwarna hitam dan kelepak leher kemejanya dikeluarkan melapisi kelepak leher kotnya. Dia memakai stoking dan kasut hitam tumit tinggi. Agak payah dia berjalan di tanah lembik serupa itu dan kasutnya itu pun telah berlumur dengan lumpur. Aku terhenti. Tertarik melihat wanita muda yang berpakaian serupa itu di tempat itu. Tubuhnya kecil, rambutnya lurus mencecah bahu. Selang beberapa ela, ketika dia sampai di depan sebuah gerai, dia dan rombongannya berhenti. Dia lalu mengeluarkan rokok Camel dari begnya. Dinyalakan rokok yang sudah terletak pada bibirnya yang bergincu merah tebal itu dengan pemetik api Ronson kuning seperti emas. Dia menghisap rokoknya dengan seenak-enaknya, tanpa mempedulikan mata orang yang sedang tertumpu kepadanya. Perempuan tua yang di sebelahnya juga tidak menghiraukannya. Anak gadis kecil yang bersama-sama dengannya yang memakai baju gaun berwarna merah itu saja yang sebentar-sebentar mendongak memandang muka perempuan muda itu.

Intan ikut terhenti. Kawan-kawannya yang berhampiran juga berhenti. Mereka yang lain telah terlajak beberapa langkah ke hadapan dan berhenti seraya berpaling memandang ke belakang.

"Kenapa pak?" tanya Indah yang berjalan di sebelah kanan Intan.

"Tidak apa-apa," ujarku dan melangkah semula.

"Pak tahu siapa perempuan itu?" tanya Baitah yang

berdiri di hadapanku. Kulihat Intan dan kawan-kawannya yang lain itu memandangi kepada Baitah dengan suatu pandangan yang memberi amaran. Aku tidak tahu apa maksud pandangan mereka serupa itu.

"Siapa dia?"

"Namanya Pipah. Tetapi dipanggil Pip saja. Dia sekampung dengan saya. Tapi sudah lama tinggal di KK."

"Dia kerja apa?"

"Setiausaha sebuah firma yang besar di sana. Saya tidak tahu nama firmanya itu," kata Baitah.

"Sudah pak," kata Intan seolah-olah mahu memotong cerita Baitah. "Mari kita jalan. Mereka itu sudah jauh ke depan."

Kulihat Baitah berwajah kesal kerana tidak dapat meneruskan ceritanya. Bibir mulutnya yang sudah pun bergerak-gerak itu, tak sempat mengeluarkan apa-apa perkataan. Kami lalu berjalan perlahan-lahan. Aku ingin mendengar lanjutan cerita Baitah tentang wanita itu. Perempuan tua yang gemuk itu tentulah ibunya dan anak gadis itu tentulah adiknya. Pakaian perempuan muda itu cukup menarik. Dia seperti berada dalam temasya pacu kuda di Derby, England dan bukan di pekan kecil di hujung negeri Sabah. Dia menghisap rokok serupa itu tanpa silu sedikit pun. Nampak semacam ada udara superioriti pada dirinya, yang tidak mengendahakan orang lain. Tentu dia seorang setiausaha yang berjaya. Banyak gajinya dan menjadi kebanggaan pekan kecil itu.

"Intan!"

Kami serentak berpaling ke arah suara itu.

Seorang anak lelaki kawan sekolah Intan, berkemeja, berseluar dan berkasut putih dengan dasi merah, berlari mendapatkan kami.

"Pengetua panggil, menteri akan sampai," katanya termengah-mengah.

Intan kelihatan kesal. "Maaf pak, saya terpaksa pergi. Pak jangan pergi jauh-jauh."

Intan dan beberapa orang kawan-kawannya meninggalkan kami.

"Baitah tidak pergi?" tanyaku. Baitah dan empat orang saja yang masih bersama-samaku kini.

"Saya tidak. Mereka yang di tingkatan lima saja."

"Baitah tingkatan berapa?"

Dia menegakkan jari tangan kanannya.

"Empat?"

Dia mengangguk.

"Ke mana lagi?" tanyaku setelah kami sampai di pinggir padang yang menghala ke laut.

"Kita balik."

Waktu kami berpatah balik itu, matakku mencari perempuan muda tadi di antara orang ramai yang sedang berkumpul melihat menteri berucap, merasmikan Tamu Besar itu. Di depan gerai tempat dia berdiri tadi sudah tidak ada orang. Orang semua telah mendesak ke depan. Gigitan panas matahari pukul 10.00 sudah tidak ada yang menghiraukan lagi.

Perempuan itu tidak kelihatan. Puas aku menyelidik di celah-celah orang ramai itu, tetapi tidak juga ada.

"Bapak mencari Pak Arena?" Baitah bertanya.

"Tidak," jawabku.

"Bapak cari perempuan Pipah itu?"

Aku menunduk ke sebelah memandang mukanya. Pandai anak ini membaca fikiranku. Aku tersenyum kecil.

"Sudah lama Pipah itu kerja di KK?" tanyaku.

"Baru setahun. Dia masih dalam tingkatan lima pada waktu itu. Sebaik saja terpilih sebagai ratu dalam

Tamu Besar serupa ini, dia pun berangkat ke KK."

"Selalu dia pulang ke mari?"

"Selalu. Dua bulan atau tiga bulan sekali. Dia selalu pulang dengan kereta-kereta besar, kadang-kadang ada drebarnya. Kata ibunya, kereta pejabatnya."

"Kali ini pun kereta besar juga?"

"Saya tak lihat. Saya tak tahu pun dia pulang. Boleh jadi petang kelmarin," kata Baitah.

"Baitah belajarliah baik-baik supaya boleh dapat kerja serupa itu," kataku.

"Tentu besar gajinya, ya pak? Ibu dan bapa saya selalu menyuruh saya mencontohinya, bahkan orang-orang di pekan ini pun selalu menceritakan tentang diri Pipah dengan perasaan bangga. Mereka bangga anak pekan kecil ini, anak perempuan pula boleh berjaya di kota besar."

Upacara perasmian telah selesai dengan penggungtingan pita. Menteri sekarang sedang dibawa melawat ke tiap-tiap gerai. Mula-mula gerai kerajinan tangan. Orang ramai ikut di belakang menteri. Telah ada benda-benda dipilih untuk diberikan hadiah pertama, kedua dan ketiga. Hiasan gerai yang terbaik juga akan diberikan hadiah. Pada perasaanku, gerai sekolah Intan pasti dapat hadiah. Hiasannya paling menarik. Pipah kami temui di dalam gerai kerajinan tangan. Aku masuk ke gerai itu untuk melihat sebuah ukiran perahu Suluk. Dr. Muhammad Haji Salleh berpesan supaya kami membeli sebuah untuknya. Pipah juga sedang memerhatikan perahu itu. Barangkali dia mahu membelinya?

"Cantik," katanya, seolah-olah dia berkata kepadaku yang sedang berdiri tidak jauh darinya. Aku melihat berkeliling kalau-kalau ada orang lain di situ. Baitah berdiri agak jauh. Dia seperti segan mahu mendekati Pipah. Pipah lalu berjalan ke tempat lain pula.

Baitah datang ke dekatku setelah Pipah bergerak ke tempat lain.

"Dia bercakap dengan bapak?" tanyanya.

"Tidak," kataku.

"Tapi saya lihat, bapak berkata sesuatu?"

"Oh," keluhku. "Dia cuma berkata perahu itu cantik dan aku terus mengangguknya saja."

"Dia cantik, kan?"

"Hmmm!" Aku menggemam. "Tapi kenapa Baitah menjauhkan diri daripadanya, kan orang sekampung?"

"Saya malu. Dia cantik dan dia tak mahu bercakap dengan saya. Kalau saya cantik begitu, tak payah sekolah lagi, ya pak. Terus boleh dapat kerja."

Aku berpaling memandangi muka Baitah. Aku mahu berkata sesuatu kepadanya, tetapi orang sudah banyak mendesak masuk ke tempat kami berdiri.

"Mari," kataku. Aku menarik lengan Baitah dan membawanya keluar. Setelah jauh daripada orang ramai aku pun berkata, "Cantik atau tidak, Baitah mesti belajar. Kecantikan itu tidak boleh tahan lama tahu? Apabila tua ia akan luntur. Tetapi pelajaran, boleh tahan sampai mati. Lagi tua lagi pandai."

Baitah terkulat-kulat mendengar kata-kataku itu. Aku ingin memberi pengertian kepadanya seberapa yang dapat, sebab waktu jeda di sekolahnya kelmarin ada seorang guru berbisik kepadaku.

"Susahnya di sini pak, ialah kalau ada anak-anak perempuan itu yang pandai, ibu bapanya lekas-lekas menyuruh berhenti untuk dikahwinkan, lebih-lebih lagi kalau anak perempuan itu ada rupa sedikit."

Baitah itu manis orangnya walaupun tidak cantik. Mukanya bulat, kulitnya putih kuning, rambutnya yang diikat di belakang seperti ekor kuda itu lebat hitam. Anak matanya jernih dan jinak. Manis kalau dipandang

lama-lama. Cacatnya cuma dia rendah saja dan badannya agak berisi. Dia seorang anak yang pintar.

"Bagaimana kita mahu katakan bahasa cerpen itu baik," katanya waktu bertanya kepadaku kelmarin. "Kalau ada kata-kata yang salah tempat letaknya, misalnya dalam cerpen "Nabilah" Azizi Haji Abdullah. Dia menulis wafat, sedangkan perkataan itu hanya digunakan untuk Nabi saja. Azizi menggunakannya juga sedangkan dia seorang guru agama?"

Begitu pertanyaannya. Anak ini tentu bakal menjadi pelajar yang baik, kalau dia mendapat kesempatan. Tetapi Pipah telah menggodanya sekarang ini, apatah pula kalau benar seperti katanya, Pipah selalu pulang ke kampung dengan motokar besar, pakaian yang mahal-mahal dan selalu memberikan wang yang banyak kepada ibunya. Ini semua ialah godaan kepada ibu bapa yang buta huruf.

"Kita terpaksa berangkat pulang sekarang," kata Arena. "Nanti kalau petang takut hujan. Kalau hujan, jalan itu tak boleh dilalui."

"Baitah pergi panggil Intan," kataku. "Kami mahu pulang."

Intan dan kawan-kawannya agak berat mahu melepaskan kami, mereka hampir menangis. "Jangan pulang bapak, tinggallah di sini barang seminggu."

"Siapa mahu beri bapak makan?"

"Kami," jawabnya.

"Anak dan isteri bapak?"

"Allah!" Suara mereka sedarun.

* * *

Jalanan tanah merah sepanjang 80 batu ke Tawau itu telah menjadi licin kerana hujan sebentar tadi dan

kadang-kadang teksi yang kami tumpangi itu berjalan memiring. Hati kami berdebar-debar, boleh sampai atau tidak? Ada tempat-tempatnya jalan itu telah menjadi seperti kubang kerbau atau sawah yang baru dibajak. Pada jalan yang sedang dibaiki kerana projek lebuh raya, kami terpaksa berhenti beberapa minit untuk membiarkan traktor meratakan dulu jalannya yang baru saja ditaburi batu-batu kecil atau tanah-tanah hitam.

Kebanyakan kenderaan yang berselisih dengan kami ialah *Land Rover* yang ada *top-gear*, tetapi teksi Jepun jenis Toyota 1800 ini hanya gear biasa saja. Dalam hatiku berdoa, agar tidak tergelincir ke dalam longkang seperti *Land Rover* yang baru kami lewati. Kalau tersungkur serupa itu, kami tentu terlantar di tengah jalan. Sepanjang-panjang jalan yang sejauh 80 batu itu tak ada sebuah kedai pun tempat orang menjual minuman. Makanan jauh sekali, rumah-rumah juga tidak ada. Cuma hutan, hutan saja kiri kanan.

Dua kali teksi itu tersangkut. Roda belakangnya saja yang berputar ligat tak dapat mencengkam tanah.

"Tolak!" kataku kepada drebarinya. Kami ada berempat. Kalau mahu ditolak tentulah tidak begitu payah. Aku dan Arena telah ada pengalaman dalam menolak motokar di Indonesia.

"Tak payah," ujar drebar itu dengan senyum, seraya memutar-mutar stereng yang sudah *loose* itu. Teksi itu telah melintang di tengah jalan. Setelah memutar-mutar sterengnya begitu, tiba-tiba dia menekan minyak dan teksi itu meluncur ke hadapan, lalu berjalan semula seperti sedia kala. Kali kedua juga begitu. Apabila sampai di Bukit Quoin, barulah hati kami berasa lega kerana jalannya sudah ada aspal dan hujan pun sudah tidak turun lagi.

Hati kami terasa lapang apabila tiket kembali ke

KK telah disahkan dan bertolak besok jam 17.50.

Kami ke Lapangan Terbang Tawau lebih awal daripada biasa. Lalu duduklah kami di restoran lapangan terbang itu sambil minum dan membaca buku. Tiba-tiba mataku terpaku pada seorang perempuan yang masuk ke ruang itu. Dia sendirian, mengepit sebuah beg kecil dan terus duduk di salah sebuah kerusi berhampiran dengan pintu masuk. Aku tertarik kepadanya kerana dia ada imbas-imbas Pipah, tetapi benarkah dia Pipah? Bagaimana dia boleh sampai ke mari begitu cepat? Waktu kami bertolak tengah hari kelmarin dia masih lagi di sana. Apakah dia bertolak pada waktu malam?

Orang-orang sudah mulai ramai. Perempuan yang kusangka Pipah itu pun telah terlindung di sebalik kepala orang yang sudah memenuhi ruangan restoran itu.

Waktu penumpang dipanggil untuk pemeriksaan keselamatan, kami yang duduk berhampiran dengan pintu keluar itu lebih dulu masuk, setelah itu kami pun duduk menunggu. Perempuan itu datang. Benarlah dia Pipah. Di jarinya terjepit rokok. Dia memakai pakaian serupa potongan yang kelmarin juga, cuma warnanya biru laut. Baju kemejanya berwarna merah muda dan kelepaknya terlepas keluar, menindih kelepak baju kot. Kasutnya tumit tinggi hitam dan berstoking. Rambutnya telah diikat ke belakang seperti ekor kuda. Selagi dia menunggu gilirannya, dia melihat ke hadapan, matanya lalu bertembung dengan mataku. Aku cuba memberikan senyum kepadanya, tetapi dia lekas-lekas menundukkan matanya memandang ke bawah. Seperti sedang mengingat-ingat kembali sesuatu yang sudah hampir dilupainya. Sebelum begnya diperiksa dia sekali lagi mengangkat mukanya. Tetapi aku sudah tidak ter-

senyum lagi. Dia tunduk menolong polis itu memeriksa isi begnya. Setelah itu dia berjalan arah ke belakang tempat menunggu itu, sengaja mahu menjauhi dari tempat dudukku.

Di dalam kapal terbang kami kebetulan duduk sebaris. Baris kedua dari belakang. Dia di tepi tingkap sebelah kiri dengan seorang penumpang wanita lain di sebelah kanannya. Arena di tepi tingkap sebelah kanan dan aku di sebelah kirinya. Dari ekor mataku, aku tahu sekali-sekali dia melihat ke arahku. Boleh jadi dia sudah kenal, tetapi malu mahu menegur. Boleh jadi juga dia tidak kenal sama sekali, cuma terasa seperti pernah melihat.

Sejak pesawat itu terbang, dia tidak berhenti-henti menghisap rokok. Sebatang demi sebatang. Apabila isi kotaknya sudah habis, dia mengambil lagi kotak yang baru dari dalam begnya. Cuma sekali saja dia bercakap-cakap dengan perempuan di sebelahnya. Perempuan di sebelahnya itu kulihat terus-menerus memejamkan matanya sambil menyandarkan kepalanya ke kerusi. Pipah terus memandang ke luar. Dia selalu terbatuk. Batuknya itu agak kronik kudengar.

Sudah malam ketika kami sampai di KK. Ada seorang lelaki asing sedang menunggunya. Sebaik saja dia melangkah masuk ke dalam ruangan bangunan lapangan terbang itu, lelaki itu terus memeluk bahunya dan dia merangkum pinggang lelaki itu lalu mereka berjalan ke sebuah tempat duduk yang agak jauh dari orang lain. Mereka bercakap-cakap dengan mesra sekali.

Siapa gerangan lelaki yang menunggu Pipah itu? Suaminya atau kekasihnya?

* * *

Sebaik saja ceramah kami di Sekolah Menengah Meng-

gatal itu selesai, dua orang anak gadis datang menghampiriku.

"Pak, tak kenal kami lagi?"

Aku terpegun, mencuba mengingati di mana gerangan pernah aku bertemu mereka dahulu. Di Sipitang? Ranau? Tenom? Keningau? Ah, anak-anakku terlalu banyak di Sabah ini. Di mana-mana saja ada. Tetapi alangkah sedihnya hati mereka kalau aku tidak mengenalinya.

"Intan," ujar Baitah.

"Ini, Baitah," kataku dengan girang. "Mengapa tak pakai rantai yang ada nama itu?"

"Malulah, pak."

Aku memegang tangan mereka berdua dengan erat. Syukurlah, kamu berdua telah sampai ke mari.

"Indah tak datang?"

"Dia ke Semenanjung."

"Bagus!" kataku. "Sekarang belajar rajin-rajin sampai ke universiti."

"Tapi bapak kena tolong kami. Kami perlukan buku dan bimbingan," kata Intan.

"Insya-Allah. Pak Arena juga ada, saya boleh tolong sedikit-sedikit. Nanti kalau ada masa lapang, datanglah ke KK. Boleh?"

Mereka berdua tersenyum suka.

"Bapak masih ingat dengan Pipah?" Baitah bertanya kepadaku ketika kami makan bersama-sama di sebuah restoran di Kompleks Segama.

"Pipah?" Aku menggelengkan kepala. "Siapa?"

"Perempuan yang kita jumpa di Tamu Besar tahun lalu. Ingat?"

Aku terdiam sejourus.

"Oh, ya. Masih jadi setiausaha lagi?"

"Dia sudah meninggal dunia beberapa bulan yang

lalu. Ceritanya sedih sekali." Aku melihat dia menghisap rokok tidak berhenti-henti. Kemudian sebentar-sebentar dia batuk. Bunyi batuknya itu dalam sekali.

"Sakit apa?"

Wajah Baitah muram. Tetapi dia tidak mencuba mahu menjawab soalanku itu pada waktu itu.

* * *

"Kalau kau ke KK, cuba tengok-tengokkan adikmu Pipah, Lam," kata Julipah kepada anak saudaranya, Lamsin.

"Baiklah, buk," jawab Lamsin. "Tetapi di mana aku akan mencarinya?"

Julipah memberikan nombor telefon rumah Pipah kepada anak saudaranya itu.

Setibanya di KK, Lamsin lupa kepada pesan mak ciknya. Sudah lima hari dia di sini, rasanya hanya baru sebentar saja. Sejak dia menjejakkan kakinya di lapangan terbang, telah ada dua orang Cina yang menunggunya. Mereka membawanya dalam motokar Mercedes yang berhawa dingin dan menempatkannya di hotel yang besar. Tidak sesaat pun dia dapat tinggal bersendirian, selalu saja ada temannya. Lelaki, atau seorang perempuan yang cantik. Seorang perempuan Cina yang biasanya tidak tahu bahasa Melayu, sedikit-sedikit bahasa Inggeris.

Akhirnya Lamsin merasa susah mahu berkomunikasi dengan orang serupa itu apabila mereka tinggal berdua saja. Dia tidak mahu perempuan Cina lagi, dia mahu perempuan yang dia boleh bercakap Melayu ataupun perempuan bumiputera.

"Ada seorang yang paling baik," kata Tony Lee sambil memberikan sebuah senyum sinis dari sudut

mulutnya yang berbibir tipis itu. Dia berbadan besar, mukanya bulat tembam. Kalau duduk penuh sebuah kerusi. Matanya amat sepet dan kalau ketawa matanya itu terus tertutup. Dia saudagar dari Singapura. "Malam ini Keng Leong boleh carikan. Saya gerenti Encik Lamsin akan puas hati. Saya juga suka dengannya."

Lamsin tersenyum senang. Selama ini dia cuma dapat memuaskan nafsunya saja, tetapi tidak pernah dapat berdialog dengan baik. Bercakap-cakap sedikit-sedikit, selebihnya main isyarat saja. Dia ingin bercerita. Menceritakan kepada teman tidurnya itu kisah kekayaannya. Untuk memberitahunya beberapa jumlah harga dirinya yang sebenar.

Lamsin baru saja mewarisi harta pusaka daripada bapanya Haji Sontok, seorang ahli politik yang pada awal-awal kemerdekaan dahulu begitu giat berjuang, tetapi setelah partinya berkuasa, dia dengan beberapa orang penyokong yang sama-sama giat dahulu telah mendapat pembahagian tanah balak, maka perhatiannya pun beralih kepada perjuangan untuk mengumpulkan harta kekayaan. Perjuangan untuk rakyat telah tertolak ke sebelah.

Kerana sikapnya itu maka putuslah tali perhubungan antara pemimpin dengan rakyat. Kekayaan telah membina suatu jurang yang luas sehingga mereka sudah tidak dapat bertemu lagi. Dan kerana sebahagian besar penyokong parti itu bersikap seperti Haji Sontok maka partinya kalah dalam pilihan raya berikutnya. Haji Sontok sudah jarang ada di kampung atau di pekan kecil itu lagi, setiap masa ada di KK atau di KL ataupun sedang terbang mengitari alam buana.

Haji Sontok sudah lanjut umurnya, tidaklah selincah kawan-kawannya yang masih muda, tetapi nafsunya masih besar, pengaruh wangnya masih kuat.

Perubahan yang mendadak daripada seorang pekebun kecil kepada seorang hartawan itu menyebabkan dia lupa daratan. Dia menjadi lintah darat dan membungakan wangnya, dia membeli tanah daripada orang-orang kampung yang terdesak hidupnya, dia kahwin dengan anak-anak gadis. Dalam soal wang dia tidak kenal keluarga, walaupun Julipah adiknya itu hidup melarat.

Ketika akan diadakan pilihan raya, pucuk pimpinan partinya meminta supaya dia dan kawan-kawannya yang sudah kaya-raya itu ikut memberikan sumbangan untuk tabung pilihan raya, pada waktu itulah pendiriannya tercabar. Dia lalu keluar dari partinya itu, mula-mula sebagai orang bebas, tetapi kemudian memasuki parti yang baru ditubuhkan. Dalam parti baru ini banyakkah kawannya yang sama-sama menyeleweng dahulu ikut bermuka-muka. Tetapi belang mereka itu segera diketahui oleh pucuk pimpinan parti yang baharu. Sebagai ujian kejujuran, mereka diminta sumbangan kewangan yang lebih besar lagi daripada yang pernah diminta oleh partinya dahulu. Haji Sontok menjadi panik, dia cepat-cepat menarik diri dari parti baharu itu dan fikirannya pun mulailah kacau. Tidak lama kemudian, orang sudah biasa melihat Haji Sontok berjalan sendirian di pekan kecil itu tanpa tujuan dengan pakaian yang tidak senonoh, bercakap sendirian dan kadang-kadang menyanyi. Akhirnya, pada suatu pagi bulan Disember yang lalu orang-orang di sekitar kampungnya menjadi gempar kerana Haji Sontok telah hilang dari rumahnya selama dua hari. Kehilangannya dilaporkan kepada polis. Hari ketiga mayatnya dijumpai timbul di dalam perigi. Ada yang mengatakan dia dipukul dan dicampak di situ dan ada yang mengatakan dia membunuh diri. Walaupun doktor mengatakan dia mati kerana lemas namun kaum

kerabatnya masih tetap tidak percaya.

"Di mana kalian mahu membawa aku?" Lamsin bertanya dalam keadaan antara sadar dengan tidak. Dia tidak pernah minum *scotch* begitu banyak sebelumnya, walaupun waktu di pekannya dahulu dia sekali-sekala ikut minum bir bersama-sama kawan-kawannya tetapi itu pun hanya segelas setengah saja.

Kali ini dia menerima cabaran Tony Lee. "Saudara, hartawan baharu. Saudara mesti ikut seperti hartawan-hartawan lain, mereka tidak minum air sejuk biasa. Hartawan Arab bukan minum kopi lagi waktu pagi, tetapi *champagne* dengan *cavier*. Saudara tentu tak mahu kalah dengan dia?"

"Saya? Mana boleh? Saya juga kaya bukan?"

"Nah, *yam seng!*"

Yam seng. Yam seng. Buntut gelas telah menujuh langit beberapa kali. Lamsin mulai melihat ruangan minuman itu bergerak dari kiri ke kanan dan dari kanan ke kiri. Orang-orang yang ada di dalamnya, kerusi dan meja baik yang kosong mahupun yang berisi, kelihatan seperti ikut bergerak bangun menari, menghiburkan hatinya.

Dia terasa mahu terkencing, ketika mahu bangun kakinya sudah tidak tetap, dia mahu terjatuh. Hampir saja terhempas di atas Vivien. Tony menyambar ketiak-nya dibantu oleh Keng Leong. Kepala Lamsin mulai berat dan tekaknya meloya. Tony memberi isyarat kepada Keng Leong supaya Lamsin dibawa ke biliknya dan menelefon perempuan Melayu yang telah ditempah itu supaya datang menemaninya.

Lamsin sedang terbaring menghadap ke dinding ketika perempuan itu datang. Cuma sebuah lampu di hujung kakinya saja yang bernyala. Suasana di dalam bilik itu suram.

Keng Leong menyerahkan kunci bilik kepada perempuan itu. "Tolong layankan dia baik-baik. Kau akan diberi hadiah besar. Dia sekarang mabuk."

Perempuan itu mengangguk dengan sebuah senyuman berbuah di bibirnya. Dia membuka lampu untuk melihat bilik itu. Tetapi lelaki yang disangkanya sedang tidur itu memanggung kepalanya dengan lengan menghalang mata, memekik, "Tutup lampu itu!"

"*Sorry!*" kata perempuan itu dan menutup lampu.

Lamsin cuba mahu melihat orang yang membuka lampu itu. "Oh, kau ... kau siapa?"

"Saya teman encik. Saya disuruh ke mari," jawab perempuan itu dengan suara lembut, rendah.

"Bagus, bagus. Tutup lampu itu dan duduk di sini. Mari duduk di sini. Aku pening sedikit."

Perempuan itu duduk di kerusi di kaki tempat tidur itu, seraya mengeluarkan rokok dari dalam begnya. Dia mengambil mancis dan dengan tenang menyalakan rokok yang sudah diletakkan di bibirnya. Dia sudah mulai dapat melihat keadaan di dalam bilik itu. Dia sudah dapat mengira ketokohan orang yang tinggal di bilik *deluxe* serupa itu. Bilik ini rendah sedikit saja tarafnya daripada *suite*. Biasanya orang yang duduk di bilik serupa ini ialah orang yang berduit. Tetapi pakaian kotor orang itu berselerak di atas tempat tidur. Orang kampung agaknya.

"Kita buka lampu?" tanya perempuan itu.

"Tidak usah, saya lebih senang lampu suram begini." Memang dia tidak suka lampu itu terang. Dia tidak suka orang melihat mukanya yang masih mabuk serupa itu. Perempuan itu pun merasa senang hati. Dia juga tidak suka dilihat oleh orang yang menidurinya. Biarlah mukanya itu samar-samar saja dan tidak dapat dicamnya dengan baik, kalau nanti berjumpa lagi

dengannya di tempat lain. Kadang-kadang dia kehilangan langganannya kerana sikapnya itu, tetapi kebanyakan lelaki tidak kisah sangat dengan keadaan itu apabila nafsunya sudah menguasai dirinya. Cuma satu dua orang saja yang terlalu cerewet.

Ada satu rasa yang tidak enak sejak dia memasuki bilik itu, tetapi dia tidak dapat menerka punca rasa itu. Mungkin dia terlalu banyak tidur pada petang tadi sampai hampir matahari terbenam, ataupun kerana dia cuma makan roti saja sebelum datang ke mari. Biasanya dia akan diberi makan kalau sudah masuk ke bilik serupa ini. Tetapi orang ini sedang mabuk. Mungkin apabila dia siuman nanti dia akan memesan makanan. Apakah dia perlu menolongnya? Orang itu memanggilnya lagi. Dia mematikan api rokoknya di dalam tempat abu dan bangun menuju kepada orang itu. Dipegang bahunya. Dipicit-picitnya perlahan.

"Hmmm. Bagus. Kau pandai."

"Beratkah pening encik? Boleh saya tolong?"

"Tidak berat. Kepala aku ini?"

Perempuan itu memicit kepalanya itu dengan lembut.

"Pandai kau picit." Dia lalu memegang tangan perempuan itu, dirabanya dari bawah sampai ke ketiak. "Lembut tanganmu."

Ditariknya perempuan itu rapat ke dadanya.

Perempuan itu tiba-tiba berlari ke suis lampu dan menghidupkan lampu yang terletak di atas kepala.

"Kak Lam!" pekiknya. Dia lalu menyambar begnya mahu lari keluar. Tetapi Lamsin dengan cepat melompat bangun menangkap tangannya.

"Pipah!" jeritnya. "Kau ...?"

Pipah meronta mahu melepaskan tangannya, tetapi tidak dapat kerana Lamsin menggenggamnya dengan

kuat, sehingga isi lengannya itu terasa pedih. Pipah tidak berdaya lagi lalu menangis teresak-esak.

"Ini kerja kau, Pipah?"

Pipah terus menangis dan menggeleng-gelengkan kepalanya seperti dia mahu menidakkan sesuatu. Lamsin terus memegang kedua-dua tangan Pipah, adik saudaranya itu. Hairan dan bingung.

* * *

"Mak saya suruh saya belajar baik-baik. Dia tidak mahu saya jadi macam Pipah," kata Baitah.

"Mak saya juga begitu," sampuk Intan.

"Semua mak yang baik begitu belaka," jawabku.

Dewan Sastera, Oktober 1979

Mellisa

SEKEMBALI dari pejabat surat khabar itu, dia mulai menyesali dirinya kerana terlalu mudah mengikut ajakan Farid. Perasaannya mulai tidak tenteram. Wajah Syahid terus-menerus terbayang di ruang matanya. Lagu percakapannya persis Hisyam. Kulitnya yang hitam dan rambutnya yang berkilat-kilat agak kejur sedikit hampir sama dengan Hisyam. Tingginya juga barangkali macam Hisyam. Cuma tubuhnya yang membuat dia menyangka Hisyam yang sudah hilang itu sedikit kurus barangkali kurang mendapat makanan yang sempurna. Hidupnya menderita di sana. Bolehkah Hisyam hidup kembali? Tentu matakau yang silap. Tiba-tiba saja dia seperti mengenali lelaki itu.

Dalam kesibukan dan kebisingan bunyi mesin tulis dan komputer bercampur baur dengan deringan telefon dan suara manusia, seorang lelaki berjalan ke arahnya yang sedang berdiri di samping Farid. Farid memang banyak mempunyai kawan kenalan di sana. Berhenti pada tiap-tiap meja. Menyapa dan bersalaman.

"Ini Syahid," kata Farid memperkenalkan lelaki itu kepadanya.

"Rasanya kita sudah pernah berjumpa," ujar Syahid

agak tidak malu apabila dia menghulurkan tangan sebaik sahaja mereka diperkenalkan. Perasaannya tergugah sedikit. Darah tersimbur naik ke mukanya. Seluruh kulit mukanya menjadi merah. Dia pun tiba-tiba menjadi gugup. Di mana? Mahu sahaja dia percaya pada waktu itu bahawa Syahid ini benar-benar penjelmaan daripada Hisyam. Aku tidak pernah bertemu dengan orang ini sebelum ini, bawah sedarnya berbisik. Namanya, ya pernah aku dengar sebab selalu disebut-sebut oleh Farid apabila sahaja makalahnya tersiar dalam surat khabar itu. Syahid yang menolong menyiarkannya.

Nama Syahid juga selalu muncul dalam akhbar itu kerana rencana yang ditulisnya dalam halaman rencana pengarang atau ada berita *by-line*. Hanya dari situ sahajalah dia mengetahui nama lelaki itu. Tetapi berjumpa belum.

"Yakah?" Hanya itu yang keluar dari mulutnya pada waktu itu. Dia segera melepaskan tangannya, apabila terasa ada kelainan pada pegangan Syahid.

Farid masuk ke dalam bilik ketua pengarang dan dia ditinggalkan di bilik Syahid, sebuah ruangan yang berbentuk kotak. Duduk di kerusi menghadap kepadanya. Syahid mulai membuka cerita. Berbagai-bagai ceritanya. Tetapi anehnya dia tidak mengulangi lagi ucapannya tadi tentang pernah berjumpa dengannya dahulu. Barangkali juga itu hanya satu helahnya sahaja, satu *gimmick* mahu memancing kemesraan. Demi Tuhan, kalau ada pancingannya pun, dia sendiri sudah mulai jatuh hati dengan anak muda ini. Keberaniannya telah mengusik hatinya. Kumisnya yang kecil bak satu garis hitam di atas bibirnya itu kelihatan agak lucu, bergerak-gerak apabila dia bercakap, tetapi menimbulkan daya pesona. Apakah ini cinta pandang pertama? Wajahnya itu benar-benar mirip Hisyam. Kalau Hisyam ada di situ

tentulah mereka berdua akan dikatakan saudara kembar. Hanya kumisnya itu yang membezakan mereka. Tetapi bentuk tubuh boleh berubah apabila kita semakin dewasa. Hisyam pun kalau ada sekarang ini, mungkin juga kurus seperti Syahid. Tubuhnya dahulu agak berisi tetapi dia mempunyai tanda-tanda akan tinggi seperti bapanya.

Dia mulai suka dengan anak muda ini. Sifatnya yang terbuka itu menyenangkan hatinya. Dia suka mendengar bicaranya. Suka melihat mimik mukanya. Suka melihat senyumannya. Dia seperti Hisyam. Barangkali juga Syahid telah jatuh cinta kepadanya dengan pertemuan pertama itu. Melihat kepada gerak-gerinya yang agak kaku itu dia merasa yakin tentang anggapannya. Dia merasa Syahid itu sedang berusaha sungguh-sungguh untuk memikat perhatiannya. Ya, dia sudah terpicat pun dengan lelaki itu. Sebab itu tanpa banyak kerenah dia menerima ajakannya untuk makan tengah hari pada Sabtu depan. Dia menolak ajakan makan malam kerana terpaksa balik ke Seremban. Sebab itu jadual rutিনnya pada tiap-tiap hujung minggu. Rumahnya di Seremban. Ibu bapanya di sana.

Dalam perjalanan pulang dari pejabat surat khabar itu, dia mulai diam. Perasaannya sedang bersimpangsiur. Dia cuba menilai kembali kisah pertemuannya dengan Syahid sebentar tadi. Kenapa dia begitu lekas tertarik kepadanya? Apakah kerana dia serupa dengan Hisyam?

Melihat dia diam serupa itu, Farid yang sedang memandu itu berpaling melihat kepadanya. Dia lazimnya bukan seorang yang pendiam. Dia gadis yang lincah, gesit. Suka bercakap, bebas bergerak dan sangat terbuka sifatnya. Dia akan mengatakan apa sahaja yang difikirkan betul, sehingga banyak antara kawannya yang

tidak senang, tidak sebulu kerana sifat *frankness*-nya itu. Bukan itu sahaja, dia juga terkenal dengan keras kepalanya. Tidak mahu kalah kalau bertengkar.

Dia tahu Farid merasa gundah kerana diamnya serupa itu.

"Kenapa Moi?"

Dia memandang Farid. Hanya dari sisi profilnya sahaja yang dapat dilihatnya. Muka Farid tegak ke hadapan mengikut kepalanya yang sedikit mendongak.

"Tidak ada apa-apa."

"Masakan?" Suara Farid bernada tidak percaya. Seperti mencemuh.

"Iiya!" Dia menjawab dengan sedikit bersungguh-sungguh, cuba meyakinkan. Tetapi jauh dalam hatinya dia tahu Farid tidak percaya. Dia sudah lama kenal dengan Farid, dahulu sebagai pensyarahnya di Jabatan Sejarah dan sekarang waktu dia akan membuat *Masters* menjadi sebagai kawan yang akrab. Satu-satunya pensyarah di universiti itu yang tidak pernah mahu memanggil namanya yang betul. Tetapi dia senang. Dia sukakan Farid yang kurus dan sederhana tinggi dan berkulit cerah ini. Janggutnya secubit, menirus ke bawah, kelihatan agak lucu seperti menumpang bergantung di bawah dagunya yang lonjong itu. Dia sukakan Farid. Lelaki ini dapat memahami sifatnya yang suka berterus terang dan degil. Farid yang penyabar walaupun kadang-kadang bertegang urat leher untuk mempertahankan sesuatu dapatannya. Mereka selalu bertelagah lidah sampai berjam-jam lamanya apabila ada dapatan yang bertentangan. Hujahnya tidak disetujui oleh Farid dan hujah Farid tidak disetujui olehnya. Tetapi pertelagahan itu akan diakhiri dengan tolak ansur.

"Boleh jadi dapatanmu benar," kata Farid.

Dia pun akan mengulangi kata-kata itu juga tetapi

dengan sedikit tambahan. "Aku yang salah."

Mereka lalu sama-sama ketawa. Itulah jalan kompromi yang paling baik. Mereka berbaik semula seperti tidak ada apa-apa. Dapatan mereka tentang sesuatu isu itu terus tersimpan bersama-sama dengan hujah masing-masing. Isu itu akan timbul kembali pada waktu lain dalam wajah yang lain pula. Itulah yang membuat mereka kekal sebagai sahabat.

"Tadi," ujar Farid setelah diam sejeurus. "Aku lihat kau dengan Syahid bukan main intim."

"Dia macam mahu memikat hatiku," jawabnya sambil lewa. "Aku pun tertarik kepadanya."

"Cinta pandang pertama?" kata Farid menyindir seraya berpaling memandangi ke arahnya. Pada waktu itu dia juga berpaling memandangi Farid. Mata mereka lalu bertembung. Farid tersenyum macam mengejek dan kembali memandangi ke hadapan. Dia pun ikut tersenyum, tetapi senyumannya lain.

"Kau ini," kata Farid kemudian, secara automatik tanpa berpaling, tangan kirinya memukul pahanya. "Mudah sangat jatuh cinta dengan orang."

Dia tersenyum sekali lagi sambil menepis tangan Farid. "Aku suka kepadanya tiba-tiba saja. Entah kenapa?"

Suka yang tiba-tiba itulah sekarang, waktu sampai di kamarnya ini, fikirannya mula terganggu. Dia mula menyesali dirinya sendiri.

Kenapa dia begitu mudah mengikut Farid ke pejabat surat khabar itu tadi? Surat takdir? Tiba-tiba dia teringat pada surat kawannya dari seberang Laut China Selatan. 'Langkah, rezeki, pertemuan dan maut adalah milik Tuhan,' kata kawannya itu ketika membuat komen tentang cintanya yang gagal, nasibnya yang malang. Cinta fizikal tidak akan kekal, apabila terpenuhi sahaja

maksudnya cinta itu pun sirnalalah! Ekorannya ialah masalah. 'Bagi kami orang Islam,' kata lagi kawannya itu. 'Cinta yang paling tinggi ialah cinta kepada Allah, cinta kepada Rasul-Nya, kemudian baru turun kepada cintakan bangsa dan tanah air. Hanya cinta-cinta itu sahaja yang boleh membawa kita kepada sesuatu yang positif.'

Dia setuju dengan kata-kata kawannya itu. Sebab dia sendiri pun sekarang ini sedang dalam proses menghayati salah satu cinta itulah sehingga cintanya yang lain telah beberapa kali terhempas ke batu karang. Dia tahu, cintanya yang ini juga akan berakhir serupa itu. Syahid tidak mungkin mengerti dengan dirinya yang sudah dimiliki oleh kekasihnya yang lain. Syahid tidak akan mengerti. Rasanya, cintanya kepada Hisyam itulah sahaja cintanya yang benar. Walaupun pada waktu itu dia tidak mengerti tentang perasaan yang mengusik hatinya. Dia masih kecil.

"Mei!" kata Hisyam waktu mereka sama-sama bermain di samping rumahnya. "Nanti apabila aku sudah besar aku akan kahwin dengan kau."

Mereka main masak-masak. Hisyam lebih tua beberapa tahun daripadanya. Dia senang dengan Hisyam kerana Hisyam pandai mengambil hatinya dan sabar melayaninya walaupun waktu dia merajuk. Hisyam akan pergi mencari bahan-bahan untuk dimasak. Dia jadi tukang masak olok-olok. Isteri olok-olok. Setelah itu mereka makan bersama-sama. Hisyam selalu berkata masakannya sedap. Hatinya pun kembang apabila dipuji serupa itu.

Hampir senja, Hisyam yang tinggal di kampung setinggian tidak jauh di belakang rumahnya itu akan berlari-lari pulang ke rumahnya. Tinggallah dia sendirian, berdiri melihat belakang Hisyam sampai hilang

ditelan lorong ke rumahnya. Dia tidak berkecil hati atas tindakan Hisyam meninggalkannya tiba-tiba serupa itu, dengan pinggan mangkuk dan periuk belanga mainan mereka masih bersepah. Dia tahu Hisyam mesti pulang pada waktu itu. Waktu hampir maghrib sebelum kedengaran azan. Pada waktu serupa itu dia terus berdiri, tidak masuk ke dalam rumahnya. Dia terus berdiri di tepi pagar memandangi ke arah rumah Hisyam. Dia mahu melihat Hisyam keluar ke masjid yang letaknya di hujung jalan. Hisyam akan memakai baju kurung putih, bersongkok hitam. Kain sarungnya diselempangkan sahaja menyilang melintasi bahu dan dadanya. Nampak seluar pendek yang dipakai waktu bermain tadi. Hisyam seperti sudah tahu dia ada di situ, akan mengangkat tangan melambai kepadanya dan dia membalas balik lambaian itu. Setelah Hisyam membelok ke dalam pekarangan masjid barulah dia masuk ke dalam rumah. Dia sangat suka dengan Hisyam.

Hisyam telah tidak ada. Dia dan ibunya telah menjadi mangsa rusuhan kaum 13 Mei di Jalan Petaling. Hisyam dan ibunya yang dalam perjalanan pulang dari rumah keluarganya di hadapan Stadium Negara waktu tragedi itu berlaku, meragut nyawa mereka. Kalau Hisyam masih hidup tentulah umurnya sudah 30 tahun. Dia sudah jadi seorang peguam yang berjaya ataupun askar yang berpangkat tinggi. Dia sendiri baru berumur lima tahun waktu Hisyam terbunuh itu. Masih kecil berhingus. Dia tidak tahu apa-apa. Beberapa hari lamanya dia tidak dibenarkan keluar dari rumah. Ibu dan bapanya juga tidak keluar dari rumah. Saudaramara dan kawan kenalan juga tidak ada yang datang berkunjung. Apek tua yang menjual sayur juga tidak datang-datang. Setiap hari mereka hanya makan telur, ikan tidak ada, daging tidak ada dan sayur juga tidak

ada. Pintu rumah mereka selalu berkunci. Percakapan di dalam rumahnya pun hampir seperti berbisik-bisik sahaja. Bapanya ke tempat kerja selalu dengan menumpang kereta polis. Dia cuba mengintai dari celah-celah jeriji jendela rumahnya ke arah kampung setingan tempat Hisyam tinggal. Kampung itu pun seperti sudah tidak ada orang. Waktu itu dia mulai merasa sunyi. Dia terlalu rindu mahu berjumpa dengan Hisyam. Ibu dan bapanya tidak pernah memberi jawapan yang jelas apabila dia bertanya. Barulah dua minggu kemudian dia mengetahui tentang peristiwa berdarah itu. Kemudian dia mendengar berita yang sangat memmeranjatkannya; Hisyam dan ibunya telah terkorban dalam rusuhan itu. Hatinya terlalu pilu mengenangkan Hisyam tiba-tiba sahaja meninggalkannya. Tiba-tiba hilang. Sejak itu ada sesuatu yang ikut hilang daripada dirinya, tetapi dia tidak tahu. Dia masih kecil. Tidak sedar bahawa dia telah pun belajar bercinta dengan seorang lelaki. Dia belum dapat mengenali perasaan yang sedang berkocak di dalam dirinya, tetapi dia tahu Hisyam itu 'hero'nya yang pertama. Dia suka kepada orang yang bersifat kelelakian.

Dua minggu sebelum peristiwa itu meletus, Hisyam telah menyerbu datang ke rumahnya dan menumbuk seorang anak lelaki Inggeris berumur tujuh tahun kerana memegang tangannya. Hisyam berlagak sebagai seorang hero yang mahu melindungi heroinnya daripada dicerobohi lelaki lain. Anak lelaki Inggeris itu jatuh telentang ke tanah. Hisyam lalu menarik tangannya ke belakangnya. Agak heboh juga keluarganya dan keluarga anak lelaki Inggeris itu sejurus. Dia sedikit pun tidak marahkan Hisyam menumbuk kawannya itu, malah terasa bangga kerana mengetahui Hisyam mempedulikannya. Anak lelaki Inggeris itu ialah kawannya waktu

bapanya menjadi diplomat di London dahulu. Dia datang ke mari kerana bapanya pula menjadi diplomat di sini. Di London dahulu mereka tinggal bersebelahan rumah dan selalu bermain bersama-sama. Apabila bapanya sampai di Kuala Lumpur mereka lalu menghubungi keluarganya. Hisyam tidak tahu.

Dia seronok melihat Hisyam berlagak sebagai seorang lelaki tulen. Itulah Hisyam anak Minang yang sejak kecil bercita-cita mahu menjadi askar andai kata cita-citanya mahu menjadi peguam tidak berjaya.

"Mei, Mei!" kata Hisyam. "Apabila aku sudah bekerja nanti kita kahwin. Mak aku pasti suka. Aku akan ajar kau agama Islam."

Dia tersenyum. Terhibur dengan ingatannya masa kecil-kecil dahulu. Senyumannya terhenti apabila dia mengenangkan kehilangan Hisyam yang sangat tragis. Peristiwa itu cukup berbekas di dalam dirinya sebagai satu titik hitam. Titik itu terus kekal sampai sekarang. Masih agak sukar mahu dikikis daripada ingatannya. Masih tetap menjadi noda yang susah mahu dibersihkan. Mengapa terjadi rusuhan? Mengapa orang yang tinggal dalam satu negara yang aman tiba-tiba bangkit merusuh dan berbunuh-bunuhan? Mengapa orang Cina mesti membunuh orang Melayu dan mengapa orang Melayu mesti membunuh orang Cina? Mengapa?

Lima belas tahun kurang lebih pertanyaan itu menghantui hidupnya.

Sekarang dia telah mulai jelas sedikit-sedikit. Jawapan itu terhimpun dalam sebuah latihan ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda dalam bidang sejarah. Dalam tesis yang setebal 215 muka itu terkumpul segala anasir yang menyebabkan peristiwa hitam itu meletus, punca dan implikasi kepada pertumbuhan satu negara bangsa. Tesis ini ialah hasil kajian dan penyelidikannya yang

cukup rinci setelah menyemak berpuluh-puluh macam dokumen, membaca beberapa buah buku yang ditulis tentang peristiwa berdarah itu, membaca tulisan-tulisan dalam majalah dan akhbar, surat-surat siaran liar yang bertebaran pada masa pemerintahan MAGERAN. Dia telah menginterview orang-orang politik penyokong kerajaan dan pembangkang dan kemudian meneliti gerakan arus masyarakat berbilang kaum. Pada masa dia membuat penyelidikan itu dia telah bertemu dengan berpuluh-puluh orang yang ikut terlibat dan salah seorang daripadanya yang menjadi kajian tesisnya itu yang telah menyebabkan tesisnya mendapat kepujian kelas pertama. Seorang wanita Cina yang tidak sahaja ikut terlibat, tetapi telah membawa tanda peristiwa tragis itu di pipi sebelah kanannya berupa sebuah parut sepanjang dua sentimeter dari hujung ekor matanya melintang serong ke bawah dagu. Wanita Cina itu masih cantik kelihatannya dalam usia 40 tahun walaupun dengan parut yang telah mencacatkan mukanya serupa itu. Lima belas tahun dahulu daripada gambarnya dia memang seorang yang cantik. Tunangnya menjadi korban ketika mereka pergi menghantar seorang teman perempuan sepejabat ke rumahnya di Kampung Baru. Tetapi Tuhan masih panjangkan umurnya untuk dapat menceritakan peristiwa itu sambil membawa tanda sebagai saksi anak jati bumi ini. Entah mengapa simpatinya tertumpah kepada wanita itu. Baginya itulah wanita Malaysia tulen, produk bumi bertuah ini, kerana dia sedikit pun tidak menyimpan sesalan. Dengan perempuan Melayu teman sepejabatnya yang menyebabkan tunangnya hilang itu dia tidak menyimpan dendam dan masih terus akrab seperti saudara sejati. Dia juga tidak menyesal walaupun kerana tanda itu di luar kehendaknya dia dipaksa menjadi anak dara tua.

Pada petang 13 Mei itu, tunangnya datang menjemputnya seperti biasa di pintu pejabatnya di Jalan Tun Perak (waktu itu bernama Jalan Mountbatten). Suasana dalam bandar sudah mulai tidak menentu. Berita-berita angin sudah kencang bertiup bahawa rusuhan akan berlaku. Dia menawarkan kepada Jamilah teman sepejabatnya untuk menghantarnya pulang. Dia melarang Jamilah yang mahu berjalan kaki balik ke rumahnya kerana bas sudah langka. Dia khuatirkan keselamatannya. Biarlah mereka pergi menghantarkannya. Dari situ ke Kampung Baru tidak jauh, dengan kenderaan hanya beberapa minit sahaja. Sebaik sahaja mereka berhenti di hadapan rumah Jamilah di Jalan Raja Mahadi, sekumpulan anak muda yang mengikat kepalanya dengan kain merah dan bermuka bengis, bersenjatakan kayu, parang dan pisau telah membuka pintu dan mengheret tunangnya keluar. Dia memekik, merayu meminta kasihan tetapi anak-anak muda yang sudah kemasukan syaitan itu tidak sedikit pun menghiraukannya. Dia mendengar pekikan Jamilah waktu Jamilah merangkum tubuhnya dari belakang. Pada pipinya terasa-rasa nyeri dan pedih. Dia terjatuh. Jamilah juga terjatuh dan dia mendengar Jamilah merayu: 'Tolong, jangan apa-apakan mereka! Mereka kawan saya! Jangan! Saya sembah!'

"Saya tidak marah. Saya tidak dendam. Sudah takdir Tuhan serupa itu ke atas saya. Saya percaya kepada kata-kata Jamilah, takdir Tuhan tidak dapat dielak. Tunang saya tentu belum mati kalau kami tidak menghantar Jamilah ke Kampung Baru. Kami masih sempat balik ke Sungai Way. Di sana pada waktu itu masih aman. Tetapi saya mendesak tunang saya pergi menghantar Jamilah ke rumahnya. Rupanya di situ ajalnya menunggu. Saya tidak dendam. Saya telah kehilangan tunang

tetapi Tuhan telah menggantikan kepada saya seorang ibu, seorang bapa dan seorang adik angkat yang memberikan kasih sayang yang tidak pernah saya terima, kerana saya seorang anak yatim piatu."

Hisyam dan ibunya terbunuh di Jalan Petaling, daerah orang-orang Cina ketika menunggu bas mahu pulang ke rumahnya. Orang-orang Cina di kampung setingan tempat Hisyam tinggal tentu tidak sampai hati mahu melakukannya. Mereka kenal Hisyam, mereka kenal ibu Hisyam. Pagi-pagi buta orang akan dibangunkan dengan suaranya yang mersik meninggi menjajakan nasi lemak dan kuih koci. Perkenalan membuat orang berkasih sayang!

Beberapa hari sesudah perintah berkurung ditarik, barulah para penduduk kampung setingan dan di daerah sekitarnya mulai terasa akan kehilangannya. Suaranya yang mewarnai suasana pagi sudah tidak kedengaran lagi. Mereka mulai terasa akan kehilangan Hisyam dalam hidup mereka. Hisyam yang berjalan sambil membimbit sebuah raga yang sederhana besarnya, melaung-laungkan dengan suara tinggi menjaja nasi dan kuih koci buatan ibunya. Dahulu ketika Hisyam masih ada dan berjalan-jalan di lorong rumah mereka, tidak pernah ada yang memikirkan akan kehadirannya. Tiap-tiap pagi tanpa mangkir, dia telah berada di atas jalan raya. Dia mengganggu mereka. Sekarang baru mereka merasa rindu dengan suara mersik tinggi itu. Mulai rindu pada nasi lemak dan kuih kocinya. Tetapi perasaan itu pun sedikit demi sedikit hilang pula oleh kebiasaan.

Daripada penelitian dan kajiannya, punat bisul rusuhan 13 Mei itu berpunca daripada virus yang sudah lama disemai oleh penjajah. Virus yang mereka bawa bersama-sama sejak kali pertama mereka menjejakkan

kaknya di bumi ini dahulu. Virus polarisasi kaum yang mereka bina. Mereka gali jurang pemisah dan mendirikan tembok pengadang melalui sistem *divide et impera*. Orang Melayu yang menjadi peribumi semenanjung emas ini mereka biarkan terus hidup di kampung-kampung sebagai petani dan nelayan, orang Cina mereka pusatkan di bandar-bandar dan orang India mereka biarkan menjadi buruh di kebun-kebun getah. Sehingga negara ini mencapai kemerdekaan polarisasi perkauman itu menjadi semakin tebal juga. Tiap-tiap kaum mulai mencari identiti dirinya kembali. Baba peranakan yang telah beratus tahun membina identiti sendiri dan begitu jauh sudah berasimilasi dengan masyarakat setempat tiba-tiba direntap oleh tangan dewa *chauvinist* lalu memperlihatkan bayang-bayang kelabu yang gagah. Gadis-gadis remaja pun mulai membuang *th'ng sah* (baju panjang) dan *tay sah* (jaket dalam), mulai membuang sarung. Dahulu kalau mereka memakai pakaian serupa itu ditambah dengan sanggul siput *suak ean oh* atau *im boey*, mereka tidak ada bezanya daripada gadis Melayu di sebelah rumah.

Dia bercita-cita mahu belajar di sekolah Melayu kerana sekolah itu terletak tidak jauh dari rumahnya. Kalau mahu pulang dia hanya melaung saja ibunya dari tingkap sekolah.

Tetapi ibu dan bapanya belum berani melanggar tradisi yang tidak bertulis bahawa orang Cina mesti belajar di sekolah Cina. Ibu dan bapanya tidak berani melihat tudingan telunjuk jiran tetangga walaupun bapanya dahulu tidak ke sekolah Cina tetapi ke sekolah Inggeris jauh di bandar dan tidak ada siapa yang menudingkan telunjuk kepada datuknya kerana orang Inggeris itu Setan Putih yang berkuasa, kulit mereka putih, rambut mereka perang dan mata mereka biru.

kalau dapat ikut agama Setan Putih itu pun lagi baik.

Setelah Hisyam menumbuk anak Inggeris itu, beberapa hari lamanya dia tidak muncul-muncul. Dia lalu pergi mencari ke rumahnya.

"Mengapa kaudatang cari aku?" Hisyam langsung menyergahnya sebaik saja dia muncul di pintunya.

Dia merasa terlalu hiba mendengar sergahan Hisyam serupa itu. Tetapi dikeraskan juga hatinya walaupun kakinya sudah mengajaknya pulang.

"Aku ingat kau sakit," jawabnya lembut dan air matanya sudah mulai sebak.

"Orang miskin macam aku tak layak jadi kawanmu," kata Hisyam lagi.

Air matanya sudah tidak dapat dibendung lagi. Dia lalu menangis. Dia tahu Hisyam tidak suka melihat air matanya meleleh serupa itu, tetapi kali ini anak Minang itu terlalu tegar, dibiarnya dia menangis. Akhirnya dia berlari pulang.

Daun tingkapnya tiba-tiba terbanting dengan kuat. Berikutan dengan itu, angin dan hujan menerpa masuk ke dalam biliknya dan suasana bilik itu menjadi muram. Dia melompat bangun dari tempat tidurnya, menerpa ke tingkap cuba menutup daun tingkap yang sebelah lagi. Tangan bajunya basah oleh tempiasan air. Biasanya kalau waktu hujan dia suka duduk di tepi tingkap melihat titik-titik hujan yang jatuh menimpa daun dan mendengar bunyi desahannya. Rasa-rasanya seperti semua tumbuhan sedang berpesta-pora menyambut kedatangan hujan. Tetapi sekali ini hujan yang datang bersama-sama angin utara itu telah menyerbu masuk ke dalam biliknya. Setelah menutup tingkap dia lalu membuka lampu. Ada bunyi ketukan di pintu.

"Siapa?"

"Mei! Ada telepon."

"Okey. Saya datang."

Dia bergegas menuruni anak tangga. Telepon itu ada di tingkat bawah. Dicapai gagang yang sudah terkulai pada taliannya dan, "Helo!"

Agak susah mahu mendengar suara yang di hujung sana. Bunyi angin dan hujan terlalu kuat. "Helo!"

"Mei?" Suara itu sayup-sayup, terlalu jauh kedengarannya. Tetapi dia sudah dapat menduga apabila dalam telefon itu kedengaran bunyi mesin tulis, suara bisung orang bercakap.

"Mei!" kata Syahid.

"Ya? Ada apa?"

"Aku ingin mendengar suaramu," kata Syahid lagi.

Dia tersentak. Agak keanak-anakan kedengarannya. Adakah anak muda itu benar-benar telah terpikat dengannya? Dia pun suka dengannya. "Kau baru saja mendengar suaraku tadi? Okey, ada *tape* di sana? Kau *tapelah* sekarang."

Syahid seperti tidak mendengar percakapannya.

"Mei! Kenapa terlalu bisung di sana?"

"Di sini sekarang hujan dan angin kuat. Cuba kaulihat ke luar. Di sana tak hujan?"

"Aku tak nampak hujan pun," kata Syahid. "Barangkali hujan itu di sana saja. Kau sedang buat apa?"

"Sekarang ini aku sedang dengar telefon," jawabnya sambil tergelak. Geli.

"Tadi?"

"Aku sedang berangan-angan."

"Angan-angan apa? Kauingatkan aku?"

"Ya." Dia ketawa lagi, agak lebih kuat. Biar Syahid mendengarnya.

"Aduh! Aku juga tidak dapat melupakan wajahmu.

Kau tahu, sejak kau tinggalkan aku tadi, aku tak dapat menulis lagi."

"Itu sudah parah. Salah-salah jalan boleh masuk Tanjung Rambutan."

"Aku tak mahu jadi gila. Itulah sebabnya aku menelefonmu ini."

Dia ketawa mengekeh.

"Hah! Ni ambil ubatnya." Dia membulatkan kedua-dua bibir mulutnya dan mengeluarkan bunyi kucupan. "Bagaimana? Okey? Jangan susah, dua hari lagi kita berjumpa. Tidak lari gunung dikejar."

"Kalau dia lari bagaimana?"

"Tempat itu tentu jadi danau yang indah. Tambah lagi satu tempat pelancongan."

"Kau!" ujar Syahid seperti mengeluh.

"Sabarlah sayang," ujarnya pula. "Kita akan berjumpa nanti."

"Tak bolehkah kita berjumpa sebelum itu?"

Dia ragu-ragu sejurus. Angin dan hujan mulai reda. Dia sudah semakin jelas mendengar suara Syahid. Cinta ini tidak akan lama, kata bawah sedarnya. Tetapi yang sejenak itulah nikmatnya. "Aku akan beritahu. Okey?"

"Kau mahu ke mana?"

"Mahu sambung angan-anganku," jawabnya. "Okey, sampai berjumpa."

Gagang telefon itu disangkutkan kembali ke tempatnya, masih terdengar suara Syahid memekik-mekik menyuruh tunggu. Tetapi dia keraskan juga hatinya, kerana khuatirkan kenikmatan yang sejenak itu akan hilang. Dia lalu berlari memanjat tangga kembali ke biliknya. Ditolaknya kedua-dua daun tingkapnya. Hujan sudah berhenti. Dia berdiri di tepi tingkap memandang ke luar. Daun-daun hijau berkilat dan semua tumbuh-tumbuhan kelihatan segar. Itulah

pemandangan yang paling digemarinya; pemandangan alam, sesudah hujan teduh. Suara burung mulai terdengar berdecit-decit melompat dari satu dahan ke satu dahan. Di ruang lapang burung layang-layang terbang melayah dan menjunam, seperti sebuah komposisi tarian klasik. Berputar ke atas, ke bawah, berbalik ke kanan dan ke kiri, ke hadapan dan ke belakang.

Hisyam memimpin tangannya melompati parit-parit yang tertakung air di kebun kelapa itu. Mereka berjalan di bawah lindapan daun-daun kelapa yang rimbun dan pokok buah-buahan yang tumbuh tidak teratur. Angin yang menyilir dari celah-celah batang pokok-pokok mengusap rasa sejuk kepada tubuh mereka yang sudah berpeluh. Mereka berjalan keluar dari kebun kelapa lalu menyusuri permatang sawah menuju ke pondok tempat nenek Hisyam menunggu padinya yang sudah mulai menguning. Buah padi berwarna kuning, hutan hijau menenteramkan mata memandang. Pemandangan di sekitar kampung dan sawah itu selalu mempesonakan perasaannya. Hutan di hujung sawah seperti sebuah benteng hijau yang memagari kawasan itu. Jauh di belakang nampak bukit biru berbalam-balam.

Ada sebuah gelung besar. Airnya jernih mengalir perlahan ke sawah sebelah.

"Lompat!" Hisyam memberi arahan.

Dia tergamam. Tak mungkin lepas kalau dia membuat lonjakan dari situ saja. Entahlah kalau dia dapat berlari sedikit untuk mendapatkan lajak. Hisyam lalu menunjukkan kepadanya cara bagaimana dia mesti melompat. Dengan sekali lonjakan saja Hisyam sudah lepas ke seberang. Nampaknya mudah, tetapi dia tidak berani.

"Ayuh lompat!" kata Hisyam lagi. Tetapi dia terus teragak-agak.

Hisyam lalu melompat kembali ke sampingnya. Tanpa memberi tanda dia lalu mencempungnya dan membawanya menyeberang gelung itu. Walaupun terperanjat, tetapi dia tidak membantah, dibiarkannya saja. Tanah di dalam gelung itu agak lembut, kaki Hisyam terbenam hampir separas lutut. Semakin kuat Hisyam berusaha untuk menarik keluar kakinya, semakin sukar jadinya. Kakinya semakin dalam terbenam kerana beban yang dibawanya. Dia kemudian cuba menarik kaki kanannya dan melonjak, tetapi perimbangannya hilang. Dia melayah ke kiri dan beban yang sedang dicempungnya itu ikut memberi tekanan berat ke kiri. Kedua-duanya lalu terjatuh tergolek ke dalam lumpur. Mereka tertawa mengilai kerana merasa lucu. Lama mereka tergolek serupa itu tanpa berbuat apa-apa. Matanya berair kerana ketawa dan ketika mendengar suara pekikan yang sayup-sayup, barulah mereka bergegas bangun. Seluruh baju dan *skirt*nya sudah penuh lumpur, rambutnya juga terkena lumpur. Mukanya yang putih kuning itu bertompok-tompok dengan lumpur. Seluar dan baju Hisyam juga berluti. Mereka tidak sempat berfikir panjang kerana suara pekikan dari arah gigi hutan semakin kuat. Hisyam berginjat kemudian melompat beberapa kali melihat ke arah suara itu.

"Barangkali budak-budak nakal mengusik Atan," katanya.

Dia ikut melompat tetapi tidak dapat melihat apa-apa.

"Mari!" kata Hisyam lalu menarik tangannya. Mereka berdua berlari-lari menuruti permatang sawah menuju ke gigi hutan. Hisyam berlari terlalu kencang dan dia tidak dapat mengejarnya.

Sambil berlari, dia teringatkan Atan. Atan tidak

serupa dengan orang lain. Kulitnya putih dan rambutnya putih. Matanya merah redup. Budak-budak di kampung itu terutama budak-budak perempuan selalu mengusiknya. Mereka memanggilnya 'hantu bulai'.

Budak-budak itu melempar-melempar lumpur dan kayu kepada Atan dan usikan mereka semakin menjadi-jadi apabila melihat Atan mengejanya.

"Syam! Tunggu aku!"

Hisyam berhenti dan memandang ke belakang. "Cepat!"

Tetapi belum dia dapat mencapainya, Hisyam telah berlari lagi. Dia memang tidak dapat mengejanya. Dia lalu berhenti berlari dan berjalan perlahan-lahan. Sudah kelihatan tiga orang budak-budak berlari-lari berkeliling mengusik Atan. Mereka kemudian berlari ke arah hutan apabila melihat Hisyam datang.

Kasihlan Atan! Dia sudah tidak punya ibu dan bapa. Tinggal dengan datuknya. Tiap-tiap hari dia turun ke sawah menjaga kerbau meragut rumput di tepi hutan. Dia masih ingat waktu dia datang dahulu, Atan itulah yang memanjat pokok kelapa mengambil kelapa muda untuk dia minum airnya. Hatinya baik. Atan juga yang telah berkejar ke rumah dukun apabila nenek Hisyam tiba-tiba jatuh sakit.

Apabila Hisyam sudah meninggal, ada sekali dia pergi ke kampung itu. Sudah ada jalan tanah merah merentas tanah sawah tempat dia dan Hisyam jatuh di dalam gelung dahulu. Sawah yang telah terbahagi dua itu kelihatannya seperti tidak bermaya, pokok padi yang sedang menguning buahnya kelihatan seperti lesu. Nenek Hisyam sudah terlalu tua dan uzur. Lama dia merenunginya dan bertanya beberapa kali sebelum dia ingat kembali kisah lampau. Dia memeluknya dengan erat seperti tidak akan dilepaskannya lagi. Dia tidak

membenarkannya pulang sebelum makan.

"Ini ada ikan keli dan ikan puyu, orang bagi petang semalam. Nenek akan asak lemak cili api. Kau masih boleh makan macam dulu?"

Dia mengangguk dan matanya berair. Dahulu pertama kali dia memakan masakannya, mulutnya terasa seperti terbakar. Sekali suap nasi, sekali minum air. Matanya berair. Dia makan juga kerana tidak mahu diketawakan oleh Hisyam dan Atan. Mana Atan? Atan sudah tidak ada lagi di kampung itu. Pondok datuknya juga sudah tidak ada. Bekas pondok itu telah ditumbuhi lalang dan senduduk. Menurut nenek Hisyam, tidak ada orang yang tahu ke mana Atan menghilang sesudah datuknya meninggal dunia. Ada berita mengatakan dia lari masuk ke dalam hutan. Kasihan Atan!

Bermula dari makan siang hari Sabtu itu, perhubungannya dengan Syahid menjadi semakin akrab. Syahid seorang pemuda yang peramah. Mereka berdua begitu gembira seperti sepasang merpati yang terbang di langit lepas. Tetapi seperti yang sudah diduga, dia telah direntap bangun daripada alam mimpinya oleh tugas negara yang penting. Dia terpaksa meninggalkan Syahid tanpa pesan. Syahid terlalu marah serta merasa seperti dia dipermainkan. Biar apa pun juga, ini ialah tanggungjawabnya yang mesti ditunaikan. Dia mengetepikan perasaan hatinya dan kepentingan dirinya, kerana begitu sudah suratan takdir yang menyuruh dia memberikan sesuatu kepada negara dan bangsanya. Tugas yang banyak tidak dapat difahami oleh orang dalam zaman yang materialistik ini.

Waktu dia menyiapkan tesisnya dahulu, dia telah mendapat jawapan tentang sebab berlakunya rusuhan kaum, sejak itu dia bertekad untuk mengabdikan dirinya kepada nusa dan bangsa. Biarlah dia keseorangan dalam

tugas ini. Biarlah kawan karibnya yang mengetahui menuduhnya sebagai perbuatan orang yang bodoh. Dia seorang gadis yang cantik, sederhana tinggi, mempunyai potongan tubuh yang menjadi impian banyak perempuan. Bermuka bujur telur, bermata jeli. Intelek pula. Apa yang dikehendakinya dalam hidup ini berada di hujung jarinya.

Tetapi dia mempunyai fikiran lain. Kalau bukan dia yang memberikan khidmat kepada ibu pertiwinya, maka siapa lagi orang lain?

Syahid tidak tahu. Biarlah. Biarlah dia lupakan dulu angan-angannya mahu menjadi seorang kekasih yang baik, isteri yang taat. Lima atau enam tahun lagi, andai kata mereka akan bertemu semula dan kalau ada jodoh. Dia tahu Syahid yang kacak itu akan mudah diapit oleh orang perempuan yang cantik, satu di sebelah kiri dan satu lagi di sebelah kanan. Dua puluh tahun lagi dia tentu sudah bercucu. Mungkin telah memandu sebuah motokar mewah yang diimport dari luar negeri dan menjadi pengarah yang terkenal. Mungkin dia tidak kenal lagi dengan Mellisa yang memandu motokar tua, ekzosnya menyembur keluar asap kotor.

Dia sayang kepada negara ini, bangsa ini. Walaupun dia lahir di luar negeri tetapi dia warganegaranya. Dia besar dan bersekolah di sini. Baginya, dia tidak akan dapat hidup di negara lain biar bagaimana mewah dan maju sekalipun. Dia tidak akan dapat hidup di Negeri China, walaupun dia berbahasa Cina, berkebudayaan Cina dan leluhurnya dahulu berasal dari Guangdong. Iklim di sana berbeza. Cara hidup di sana berbeza. Cara berfikirnya berbeza.

Sebelum dia mati, dia hanya ingin melihat negara dan rakyat negara ini hidup dalam aman dan damai. Semua' suku kaum hidup dalam harmoni sebagai satu

bangsa yang merdeka dan berjaya. Perisitwa hitam 13 Mei itu tidak berulang lagi. Dia lalu memeluk dengan erat kekasihnya yang sejati M16.

Dewan Sastera, Ogos 1992

Nagasaki

NILAKESUMA terlalu gembira apabila mendapat tahu namanya ikut tercatat dalam daftar 40 orang pelajar Rancangan Persediaan Khas ke Jepun yang akan bertolak ke negara itu pada malam 24 Mac nanti. Kegembiraannya cukup beralasan. Dalam masa dua tahun yang lalu di Ambang Asuhan Jepun di Universiti Malaya itu, dia berasa dirinya agak ketinggalan daripada kawan-kawan lain. Dia boleh menguasai bahasa Jepun sedikit-sedikit kerana bahasa itu tidak terlalu susah; hampir serupa bahasa Melayu ada fonemnya dan ada alfabetnya. Dia boleh menguasai tulisan *katakana* dan *hiragana* tetapi *kanji* seperti tulisan Cina itu agak susah mahu diingati calit-calitnya. Bapanya, Haji Usman pesara guru pernah menerima surat daripada pengarah rancangan itu yang memberitahu tentang kelemahannya itu dan hal ini amat menakutkannya. Dia boleh dikeluarkan daripada rancangan tersebut jika prestasinya tidak dapat diperbaiki.

Tetapi sekarang semuanya itu tinggal kenangan. Walaupun kelulusannya tidak secemerlang seperti yang diharapkan, namun dia berjaya melimpasi halangannya. Dia dapat melanjutkan pelajaran ke negeri Matahari

Terbit dalam bidang sains komunikasi. Dia baru sedar, selain azamnya sendiri, saham bapanya juga cukup besar dalam kejayaan yang dicapainya itu.

Baru sesudah keputusan diumumkan, bapanya memberitahu tentang isi surat yang ditulis kepada pengarah Asuhan itu. "Anak saya itu belajar bahasa asing, tentu pada permulaannya agak payah tetapi dengan bimbingan tuan yang bijaksana tentu dia akan berjaya seperti tuan juga." Itulah rahsianya. Diplomasi orang tua yang menyebabkan dia menjadi perhatian khas daripada guru-gurunya.

Waktu berita kejayaan itu disampaikan kepada bapa dan ibunya di rumah, mereka sangat gembira.

"Alangkah baiknya jika kau dikirimkan ke Saga," kata bapanya.

"Memang saya akan ke Universiti Saga, kenapa?" jawab Nilakesuma cepat, diiringi rasa hairan. Dia memandang muka bapanya. Pada sinar mata bapanya itu ada tanda tanya. Ada riak-riak keceriaan menghiasi garis-garis di wajah tua itu. Bibir mulut bapanya bergerak, sebuah senyum kecil timbul pada kulit mukanya. Nilakesuma yang di rumahnya dipanggil Nila sahaja bertambah hairan lalu cepat-cepat berpaling ke kanan mencari jawapan daripada ibunya.

"Kau mahu ke Saga? Betul?" Ibunya menyampuk dengan wajah yang juga ceria.

"Betul," jawab Nila semakin hairan. "Nah, cuba lihat surat tawarannya."

Dia menarik keluar envelop besar berwarna kuning bercetak URUSAN KERAJAAN MALAYSIA dari dalam beg galasnya yang masih dipeluknya sejak balik tadi, diberikan kepada bapanya. Puan Rohana segera bangun dan berdiri di belakang suaminya ikut melihat isi envelop yang ditarik keluar. Surat tawaran dari Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA).

"Betul, Hana. Nila akan ke Saga," kata Haji Usman kepada isterinya setelah membaca surat-surat itu sekali imbas.

Puan Rohana meletakkan hujung jari telunjuk kanannya ke bibirnya yang tipis dan pucat, tabiatnya apabila mulai mahu berfikir sesuatu. Dia lalu bergegas masuk ke bilik. Nila Kesuma semakin hairan dengan perilaku kedua-dua ibu bapanya yang aneh itu. Dia memandang muka bapanya, riak-riak senyumannya masih tersisa.

Nilakesuma berpaling ke kanan melihat ibunya yang sedang keluar dari bilik membawa sebuah kotak kecil yang sudah hilang warna asalnya. Hatinya membuak dengan rasa ingin tahu.

Nilanya bangun mendekati ibunya yang sudah duduk di sebelah bapanya dan melihat ibunya mengeluarkan isi kotak itu yang tidak pernah dilihatnya selama ini. Satu kumpulan surat dan beberapa keping gambar. Surat-surat itu sudah kuning warnanya dan bertulis tangan. Ibunya lalu menarik keluar sekeping gambar yang agak besar saiznya. Ditunjukkan kepada Nila. Gambar hitam putih yang sudah pudar, penuh dengan bintik-bintik yang hampir mencacatkan muka orang di dalamnya. Seorang Jepun dalam uniform tentera lengkap dengan pedang samurainya, duduk di sebuah kerusi dengan kaki terkangkang. Nila merenungnya. Perasaannya mulai berkocak keras. Pelbagai fikiran yang negatif muncul. Siapa Jepun ini?

"Siapa ini, mama?" tanyanya sambil membalikkan gambar itu kerana nampak seperti ada kesan tulisan di belakangnya. Tulisan rumi. "Kenang-kenangan bagi persahabatan kita yang baik, Yoshida."

Perasaan Nilakesuma menjadi lega. "Siapa Yoshida ini, mama?"

"Kawan datang kau waktu zaman Jepun dulu. Ini," ujar ibunya. "Surat-suratnya yang dikirimkan kepada datuk kau."

Diserahkannya kotak itu kepada anaknya. Nila menarik keluar surat yang di atas sekali yang kelihatannya masih baik.

"Itu suratnya yang terakhir tetapi datuk kau tidak sempat lihat. Surat itu sampai pada hari datuk kau meninggal," kata ibunya.

"Jadi dia tidak tahu datuk meninggal?"

"Bapa kau sudah beritahu. Sejak itu suratnya tidak pernah datang lagi."

"Apakah dia masih hidup?"

"Kami tidak tahu. Sudah 10 tahun lebih. Jika hidup pun tentu umurnya sudah 80 tahun. Waktu di sini dulu dia sebaya dengan datukmu. Sama-sama berumur 30 tahun," jawab bapanya.

'Mari sini, jangan takut!' Yoshida duduk mencangkung sambil menguit-nguit jari telunjuknya memanggil Usman yang takut-takut dan segan. 'Ini. Ada gura, suka gura?'

Usman yang tidak berbaju hanya berseluar katok saja, ingin sekali mendapatkan gula yang dihulurkan Jepun itu tetapi hatinya takut-takut berani.

"Tentu sudah tua," kata Nila sebagai satu sungutan.

"Cuba kaubaca surat-suratnya itu. Dia kawan baik datukmu. Mana tahu kalau dia masih hidup."

Yoshida menyukai kanak-kanak. Usman, Normah, Kifli, dan Leha yang tinggal berhampiran sekolah Melayu semua menjadi kawannya. Walaupun pada mulanya takut-takut tetapi mereka selalu berharap dia datang ke rumah Cikgu Sulaiman, guru besar. Mereka menunggu gula-gula. Lama-kelamaan mereka jadi berani dan membiarkan Yoshida membawa mereka di

atas gandar basikalnya bergilir-gilir di sekeliling kawasan sekolah.

"Dia tulis dalam bahasa Melayu?" kata Nila.

"Dia belajar sendiri daripada buku, lalu dia berca-
kap dengan datukmu. Telor-telor sedikit tetapi boleh
faham."

Haji Usman teringat Yoshida yang tidak dapat
menyebut "L", lalu dia panggil Cikgu Sulaiman yang
kemudian menjadi bapa mentuannya itu "Suraiman.
Suraiman Sang."

'Suraiman Sang ...' Nila membaca surat Jepun itu
yang ditulis dalam huruf rumi besar-besar sama dengan
tulisan pada gambar: 'Sekarang hujung bulan Mac,
sakura mulai berbunga lagi seperti tahun-tahun yang
lalu. Bila kau mahu datang ke mari? Kita sudah semakin
tua. Mungkin tahun depan kita tidak sempat melihat-
nya.'

Yoshida kemudian menceritakan hal keluarganya.
Tentang isterinya yang sudah meninggal setelah
menderita sakit sekian lama akibat terkena sinaran bom
atom.

"Lama juga isterinya itu sakit." Nila berpaling
kepada ibunya dan kemudian kepada bapanya. Suaranya
berisi keharuan. "Berapa tahun?"

"40 tahun lebih," jawab bapanya sesudah men-
congak sebentar.

Puan Rohana terkejut mendengar perbualan anak
dan suaminya. "Isteri Yoshida meninggal? Abang tak
beritahu saya pun."

"Kau lupa. Kau asyik menangis saja pada hari itu."

"Dahsyat sungguh. Mama tak tahu?" ujar
Nilakesuma. "Terkena sinarannya saja menderita sampai
40 tahun. Lebih baik kena bomnya terus tak payah
menderita lagi."

Mendengar kata-kata anaknya itu Puan Rohana terus berhati walang. Dia seperti mahu menangis kerana terlalu pilu dan sedih. "Dia kena sinaran apa?"

"Sinaran bom atom yang mereka panggil radiasi. Isteri Yoshida itu korban yang terkemudian. Tak termasuk dalam kumpulan yang cedera pada waktu itu, sama banyak dengan yang mati. Yang kena sinarnya seperti isteri Yoshida tak tahu berapa banyak," kata Haji Usman. "Aku pernah membaca ceritanya dalam buku yang dikirimkan oleh Yoshida kepada bapa."

"Masih ada lagi buku itu?" tanya Nilakesuma.

"Aku tak tahu. Sudah lama sekali, sudah berpuluh tahun."

"Bapa ceritalah lagi. Nila mahu tahu."

Haji Usman menyuruh anaknya menghabiskan dulu surat yang sedang dibacanya itu.

"Tak dapat ditolongkah penyakit isteri Yoshida itu?" Ibu Nila pula menyampuk, masih belum hilang rasa hibanya.

"Akibatnya itu, menurut yang aku baca, tak dapat dikesan dengan cepat. Dia seperti terperam di dalam tubuh sebelum menjelma jadi pneumonia atau kanser yang sampai hari ini belum dijumpai lagi penawarnya."

"Jadi orang yang kena akibatnya itu terpaksa menderita seumur hidup?" tanya Puan Rohana sambil mengesat matanya.

"Siapa Hanako ini, bapa?" tanya Nila memotong cakap ibunya. Dia memandangi muka bapanya.

Bapanya ketawa sambil mengenyitkan mata kanan ke arah ibunya. Nila berpaling. Ibunya tersipu-sipu, kulit mukanya yang cerah itu bertambah merah.

"Tanya ibumu. Dia kenal baik dengan perempuan Jepun itu," kata bapanya.

"Perempuan Jepun?"

Nilakesuma tiba-tiba sahaja berasa kesendirian apabila dia melihat Anieza yang duduk di sebelah kirinya itu telah tertidur, dengan kepala terlentok di sandaran kerusi yang sudah diturunkan sedikit. Sejak kapal terbang Airbus MAS itu berlepas dari KLIA jam 00.55 awal pagi tadi dia tidak dapat meyelapkan matanya walaupun pelupuk matanya terasa berat dan bola matanya mulai pedih. Dia terlalu teruja dengan pengalaman penerbangan yang pertama ini. Dua jam yang lalu dia masih bersama-sama dengan ibu dan bapanya. Masih terbayang lambaian tangan mereka dari tingkat atas ketika dia berdiri menunggu gilirannya di kaunter imigresen. Mungkin mereka sudah pun sampai balik ke rumah pak ciknya di Petaling Jaya.

Dia macam tidak percaya ibunya itulah Hanako yang ditanyakan oleh Yoshida dalam suratnya. Waktu ibunya lahir, Yoshida memberi nama itu dan datuknya pula memberi nama Rohana supaya perkataan 'hana' (bunga) itu ada di situ.

Waktu Hadzeri (nama di lencana bajunya), pramugara dalam penerbangan itu membawanya ke tempat duduknya, dia agak terperanjat melihat seorang gadis Melayu yang berjilbab sudah ada di kerusi di sebelah kanan berhampiran dengan jendela. Gadis itu bukan daripada kumpulannya. Mereka yang perempuan dalam kumpulannya memakai kot biru tua, berkain putih, bertudung putih, dan bertali leher. Gadis itu memakai kot yang agak kelabu warnanya, lehernya dililit dengan kain sal sutera berbunga kecil.

Sesudah mengucapkan terima kasih kepada pramugara yang mengiringinya, dia lalu mengucapkan salam kepada gadis yang menjadi jirannya sambil menghulurkan tangan. "Saya Nila. Nilakesuma."

"Anieza," jawab gadis itu.

"Anieza belajar di Jepun atau pergi melancong?" tanya Nila setelah duduk.

"Serupa saudara juga dari Rancangan Persediaan Khas," jawab Anieza. "Saya sudah tahun dua. Saudara ke mana?"

"Saya ke Saga. Bagaimana Anieza tahu saya dari Rancangan Persediaan Khas?"

"Saya lihat uniformnya. Saya dulu pun begitu juga."

Mereka lalu sama-sama ketawa kecil. Anieza menyuruh Nilakesuma memasang tali pinggang. Nila lalu memandang ke sebelah kirinya, kepada kawan-kawannya yang lain. Yang lelaki memakai songkok, kot, dan seluar hitam dengan tali leher sekali. Mereka juga teruja sepertinya kerana pertama kali naik kapal terbang, sibuk memakai tali pinggang.

"Saya bertuah dapat bertemu dengan senior di sini," ujar Nila sambil berpaling ke kanan memandang Anieza. "Anieza dari mana?"

"Johor Bahru. Nila? Boleh saya panggil begitu?"

"Boleh sangat. Saya dari Derga, Alor Setar. Anieza tentu sudah mahir dengan keadaan di Jepun."

"Tidaklah banyak. Nila juga tidak susah kerana sudah tahu bahasanya, yang penting kita boleh berkomunikasi. Barangkali di Saga itu seperti di Fukuoka tempat saya, dialeknya agak berbeza sedikit daripada utara. Tetapi boleh faham."

"Anieza di Fukuoka?"

Mereka telah bercakap-cakap sehingga ditegur oleh orang yang di belakang yang memberi isyarat bahawa tidurnya terganggu. Waktu itulah Anieza menurunkan kerusinya dan mulai memejamkan mata.

Nilakesuma cemburu sedikit apabila melihat Anieza dapat memejamkan matanya. Ada banyak perkara yang mahu ditanyanya. Dia masih dapat melihat ketawa

bapanya ketika dia bertanya tentang "perempuan Jepun yang bernama Hanako" itu. Dia terlupa mahu bertanya kepada Anieza tentang bunga sakura yang sangat ingin dilihat oleh datuknya. Hampir tiap-tiap tahun apabila surat itu ditulis dalam bulan Mac atau April, Yoshida akan meminta datuknya datang ke Jepun malah pernah ditawarkannya tambang hanya untuk melihat bunga itu sahaja yang katanya sangat cepat gugur. Dalam salah satu suratnya yang paling awal, pada waktu itu ibunya belum lagi berkahwin dengan bapanya, Yoshida ada menceritakan tentang bunga sakura ini. Mungkin kerana itulah barangkali datuknya sangat ingin mahu melihatnya.

'Setiap kali musim sakura, pada hari minggu orang-orang Jepun keluar untuk melihatnya yang kami panggil *hanami*. Di taman-taman bunga ramai orang duduk-duduk seperti kita berkelah di Anak Bukit. Mereka makan minum, menari, menyanyi dan bermain di bawah rimbunan pokok-pokok yang rantingnya penuh bergayutan dengan kuntum bunga-bunga putih, seperti salji. Bunganya kecil seperti bunga melur dengan lima kelopak. Musim bunga sakura sangat besar ertinya bagi orang Jepun.'

Mungkin datuknya itu hairan mengapa bunga itu begitu penting bagi orang Jepun. Tetapi bunga itu memang menarik, kata Nilakesuma dalam hatinya. Daripada gambar yang ditunjukkan oleh Mori Sensei, cikgu di Ambang Asuhan Jepun, memang bunga itu ada keistimewaannya.

Nagasaki. Tiba-tiba perkataan itu muncul dalam ingatan Nilakesuma. Bapanya berkata kejadian pengeboman kota pelabuhan itu satu ironi sejarah.

"Ironi sejarah bagaimana?"

"Itulah kota Jepun yang pertama didatangi oleh

orang Barat. Di situlah mula-mula mereka menjejakkan kaki yang sebelum itu negeri Jepun tertutup kepada orang asing. Seperti biasa, macam di Melaka kita dulu juga tempat mereka mula meluaskan pengaruhnya. Mereka membawa masuk agama Kristian dan kebudayaan Barat. Cuba kamu baca novel *Shogun*, banyak yang boleh kau pelajari tentang pengaruh Barat itu.”

“Jadi di mana ironis sejarah yang bapa katakan tadi?”

“Ironinya kota yang telah mereka baratkan itu mereka sendiri yang menghancurkannya.”

Masih segar kata-kata bapanya itu dalam kepalanya, ketika dia memberitahu cita-citanya mahu melawat Nagasaki. “Bagus sekali jika kau dapat pergi. Banyak yang dapat kau belajar tentang kemanusiaan daripada kota itu.”

Tentang kemanusiaan. Bapanya menyuruhnya mencari jawapan daripada surat-surat Yoshida kepada datuknya.

“Baca surat-suratnya itu. Surat yang ketiga barangkali, mungkin ada di bahagian bawah kotak itu.”

Nila mencarinya, sudah terlalu kumal kerana kertasnya kurang baik tetapi dia cuba membacanya merangkak-rangkak. Yoshida menceritakan tentang kedahsyatan bom atom yang digugurkan itu. Kaum keluarganya yang tinggal di bandar itu adalah antara 150 000 orang yang menjadi korban, mati dan cedera. Isterinya yang kebetulan mengunjungi keluarganya di situ ikut menjadi mangsa. Menurut suratnya, isterinya itu penganut setia agama Shinto; dia ke Nagasaki hanya kerana mahu ke Kuil Shinto Sanno. Pada pagi yang malang itu, dia baru pulang dari kuil itu dan sedang berjalan memasuki pekarangan rumah adiknya yang bekerja di Mitsubishi Steel Works, lalu tersilau oleh

sinaran cahaya bom yang meletup. Dia terjatuh dan tersembam ke tanah. Dia terus pingsan di situ sehingga diselamatkan orang.

Daripada kedatangan kapal orang Barat ke kota Nagasaki itulah Jepun belajar tentang teknologi moden terutama tentang meriam dan senjata api. Sebelum itu mereka hanya menggunakan alat-alat perang yang amat primitif, meriam cara kuno, pedang, kendo, judo, dan ninja. Mereka selalu kalah berperang dengan Rusia di Semenanjung Kamcatka. Dengan mempelajari teknologi yang dibawa oleh orang Barat itulah mereka kemudian dapat mengalahkan Rusia dalam peperangan di Port Arthur, Korea.

"Datukmu dulu seorang nasionalis. Dia mantan pelajar Tanjung Malim yang mengagumi perjuangan kebangsaan di Indonesia. Aku mendengar dia berkata beberapa kali waktu mengajar kami dalam darjah lima bahawa kemenangan Jepun ke atas Rusia itu menjadi inspirasi kepada perjuangan orang Indonesia untuk bangun menentang Belanda. Mereka tidak percaya lagi kata-kata Belanda bahawa orang Asia tidak boleh melawan orang Barat. Tidak boleh pandu kapal terbang kerana kakinya pendek. Nah, apabila Jepun menang, para pejuang kebangsaan Indonesia pun naik daun."

Mori Sensei guru bahasa Jepun di Ambang Asuhan itu pun datang dari Pulau Kyusyu juga. Dia pernah bercerita tentang Nagasaki sebagai kota pelabuhan yang terbesar di Jepun dan satu-satunya kota yang paling banyak penganut Kristian kesan daripada kedatangan orang Barat itu. Dan anehnya, kata Mori Sensei, kota itu pula yang menjadi sasaran bom atom orang Barat.

"Dia panggil tuk, cikgu," kata Nilakesuma. Suaranya berubah. Air matanya mengalir tanpa disedari. Ibunya sempat melihatnya mengesat matanya sesudah mem-

baca surat Yoshida itu. Nilakesuma mulai termenung panjang.

"Barangkali kerana surat itulah datukmu dulu tawar hatinya mahu ke Jepun, tapi dia tidak bilang kepada sesiapa."

"Sedih kan, tuk tak sampai hajat," kata Nila menyembunyikan perasaan hiba tentang malapetaka yang diceritakan Yoshida walaupun yang ditulisnya itu tidak begitu jelas.

"Waktu terima surat itu, mama masih kecil. Tetapi mama dapat melihat datukmu terlalu susah hati. Kadang-kadang dia lupa makan."

"Dia dengan Yoshida itu cuma bangsa saja yang berlainan tetapi hubungannya macam adik-beradik." Bapanya pula mencelah.

"Lebih-lebih lagi sesudah Yoshida masuk Islam."

"Dia masuk Islam?" Nilakesuma hampir terpekik.

"Kuasa Tuhan." Ibunya tiba-tiba berkata perlahan seperti kepada dirinya sendiri, kemudian agak kuat sedikit. "Tuk tak dapat tengok, cucunya pula yang dapat tengok."

Haji Usman lalu mencapai salah satu surat dari kotak itu, ditolak cermin matanya ke atas kening lalu memerhati tanggal pada surat tersebut. "Bulan inilah, bulan Mac."

Sambil memandangi Anieza yang masih terlentok kepalanya itu, Nilakesuma hairan bagaimana datuknya boleh bersahabat begitu rapat dengan orang Jepun. Padahal menurut cerita yang pernah didengarnya dan juga daripada buku yang dibacanya, orang Jepun itu terlalu kejam dan tidak berperikemanusiaan.

"Zaman perang," ujar bapanya ketika hal itu ditanyakan kepadanya. "Orang bergaduh, bukan Jepun saja tetapi bangsa lain juga apabila sudah bergaduh,

pasti bunuh-membunuh. Bangsa sendiri pun apa kurangnya?"

Jika Yoshida itu masih hidup tentulah dia sudah tua sekali. Mungkin berjalan juga agak payah, bercakap pun tentu teragak-agak bagaimana dia akan berkomunikasi dengannya nanti. Ataupun dia sudah melupakan kisah-kisah di sini.

Yoshida itu kata bapanya seorang yang pandai membuat kraftangan. Dia membuat tanglung kertas daripada buluh. Lalu tanglung itu digantung di kiri kanan tangga rumah datuknya pada malam hari raya. Dia membuat layang-layang Jepun seperti ikan untuk anak-anak di kampung itu yang selalu berebut-rebut untuk memilikinya.

Pelupuk matanya sudah semakin berat; dia berpaling melihat wajah Anieza yang diam tenang dalam tidurnya dan kemudian melihat jam tangan hadiah hari jadi daripada bapa saudaranya di Petaling Jaya. Sudah pukul 4.00 pagi. Jamnya masih menggunakan waktu Malaysia. Pukul berapa di Jepun? Tiba-tiba pramugari sibuk membahagi-bahagikan kotak yang berisi sarapan kepada orang-orang yang sudah bangun. Anieza juga sudah bangun.

"Sudah pukul berapa?" tanya Anieza sambil melihat jam tangannya kemudian dia menyambung. "Tidak lama lagi kita akan sampai."

Mendengar itu hilang sudah rasa kantuk Nila. Dia tiba-tiba teringat ibu dan bapanya. Tentu mereka sekarang sudah bangun solat subuh. Bapanya mahu bertolak pulang ke Alor Setar sesudah solat, tidak banyak trafik dan tidak terlalu panas. Sewaktu akan berpisah tadi dia mencium tangan bapanya, kemudian ibunya. Ibunya lalu memeluknya. Terdengar esakan kecil di atas bahunya. Air matanya juga sudah berkumpul. Dia akan

meninggalkan mereka agak lama.

Dalam rombongan itu ada empat orang yang akan ke Saga. Mereka yang lain ada yang ke Hiroshima, Nagasaki, Fukuoka, dan ke tempat-tempat lain di bahagian utara mengikut bidang ilmu yang mereka pilih.

Di Fukuoka nanti mereka akan berpisah; khabarnya ada senior yang akan menunggu mereka di situ untuk membawa ke tempat masing-masing.

"Saya akan perkenalkan Nila dengan Iqbal. Dia mungkin ada di lapangan terbang nanti."

"Siapa Iqbal?"

"Dia salah seorang senior. Dia seorang yang baik, sangat suka menolong orang," kata Anieza.

"Syukurlah. Saya ini tentu macam rusa masuk kampung. Terpinga-pinga tak tentu arah."

"Semua orang baru begitu. Saya pun dulu terpinga-pinga juga." Mereka sama-sama tersenyum.

Kapal terbang mulai merendah perlahan-lahan. Nilakesuma cuba memanjangkan leher mahu melihat ke luar jendela.

Sebaik-baik sahaja melangkah keluar dari pintu besar bangunan lapangan terbang itu sudah terasa akan perubahan udara. Walaupun tidak teralu sejuk tetapi semua orang memakai baju tebal. Ada dua orang lagi senior perempuan dalam penerbangan itu. Mereka lalu dengan sukarela menolong pelajar-pelajar yang baru itu mengambil bagasi, berbaris di hadapan kaunter imigresen dan kastam. Pertama kali Nilakesuma bercakap Jepun dengan orang Jepun di buminya sendiri. Ada kelainannya. Mereka itu hormat dan sopan walaupun tidak tersenyum tetapi air mukanya manis. Bercakap dengan suara yang rendah. Banyak angguknya.

Di luar telah menunggu senior dari berbagai-bagai universiti yang akan membawa mereka ke tempat

masing-masing. Anieza memperkenalkan Nilakesuma dan kawan-kawannya yang mahu ke Saga kepada Iqbal, pelajar tahun tiga, yang tinggi kurus dengan misai dan janggut yang jarang-jarang dan Sukarno pelajar tahun akhir dari Pahang yang sedikit rendah. Saga terletak kira-kira 90 kilometer ke selatan Fukuoka. Masing-masing bersalam-salaman sebelum berpisah dan membuat janji akan menghubungi antara satu sama lain apabila sudah berada di universiti nanti. Pada masa itu, setelah berada di bumi asing baru terasa bahawa antara mereka walaupun datang dari tempat yang berlainan sudah ada tali yang mengikat, tali persaudaraan senegara, yang menimbulkan rasa pilu setia kawan.

Nilakesuma terlihat pokok sakura dan bunganya yang putih seperti salji yang tumbuh di pekarangan rumah dan di pekarangan bangunan pejabat, kilang, dan di pinggir padang permainan. Apabila pokoknya banyak berbaris-baris maka bunganya yang kecil putih itu pun seperti gumpalan awan yang amat indah dipandang dan sangat mempesonakan. Dia mulai faham akan keghairahan Yoshida untuk mengajak datuknya datang menyaksikan temasya musim sakura berbunga. Dia sudah dapat merasainya sekarang hanya dengan melihat dari jauh sepintas lalu di dalam kenderaan. Iqbal berjanji akan membawa mereka ke taman sakura yang terletak berhampiran dengan sebuah muzium di Saga.

"Nanti," kata Nilakesuma kepada Iqbal ketika di dalam bas. "Saya ingin pergi ke Takeo City."

"Ada apa mahu ke sana?"

"Mahu mencari kawan datuk saya. Jauhkah pekan itu dari Saga?"

"Ada kira-kira 30 kilometer arah ke Nagasaki."

"Nagasaki?" Anak mata Nilakesuma bersinar-sinar apabila mendengar Iqbal menyebut nama tempat itu.

Iqbal dapat melihat akan keajaannya. "Saya juga ingin ke Nagasaki, melihat tempat bom atom dijatuhkan."

"Universiti baru akan dimulai kira-kira pada awal minggu bulan depan. Kita boleh pergi dalam masa dua tiga hari ini jika mahu. Nila ada alamatnya?"

Nilakesuma mengangguk.

Waktu sampai di International House tempat mereka akan tinggal, mereka telah disambut oleh beberapa orang pelajar Malaysia. Nila dan Mariam yang tubuhnya lebih berisi ditempatkan di asrama perempuan. Pelajar *senior* telah mengajar mereka bagaimana mahu menghias bilik masing-masing dengan cara yang murah dan mudah. Peti televisyen, kerusi dan barang elektrik yang masih boleh dipakai diambil dari tempat buang sampah, yang dibuang oleh orang-orang yang baru pindah keluar dari asrama itu. Nilakesuma terasa agak aneh terhadap perbuatan itu dan hatinya agak berat. Tetapi itulah tradisi yang biasa berlaku di situ, kata *seniornya*. Mereka cuma perlu membeli basikal *second-hand* saja untuk kemudahan bergerak. Sebab basikal walaupun buruk tidak ada orang yang mahu membuangnya.

Dengan kereta Sukarno yang dipandu oleh Iqbal, Nilakesuma dan Mariam dibawa ke Takeo City. Jalan lama yang mereka lalui pemandangan alamnya hampir sama dengan di Kedah ataupun di Perak. Sawah dengan tanaman yang menghijau seperti permaidani terhampar sampai ke kaki bukit. Rumah-rumah para petani Jepun baik yang dibina daripada kayu atau batu bata bentuknya kekal dengan ciri-ciri tradisi Jepun yang khas yang sangat menarik. Pada perasaan Nilakesuma mereka itu walaupun petani tetapi termasuk dalam golongan yang hidup mewah. Takeo City itu hanyalah sebuah kota kecil jauh di pedalaman tetapi bersih dan menawan.

Mereka tidak susah mencari rumah Yoshida. Pelayan perempuan yang setengah umur di *supermarket* pekan itu kenal baik dengannya. Dia masih hidup dan sihat. Dua tiga kali seminggu akan datang ke pekan itu.

Waktu mereka sampai dan memberhentikan kereta di halaman rumah, seorang perempuan sebaya ibu Nilakesuma keluar menjenguk di pintu. Dia memakai gaun dengan apron di atas gaunnya itu. Air mukanya berubah apabila melihat anak-anak muda yang datang itu bukan orang Jepun.

"Cari siapa?" katanya sambil membongkok.

"Maafkan kami," kata Sukarno yang sudah keluar dari kereta juga ikut membongkok-bongkokkan tubuhnya. "Tuan Yoshida ada?"

"Ada. Tuan-tuan ini siapa?"

"Kami datang dari Malaysia," kata Iqbal juga membongkokkan tubuhnya. "Kawan kami ini mahu jumpa Tuan Yoshida."

"Begitukah? Tunggu sebentar." Dia masuk ke dalam dan terdengar suaranya melaung. "Bapa. Ada orang cari."

"Apa? Siapa cari?" Terdengar suara parau lelaki agak jauh di belakang.

Nilakesuma dan Mariam yang sudah keluar dari kereta berjalan di halaman rumah, kagum melihat pokok-pokok bunga yang pelbagai macam, subur dan terjaga rapi. Nilakesuma teringat kata-kata ibunya bahawa Yoshida seorang ahli pertanian, sebab itu kata datuknya, dia ditempatkan di Kedah. Dia lekas-lekas berpaling apabila mendengar Iqbal mengucapkan, "*Konnichi wa!*"

Seorang lelaki Jepun yang tinggi dan tegap berdiri di muka pintu sambil menyapukan kedua-dua telapak tangannya yang basah pada seluarnya. Sekali imbas

sahaja Nilakesuma terus mengenalinya. Walaupun sudah tua tetapi masih ada raut wajah gagah yang dilihatnya dalam gambar. Dia berjalan mendekati Iqbal dan Sukarno yang sedang bercakap.

"Kami ini dari Malaysia. Pelajar dari Universiti Saga. Ini Nila," kata Iqbal berpaling memandangi Nila yang sudah berdiri di sebelah kanannya. "Dia baru datang dari Kedah. Ada membawa pesanan untuk tuan."

"Kedah?" Yoshida agak terperanjat. Air mukanya terus berubah dan kemudian berseri-seri. "Cucu Suraiman Sang. Anak Hanako?"

Giliran Nilakesuma pula terkesima. Dia memandangi muka ketiga-tiga orang kawannya seperti meminta bantuan. "Betul. Bagaimana tuan tahu?"

"Suraiman Sang kasi tahu. Satu hari dia akan datang ke mari." Yoshida terus melangkah ke hadapan Nilakesuma dan memegang kedua-dua belah bahunya sambil merenung matanya. "Ada wajah datukmu. Mari, mari masuk. Satoko!"

Satoko anak perempuan Yoshida yang sedang terpinga-pinga menyaksikan peristiwa itu dari muka pintu bilik agak terkejut apabila dipanggil oleh bapanya.

"Ini cucu kawan bapa. Kau ingat kawan bapa Suraiman yang bapa selalu cerita. Siapa nama?"

Nilakesuma menyebut namanya. "Tuan panggil saja Nila."

Satoko mengangguk-angguk sambil membongkok-bongkokkan tubuhnya kepada Nilakesuma dan Nilakesuma membalasnya.

Sesudah bertanyakan khabar dan bercerita yang seperlunya Yoshida berkata, "Kamu semua makan di sini hari ini. Saya masih ingat, orang Melayu jika ada tamu datang ke rumah, tidak dibenarkan pulang sebelum dijamu makan. Satoko pergi masak apa yang ada."

Sukarno memandang muka Iqbal. Iqbal memandang muka Nilakesuma dan Mariam.

"Jangan takut, saya orang Islam. Ibu saya tidak cerita kepadamu?" kata Yoshida yang menyedari akan kerisauan anak-anak muda itu. "Kami semua Muslim walaupun tidak ramai di Takeo ini tetapi kami Muslim yang baik."

Nilu baru teringat cerita bapanya bahawa Yoshida telah meminta datuknya mengislamkan dia kerana tertarik dengan cara-cara orang Islam menyembah Tuhan. Bapanya bercerita bagaimana pertama kali dia berpuasa. Mungkin kerana terlalu haus dia meminta mahu minum air saja, dia tidak mahu makan.

"Nanti sebentar lagi cucu saya Michiko balik dengan bapanya. Dia sebaya dengan kamu. Dia pergi berbelanja kerana mahu masuk universiti juga."

"Di sini, di Jepun ini, apabila tiba bulan April," kata Sukarno cuba memberi penjelasan. "Sudah menjadi tradisi, tiap-tiap anak muda mulai belajar hidup sendiri sama ada kerana masuk universiti ataupun mulai bekerja, mereka akan pergi berbelanja memilih barang-barang untuk bilik atau rumah yang bakal ditempatinya. Mereka panggil *fuesshu gurei* daripada bahasa Inggeris *fresh gray*. Mereka akan memulakan hidup baru secaraendirian bebas daripada pengawasan keluarga."

Waktu mereka sedang makan, Michiko pulang dengan bapanya Kioyaki Matsumoto. Bapanya itu barangkali sebaya dengan bapa Nilakesuma. Yoshida memperkenalkan mereka kepada Nilakesuma dan kawan-kawannya. Michiko yang hampir sama tinggi dengan Nilakesuma bertubuh lebih berisi, mukanya bulat seperti muka ibunya dengan rambut separas bahu. Dia lekas mesra dan terus duduk di antara Nilakesuma dan Mariam. Apabila diketahuinya mereka boleh berbahasa Jepun, dia pun mulai bertanya berbagai-bagai

hal tentang Malaysia, tentang orang Melayu, tentang agama, terutama keluarga Nila seolah-olah mahu menguji akan kesahihan cerita datuknya. Sesudah makan dia membawa Nila dan Mariam ke biliknya untuk melihat barang-barang *fresshu gureinya*. Langsir, tapelak meja, kain cadar semuanya berwarna kelabu muda. Dia akan memasuki Nagasaki Medical College.

"Nagasaki?" kata Nilakesuma. "Saya ingin sekali pergi ke sana."

"Datanglah apabila saya sudah di sana nanti," ujar Michiko.

"Agak susah sedikit apabila sudah mulai kuliah. Kalau boleh sebelum universiti dibuka."

"Datanglah lagi ke sini atau saya minta bapa saya ambil. Kita pergi lihat Muzium Peringatan Bom Atom. Nila tahu tentang nenek saya yang meninggal kerana kena radiasi bom atom itu, bukan? Tentu datuk saya sudah cerita."

Nilakesuma mengangguk. Dia memandang muka Mariam. "Nanti kami tanya kepada Iqbal dan Sukarno jika mereka boleh datang, tidak payah bapa Michiko ambil."

Sukarno tidak ikut dalam perjalanan ke Nagasaki, dia hanya meminjamkan keretanya sahaja yang dipandu oleh Iqbal. Mariam juga tidak dapat ikut. Dari Takeo, bapa Michiko membawa mereka dengan kereta pacuan empat rodanya. Selain Michiko dan ibunya, Yoshida juga ikut serta. Mereka sampai di Nagasaki melalui jalan lama. Nilakesuma kembali teruja dengan pemandangan alam di sepanjang-panjang jalan. Dia berasa seperti berada di negeri sendiri cuma cuacanya sahaja yang berbeza. Terpaksa memakai baju tebal.

Mereka sampai di Nagasaki hampir tengah hari. Sesudah berhenti minum dan makan kek kastila Naga-

saki yang terkenal mereka terus ke Muzium Peringatan Bom Atom. Para pengunjung sudah ramai yang datang dari jauh dan dekat menaiki bas dan kereta. Sewaktu mahu memasuki muzium itu Nilakesuma secara tidak sengaja terpancang wajah Yoshida. Keceriaannya sudah hilang dan tidak banyak bercakap lagi. Terasa seperti dia memaksa dirinya memasuki muzium itu. Sikapnya amat berbeza dengan para pengunjung yang lain. Mereka itu bercakap-cakap dengan bising, bergurau senda dan ketawa seperti menghadiri pesta.

"Lihat itu." Tiba-tiba Yoshida bersuara agak kuat ketika mereka sampai di ruang pameran gambar-gambar akibat daripada pengeboman yang dahsyat itu. Nilakesuma memandang ke arah yang ditunjukkan Yoshida. Replika bom atom yang digugurkan, berbentuk bola ragbi. Tingginya 3.25 meter dan ukuran kelilingnya 1.52 meter. "Inilah yang telah membunuh 75 000 nyawa dan mencederakan 75 000 yang lain. Tiga suku penduduk kota ini musnah."

Nilakesuma mendengar nada suaranya bergetar seperti berisi dendam yang masih tersisa. Mereka telah menyaksikan gambar-gambar yang ngeri dan dahsyat, mayat manusia yang rentung, batu berubah warna, nasi di dalam bekas menjadi hitam dan gelas lebur. Itulah kisah-kisah tragedi yang menimpa individu lelaki dan perempuan, anak-nak dan binatang. Itulah kemanusiaan yang disuruh cari oleh bapanya.

Dalam perjalanan ke *hypocenter* tempat bom atom itu dijatuhkan yang terletak tidak jauh dari muzium tersebut, mereka melewati Peace Park sebuah taman terbuka tempat perhimpunan antiperang nuklear yang sering diadakan pada tiap-tiap tanggal 9 bulan Ogos. Sebuah patung lelaki yang amat besar dengan sebelah tangannya teracung ke angkasa, tangan kiri mendepang

lurus, kaki kanan disila lipat, kaki kiri menjejak tanah menghadap ke lapangan terbuka itu seperti sedang berdoa kepada perdamaian yang abadi. Para pengunjung berhimpun berkelompok-kelompok bergambar membelakangi patung raksasa tersebut sebagai satu objek yang menarik.

Di sebelah kiri *hypocenter* tempat bom atom itu jatuh ada sebuah patung wanita yang juga besar, memakai *skirt* labuh sambil menggendong seorang bayi dengan muka tertunduk. Seluruh tubuhnya ditaburi bunga. Tepat di tempat bom atom itu gugur didirikan sebuah tugu berbentuk empat persegi melonjong ke atas daripada batu pualam hitam yang berkilat.

Di sebelah kanan tugu tersebut masih ada sisa pintu gerbang Gereja Urakami Cathedral yang sengaja dikedalkan. Satu-satunya gereja yang paling besar di Jepun dan baru beberapa tahun disiapkan, dengan dana yang besar daripada Barat sebagai lambang agama Kristian di bumi Shogun yang telah ditakdirkan menjadi sasaran bom atom yang diciptakan oleh Barat sendiri.

"Itulah ironi sejarah," kata Yoshida. Nilakesuma teringat akan kata-kata bapanya yang sama. "Nagasaki ini merupakan tempat yang pertama orang Barat menjejakkan kakinya. Tempat yang pertama mereka menyebarkan agama Kristian di Jepun."

"Kenapa tuan kata ironi sejarah?" tanya Iqbal yang sedang berdiri di sebelah kanan Yoshida memandang kepada kerangka pintu gerbang gereja itu.

"Sebab, kuasa Tuhan sangat misteri. Tadi di muzium itu kita baca tentang bagaimana bom atom itu digugurkan di sini. Iqbal masih ingat?"

Iqbal terdiam dan mulai berfikir.

Mereka tidak bermaksud mahu menggugurkan bom itu di sini. Mereka berlepas dari Pulau Tinian pada

jam 2.45 pagi 9 Ogos itu menuju ke Kokura yang menjadi sasarannya melalui Kumamoto. Tetapi kabus terlalu tebal di sana sehingga mereka tidak dapat melihat sasarannya. Setelah berpusing-pusing beberapa kali dan kerana kawatirkan kehabisan minyak mereka lalu menuju Nagasaki. Di situ pun pada mulanya awan tebal juga. Sebaik-baik sahaja awan itu mulai pecah sedikit mereka melepaskan bom itu.

"Dan bom itu tepat ke atas gereja yang mereka dirikan ini. Itulah ironi sejarah walaupun ada banyak bangunan lain yang ikut menjadi mangsa tetapi bagi saya ini yang paling penting kerana ini milik Barat, yang lain-lain itu milik kami yang memang mahu mereka hancurkan."

Michiko datang memanggil Nilakesuma, datuknya dan Iqbal untuk bergambar di tugu *hypocenter* itu sebagai kenang-kenangan.

Yoshida menarik tangan Iqbal. "Tidak usah!" Dia kemudian berkata kepada cucunya. "Datuk tidak mahu kamu bergambar di situ. Datuk tidak suka melihat orang tersenyum gembira di tempat yang menjadi malapetaka kepada negara dan bangsa kita."

"Tetapi semua orang mengambil gambar di situ," jawab Michiko. "Mereka ketawa mungkin gembira kerana telah berasa bebas daripada malapetaka yang sama."

"Apakah kamu anak-anak muda sekarang sudah benar-benar berasa bebas daripada malapetaka peperangan. Sudah! Panggil bapa dan ibumu. Kita balik."

Dalam perjalanan pulang ke Saga, Nilakesuma bertanya kepada Iqbal. "Mengapa tiba-tiba saja Yoshida marah bergambar di tugu itu?"

"Agak susah mahu jawab," kata Iqbal. "Alasan datuk

Michiko itu ada benar dan ada tidaknya.”

“Yang benarnya apa?”

“Yang benarnya dunia masih belum bebas daripada api peperangan. Jika tidak antara negara dengan negara, bangsa dengan bangsa, suku dengan suku maka ada peperangan dengan nafsu yang ada dalam diri kita. Itulah sebenarnya peperangan yang paling hebat yang dikatakan oleh Nabi sesudah balik daripada peperangan Badar.”

“Yang tidaknya?”

“Yang tidaknya terlalu subjektif untuk dikatakan. Di sini, seperti yang kita alami, sebagai contoh di Nagasaki itu sahaja memanglah tidak ada apa-apa. Semua orang yang datang melawat barangkali sedikit sangat yang terkesan dengan malapetaka yang telah terjadi.”

“Kerana jarak masanya yang sudah terlalu jauh terpisah, sakitnya sudah tidak terasa lagi,” sampuk Nilakesuma.

“Tetapi tidak dengan Yoshida, walaupun lukanya sudah hilang parutnya masih ada. Bayang-bayang syaitan pemusnah itu masih mengawang di udara kerana dia belajar daripada pengalaman dan kita tidak terasa kerana kita belajar daripada sejarah.”

Dewan Sastera, September 1999

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5800 S. UNIVERSITY AVENUE
CHICAGO, ILLINOIS 60637
TEL: (773) 835-3200
FAX: (773) 835-3200

PROFESSOR [Name]
[Address]
[City, State, Zip]

Dear Professor [Name]:

I am writing to you regarding [Topic]. I have reviewed the information you provided and am pleased to hear that [Details]. I am currently working on [Project] and would like to discuss the possibility of [Collaboration].

I am available for a meeting on [Dates]. Please let me know if you are available and what time would be most convenient for you. I can be reached at [Phone Number] or [Email Address].

Thank you for your time and consideration. I look forward to hearing from you.

Sincerely,
[Your Name]

[Additional text or signature block]



Fragmen Novel



THE
MUSEUM OF
THE
CITY OF
NEW YORK
AND
THE
MUSEUM OF
THE
CITY OF
BOSTON

Interlok

MANIAM memberhentikan basikalnya di simpang tiga jalan kecil dalam kebun itu, tempat kuli-kuli berkumpul menunggu kereta susu datang. Dia berasa agak letih sedikit berbasikal memeriksa orang-orang bekerja. Jalan kecil dalam kebun itu tidak berapa baik. Kadang-kadang dia mendaki lereng-lereng bukit dan kadang-kadang melandai turun. Kalau dia melanggar akar-akar getah yang berbonjol keluar dari tanah, sakit urat perutnya.

Hari ini agak terik sedikit panasnya, bulan April seperti ini walaupun ada hujan sedikit-sedikit tetapi panasnya amat menggigit. Dia berasa letih benar, badannya pun sudah mulai uzur. Umurnya sudah hampir 50 tahun. Daging-daging tubuhnya sudah tidak sepejal dahulu lagi. Rambutnya pun sudah putih semuanya. Misainya yang bertaring itu pun juga telah putih dan kejang-kejang. Sudah 21 tahun lamanya dia berkhidmat dalam kebun ini. Mula-mula sebagai kuli biasa dan sekarang dia sudah menjadi tandil. Dia berasa puas hati dengan pekerjaannya.

Maniam mendirikan basikalnya dan dia lalu mendekati salah seorang perempuan kuli yang sedang bercakap-cakap, untuk meminta sirihnya sedikit. Sejak

belakangan ini Maniam tidak pernah membawa bekal sirih lagi. Di mana dia terasa mahu makan sirih, dimintanya sahaja daripada kuli-kuli itu dan mereka pun dengan rela hati akan memberikan kepadanya.

Beberapa orang perempuan yang sudah sampai di tempat itu berkumpul menjadi satu kelompok kecil. Maniam tidak berapa mengendahkan mereka itu. Setelah dia mendapat sepiak sirih dia pun pergi bersandar pada perdu sebatang getah yang besar. Tempat itu agak tinggi sedikit. Angin sepoi-sepoi bahasa yang terlepas dari celah-celah batang getah itu mengulit-ulit tubuhnya. Nyaman dan tenteram. Maniam memejamkan matanya. Sese kali terdengar bunyi buah getah masak yang pecah. Sese kali daun getah yang tua gugur menimpa pipinya, kepalanya.

Entah mengapa dia tiba-tiba teringat pada anaknya. Sudah 21 tahun dia berpisah dengan Malini. Dia tahu Malini telah melahirkan seorang anak lelaki dan diberi nama Ramakrisnan. Anaknya itu sekarang ini sudah menjadi pemuda remaja, tetapi dia belum pernah sekalipun bertemu dengannya. Apakah dia akan kenal anaknya itu kalau bertemu, dia tidak berani mengatakannya. Dia tidak pernah ingat pada Malini lagi, kerana dia mendengar khabar Malini telah kahwin lain. Tetapi Rama anaknya dia tidak pernah lupa. Kadang-kadang dalam keadaan seperti ini ingatan itu datang dengan mendadak. Sejak dia kembali dari India, dia tidak pernah lagi mendengar cerita tentang anaknya. Itu sudah hampir 15 tahun. Dia tidak tahu ke mana mereka itu pergi. Dia sendiri tidak mahu pergi ke Cangkat Lima, walaupun tempat itu tidak jauh. Dia malu dengan kuli-kuli di situ, kuli-kuli lama yang masih tinggal. Apatah lagi dia tahu Suppiah masih ada di sana menjadi mandur juga. Kerana mahu mengelakkan diri daripada bertemu

dengan orang-orang yang dikenalnya, Maniam tidak pernah turun ke pekan Simpang Empat. Paling jauh ke kedai Cangkat Janggus itu sahaja. Banyak perayaan yang tidak pernah dihidirinya. Kalau dahulu di negerinya dia tidak pernah lepas menyaksikan berbagai-bagai perayaan, maka sekarang dia mencuba menahan dirinya. Hanya sekali waktu Thaipusam dia pergi ke Pulau Pinang. Kalau perayaan Diwali – perayaan cahaya itu, dia hanya merayakan dengan memasang *divas* di rumahnya dan di depan gambar Dewi Laksymi. Dia hanya berdoa diam-diam dalam hatinya, untuk keselamatan anaknya. Dia tidak ada anak yang lain, kerana dia sudah jeran dengan perkahwinan. Dia berasa dia amat malang dalam perhubungan dengan kaum perempuan. Dia lebih senang hidup membujang seperti sekarang.

“Ada orang datang,” ujar seorang perempuan yang duduk tidak jauh dari tempat Maniam berehat.

Maniam mendengar perkataan itu antara dengar dengan tidak. Tetapi dia membuka juga matanya, kerana desakan perasaan ingin tahu.

Dia melihat sekeliling dan dari arah sampingnya dia melihat seorang lelaki datang menuju ke tempatnya. Dari jauh lagi Maniam kenal orang itu kerana pakaiannya. Orang Melayu jarang datang ke kebun itu. Tetapi entah mengapa kali ini ada orang yang sesat ke situ. Maniam sudah dapat mengagak orang itu datang dari arah lombong bijih di sebalik bukit itu. Sebab dari jalan itu dia lebih dekat memintas ke pekan Cangkat Janggus. Tetapi jalan ini orang luar tidak pernah lalu. Selain daripada dilarang dan ditegah oleh pengurus kebun itu, pun kerana jalan ini mesti lewat di depan rumah pengurus besar. Orang yang lewat di depan rumah pengurus besar itu kalau menunggang basikal kena

turun dan memberi hormat kepada orang putih itu kalau dia kebetulan ada di situ. Begitu juga dengan orang yang berjalan kaki. Kalau orang luar banyak lagi pula kira bicaranya. Soal jawab yang berleret-leret mesti ada. Maki hamun jangan dikatakan lagi.

Orang itu semakin dekat. Maniam sudah bersiap sedia untuk menghadapi orang itu. Untuk memberi nasihat kalau dia kebetulan salah jalan. Orang ini tentu orang sesat, fikir Maniam.

Setelah dekat, orang itu memperlambat langkahnya dan matanya liar memandang kepada orang-orang perempuan yang duduk berkelompok, mengunyah sirih itu. Kemudian dia memandang kepada Maniam. Anak matanya lunak, seperti orang minta pertolongan. Kemudian dia memandang pula kepada orang-orang perempuan itu. Orang lelaki belum ada yang sampai dan pada waktu itu kelihatannya, seolah-olah Maniam itu menjadi pengawal perempuan-perempuan itu.

"Boleh saya tumpang bertanya?" Orang muda itu membuka mulut dan datang mendekati Maniam yang sudah bangun berdiri.

"Ya, ada apa?" tanya balik Maniam.

"Inikah jalan ke pejabat kebun ini."

"Mengapa kau mahu pergi ke pejabat itu?" tanya Maniam dan pada ketika itu ada sesuatu rasa yang timbul dalam dirinya, yang menyuruh dia bercakap banyak dengan orang muda itu. Dia rasa seperti dia kenal akan suara itu, tetapi dia tidak pernah berjumpa dengannya. Dia sudah lama tidak keluar ke pekan dan tidak banyak orang Melayu yang dia kenal.

"Saya ... saya mahu mencari kerja," jawab pemuda itu dan dia memalingkan mukanya memandang kepada orang-orang perempuan yang duduk berkelompok itu. Mereka itu semuanya memandang

kepadanya ke atas ke bawah.

"Kaudatang dari mana?"

"Saya dari ... dari ..." Dia tidak mahu menyebut tempat asalnya.

Terlintas dalam hati Maniam, tentu ada sesuatu yang mahu disembunyikan.

"Saya tandil di sini." Maniam memperkenalkan dirinya. "Barangkali saya dapat menolong, kalau kau mahu bercakap benar dengan saya."

Pemuda itu memandangnya dengan tajam ketika dia mengetahui dengan siapa dia bercakap. Dia memandang Maniam untuk menguji akan kebenaran kata-katanya.

"Maafkan saya. Benarkah tuan tandil di sini?"

"Tanyalah kepada perempuan-perempuan ini. Tetapi malangnya mereka tak tahu bahasa Melayu," jawab Maniam.

Pada waktu itu beberapa orang lelaki telah sampai membawa baldi-baldi susu getah. Tanpa menghiraukan orang muda asing itu, mereka terus bercakap-cakap dalam bahasa Tamil dengan perempuan-perempuan itu. Ada terdapat dalam kata-kata mereka itu yang dapat ditangkap oleh pemuda itu, untuk meyakinkan dirinya. Dia tidak tahu bahasa Tamil tetapi ada terasa nada orang yang dihormati pada diri orang tua yang sedang dilawannya bercakap itu.

"Saya datang dari Kampung Nyiur Condong," jawab pemuda itu. "Nama saya Seman."

"Kampung Nyiur Condong dekat pekan Simpang Empat tu?" tanya Maniam dan perhatiannya tiba-tiba timbul. Dia terus teringat pada peristiwa dia ditolong oleh orang Melayu yang kemudian pindah ke kampung itu 20 tahun yang lalu. Kenang-kenangan itu masih segar dalam ingatannya, kerana dia berasa dirinya tertolong

daripada bahaya maut.

"Ya," jawab Seman dan agak hairan sedikit. "Apakah tuan pernah pergi ke sana?"

Maniam diam sejeurus. Dia memandang kepada Seman dengan sungguh-sungguh.

"Kau ini anak kampung itukah?" tanyanya tiba-tiba.

"Ya," jawab Seman semakin hairan. "Saya dilahirkan di situ dan dibesarkan pun di situ juga."

"Kalau begitu kenallah kau dengan seorang yang bernama Musa?"

Seman terperanjat. Dan Maniam nampak perubahan air muka Seman waktu dia menyebut nama itu.

"Mengapa kau terperanjat? Kau kenal dia? Ada apa dengan dia?" Maniam mengeluarkan pertanyaan itu bertubi-tubi.

"Dia ... dia bapa saya. Saya anaknya yang tunggal."

"Masih hidup lagikah bapamu?"

Seman diam. Kelopak matanya diturunkan dan dia tidak menjawab dengan cepat.

"Masih ada lagikah dia?"

"Dia sudah meninggal dunia, baru saja."

Maniam terdiam. Dia juga tiba-tiba berwajah muram.

Kereta mengangkut susu getah datang.

"Tunggu sebentar," kata Maniam kepada Seman. Dia lalu mengatur pemuatan susu itu dan menyuruh seorang lelaki yang agak muda mencatat susu-susu yang dimuatkan ke dalam kereta itu. Perempuan-perempuan itu lalu berangkat pulang, sementara orang-orang lelaki terus berjalan mengekori kereta itu.

"Bapamu itu kawan baikku," kata Maniam ketika dia dan Seman berjalan di belakang kuli-kuli itu. Maniam menuntun basikalnya.

"Dia tak pernah bercerita kepada saya," jawab

Seman berterus terang. "Saya tak tahu."

"Boleh jadi. Barangkali ibumu juga tak tahu tentang persahabatan kami, sebab pada waktu itu dia belum kahwin lagi."

"Jadi dia pernah bekerja di kebun ini?" tanya Seman. Dalam pertanyaannya itu ada mengandung harapan.

"Bukan di kebun ini. Tetapi kebun yang lagi satu. Kebun yang mula-mula kautempuh ketika kaudatang dari kedai. Ini kebun Cangkat Janggus Bahagian II. Kebun kami bersama-sama kerja dulu Bahagian I."

"Jadi bolehlah tuan menolong saya mendapat kerja di sini?"

"Akan aku usahakan. Tetapi di sini belum ada orang Melayu yang bekerja. Di Bahagian I itu sudah banyak orang-orang Melayu sejak bapamu dulu. Bapamulah yang membuka jalannya."

Maniam kemudian menceritakan kepada Seman bagaimana dia dengan Musa datang ke kebun itu mencari kerja. Tetapi dia tidak menceritakan tentang pertolongan yang telah diberikan Musa kepadanya. Dia takut kalau-kalau Seman terlalu banyak menggantungkan harapan kepadanya. Tetapi biar bagaimanapun dia mahu menolong budak ini. Kalau tidak dapat di kebun ini, di Bahagian I itu akan diusahakan juga. Orang putih pengurus bahagian itu kenal baik dengannya, orang putih itulah yang telah mengirimnya ke kebun ini, ketika dia baru pulang dari India.

"Sekarang hari sudah petang, apakah kau mahu tidur di sini ataupun mahu pulang?" tanya Maniam.

"Biarlah saya pulang dulu. Ibu saya tinggal seorang diri dan dia tak tahu ke mana saya pergi. Saya takut dia risaukan saya pula."

"Tetapi kau sudah letih berjalan?"

"Badan saya masih kuat dan akan bertambah kuat lagi kalau saya tahu saya mendapat kerja."

Maniam tersenyum. Budak ini tidak ubahnya seperti Musa dahulu. Keras hati.

"Kerana hari sudah petang, kaupulanglah dulu. Dua hari lagi kaudatang ke mari. Aku akan beri jawapan." Maniam berjanji dengan Seman.

Setelah dia menunjukkan rumahnya, supaya senang Seman datang lagi dia pun menghantar Seman sampai di perenggan kebun itu. Berulang-ulang Seman mengucapkan terima kasih kepada Maniam. Dia berasa sudah pun mendapat kerja.

Dalam masa berjalan pulang itu, dia berfikir sendiri, betapa hebatnya persahabatan bapanya dengan orang itu. Dia tidak pernah mengetahui ada perhubungan persahabatan antara orang yang berlainan bangsa yang sedemikian rupa. Dan dia pelik mengapa orang itu beria-ia benar mahu menolongnya. Memang dunia ini agak aneh!

Sejak bapanya meninggal Seman tidak pernah berasa ada orang yang simpati dengannya. Ada tidak ada pun Lebai Man itulah sahaja, tetapi lebai itu tidak pernah memberikan sesuatu harapan kepadanya, kecuali menyuruhnya bersabar. Apa yang mahu disabarkan lagi, apa yang ada? Mereka diusir dari rumah itu seperti orang dagang. Lazim mahu menolongnya tetapi hanya menolong membuat rumah tempat mereka berlindung sahaja. Bagaimana dengan makan minumannya? Ada rumah pun apa gunanya kalau nanti terpaksa minta sedekah. Dan dia berasa malu, kalau orang membantunya serupa itu. Masa baiklah kalau dia tidak berbuat salah, terkasar cakap sedikit, tersinggung badan sedikit, orang akan mengungkit: "Huh, bangsa tak kenang budi!"

Seman tidak mahu begitu. Dia tidak mahu berhutang budi pada banyak orang. Kalau satu orang barangkali boleh tahan. Terjadi apa-apa dia dapat menghadapi orang seorang itu sahaja, kalau hendak jahat pun jahatlah dengan dia, kalau hendak baik pun orang banyak yang lihat.

Boleh diakui sejak bapanya meninggal, Seman paling kuat beribadat. Paling banyak dia meminta doa kepada Tuhan supaya dia diberi perlindungan dan pertolongan tetapi sampai sekian jauh belum ada nampak apa-apa perubahan pun. Dia masih takut dan bimbang kepada Cina Panjang itu, seolah-olah Cina Panjang itulah sekarang ini yang menentukan nasibnya, bukan Tuhan. Apa yang akan dikatakan oleh Cina Panjang itulah yang akan dialami olehnya. Dia kecewa dengan Tuhan. Tetapi dia tidak pernah mengucapkannya, dia takut orang tuduh dia yang bukan-bukan. Tetapi dia tidak mahu lagi sembahyang, tidak mahu lagi pergi ke masjid. Buat apa dia bersusah payah menghabiskan masanya pada perkara yang tidak berguna? Sembahyang dan Tuhan itu untuk orang yang senang-lenang, untuk orang miskin seperti dia tidak perlu itu semua. Dia mahu melarang ibunya sembahyang, ibunya itu telah lama sembahyang dan kalau berdoa lepas sembahyang pun terlalu panjang, seolah-olah dia dapat semua yang dimintanya.

Seman terperanjat, kerana dalam samar-samar senja itu seekor ular melintas jalannya. Dia tergamam. Ular itu kerana ketakutan, begitu cepat menyelinap ke seberang jalan, masuk ke dalam rumput. Seman tidak tahu ular apa. Tetapi ular apa pun juga ialah musuh manusia.

Tiba-tiba hatinya kecut. Dia teringat pada Tuhan balik. Barangkali Tuhan itu marah kepadaku. Dia mahu

mengingatkan aku agaknya. Teringat dia akan ular yang melintas itu. Dia tidak berani lagi mengingat yang bukan-bukan tentang Tuhan. Dia teringat kepada ibunya. Barangkali sekarang ibunya sedang sembahyang maghrib. Barangkali dia sedang meminta doa kepada Tuhan supaya aku selamat. Dan aku telah terselamat daripada ular tadi. Siapa tahu kuasa Tuhan? Dia teringat kepada Maniam. Baik sungguh hati orang India itu. Barangkali itu pun kuasa Tuhan juga. Sudah berapa puluh tahun dia berpisah dengan bapakku, aku pun belum ada lagi. Dia masih ingat. Dia mahu menolong aku. Orang yang kenal bapakku banyak, di kampungku ada berapa banyak kalau mahu dikira. Cina Panjang itu pernah makan budi bapakku, tetapi tidak ada yang mahu menolong. Mengapa dia ini, orang asing, tinggal jauh, mahu menolong aku? Barangkali ini pun kuasa Tuhan. Kuasa Tuhan kita tidak tahu. Seman berniat dalam hatinya, ketika sampai di surau Kampung Nyiur Condong nanti dia mahu sembahyang. Aku tidak mahu mengata-ngata Tuhan lagi. Aku minta ampun. Aku tidak tahu bila Tuhan itu mahu menolong aku, tetapi sekarang aku telah tertolong. Hatiku telah senang, aku tahu ada orang yang mahu menolong aku.

Seman sampai di depan surau ketika orang-orang mahu sembahyang isyak. Dia terus mengambil wuduk dan berdiri di saf yang kedua di sebelah Mail Jambul. Dia tahu Mail Jambul menjelingnya. Tetapi dia tidak peduli. Setelah Lebai Man mengangkat takbir sebagai imam, Seman pun dengan memejamkan matanya, membulatkan fikirannya, mengangkat takbir sebagai makmum. Beberapa kali dia cuba membetulkan fikirannya yang mahu menyeleweng dan akhirnya apabila sembahyang itu selesai dia berasa dia telah menang. Lapang dadanya bukan main, baru kali inilah

dia berasa dirinya benar-benar dekat dengan Tuhan. Baru kali inilah dia berasa sembahyangnya diterima Tuhan. Hatinya begitu lapang. Dia terperanjat ketika Mail Jambul menepuk lutut kanannya, mengajak bersalam. Dengan dua belah tangan, bukan sebelah seperti yang biasa dilakukan olehnya, dia menyambut tangan Mail Jambul, tangan makmum-makmum lain dan agak lama pula dia memegang tangan Lebai Man.

"Ha, Seman?" Lebai Man menegurnya. "Kaudatang dari mana?"

Memang semua orang yang berjumpa dengan Seman bertanya serupa itu. Sebab sudah lama mereka tidak pernah melihat Seman.

"Dari rumah, pak lebai," jawab Seman.

Lebai Man tersenyum dan Seman berasa Lebai Man tahu dia berbohong. Tetapi berbohong perkara yang benar apa salahnya, fikir Seman.

Dua hari setelah itu Seman telah turun dari rumah pagi-pagi benar. Dia tidak beritahu ibunya ke mana dia mahu pergi dan ibunya pun tidak berani bertanya. Sebab betapa pun lambatnya Seman akan pulang juga. Belum pernah dia tidur di luar.

Malam itu Seman balik sudah agak jauh malam. Dia membawa raga besar.

"Pagi-pagi besok kita berangkat, mak," katanya. "Saya dapat kerja."

"Di mana kau dapat kerja Seman?" tanya Mak Limah.

"Adalah. Jauh dari sini. Nanti saya ceritakan. Malam ini kita berkemas. Bawa apa yang dapat saja. Ayam dan itik kita seekor dua itu kita bawa. Boleh dijual sementara belum terima gaji."

Mak Limah mahu memeluk anaknya. Tetapi dia berasa tunjuk perasaan seperti itu pada waktu itu bukan

tempatnyanya. Walaupun sudah sekian lama dia tinggal di rumah dan di tanah itu, tetapi dia tidak berasa sedih mahu meninggalkannya. Perasaan ini timbul sejak Cina Panjang, Pak Cin dan anaknya itu datang. Sejak itu dia tidak berasa sedikit pun rumah itu rumahnya lagi. Ayam dan itiknya telah dijual seekor-seekor buat belanja. Sekarang ayamnya tidak banyak lagi. Seman menangkap ayam dan itik itu dan mengikat kakinya. Kucingnya entah ke mana, ia ditinggalkan. Kain baju, periuk belanga dimasukkan ke dalam raga besar yang dibawanya. Besok pagi-pagi, ketika kokok ayam yang pertama, mereka pun meninggalkan rumah itu. Seman terus tidak mahu berpaling lagi ke rumah itu setelah dia melangkahakan kakinya, tetapi Mak Limah dengan perasaan terharu yang tidak dapat ditahan, termenung sejurus di depan tangga. Dia merenung lama pada segala benda yang dapat dicapai oleh matanya dalam samar-samar fajar pagi itu. Dia menahan air matanya seberapa yang boleh, tetapi matanya terasa berpasir juga sedikit.

Kemudian dia menjinjing bungkusan kain kecilnya dan mulai melangkahakan kakinya. Ada kira-kira sepuluh ela, dia berpaling semula melihat rumah yang ditinggalkannya itu. Seman yang sudah sampai di pinggir kampung, terpaksa menoleh ke belakang melihat ibunya. Dia berhenti menunggu sehingga ibunya sampai.

"Kita meredah sawah ini saja, mak," katanya. "Kita tak usah ambil jalan Simpang Empat."

"Ikut sukamulah Seman," jawabnya perlahan-lahan dan dia pun mengikut Seman berjalan melintasi sawah yang masih lembap dengan embun. Sejuk terasa kaki mereka yang dibasahi embun dari hujung rumput itu. Bau tanah dan rumput amat menyegarkan perasaan Seman, tetapi entah berapa lama pula dia akan datang

menghidu kembali bau tanah dan rumput itu. Dia akan berpindah ke lapangan baru dalam hidupnya. Daripada anak tani dia akan menjadi kuli kebun getah, daripada hidup seperti ayam kais pagi makan pagi dia akan hidup seperti buruh, terima gaji tiap-tiap bulan. Mereka terus berjalan dengan tidak berhenti-henti sehingga matahari terbit. Waktu matahari sudah sepenggalah tinggi, mereka sudah sampai di pekan Cangkat Janggus dan barulah mereka berhenti makan pagi di kedai Malabari, tempat bapanya bekerja 20 tahun yang lalu, tetapi sudah beberapa kali berganti taukenya.

Tepat seperti janjinya, Maniam menunggu kedatangan mereka. Lama Maniam merenung muka Mak Limah. Daripada renungannya itu dia nampak Musa yang telah menolongnya dan dia teringat kepada Malini dan kepada anaknya. Dengan kearifan yang telah diperoleh daripada pengalaman hidupnya, dia nampak tanda-tanda kedukacitaan pada wajah perempuan tua itu, tetapi penderitaan itu cuba disembunyikan di sebalik air mukanya yang tenang dan tidak beremosi.

"Ini rumah tempat kau dan makmu diami," kata Maniam menunjukkan sebuah petak di rumah kuli itu. "Orang-orang di sini semuanya baik-baik belaka."

Kebanyakan orang-orang dewasa lelaki dan perempuan sudah tidak ada di rumah. Mereka itu semuanya sudah pergi bekerja. Anak-anak kecil datang berlari-lari berkumpul di depan petak rumah itu, untuk melihat orang baru. Orang Melayu yang pertama kali menjadi penghuni kebun itu.

"Besok pagi kau mula kerja," kata Maniam lagi. "Kau mesti bangun pagi-pagi, sedia bekalan dan pukul 6.00 namamu akan dipanggil di pejabat itu."

"Baiklah," jawab Seman dengan perasaan senang. Dia senang kerana telah mendapat kerja. "Saya tak tahu

bagaimana saya akan mengucapkan terima kasih saya kepada tuan."

"Tak usah," jawab Maniam. "Tak ada apa yang hendak kau terima kasihkan. Cuma bekerjalah seperti bapamu dulu bekerja, sehingga dia meninggalkan nama yang baik bagi orang-orang Melayu di belakangnya."

"Saya akan cuba," kata Seman dengan bersungguh-sungguh. "Saya tak akan mengecewakan tuan."

Mak Limah ingin bertanyakan sesuatu tentang perkenalan Maniam dengan suaminya. Tetapi dia menyabarkan hatinya, kerana hal ini agak terlalu awal. Peluang masih ada. Mereka akan lama di kebun itu.

"Berehatlah dulu," kata Maniam. "Saya mahu pergi buat kerja." Dia menyusun jari kedua-dua belah tangannya memberi hormat kepada Mak Limah. Mak Limah tidak tahu apa yang mesti dibuat olehnya untuk membalas hormat itu. Dia melihat kepada Seman dan ketika dia berpaling semula, Maniam telah berjalan jauh sambil menyeret basikalnya.

"Baik orang India tu, Seman," kata Mak Limah ketika dia mulai menggobek sirihnya.

Memang dia seorang yang baik, fikir Seman. Tetapi dia tidak melahirkannya. Dia juga sangat ingin mengetahui betapa agaknya persahabatan bapanya dengan orang itu.

Interlok. Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan
Pustaka, 1971

Masuk ke Dalam Cahaya

4

RAJA AFRIT marah bukan kepalang setelah dia membaca laporan yang dibuat oleh Duta Luar Biasa Pelesit, bahawa usaha menghancurkan Kampung Cahaya telah menemui kegagalan total.

Beberapa buah gunung berapi yang sudah lama tidak aktif telah meletup meluahkan lahar kerana bahang panas daripada api kemarahan yang meluap keluar dari perut Raja Afrit. Beberapa buah negeri telah tenggelam kerana dilanda banjir dek kocakan air laut akibat gelora hatinya yang meradang.

Raja Afrit pun segera memerintahkan ketua biduan-da memanggil semua anggota Dewan Perwakilan Iblis berkumpul di ibu negara dengan segera kerana akan diadakan satu sidang tergepar bagi membicarakan masalah Kampung Cahaya. Masalah itu yang dahulunya dianggap sebagai masalah regional kini mendadak menjadi masalah internasional dan mengancam kedudukan kerajaan iblis serta rakyat seluruhnya.

Raja Afrit termenung sejenak sesudah perintah itu dikeluarkan. Dia baru teringat bahawa ada seorang

daripada pesuruhjayanya yang pernah menyebut tentang masalah Kampung Cahaya itu tidak boleh dianggap masalah regional lagi, tetapi mengapa dia tidak memerhatikannya? Siapa pesuruhjaya itu? Dia sudah tidak ingat lagi. Sudah terasa usianya meningkat tua kerana sudah mulai lupa-lupa, sementara tempoh yang diberikan Allah untuknya menyesatkan manusia sudah hampir sampai ke hujung, sewaktu-waktu Allah dapat menggulungkan bumi ini, kiamat. Darahnya meluap, meradang kepada pesuruhjayanya, menteri-menterinya dan segala pegawai kerajaannya yang tidak membuat kerja dengan baik, sehingga satu Kampung Cahaya sebesar itu sahaja tidak dapat mereka selesaikan. Dia menyesali sikapnya yang terlalu percaya laporan dan taklimat. Tetapi terfikir pula olehnya, kalau bukan begitu bukan iblis namanya.

Sejak pengumuman sidang tergepar Dewan Perwakilan Iblis itu dibuat, Lapangan Terbang Botaloka pun sibuk dengan segala macam jenis rata yang pergi dan datang membawa para utusan dari segenap ceruk rantau tempat iblis dan jin suka bersembunyi: celah bumi, celah batu, gua, lubang, hutan, rimba, sungai, gunung, bukit, kali, parit, serokan, gaung, busut jantan, lembah, jurang, tanjung, teluk, tasik, telaga buta, laut, rumah tinggal, tempat yang kotor dan juga dari kuburan tua dan baru. Berbagai-bagai macam rupa dan keadaan dengan para pengiringnya mengikut taraf kedudukan masing-masing.

Ibu negara iblis memang selamanya sudah dihiasi sesuai dengan ibu negara maksiat. Lampu-lampu berwarna-warni, bendera dan panji-panji dipasang di semua puncak bangunan dan tiang, pintu gerbang didirikan di tiap-tiap simpang jalan. Kelab hiburan, disko, kedai arak, kasino, gedung pelacuran dibuka 24 jam setiap hari.

Rakyat iblis yang berpuluh juta keti itu setiap siang dan malam membanjiri ibu kota itu sehingga penuh sesak, berasak-asakan dan bertolak-tolakan. Gesel, cubit, raba dan korek sudah menjadi amalan yang mesti dilakukan. Untunglah mereka itu tidak bernafas seperti manusia, kalau tidak kesemuanya tentu telah mati kelemasan sebab udara yang bersih sudah tidak ada lagi. Bau busuk hantu kubur, langsuir, pelesit dan puntianak sudah mempolusi udara sehingga menjadi kental seperti agar-agar dapat dibelah dengan parang.

Sebelum persidangan dimulai, Raja Afrit lebih dulu memeriksa barisan kehormatan yang terdiri daripada berbagai-bagai cabang angkatan bersenjata iblis di pekarangan di hadapan Bangunan Dewan Perwakilan.

Upacara yang gilang-gemilang itu disaksikan tidak sahaja oleh rakyat yang membanjiri ibu kota, tetapi juga oleh rakyat iblis di segenap ceruk rantau menerusi televisyen dan radio yang dipancarkan melalui satelit terus-menerus dari ibu negara iblis.

Raja Afrit selaku panglima angkatan perang dengan uniform yang mentereng dan bintang-bintang buatan sendiri yang bertaburan di atas dada, telah memeriksa barisan itu dengan diiringi oleh pancaragam *rock 'n roll* yang memainkan lagu-lagu *rock*, *soul*, *greese* dan *beatle* yang membawa unsur-unsur maksiat. Serentak dengan itu pula dilakukan tembakan meriam rentak sang bayu sang gingga sebanyak seribu satu das. Bunyi meriam ini pada pendengaran telinga iblis bagai bertih digoreng tetapi bagi telinga manusia bagai gunung runtuh mengatasi bunyi meriam Amerika waktu perang di Vietnam.

Persidangan Dewan Perwakilan Iblis itu jauh berbeza daripada persidangan Dewan Perwakilan Manusia yang ada oposisi, anggota bebas yang suka lompat-

melompat dan sebagainya. Dewan Perwakilan Iblis cuma Raja Afrit sahaja yang membuka, menutup, bercakap dan menjawab soal jawab. Lebih banyak merupakan tempat mengecam, maki hamun dan caci-mencaci. Persidangan kali ini cukup menggemparkan. Ucapan Raja Afrit yang panas berapi-api itu telah mengecam ketidakberesan para pesuruhjayanya, menteri dan pegawai-pegawainya dalam menjalankan tugas. Sehingga bahang daripada api kemarahannya itu telah dirasai oleh beberapa buah negeri di Khatulistiwa; udara menjadi kering, kemarau berlanjutan dan tidak turun hujan.

"Masa bagi kita untuk menyesatkan anak Adam sudah amat singkat," pekik Raja Afrit. "Kalau dengan tempo yang kalian lakukan sekarang ini, tujuan kita tidak akan tercapai."

Bunyi pekikannya itu keluar seperti bunyi tagar di Kuala Tujuh, bertalu-talu kedengaran sampai ke empat penjuru jagat.

"Hanya satu Kampung Cahaya saja tidak dapat kalian hancurkan, betapa kalian akan menghancurkan satu desa, satu mukim, satu negeri atau satu benua?"

Raja Afrit lalu menunjukkan betapa lemahnya kerja-kerja yang dijalankan oleh Hasut. "Kau tahu harta, anak, pangkat, perempuan boleh jadi fitnah kepada manusia. Manusia boleh berbunuh-bunuhan kerana benda-benda itu, boleh bergaduh adik-beradik, boleh memisahkan anak dengan ibu dan bapa, tetapi kau tidak dapat menggunakan isu yang penting itu dengan baik, sedangkan isu itu telah ada dalam tanganmu. Waktu Pak Usuh mati, anaknya Zahid telah mulai timbul rasa haloba dan tamak, kaubiarkan Haji Mukhlis itu mengalahkanmu dengan mudah saja. Haloba dan Tamak pun terlalu lalai. Apa yang kalian buat?"

"Kau!" kata pula Raja Afrit sambil menuding jarinya

yang berkuku panjang itu kepada jembalang. "Kau telah bawa Sarina ke kampung itu tetapi kautinggalkan dia di tepi jalan kerana kau takut mendengar al-Qur'an yang dibacakan oleh Bilal. Kau sudah tahu hantu dan jin selalu keluar waktu dinihari dan dinihari itu hanya sebentar saja, kenapa kau tidak uruskan cepat-cepat supaya Sarina sampai ke rumah Zaman sebelum waktu subuh? Ajak Nafsu supaya dia timbulkan nafsu kepada Zaman dan Sarina biar mereka ditangkap basah dan diusir dari kampung itu?"

"Kau puntianak juga serupa," katanya kepada pontianak yang cuba menyorokkan kepalanya yang berambut mengembang dan kusut-masai itu di belakang kawannya. Puntianak takut melihat mata Raja Afrit yang menjegil kepadanya. "Kau tahu kau juga takut dengan al-Qur'an kenapa kau tidak bawa Datuk Malik itu cepat-cepat melintasi masjid itu sebelum menjelang subuh? Kautinggalkan dia dalam semak dan kau takutkan dia, akibatnya kerja kau jadi sia-sia, dia berjumpa dengan Dr. Johari musuh kita nombor satu."

Raja Afrit kemudian memandang sekeliling. Matanya lalu tertuju kepada Fitnah. Fitnah yang sedang menjegilkan matanya itu menundukkan hulunya kerana gentar dipanah sinar mata Raja Afrit yang menyala-nyala bagai ketul bara.

"Fitnah?" pekik Raja Afrit. "Kau sudah fitnahkan Zaman dan Hasut telah menghasut Zahid, Gunjing telah menggunjing pengikut-pengikut Zahid tetapi usaha kalian semuanya gagal, tidak berhasil walaupun sampai tiga orang berpadu tenaga, bekerja untuk melawan seorang ketua kampung seperti Haji Lukman itu. Kalian terlalu lemah, kerja tidak bersungguh-sungguh, tidak ada semangat juang sedikit pun."

"Siapa yang membuat Salbiah itu ditangkap basah?"

tanya Raja Afrit seraya memandangi berkeliling. Hantu Malam, sang utusan dari hutan di Jalan Duta mengangkat tangan dengan takut-takut.

"Kau juga!" kata Raja Afrit membentak. "Mula-mula usahamu itu bagus tetapi kemudian gagal, kau tidak dapat buat Salbiah melawan keluarganya supaya dia jangan dikahwinkan kalau tidak menurut kehendaknya masuk segala tahayul dan khurafat, segala adat primitif. Mana Tahayul dan Khurafat, kenapa tidak ikut membantu Hantu Malam?"

Tahayul dan Khurafat dua bersaudara itu takut-takut untuk menampakkan dirinya. Tetapi mereka tahu Raja Afrit, raja maharaja iblis itu akan nampak juga.

"Apa yang kalian buat?" bentak Raja Afrit dengan bengisnya. Tahayul dan Khurafat terus membenamkan diri di celah-celah utusan lain.

"Lihat Mei Lan masih dapat menentang ibunya, mana Tamak? Kenapa kau tidak masukkan rasa tamak ke dalam diri Mei Lan supaya dia laparkan harta bapanya yang banyak itu, lalu ikut menjadi kufur menyembahyangkan mayat bapanya, pakai kain kadut dan pakai toha? Kau juga lemah!"

Tamak juga seperti iblis lain tidak berani menampakkan mukanya terang-terang.

"Banyak lagi yang lain-lain, kalau aku mahu sebutkan. Tetapi aku bosan, muak dengan kerja-kerja kalian yang tidak bertanggungjawab," kata Raja Afrit. Setelah berhenti sejenak dia lalu menyambung. "Nyatalah sudah bahawa kalian tidak cekap untuk melakukan tugas secara berorganisasi seperti manusia, mungkin juga kerana kita semua tidak mempunyai akal. Oleh sebab itu mulai dari saat ini aku mengumumkan bahawa Dewan Perwakilan Iblis ini aku bubarkan. Semua kuasa terpulang ke dalam tanganku. Aku jadi diktator!"

Pengumuman Raja Afrit itu amat memeranjatkan tidak sahaja kepada para utusan yang ada di dalam dewan itu tetapi juga kepada rakyat seluruhnya yang mendengar maki hamunnya melalui siaran langsung televisyen dan radio. Seluruh isi dewan senyap sunyi, kerana terlalu terkejut mendengar keputusan itu, tidak seekor iblis pun yang dapat berkata-kata.

"Mulai dari saat ini semua orang kembali membuat kerjanya masing-masing seperti iblis. Buatlah apa saja yang disukainya asal saja manusia itu sesat, tidak turut jalan Allah yang lurus."

Waktu itu baru terdengar suara pekikan kesukaan menderu naik seperti taufan Nārīta yang melanda pantai barat Jepun. Tidak sahaja bekas-bekas anggota dewan tetapi juga seluruh rakyat iblis bergembira menerima keputusan rajanya itu.

"Ingat!" ujar Raja Afrit sambil menuding jarinya yang berkuku panjang itu. "Sesatkan manusia itu sampai dia lupa Tuhan dan biar dia mengaku kita ini sebagai pengganti Tuhan itu. Berikan apa saja yang dia minta. Kalau dia minta kaya, berikan dia kaya; kalau dia meminta perempuan cantik, berikan dia perempuan cantik; kalau dia mahu isteri orang, tunaikan kemahumannya; kalau dia minta nombor ekor dari batu nisan, perdu ara, batu, laut berikan nombor itu supaya dia puja benda-benda itu sebagai pengganti Tuhan. Jadikan semua kubur nisan, perdu ara, batu, laut, duit, rumah, anak, pangkat dan apa saja yang disembah manusia sebagai berjiwa, bersemangat. Kalian masuk ke dalamnya dan bercakap, bergoyang atau bergerak supaya dia berpaling tadah daripada Tuhan."

Raja Afrit diam sejenak. Waktu itu Dajal bangun mahu bercakap. Dia sudah mulai berani kerana masing-masingnya sudah boleh berbuat apa sahaja yang mereka sukai.

"Tuanku," kata Dajal mata sebelah. "Bagaimana dengan Kampung Cahaya itu?"

"Ya!" jawab Raja Afrit. "Aku sendiri akan memimpin operasi menghancurkannya."

"Yeh! Yeh! Yeh!"

Pagi Ahad itu Sami datang ke kedai makan bersama-sama Zaman. Dia bermaksud mahu membelanjai Zaman sarapan setelah Zaman pergi menolongnya di kandang ayam.

Sedang mereka duduk-duduk di kedai makan itu ada beberapa buah lori membawa traktor dan menurunkan traktor itu di tanah yang berperenggan dengan Kampung Cahaya.

"Traktor apa pula itu?" tanya Zaman.

"Saya pun tidak tahu," jawab Sami dan keluar berdiri di kaki lima. Beberapa orang pekerja berlompatan turun dari lori-lori tersebut dan terus membuat kerja mengukur tanah, menyangkul, menebas dan menggali lubang. Traktor-traktor telah meratakan tanah dan menumbangkan beberapa batang pokok yang besar-besar.

Sami berjalan mendekati salah seorang pekerja dan bercakap dari seberang parit.

"Mahu buat apa ini, encik?"

Orang itu yang memakai topi besi bulat dan beruniform kuning dengan kasut but sampai ke lutut, tanpa memandang kepada Sami menjawab, "Mahu buat rumah."

"Rumah siapa?" tanya Sami lagi. "Kami tidak pernah dengar ada orang membeli tanah ini. Ini tanah kerajaan."

"Sudah dijual kepada Datuk Rarit, seorang hartawan dari Kuala Lumpur," jawab orang itu lagi.

Sami kebingungan mendengar berita itu. Dia masuk

ke dalam kedai dan terus seperti orang sedang berfikir panjang.

"Ada apa Sami?" tanya Zaman.

"Tanah di sebelah itu," jawabnya. "Sudah dibeli orang. Seorang Datuk. Tanah itu tanah kerajaan dan kita pernah membuat permohonan untuk mendirikan kilang minyak kelapa di situ."

"Boleh jadi," kata Zaman acuh tidak acuh sebab dia tidak mengetahui soal tanah itu dan betapa seriusnya soal itu bagi Sami.

"Tidak boleh jadi, Zaman," kata Sami. "Kita sudah dijanjikan oleh Pegawai Daerah. Bagaimana pula orang itu boleh dapat?"

"Dia orang kaya," sahut Zaman lagi. "Anda tahu saja, dunia ini begitu sekarang."

Mereka terus minum. Tiba-tiba masuk Zahid dan Akub. Mereka terus dipersilakan duduk bersama-sama oleh Zaman dan Sami.

"Orang mahu buat apa di tanah sebelah itu?" tanya Akub.

"Rumah," jawab Sami. Sekali lagi dia mengeluh. "Kita dulu telah meminta tanah itu."

"Rumah siapa?" tanya Zahid, setelah memesan kopi daripada Murni.

"Rumah seorang hartawan dari Kuala Lumpur."

"Ai, orang hartawan pindah ke kampung pula?" kata Akub setengah berseloroh.

"Mahu melarikan diri daripada pencemaran udara," jawab Zaman.

Mereka lalu ketawa kecil, tetapi Sami hanya dapat menggerakkan sudut bibirnya sedikit sahaja. Dia berasa amat kesal.

Waktu mereka keluar, tanah seluas setengah ekar itu sudah siap dibersihkan dan tiga buah lori besar telah

pula tiba dengan pasir, batu-batu, kayu, simen, besi dan sebagainya. Orang itu pula yang membuat kerja mendirikan pondok sementara untuk para pekerjanya.

Petang itu waktu Sami datang ke kedai makan dia melihat pancang-pancang telah dipacakkan dan tukang-tukang sedang sibuk mengetam, membancuh simen, menyusun batu bata.

"Cepat sungguh," sungut Sami. "Macam setan!"

Dia cukup hairan, mengapa begitu cepat sekali tukang-tukang itu bekerja? Biasanya merata tanah sahaja berhari-hari, setelah itu dibiarkan sampai berbulan-bulan baru datang tukangnyanya. Tetapi ini sehari sahaja sudah seperti mahu siap rumah itu.

Petang itu waktu di masjid, Sami menceritakan kepada ketua kampung dan pak imam tentang rumah tersebut.

"Kalau begitu," kata ketua kampung, "tentulah orang hartawan betul, duitnya banyak untuk dapat mengupah orang bekerja serupa itu."

"Hairannya," kata Sami lagi. "Mereka itu tidak seorang pun datang makan atau minum di kedai kita."

"Mereka bawa bekalan sendiri barangkali," sampuk pak imam. "Kuli-kuli macam itu biasanya bawa makanan. Orang apa?"

"Cina ada, Melayu pun ada. India entah saya tidak perasan pula," jawab Sami.

Sami cukup terperanjat dan orang-orang lain pun terperanjat juga apabila pada pagi berikutnya setengah bahagian daripada sebuah rumah yang cukup besar telah siap didirikan. Batu bata dindingnya telah mencapai alang, atapnya telah separuh yang dipasang.

Besok sudah siap, kata Sami dalam hatinya.

Seperti yang diucapkan Sami dalam tempoh seminggu sahaja rumah itu sudah siap didirikan dan

pokok-pokok bunga serta buah-buahan telah ditanam di sekelilingnya, cuma satu sahaja yang mendukacitakan penduduk-penduduk di situ ialah sebuah tembok batu yang tinggi telah didirikan di sekeliling kawasan rumah itu sehingga orang luar tidak dapat melihat apa yang ada di dalamnya.

Sebelum tembok itu didirikan Murni dan ibunya Mak Timah, bidan kampung, jururawat klinik, kerani-kerani dan juga Kamil yang tinggal berhampiran dapat melihat perkakas dan perhiasan yang diangkut ke dalam rumah itu.

Mereka melihat kerusi-kerusi *settee* yang besar dan mahal diperbuat daripada kain bulu, meja dan kerusi makan, almari, tempat tidur dan permaidani yang dibawa ke dalam rumah itu ialah barang-barang yang mahal-mahal belaka yang belum pernah mereka lihat sebelumnya.

Selama tempoh rumah itu didirikan orang-orang di situ tidak pernah kenal yang mana satu orang kaya yang dikatakan pemilik rumah besar tersebut. Barulah apabila sudah selesai semuanya dia datang dengan keluarganya di dalam tiga buah motokar. Dua Mercedes dan satu Jaguar. Mereka terus sahaja masuk ke dalam rumah dan menutup rapat pintu pagarnya. Orang-orang Kampung Cahaya hanya melihat namanya sahaja di pintu tembok: DATUK RARIT.

Sekarang orang-orang kampung yang datang ke kedai dapat mendengar gelak ketawa, nyanyian dan muzik sahaja dari sebalik tembok itu. Bunyi muziknya 24 jam memekakkan telinga. Lampu-lampu termasuk lampu di pintu pagarnya tidak pernah dimatikan, siang dan malam terus bernyala.

Anak-anak muda dari kampung di sebelah atas sudah mulai ramai berkumpul di kedai makan kerana

dari situ mereka dapat mendengar lagu-lagu baru yang dipancarkan dari rumah besar itu, yang belum pernah mereka dengar sebelumnya. Anak-anak muda dari Kampung Cahaya juga sudah ada dua tiga orang yang selalu berlegar di kedai makan itu kerana mereka secara kebetulan pernah melihat melalui pintu pagar beberapa orang anak gadis orang kaya itu berjemur mandi panas dalam keadaan tiga suku telanjang.

Pada suatu petang ketika Zahid, Akub, Zaman, Kamil dan beberapa orang anak muda kampung itu minum di kedai makan, tiba-tiba bola keranjang dari rumah di sebalik tembok terpelanting keluar dan kerana terlalu kuat agaknya maka bola itu telah bergolek sampai ke kaki lima kedai.

Zahid terus bangun dan mahu mengambil bola itu untuk dilemparnya melewati tembok, tetapi pada waktu itu juga dua orang anak gadis orang kaya itu keluar dari pintu hadapan mengejar bola tersebut.

Semua mata tertuju kepada kedua-dua tubuh yang cantik, putih, muka yang manis yang hanya berpakaian seluar pendek dan baju tipis lengan pendek menampakkan ketiak, tanpa kutang. Zahid yang mahu berjalan ke tembok itu terhenti sejeurus lamanya, tergamam. Pemuda-pemuda lain juga ada yang sudah ternganga mulutnya, kerana tidak pernah melihat tubuh perempuan muda serupa itu.

Murni yang juga dapat melihat dari tempat duduknya terpegun, kagum dengan kecantikan anak-anak gadis itu.

Salah seorang daripadanya menghulurkan tangannya meminta bola daripada Zahid. Dan Zahid pun seperti orang yang baru terjaga daripada tidur menyerahkannya. Gadis yang seorang lagi berdiri di belakang memandangi kepada pemuda-pemuda yang sedang

duduk itu dengan jelingan mata yang seksi.

"Terima kasih." Ucapan itu meloncat keluar dari dua bibir yang cantik, bak limau seulas. Kedua-duanya lalu berlari anak masuk ke dalam pekarangan rumahnya meninggalkan kesan goyangan pinggul mereka.

Zahid tidak dapat berkata-kata, cuma hatinya menjerit: Woow! Cantiknya!

Sebentar kemudian bola itu terpelanting keluar lagi dan kali ini beberapa orang telah berlumba-lumba mengejanya. Dua orang anak gadis lain pula yang keluar dan mereka pun tidak kurang cantiknya, rambutnya panjang hitam berkilat melampai ke bahu. Matanya, ah matanya tidak mudah dilupakan oleh pemuda-pemuda itu. Malam itu kecantikan anak-anak gadis orang kaya itulah sahaja yang menjadi topik perbincangan anak-anak muda Kampung Cahaya.

Besoknya awal-awal lagi Zahid dan kawan-kawannya telah berada di kedai makan, menunggu bola terlempar keluar. Murni juga sebentar-sebentar memandang keluar, ingin melihat gadis-gadis anak orang kaya yang sungguh cantik-cantik.

Sebentar kemudian bola itu pun, seperti sudah dijanjikan, terpelanting keluar. Zahid yang sudah lama bersiap sedia, cepat-cepat menerpa menangkapnya. Tetapi lama dia memegang bola itu tidak siapa yang keluar. Cuma suara ilai ketawa sahaja kedengaran, seperti memperolok-olokkannya. Lalu pergilah dia ke tepi tembok dan mencampakkan bola itu ke dalam. Tetapi bola itu tidak terlepas, telah terbabas dan terbanting pada tembok lalu melantun ke dada Zahid. Berkali-kali serupa itu. Akhirnya Zahid pun pergi ke hadapan pintu pagar, menjenguk ke dalam.

Seorang anak gadis lain datang, dia pun cantik juga, membuka pintu itu.

"Silakan masuk!" katanya dengan suara yang merdu.

Zahid ragu-ragu sebentar takut dimarahi oleh orang kaya yang belum pernah mereka lihat mukanya. Belum ada riak anak gadis itu mahu mengambil bolanya, mahu tidak mahu dia pun melangkah masuk.

Pemuda-pemuda kawan Zahid, yang tadinya hanya memandang sahaja untuk mengetahui apa yang akan dibuat Zahid, berdiri dan memanjangkan leher untuk melihat Zahid yang sudah hilang di sebalik tembok.

Zahid masuk ke dalam sebuah taman yang indah. Dia termangu-mangu hairan melihat keadaan dalam lingkungan tembok itu. Pokok-pokoknya rimbun dan besar seperti sudah bertahun-tahun tumbuh di sana, ada kolam mandi yang airnya jernih biru. Beberapa orang gadis antaranya ialah yang dilihatnya petang kelmarin, sedang mandi bersenda gurau di dalam kolam tersebut dengan baju bikini yang amat terdedah.

Zahid dengan bola di tangannya berjalan perlahan-lahan diiringi oleh gadis yang membuka pintu pagar.

"Helo!" seru gadis-gadis itu dengan suara riang. Salah seorang menggamitnya ke kolam. "Campakkan bola itu ke mari!"

Zahid mencampaknya. Tetapi anak gadis itu dengan pantas memukul bola itu melantun kembali kepada Zahid. Zahid menumbuknya, bola itu berbalik ke dalam kolam, begitulah halnya bola itu berulang alik dan akhirnya ketika Zahid melompat mahu memukul bola yang sudah mahu jatuh, kakinya tergelincir dan dia tercampak ke dalam kolam. Gelak ketawa gadis-gadis itu berderai. Mula-mula Zahid berasa gusar, tetapi kemudian dia ikut ketawa sama. Pakaiannya sudah basah, tetapi gadis-gadis itu menarik tangannya supaya mengejar mereka. Mereka mengacah-acahnya dengan

menyelam di sekitarnya. Zahid pun ikut menyelam dan alangkah terperanjatnya dia apabila melihat di dalam air yang jernih bagai kaca itu anak-anak gadis tersebut semuanya seperti bertelanjang bulat. Zahid lalu mengejanya. Dapat dia menangkap tangan salah seorangnya tetapi tubuh anak gadis itu licin bagai belut, dia menggelicik melepaskan diri, kadang-kadang mereka membiarkan dia memeluk tubuh mereka sebentar, lalu melarikan diri.

Kawan-kawan Zahid telah lama menunggu, tetapi Zahid tidak juga muncul-muncul. Mereka pergi ke pintu pagar untuk mengintai, pintu pagar tertutup rapat. Mereka lalu kembali duduk di kedai makan itu. Waktu asar sudah hampir ke hujung, Zahid masih belum muncul dan mereka juga tidak mahu beredar kerana ingin mendengar cerita Zahid.

Waktu azan maghrib berkumandang, nampaklah Zahid keluar dari pintu pagar rumah besar itu tetapi anehnya dia memakai pakaian lain yang kelihatannya masih baru. Kawan-kawannya bangun mendapatkannya.

"Apa sudah jadi, Hid?"

"Kenapa pakaianmu ini sudah berganti?"

Zahid lalu menceritakan kisah mandi di dalam kolam itu dari awal sampai akhir. Kawan-kawannya berasa ngiler mendengar tubuh-tubuh yang gebu yang tidak ada seurat benang pun itu. Oh, betapa kalau aku dapat peluang memeluknya serupa itu? Otak mereka bekerja ligat. Tetapi mengapa pula mereka memilih Zahid yang sudah ada isteri dan anak? Mengapa tidak aku yang masih bujang?

"Besok datang ambil pakaian ini," kata gadis yang menyambut bola daripadanya petang kelmarin, yang bernama Siat. Dia yang paling cantik pada mata Zahid dan dialah yang paling mesra dengannya.

"Nanti bapa anda marah," kata Zahid, perasaan takut masih ada, lebih-lebih lagi kerana mereka berdua sahaja di dalam bilik itu ketika dia diberi ganti pakaian baru. Seluar dan bajunya padan sahaja seperti sudah diukur lebih dulu. Siat hanya berkemban dengan tuala pada waktu itu. Dia sedikit pun tidak segan seperti sudah lama berkenalan layaknya.

"Bapa saya tidak marah," jawab Siat. "Dia jarang ada di rumah."

"Ajak kawan-kawan anda juga," kata Siat. "Mereka boleh mandi-mandi dan bermain-main di sini. Bermacam-macam permainan ada."

Tetapi Zahid menyembunyikan hal itu daripada kawan-kawannya, supaya mereka itu tidak dapat ikut masuk bersama-sama dengannya ke dalam rumah itu. Biarlah dia seorang sahaja yang menikmati kesenangan bergaul dengan gadis-gadis muda yang pada perasaannya, semuanya dapat digodanya. Mereka itu terlalu jinak dan manja-manja pula.

"Bawalah kami sama, Hid," kata Akub yang sudah pun dapat mengecap nikmat dalam angan-angannya kalau dia juga dapat peluang seperti Zahid. Dia menggerutu marah kepada dirinya sendiri, mengapa bukan aku yang mengambil bola itu? Bola itu sudah sampai ke kakinya, katanya.

Tetapi Zahid hanya berjanji. "Pelan-pelanlah. Nanti bapanya marah dan rosak rencana kita semua."

Petang itu mereka kehilangan waktu asar dan maghrib, walaupun beberapa kali diperingatkan oleh Murni dan Mak Timah. Pagi berikutnya Akub tidak lagi pergi membuat kerja. Lepas sarapan dia sudah ada di kedai makan itu dan duduk menghadap ke arah rumah besar. Gadis yang berdiri di belakang gadis yang mengambil bola daripada Zahid itu terbayang-bayang

di ruang matanya.

Semalam-malaman wajah gadis itulah sahaja yang bermain dalam kepalanya. Apakah aku ini sudah jatuh cinta kerana pandang pertama? Akub percaya dia sudah benar-benar jatuh cinta.

"Abang Akub tidak kerja hari ini?" tanya Murni setelah melihat Akub tidak bergerak-gerak dari meja itu.

"Abang menunggu kawan dari kampung atas, janji mahu ke pekan," jawab Akub berbohong. Terasa pedih juga hulu hatinya ketika berkata serupa itu kerana seumur hidupnya dia tidak pernah bercakap bohong. Tetapi kerana cinta fikirnya, tidak apa berbohong sedikit.

Seorang anak gadis dari rumah besar keluar ke tepi pintu pagar, menjenguk arah ke kedai makan. Akub rasa itulah gadis yang dimimpikannya. Dia sudah pasti benar itulah gadisnya. Benar sudah ini cinta pandang pertama, fikirnya. Gadis itu seperti tersenyum kepadanya. Nam-pak giginya yang cantik. Siapa namanya agaknya?

"Orang dari rumah besar itu pernah datang ke mari, Murni?" tanya Akub ketika gadis itu menghilang di sebalik pagar tembok.

"Tidak pernah," jawab Murni. "Keluar pun tidak pernah kalau bukan dengan motokar. Sombong abang, orang kaya."

Akub mahu membantah, mereka itu tidak sombong. Dia berasa tidak baik Murni berkata begitu kepada kekasihnya. Kekasihnya tidak sombong, cuma dia tidak boleh keluar sahaja.

"Orang kota," jawab Akub. "Memang begitu sifatnya."

Gadis itu menjenguk lagi. Dia jenguk siapa? Akub merenung dengan bersungguh-sungguh hati. Siapa

yang dicarinya? Zahid? Aku? Aku. Sudah pasti aku. Sekali ini gadis itu datang tergesa-gesa ke kedai itu. Akub sudah gugup, Murni berdiri tercegat, bagai terpaku di tanah. Pakaian gadis itu, seluar pendek yang betul-betul pendek dan baju tipis yang tubuhnya transparan keluar.

"Saya mahu minta tolong," katanya. "Kakak saya terkurung dalam bilik mandi. Kami tidak ada orang lelaki di rumah."

"Terkurung bagaimana?" tanya Akub segera.

"Mungkin kerana catnya baru, pintunya *jam* tidak dapat dibuka."

"Mari!" kata Akub dan bingkas bangun. Peluang baik, fikirnya. Gadis itu terpaksa mengejar Akub yang melangkah panjang-panjang. Murni melihatnya dengan rasa cemburu.

Kakaknya terkurung bukan di dalam bilik mandi tetapi di dalam jamban. Akub lalu merempuh dengan tubuhnya, pintu itu terbuka. Akub jatuh tersandar ke dinding dek terlalu kuat tolakannya.

"Terima kasih. Terima kasih."

Akub tersenyum senang kerana dapat menolong orang yang cantik begitu. Semua gadis yang mengelilinginya sekarang ini serupa belaka cantiknya. Lima orang mereka sebaya sahaja. Gadis yang diimpikannya pun ada di situ, bukan yang datang memanggilnya. Dia silap. Sedang mereka berdiri dan Akub menyapu-nyapu seluarnya bekas kapur dinding, gadis yang menjadi impiannya memekik dan melompat memeluk lehernya. Akub terpinga-pinga. Gadis itu menunjuk-nunjuk ke bawah, ke kaki Akub. Kakaknya ketawa terpekik-pekik. Akub berundur, seekor lipas lumat, bekas tumit kasutnya.

"Dia memang penakut dengan lipas," kata salah seorang kakaknya. "Bila lihat lipas dia tidak peduli siapa."

Akub ketawa senang. Mereka kemudian mengajaknya minum dengan hidangan kueh-kueh yang lazat, yang belum pernah dirasainya seumur hidup. Akub mengharap-harap mereka itu mengajaknya mandi. Dia ingin menyelam melihat bagaimana tubuh gebu mereka itu di dalam air, apabila tidak ada seurat benang pun. Tetapi duduk-duduk begitu pun dia berasa puas juga, tidak sedar masa berlalu begitu cepat. Mereka datang duduk mengelilinginya, semua memakai seluar pendek, yang cukup pendek, baju tipis yang nampak isi di dalam. Mereka tidak hiraukan Akub memerhatinya.

Murni hairan. Apa yang dibuat Akub di dalam rumah itu sampai ke petang? Apakah Akub sudah pulang tanpa dilihatnya?

Akub sudah lupa segala-galanya. Dia sudah setengah mabuk. Memeluk dan meraba cinta hatinya. Mereka memberinya minum air yang berkaca-kaca jernih, berbuih.

"Anda tentu belum pernah minum serbat ini?" kata gadis yang dicintai Akub dalam mimpinya. "Ini dari luar negeri."

Akub menciumnya, baunya manis. Dia lalu mencicipinya sedikit. Rasanya yang tajam itu menjalar ke seluruh urat sarafnya.

"Minum semuanya barulah terasa enaknya." Gadis itu yang bernama Doh.

Akub pun minum. Kepalanya sudah terasa lain. Gelasnya yang kecil molek berkaki itu diisi lagi. Akub minum. Akhirnya dia tidak sedarkan diri.

Zahid terperanjat besar ketika Murni memberitahunya bahawa Akub telah pergi ke rumah besar itu sejak pagi tadi dan tidak keluar-keluar lagi. Bagaimana Akub boleh pergi ke situ sendirian? Dia tidak bertanya kepada Murni lagi tetapi terus sahaja menuju ke pintu

pagar rumah itu dan menekan locengnya. Pintu terbuka secara automatik, seekor anjing Alsatian hitam yang besar tinggi dan garang menerpa keluar. Zahid tersentak dan mundur beberapa langkah. Seorang anak gadis berlari keluar sambil memanggil anjingnya.

"Oh!" katanya sambil tersenyum. "Silakan masuk. Dia tidak apa-apa."

Zahid masuk, pintu itu tertutup semula dan anjing yang garang itu tiba-tiba sahaja jinak, dia datang menghidu-hidu seluar Zahid dan cuba mahu menjilat tangannya. Zahid mengelak.

"Tidak apa," ujar gadis itu. "Dia tidak gigit. Dia mahu bersahabat."

Tetapi Zahid geli. Dia tidak pernah menyentuh anjing apalagi membiarkan tangannya dijilat. Tetapi gadis ini terlalu cantik, siapa namanya? Kelmarin dia tidak ada. Zahid masuk bersama-sama gadis itu. Darahnya tersirap ke muka demi dia melihat Akub yang sudah setengah siuman itu berpeluk mesra dengan Doh, dilihat oleh Siat dan gadis-gadis yang lain. Anjing Alsatian itu berlari kepada Akub dan menjilat-jilat bibir Akub yang berselekeh dengan minuman. Muka Zahid terus berubah.

"Oh, Encik Zahid, silakan!" kata Siat dan bangun menyambutnya. Dia memegang tangan Zahid dan memimpinnya keluar. "Mari kita berjalan-jalan mengambil angin di sana, biar mereka bermesra di situ."

Hati Zahid terlalu senang ketika mendengar suara yang ramah mesra itu. Mereka lalu berjalan-jalan dalam taman. Tubuh Siat sebentar-sebentar menggesel tubuhnya, menyebabkan Zahid sudah tidak dapat menahan lagi nafsu berahinya. Akhirnya Siat mengajak Zahid masuk ke dalam biliknya. Siat membawa minuman. Zahid tahu minuman itu ialah arak. Dia pernah memi-

numnya dahulu beberapa kali tetapi sejak pulang ke kampung, dia sudah bertaubat tidak mahu menyentuhnya lagi.

"Silakan!" Siat mempelawa.

"Saya tidak boleh minum," ujar Zahid, menolak.

Tetapi Siat telah mencapai gelasnyanya dan mencicip sedikit. "Tidak sudi minum bersama-sama saya?"

Iman Zahid mulai tergugat. Muka itu, senyuman itu, siapa yang sanggup menolaknya? Dia mahu mencapai gelas itu tetapi hatinya masih melarang. Tangannya lalu ditarik balik. Siat pindah duduk di sebelah Zahid, dirapatkan tubuhnya sehingga hawa panas tubuhnya itu berpindah ke tubuh Zahid. Dia lalu mencicipi isi gelasnyanya, kemudian dihulurkan gelas itu ke bibir Zahid.

"Sedikit," katanya. "Untuk persahabatan kita."

Zahid mencicip sedikit. Siat pula. Lalu berbalik kepada Zahid. Akhirnya habislah isi gelas itu dan Zahid kini telah memegang sendiri gelasnyanya yang isinya senantiasa ditambah oleh Siat.

Zahid dan Akub sudah lama tidak kelihatan mengerjakan solat. Ketua kampung telah lama menyedari hal ini ketika diberi laporan oleh Dr. Johari. Mereka telah mengadakan perbincangan dengan pak imam dan Haji Mukhlis. Pak bilal telah juga mendengar cerita daripada isterinya bahawa Zahid dan Akub selalu sahaja pergi ke rumah Datuk Rarit. Setiap waktu solat, bunyi muzik dari rumah itu terus dikeraskan sehingga mengganggu orang-orang yang mahu bersolat di rumah.

"Kita mesti berbuat sesuatu," ujar Dr. Johari kepada ketua kampung. "Ini juga penyakit yang berbahaya, ia cepat merebak. Kalau tidak dibendung sekarang, akhirnya kita tidak terkawal lagi."

"Siapa orang kaya itu agaknya?" tanya Pak Rahmat.

Ketua kampung telah cuba menghubungi kawan-kawannya di Kuala Lumpur untuk mendapatkan keterangan, tetapi masih belum ada berita. Dia bertanyakan bagaimana maka tanah itu boleh dijual kepada orang kaya tersebut sedangkan telah diminta lebih dulu oleh orang-orang Kampung Cahaya.

"Kita tidak boleh tunggu lagi," kata pak imam. "Keadaan ini mengancam kedudukan kampung kita."

"Isteri Zahid juga sudah mengadukan kepada saya tentang suaminya tidak pulang beberapa malam sudah. Bila pulang selalu marah-marah dan berura-ura mahu menjualkan bahagian harta pusakanya. Saya fikir mereka bermain judi di situ."

Ahli jawatankuasa telah memutuskan supaya ketua kampung dan pak imam pergi berjumpa Datuk Rarit. Mereka lalu mengirinkan Sami sebagai utusan untuk menyampaikan berita itu.

Kedatangan Sami telah disambut dengan baik oleh seorang anak gadis orang kaya itu. Dia dipersilakan masuk dan dihidangkan minuman. Sami tahu isi gelas itu, dia tidak menyentuhnya. Walaupun anak gadis itu memujuknya dengan berbagai-bagai macam cara.

"Saya datang untuk memberitahu Datuk Rarit bahawa ketua kampung dan pak imam akan datang menemui beliau pada petang Sabtu ini," kata Sami.

"Dua hari lagi?" ujar gadis itu. "Bapa dan ibu selalu berpergian. Mereka orang berniaga. Tetapi bolehlah saya beritahunya nanti. Tak sudi Encik Sami minum sedikit?"

"Tidak apa," jawab Sami, dia cuba menguasai keinginannya. Setelah itu dia pun meminta diri untuk pulang.

Sami menceritakan kisah pertemuannya dengan anak gadis orang kaya itu, tentang dia dipelawa minum

dan tentang gelak ketawa dari bilik sebelah yang dia tidak berani bertanya, takut kalau-kalau dia pun akan diajak ke situ juga dan terpedaya. Dia tidak menceritakan kepada pak imam dan ketua kampung betapa gadis itu tidak berpakaian, kerana dia berasa malu pada dirinya sendiri sebab sebentar-sebentar mencuri melihat tempat-tempat yang sulit gadis itu yang pada perasaannya sengaja didedahkan.

Masuk ke Dalam Cahaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997

Imam

Haji SYAMSURI terlalu kecewa dan terpukul kerana usahanya mahu merampas jawatan imam pada Jumaat yang lalu itu telah gagal dan berasa sangat terhina apabila Haji Mihad menyuruhnya menjadi imam, seolah-olah dia telah disuruh menjilat kembali ludahnya. Malangnya perasaan itu datang sesudah membaca berita dalam akhbar yang membuat sorotan dan komen tentang kejadian itu. Hal ini membuatnya berasa begitu malu dan tidak sanggup berjumpa orang.

Haji Abdul Rahman yang datang berkunjung ke rumahnya kerana menyangka dia sakit telah menambahkan lagi beban penderitaannya. Dia telah berjanji kepada imam tua itu dahulu bahawa dia dapat menjatuhkan air muka Haji Mihad di hadapan jemaahnya, yang akan membuat Haji Mihad tidak berani lagi menjejakkan kaki ke masjid itu. Dia tahu sifat Haji Mihad, walaupun tegas dan keras tetapi terlalu sensitif kepada perkara-perkara yang menyentuh maruahnyanya.

"Sungguh memalukan," kata Haji Syamsuri kepada Haji Abdul Rahman. "Saya tak sangka boleh gagal. Padahal orang kita saja sudah cukup untuk mendirikan sembahyang Jumaat."

"Jadi kenapa kau tidak dirikan?" tanya Haji Abdul Rahman agak jengkel.

"Itulah silap saya," kata Haji Syamsuri mengaku. "Terlalu cepat terpengaruh."

"Kau gelabah," kata Haji Abdul Rahman. "Padahal kita sudah atur strateginya. Kalaupun semua orang kampung itu keluar, sembahyang Jumaat masih boleh dilakukan. Cukup ahli jemaahnya. Aku dengar ada dua saf yang masih penuh. Dua saf sudah hampir empat puluh, yang lain lagi? Orang luar?"

"Saya malu. Sungguh malu!" kata Haji Syamsuri. "Mihad itu terlalu tenang dan saya boleh ikut arahannya menjadi imam. Itu yang sangat memalukan. Dia bulat-bulat telah menghina saya."

Haji Abdul Rahman juga ikut kecewa dan malu kerana dia yang merancanginya. Mereka telah merancang perampasan tugas imam itu sejak beberapa minggu dahulu secara rinci. Mereka tidak sabar menunggu keputusan penyiasatan majlis dan dengan tindakan itu mereka berharap akan dapat menarik perhatian majlis dan menggeraknya supaya segera berbuat sesuatu.

"Jadi bagaimana sekarang?" tanya Haji Abdul Rahman. Dia tidak mengharapkan jawapan yang konkrit daripada Haji Syamsuri yang sudah seperti jatuh ditimpa tangga. Haji Syamsuri yang dahulunya cergas dan gesit, peniaga yang terkenal lihai kini kelihatan seperti ayam sabung yang kalah yang hanya mahu mencari tempat untuk menyembunyikan kepalanya saja.

"Apakah cadangan kau dengan harta yang ada dalam tanah wakaf itu?" Tiba-tiba Haji Abdul Rahman mengemukakan pertanyaan itu dan memandang muka Haji Syamsuri yang masih tertunduk memandang lantai dalam keadaan sugul.

"Trusti sudah pagar kawasan masjid itu dan polis

pun ikut mengawalnya," kata Haji Syamsuri. "Rasa saya masalah emas itu buat sementara tak timbul lagi."

"Aku fikir itu saja peluang kita. Penemuan emas itu boleh kita gunakan untuk menjatuhkan Mihad."

"Bagaimana?" Haji Syamsuri memanggungkan kepalanya memandang muka Haji Abdul Rahman.

"Kau ingat mereka itu akan diam dengan keputusan jawatankuasa masjid itu?" kata Haji Abdul Rahman lagi sambil menggeleng-geleng. "Aku khuatir kau akan berputih mata. Dalam beberapa hari ini, aku dengar telah ada syarikat yang menawarkan usaha sama untuk menggali emas itu dan mahu membina sebuah masjid baru sebagai ganti Masjid Haji Salih."

"Yakah?" Mata Haji Syamsuri terbelalak. Dia belum mendengarnya lagi kerana sejak kejadian hari Jumaat itu dia hanya memeram di rumah, walaupun ada beberapa orang kepercayaannya datang tetapi mereka tidak bercerita apa-apa tentang hal itu. Mungkin mereka tidak mengetahuinya ataupun mereka tidak mahu menyusahkan hatinya. Terfikir oleh Haji Syamsuri bahawa tindakan orang menyembunyikan sesuatu yang penting serupa itu sama seperti satu pengkhianatan.

"Tapi belum banyak orang yang tahu. Aku dengar pun daripada Haji Ismail." Ucapan Haji Abdul Rahman itu melegakan perasaannya dan dia tiba-tiba berasa bersalah kerana mengesyaki yang bukan-bukan terhadap orangnya. Kalau hanya daripada Haji Ismail mungkin tawaran itu kepada penghulu itu sahaja.

"Saya cuma khuatir satu saja," kata Haji Syamsuri.

"Apa dia?"

"Dalam mesyuarat hari itu, Haji Mihad ada menyebutkan perkara wasiat," kata Haji Syamsuri dan dia lalu menceritakan apa yang disebutkan oleh Haji Mihad tentang isi wasiat itu, tidak ada larangan masjid dibina

di tempat lain, tidak ada peruntukan tentang emas yang ada di dalam tanahnya. "Saya khuatir, kalau dia bongkar perkara itu saya tentu akan kalah. Debok tentu menyel-belahnya.

"Tetapi kau ada Penghulu Haji Ismail. Walaupun dia hanya ada satu suara, kedudukannya sebagai penghulu, orang mesti ambil kira, tak boleh dipandang rendah." Haji Abdul-Rahman sendiri tidak begitu yakin dengan ucapannya itu tetapi dia cuba memberi semangat kepada Haji Syamsuri.

"Dalam mahkamah, pak long, hakim tak pakai perasaan dan budi bicara. Hakim patuh kepada undang-undang yang termaktub," kata Haji Syamsuri. "Hanya ada satu cara."

"Apa dia?"

Haji Syamsuri menyesal mengeluarkan kata-kata itu dan untuk menutupinya dia lalu mengalihkan kepada emas yang ada di dalam tanah wakaf.

"Kalau memang benar ada syarikat yang mahu membuat usaha sama, saya yang berhak menentukannya," katanya dan memandang muka Haji Abdul Rahman untuk melihat reaksi.

Haji Abdul Rahman memandang balik kepadanya dengan mata bertanya. "Tapi, dalam mesyuarat itu kau menolak. Kau dan penghulu."

"Itu hanya siasat saja, pak long. Takkan kita nak biarkan harta karun itu terbenam di situ. Esok lusa orang lain yang kaut keuntungannya."

"Bagaimana dengan keputusan mesyuarat jawatan-kuasa?" tanya Haji Abdul Rahman hairan.

"Itu hanya taktik mahu melambat-lambatkan masa," kata Haji Syamsuri sambil tersenyum lebar. Pertama kali Haji Abdul Rahman melihat dia tersenyum sejak dia sampai di rumah itu.

"Kita mesti cari jalan menimbulkan masalah."

"Masalah bagaimana? Aku tak mengerti," ujar Haji Abdul Rahman.

"Masalah supaya keputusan mesyuarat itu dapat dibatalkan dan kita alih strategi."

"Maksud kau?"

"Kita suruh orang kembali menggali emas di situ."

"Tapi 'kan sudah dipagar, dijaga polis dan sudah jadi kawasan larangan?"

Senyuman Haji Syamsuri semakin lebar. Dia lalu berpaling memandang berkeliling. Apabila dirasainya tidak ada orang lain di situ lalu didekatkan mukanya kepada Haji Abdul Rahman dan berkata perlahan, "Kita taburkan sedikit emas dan kita pasang kaki. Bila orang mendengar ada yang mendapat emas lagi di situ, orang ramai tentu akan menyerbu datang dan polis tidak boleh buat apa-apa."

"Memang akal kau ini akal bejat!" kata Haji Abdul Rahman lalu diiringi dengan ketawa terkekeh-kekeh. Haji Syamsuri tersipu sedikit dan kemudian ikut ketawa.

Berita penemuan emas daripada tiga orang pemuda yang menceroboh masuk ke kawasan larangan itu telah mengejutkan semula orang kampung yang sudah mulai tenang. Berita itu juga dengan cepat telah menarik minat orang ramai dari tempat lain datang ke kampung itu. Polis yang pada mulanya telah mulai mengendurkan kawalan, ikut kebingungan sebentar kerana serbuan baru yang tiba-tiba itu.

Orang ramai kembali giat menggali dan mendulang tanpa menghiraukan amaran polis. Dalam masa yang singkat pondok-pondok dan warung-warung sementara telah didirikan. Jawatankuasa masjid telah beberapa kali bertemu bagi membincangkan fenomena yang kembali melanda kampung itu dan dalam masa mereka berbin-

cang mencari jalan, orang ramai yang sedang mendulang dan menggali dan yang sedang berjualan di tempat yang sudah seperti sebuah pasar malam itu menjadi gempar apabila delapan orang pemuda berjaya menemui beberapa ketul batu besar yang mengandungi emas, dipercayai paling bernilai. Pemuda-pemuda itu telah menggali pada satu tempat yang berhampiran dengan gubuk Haji Daud secara bergilir-gilir lalu menemui ketul batu itu setelah menggali lubang sedalam 50 meter, tidak jauh dari terowong yang mereka gali sebelum kawasan itu ditutup. Salah seorang pemuda itu bercerita, ketika mereka memahat di bahagian dalam terowong itu mereka melihat ada sebuah batu besar seperti lembaga manusia. Walaupun mereka gerun melihatnya dalam suasana gelap yang hanya diterangi api damar, mereka memberanikan juga diri kerana tarikan kilatan sinar yang memantul apabila kena suluhan.

Penemuan ketulan batu itu telah menambahkan lagi rasa ghairah orang ramai menggali terowong demi terowong tanpa menghiraukan amaran polis yang telah melepaskan tembakan pistol ke udara sehingga salah sebuah terowong itu telah runtuh dan Kampung Anggerik Desa menjadi gempar kerana beberapa orang, yang belum diketahui jumlahnya telah terperangkap dan tertimbus hidup-hidup. Haji Mihad, Penghulu Haji Ismail, Haji Qamar, Bilal Haji Kulub dan para jemaah subuh yang baru sahaja selesai solat berkejar ke tempat kejadian. Haji Syamsuri datang kemudian dari rumahnya dan segera pula meninggalkan tempat itu secara diam-diam. Polis telah meminta bantuan dari Bandar dan orang ramai yang ada di situ terus berusaha menyelamatkan orang yang tertimbus. Terowong yang runtuh itu hanya beberapa ratus meter lagi dari masjid. Yang

mula-mula menjadi perhatian Haji Mihad apabila sampai di situ ialah gubuk Haji Daud. Separuh daripada gubuk itu sudah tidak ada lagi, sudah ikut ditelan bumi.

"Haji Daud!" kata Haji Mihad menarik lengan Penghulu Haji Ismail. Ucapannya itu terkeluar agak kuat sehingga orang yang ada di sekitar tempat itu ikut berpaling melihat ke arah yang ditunjuknya. Mereka seperti baru sedar bahawa tidak jauh dari situ ada gubuk Haji Daud.

"Haji Daud!" sahut Haji Qamar dan mereka bertiga pun lalu berlari mendekati gubuk itu. Bahagian yang menjadi tempat tidur Haji Daud telah tidak ada lagi, sudah masuk ke dalam perut bumi, yang tinggal terjongkat ialah bahagian dapurnya sahaja.

"Mana orang tua ini?" tanya Haji Mihad memandang berkeliling dan anehnya dia tidak dapat melihat kambing serta ayamnya. Tidak mungkin tidak ada binatang itu yang terlepas keluar.

Mereka memeriksa di sekitar tempat itu. Jauh di dalam semak mereka mendengar bunyi kambing dan ayam. Tidak ada tanda-tanda Haji Daud di situ. Dia seperti sudah meninggalkan tempat itu sebelum kejadian itu berlaku. Tetapi ke mana? Beberapa hari yang lalu, ketika orang kembali menyerbu ke tempat tersebut, Haji Mihad datang memujuknya supaya pindah kerana gubuk itu berada dalam radius yang berbahaya. Orang tua itu enggan walaupun Haji Mihad menawarkan tempat di kebunnya ataupun tinggal sahaja di masjid.

Sesudah satu galah matahari di kaki langit, baru satu mayat dapat dikeluarkan. Tidak ada orang yang mengenali mayat tersebut. Dia bukan orang Kampung Anggerik Desa dan juga bukan orang kampung di sekitarnya. Dengan penemuan mayat yang pertama itu,

semua orang yang bekerja menolong sudah berputus asa bahawa yang lain-lain itu, entah berapa orang lagi akan dapat diselamatkan. Sufi Lau yang sudah bersiap akan bertolak ke Tanah Suci dalam beberapa hari lagi telah menawarkan mesin korek yang dipinjam daripada kawannya, sementara Ahmad Burtons mengarahkan kuli dari kebunnya yang diketuai oleh Kurupiah ikut membantu menggali bersama-sama dengan bantuan yang datang dari Bandar.

Menjelang waktu asar mereka telah dapat mengeluarkan enam mayat lagi. Tiga daripadanya dikenali sebagai penduduk Kampung Pinang dan yang selebihnya dari Kampung Cendana. Suasana di sekitar tempat itu menjadi semakin gawat, keadaan begitu sayu dan mengharukan, apabila tiap-tiap mayat ditarik keluar dari bawah timbunan tanah dan mulai dicam oleh kaum keluarganya. Mereka menyambutnya dengan ratapan yang memilukan. Ada yang masih mengharapkan mayat Haji Daud tetapi ternyata cuma tujuh mayat itu sahaja. Semua yang ada di situ pun berasa hairan yang amat sangat. Mulailah tersiar berita bahawa Haji Daud itu orang keramat. Dia telah ghaib sebelum tanah itu runtuh!

Cerita-cerita itu terhenti apabila Debok muncul menjelang waktu maghrib.

"Sudah dapat kesemuanya?" tanya Debok kepada Haji Mihad.

"Sudah," jawab Haji Mihad dan melihat muka Debok dengan rasa hairan.

"Ketujuh-tujuh?"

Haji Mihad semakin hairan.

"Bagaimana kau tahu ada tujuh orang?"

"Haji Daud," jawab Debok ringkas.

"Haji Daud? Di mana dia?"

"Di rumah saya."

"Di rumah kau? Kami mencarinya di sini setengah mati," ujar Haji Qamar. Mereka semua lalu tersenyum dalam hati.

Debok bercerita bahawa Haji Daud telah datang ke rumahnya menjelang dinihari. Binatang ternakannya dilepaskan di luar kawasan masjid. Menurut Haji Daud, kata Debok lagi, jikalau dibiarkan orang itu menggali tanah di sekitar gubuknya itu malapetaka akan berlaku. Dia sudah melihat ada keranda yang sudah tersembul keluar.

"Ceritanya itu sudah berlaku sekarang," kata Haji Qamar. Dia terus teringat kepada pekikan Haji Daud ketika mereka selesai bermesyuarat pada pagi Jumaat beberapa minggu yang lalu.

"Inilah malapetakanya," katanya seperti bersungut.

Debok lalu menarik tangan Haji Mihad pergi ke bawah pokok kerian, jauh sedikit dari orang ramai.

"Haji Daud berkata malapetaka ini berpunca daripada perbuatan orang kita juga. Tetapi ia tidak sebut siapa," kata Debok.

"Punca bagaimana?" tanya Haji Mihad.

"Mereka membawa masuk emas ke kawasan larangan itu dan mendakwa menemuinya di sana."

"Untuk apa?"

"Untuk membuat kacau supaya orang ramai kembali lagi ke situ."

"Betulkah apa yang kaukatakan ini? Kita tidak boleh buat tuduhan begitu saja, ini melibatkan orang ramai," kata Haji Mihad.

"Tapi itu betul, abang." Debok mengeluarkan kata-kata itu dengan bersungguh-sungguh. "Haji Daud itu tak mungkin bohong. Dia melihatnya sendiri."

"Melihat bagaimana?"

"Abang pergilah tanya," kata Debok.

"Mungkin dia ada melihat tetapi bukanlah biasa orang suka mencuri masuk ke tempat yang dilarang. Sebab benda yang terlarang itu selalu menggoda."

"Boleh jadi abang benar," kata Debok mengalah dan menyesal kerana sudah terpengaruh dengan anggapan orang ramai bahawa Haji Daud itu keramat dan ada kuasa ghaib. Dia tiba-tiba teringat ajaran tuan guru yang melarang percaya kepada keramat, kepada tahayul. Rasulullah sendiri tidak ada kekebalan dan kelebihan apa-apa, kecuali dengan izin Allah S.W.T. Diam-diam Debok menyesal.

"Jadi sekarang Haji Daud tinggal dengan kau?"

"Dia tinggal di pondok durian."

"Hairan," kata Haji Mihad seperti bersungut. "Ke rumah kau pula yang dia tuju." Dalam diam-diam Haji Mihad bersyukur kepada Allah kerana Haji Daud selamat dan paling menggembirakan ialah kepergian Haji Daud ke rumah Debok itu memberi tanda bahawa dia sudah mahu kembali ke dalam masyarakat. Dia ber-cadang akan pergi menemuinya malam nanti sesudah selesai mengurus mayat orang yang terkorban.

Haji Mihad seperti tidak mahu percaya mendengar cerita Haji Daud bahawa Haji Syamsuri yang mengatur penemuan emas oleh tiga orang pemuda itu.

"Aku berada di luar gubuk di bawah pokok kemboja di dekat kubur ibumu. Aku kenal Haji Syamsuri tetapi yang tiga orang itu tak berapa jelas kerana samar-samar kabus embun. Aku tak dapat lupa kata-kata Haji Syamsuri."

"Apa katanya?"

"Pandai-pandai kalian saja membuat cerita sampai orang percaya."

"Di situ ada pengawal, bagaimana mereka masuk?"

kata Haji Mihad.

"Biasanya di bahagian gubukku tak ada orang yang mengawal. Mereka ronda sekali-sekala saja. Mereka menyangka kerana aku ada di situ orang tak berani datang. Orang takut melihat aku."

"Kenapa Abang Syam sanggup buat begitu?" Debok mencelah.

"Kau kan sudah belajar di pondok," kata Haji Mihad. "Manusia itu sanggup berbuat apa saja untuk sesuatu tujuan tertentu. Mereka sanggup jual maruah, sanggup menipu, menganiaya dan membuat fitnah."

"Tapi Abang Syam itu tahu hukum agama."

"Kau jangan silap. Tahu hukum agama saja tetapi tidak beriman, tidak ada gunanya. Sebab itu Allah melebihi azab ke atas orang yang tahu hukum daripada orang yang tidak tahu."

Haji Mihad lalu pergi mencari Haji Syamsuri. Dia tidak berasa khuatir dengan pesanan Haji Daud supaya berhati-hati, ada bahaya yang akan menimpa dirinya. Dia cuma mahu mencari penjelasan daripada cerita itu. Menurut Rubiah suaminya tidak mahu berjumpa dengan siapa pun juga kerana terlalu berdukacita dengan kejadian kemalangan itu, dia tidak sanggup melihat penderitaan kaum keluarga mangsa yang terkorban.

"Tetapi abang tidak boleh mengurungkan diri serupa itu, abang seorang pemimpin. Dalam masa yang serupa inilah kita mesti sama-sama mereka yang mendapat kemalangan," kata Haji Mihad kepada Rubiah.

Waktu meninggalkan rumah Haji Syamsuri itu, ada semacam rasa yang tidak enak bermain dalam benak Haji Mihad. Dia terasa ada sesuatu yang tidak kena dengan gerak laku Rubiah waktu bercakap-cakap dengannya. Tidak mungkin Haji Syamsuri tidak mahu

keluar menemuinya. Dia mulai yakin bahawa Haji Syamsuri memang tidak ada di rumah pada waktu itu. Haji Mihad lalu bertolak ke Bandar, dia berazam bagaimanapun juga mesti mendapatkan kepastian tentang cerita Haji Daud itu. Tetapi sampai menjelang waktu zuhur Haji Syamsuri tidak juga muncul-muncul di pejabatnya. Haji Mihad turun dari pejabat itu dengan perasaan sangat kecewa. Sedang dia berjalan menuju ke tempat letak kereta, dari jauh dilihatnya Haji Syamsuri dengan dua orang lelaki sedang bercakap-cakap dalam keadaan serius di sebelah kereta Mercedes-nya. Haji Mihad berhenti sebentar memberi peluang kepada mereka menyelesaikan perbincangan. Tetapi dilihatnya percakapan mereka itu menjadi semakin rancak seolah-olah seperti orang mahu bergaduh. Dia lalu berdehem-dehem kecil untuk menarik perhatian akan kehadirannya.

Haji Syamsuri terkejut dan Haji Mihad sempat melihat perubahan pada air mukanya. Kedua-dua orang lelaki itu segera meninggalkan tempat itu setelah berpamitan secara terburu-buru.

"Assalamualaikum!" kata Haji Mihad. "Maaf saya mengganggu abang tadi."

Haji Syamsuri tidak menjawab, atau Haji Mihad tidak mendengar jawapan salamnya.

"Lama saya tunggu abang di pejabat," kata Haji Mihad lagi apabila tidak ada reaksi daripada Haji Syamsuri. Haji Mihad melihat bibir mulut Haji Syamsuri yang pucat itu terketar-ketar sedikit. Matanya cengkung seperti orang tidak cukup tidur.

"Apa yang mustahak sangat?" Haji Syamsuri bertanya agak sinis, baru mendapat suaranya semula.

Haji Mihad mula-mula menyatakan penyesalannya kerana Haji Syamsuri terburu-buru meninggalkan tem-

pat kejadian tanah runtuh itu dan telah menimbulkan berbagai-bagai cerita yang tidak enak didengar. "Orang mengesyaki yang bukan-bukan kerana ketiadaan abang di situ."

Haji Mihad lalu bertanya tetapi secara samar-samar berita yang disampaikan Haji Daud.

"Karut itu! Semuanya karut!" kata Haji Syamsuri menangkis. "Adik percaya aku mahu buat kerja serupa itu?"

"Kerana tidak percayalah maka saya datang berjumpa abang, sebelum cerita itu merebak luas. Keluarga kita juga yang malu."

Haji Syamsuri tidak dapat menyembunyikan gelora yang sedang berkocak dalam dirinya. Haji Mihad dapat melihat dengan jelas kegelisahan yang terjadi pada diri Haji Syamsuri ketika mereka bercakap-cakap itu.

"Sudah! Aku tidak mahu dengar lagi. Aku kata aku tak buat itu semua," kata Haji Syamsuri, mencapai begnya dari atas bonet kereta lalu berjalan tanpa berpamitan lagi.

Haji Mihad berdiri tergamam, memandang belakang Haji Syamsuri dengan rasa kasihan.

Imam. Kuala Lumpur:
Utusan Publications &
Distributors Sdn. Bhd., 1999



Fragmen Biografi



THE UNIVERSITY OF CHICAGO

PHYSICS DEPARTMENT

Pendeta Za'ba dalam Kenangan

PADA penghujung abad ke-19 di pinggir Sungai Jempol, Negeri Sembilan terdapat sebuah kampung yang ramai penduduknya. Kampung itu bernama Batu Kikir. Letaknya tiga setengah batu dari sebuah pekan yang bernama Kuala Jempol.

Sungai Jempol yang panjangnya lebih kurang 15 batu itu bermuara ke Sungai Muar. Kebanyakan penduduk di sepanjang sungai itu berasal dari Minangkabau. Mereka itu sudah beberapa keturunan bermastautin di sana dan bahasanya juga sudah banyak yang berubah daripada bahasa asalnya. Kebanyakan mereka bekerja tani.

Di Kampung Batu Kikir ini tinggal seorang yang berasal dari Linggi bernama Ahmad bin Ibrahim. Beliau biasa dipanggil dengan nama Cik Mat sahaja oleh orang-orang di kampungnya itu.

Pekan Linggi tempat asal Cik Mat letaknya di bahagian pesisir 65 batu di sebelah barat Kuala Jempol. Pekan kecil yang terletak di pinggir Sungai Linggi ini terkenal dalam sejarah Melayu ketika terjadi peperangan antara orang-orang Bugis dengan Raja Kecil yang bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah yang memem-

rintah Johor, Pahang, Riau dan Linggi pada tahun 1717.

Sejak orang-orang Bugis dari Selangor yang dikepalai oleh Daing Perani lima bersaudara dengan 30 buah perahu perangnya melanggar dan mengalahkan Linggi, maka banyaklah orang-orang Bugis yang bermastautin di sana. Cik Ahmad ialah salah seorang daripada keturunan orang-orang Bugis itu.

Kerana bersemenda dengan gadis dari Batu Kikir yang bernama Intan Awaluddin pada tahun 1890 maka Cik Ahmad pun menetap tinggal di kampung Batu Kikir dan sebagai mata pencariannya dia bertani dan menjadi pemborong membuka jalan-jalan baharu. Ketika itu jalan-jalan yang menghubungkan Kuala Pilah, Batu Kikir, Jelebu ke Bentong Pahang, mulai dibuka. Dia terkenal dalam kampungnya kerana pengetahuan agamanya dan dialah pula satu-satunya penduduk kampung itu yang tahu membaca dan menulis huruf Melayu yang tidak barbaris.

Waktu di Linggi Cik Ahmad telah mengaji al-Qur'an dan belajar hukum-hukum agama di pondok seorang alim yang terkenal, sebab itu dia menjadi seorang yang warak. Orang yang warak dalam zaman itu, dengan mudah menjadi orang yang terkemuka dalam masyarakatnya.

Lima tahun kemudian iaitu pada 16 haribulan September tahun 1895, lahirlah seorang anak lelaki bagi keluarga ini. Anak lelaki itu diberi nama Zainal Abidin.

Apabila anak ini berumur lima tahun dia telah diajar oleh bapanya membaca al-Qur'an terus-menerus siang dan malam. Tiga tahun kemudian dia telah tamat al-Qur'an dan juga sudah mahir dengan rukun-rukun sembahyang. Setelah itu dia diajar pula berzanji.

Walaupun di kampung itu tidak ada sekolah tetapi orang-orang yang pandai agama banyak juga. Mereka

belajar agama di pondok-pondok di Kedah, Kelantan dan Patani dan ketika pulang ke kampungnya mereka menjadi lebai. Ada antaranya yang mengajar agama di surau-surau, kepada anak dan juga penduduk-penduduk kampung yang dewasa. Tetapi Zainal Abidin belajar agama daripada bapanya yang juga mengajar al-Qur'an di surau kepada beberapa orang lain.

Sampai umur saya 12 tahun barulah saya masuk ke sekolah.

Pada waktu itu sekolah yang paling dekat dengan Batu Kikir ialah sebuah sekolah Melayu di Kuala Jempol, tiga setengah batu jauhnya. Sekolah inilah pula tempat Tuanku Abdul Rahman ibn Almarhum Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Agong Pertama belajar ketika baginda tinggal di Serting bersama-sama bondanya. Semua anak-anak lelaki di sekitar kampung Batu Kikir tidak ada yang bersekolah, selain daripada letak sekolahnya itu jauh pun pada masa itu di sekitar kampung-kampung itu masih penuh dengan hutan rimba tebal, setiap penduduk kampung itu sering kali melihat harimau berkeliaran di pinggir hutan itu, pemuda Zainal Abidin juga pernah melihatnya.

Cuma yang ganjilnya harimau-harimau itu belum pernah menangkap manusia, yang selalu menjadi mangsanya ialah kambing-kambing penduduk. Begitu jinaknya harimau-harimau itu, para penduduk tidak pernah menganggapnya sebagai satu musuh yang berbahaya, malah kambing-kambing yang sering kali menjadi mangsanya itu pun tidak pula takut kepadanya.

Orang-orang Jempol percaya bahawa ada antara harimau-harimau tersebut berasal daripada famili yang tertentu daripada penduduk-penduduk di kampung itu. Setelah beberapa hari orang itu mati maka datanglah beberapa ekor harimau mengorek kuburnya itu dan

membawa mayatnya ke suatu tempat yang jauh dan kemudian hilang. Orang itu dipercayai menjelma menjadi harimau. Ia akan kembali ke kampungnya apabila ada antara familinya yang sakit, maka berlegar-legalah ia di sekeliling rumah itu.

Orang-orang di kampung itu mengenal harimau itu sebagai harimau jadi-jadian adalah kerana tanda-tanda yang ada pada orang yang sudah mati itu bersesuaian dengan tanda-tanda yang terdapat pada harimau itu misalnya jarinya kudung satu.

Apabila kawan-kawan sebayanya pulang ke rumahnya masing-masing setelah puas bermain gasing atau layang-layang, maka Zainal Abidin pun mengelana dalam kebun pisang di belakang rumahnya. Dia sangat suka menulis dan membaca, tetapi tulisan-tulisan Jawi yang tidak berbaris belum dapat dibacanya lagi dan bapanya pun belum mahu mengajarnya.

Dia melihat bapanya menulis menggunakan pena yang dibuat daripada bilah kabung (segar), maka dia pun meniru membuat pena daripada dahan-dahan kecil yang diraut hujungnya bulat tirus seperti pensel. Dengan pena itulah dia menulis pada pelepah-pelepah pisang yang ada di belakang rumahnya. Di belakang pelepah yang masih banyak berkapur itu dia menuliskan segala ayat al-Qur'an yang diketahuinya, lengkap dengan barisnya sekali. Tiap-tiap pelepah yang dapat dicapai tangannya dituliskan belaka.

Apabila ibunya melihat dia tidak ada di atas rumah itu maka dia pun melaung memanggil anaknya.

"Bujang."

"Saya mak," sahutnya dari rumpun pisang di belakang rumah.

"Apa yang engkau buat dalam kebun pisang tu?"

"Saya bermain-main mak," jawabnya.

"Naik ke rumah." Ibunya menyuruh. Zainal Abidin pun naik ke rumahnya. Tetapi besoknya dia masuk lagi ke dalam kebun pisang itu.

Ibunya hairan, apa gerangan yang dimain-mainkan oleh anaknya seorang diri dalam kebun pisang tersebut.

Tidak sahaja ibunya, bapanya pun hairan melihat kelakuan anaknya yang ganjil itu. Pada suatu hari dengan diam-diam dia mengintip kelakuan anaknya. Alangkah kagumnya demi dia melihat pada tiap-tiap pelepah pisang itu penuh dengan ayat-ayat al-Qur'an, bekas tangan anaknya.

"Engkau suka menulis ya?" tanya bapanya.

"Ya, abah."

"Kalau engkau suka menulis nanti abah belikan papan batu kalau abah pergi ke Kuala Pilah."

"Papan batu?" tanya Zainal dengan kehairanan.

"Ya, papan batu. Kau boleh menulis di atasnya dan padam tulisan itu kemudian boleh ditulis lagi."

Bagaimana agaknya papan batu yang boleh ditulis dan kemudian boleh dipadamkan itu. Zainal bertanya dalam hatinya. Dia sangat ingin untuk memiliki papan ajaib yang dikatakan oleh bapanya itu.

"Bapa nanti ajarkan kepadamu tulisan Melayu tidak berbaris," kata bapanya dengan penuh pengertian. Sejak Zainal belum lahir lagi Cik Ahmad telah bercita-cita untuk menjadikan anaknya itu seorang alim dalam agama.

"Aku akan menghantar Zainal ke Makkah," kata Cik Ahmad kepada isterinya pada suatu hari. "Biar dia belajar agama di sana."

"Saya tidak bersetuju, dia masih kecil lagi," jawab isterinya pula. "Di sini pun dia boleh belajar agama juga."

"Tetapi apa akan jadi kalau dia belajar di sini saja."

Cik Ahmad membantah.

"Tidak mengapa, biarlah dia membawa kereta lembu besok, kan dapat juga dia mencari makan?" jawab isterinya.

Pada suatu hari ketika dia pulang dari Kuala Pilah, dibawanyalah sekeping papan batu dengan beberapa batang kalamnya, serta sebuah buku pelajaran membaca bernama *Pemimpin Pengetahuan* yang dikarang oleh Said Mahmud bin A. Kadir Al-Hindi. Zainal sangat gembira apabila menerima pemberian bapanya itu.

Bapanya kemudian memandunya menulis huruf Melayu tidak berbaris. Beberapa huruf baru diajarkan kepadanya. Huruf-huruf itu tidak begitu sukar diingat oleh Zainal, kerana pada huruf-huruf al-Qur'an telah ada contohnya. *Ca* – hanya ditambah tiga titik pada huruf *jim*, *nga* – ditambah dua titik pada huruf *ghen*, *pa* ditambah dua titik pada huruf *fa*, *ga* ditambah satu titik pada huruf *kaf* dan *nya* ditambah dua titik pada huruf *nun* ataupun satu lagi titik pada huruf *ya*.

Sekarang dia sudah dapat menulis perkataan-perkataan Melayu dengan mudahnya. Pengetahuan yang baru ini sangat sekali menggembirakan hatinya. Beberapa buah kitab-kitab Melayu dan buku-buku Melayu yang ada dalam simpanan bapanya telah dapat dibaca olehnya. Hatinya sedih dan air matanya bercucuran kalau dia membaca Syair Siti Zubaidah; dia gembira melihat kepandaian Abu Nawas memperdayakan Sultan Harun Al-Rashid dan dia berasa takut membaca kitab agama yang menceritakan tentang seksa kubur dan sebagainya. Tetapi yang sudah pasti dia tidak gemar membaca ialah *Sejarah Melayu*, kerana banyak nama-nama orang putih di dalamnya, kerana cerita-cerita dalam buku itu tidak menarik hatinya, dan *Hikayat Abdullah*.

Setelah dia mahir dengan tulisan Melayu, dia ingin sekali untuk belajar tulisan rumi pula. Pada waktu itu tulisan ini dikenal dengan nama tulisan roman. Bapanya tidak mengetahui tulisan itu, dia hanya belajar menulis tandatangannya sahaja. *Saya masih ingat huruf d namanya itu bengkok hujung di atasnya ke dalam.*

Kebetulan pada waktu itu seorang saudara dua pupu bapanya bernama Muhammad telah bertugas sebagai guru pembantu di sekolah Melayu Kuala Jempol. Dia lepasan dari Maktab Perguruan di Melaka.

Setiap petang Jumaat dia datang ke rumah Cik Ahmad dan bermalam di situ.

"Tolonglah ajarkan tulisan roman kepada Zainal," kata Cik Ahmad kepada saudara dua pupunya itu pada suatu hari. "Dia ingin sekali hendak belajar. Aku tidak tahu."

Cik Muhammad, guru muda yang pada waktu itu baru berumur 20 tahun itu pun dengan segala senang hati mengajar anak saudaranya itu. Dia menulis huruf-huruf rumi itu di atas papan batu itu dan disuruhnya menyalin. Kerana perhatiannya begitu bersungguh-sungguh, maka dengan cepat pula Zainal dapat menguasainya dan kemudian dia diajar menyalin beberapa baris perkataan yang ditulis oleh bapa saudaranya, petikan daripada cerita-cerita dalam buku. Zainal menulisnya sampai berpuluh-puluh kali, tidak cukup di papan batu ditulisnya pula dalam buku-buku tulis, tidak lama kemudian dia pun mahirlah sudah akan tetapi tidak ada buku-buku yang akan dibaca.

Cik Muhammad yang mengajar Zainal menulis dan membaca huruf rumi itu ialah Muhammad bin Dato Muda penyusun buku *Tarikh Suratkhobar Melayu* yang terkenal.

Kerana melihat kemajuan-kemajuan anaknya itu

Cik Ahmad pun bercita-cita akan mengirimnya ke Linggi untuk belajar agama pada seorang alim yang bernama Abbas, kemudian melanjutkan pelajarannya itu pada seorang yang lebih alim lagi bernama Mustafa, sebelum dia dikirimkan ke Makkah.

“Engkau mesti belajar agama dengan bersungguhsungguh dan menjadi seorang alim, supaya mati nanti engkau masuk syurga.” Demikian katanya kepada anaknya itu.

“Baiklah.” Zainal patuh akan suruhan bapanya.

Tetapi dalam masa itu pula satu kejadian sedih telah menimpa keluarga itu. Ibu Zainal meninggal pada 22 Mei 1907 kerana melahirkan anaknya yang nombor empat. Dia meninggal bersama-sama dengan anaknya. Maka tinggallah Zainal tiga bersaudara, seorang adik lelakinya bernama Muhamad Yusuf dan seorang adik perempuan Siti Hawa. Tanggal yang sedih ini sangat diingat oleh Zainal, kerana tanggal itulah yang menjadi *turning point* dalam hidupnya. Kalau ibunya tidak meninggal tentulah dia tidak jadi ke Linggi, kalau dia tidak jadi ke Linggi maka sudah pastilah dia tidak masuk sekolah Inggeris dan tidak tahu bahasa Arab. Kejadian yang sedih itu ada hikmatnya. Pada waktu itu umurnya sudah mencapai 12 tahun. Dan jalan-jalan raya juga sudah banyak yang dibuka sehingga perhubungan dengan tempat-tempat lain telah mulai ada. Sebuah sekolah telah pula didirikan di Batu Kikir itu.

Dua minggu apabila sekolah itu hampir dibuka, maka guru-gurunya pun berjalan dalam kampung-kampung yang berhampiran mencari dan mengumpulkan kanak-kanak lelaki yang akan dimasukkan ke dalam sekolah tersebut. Mereka memberi nasihat kepada ibu bapa anak-anak itu supaya membawa anak-anaknya ke sekolah. Kanak-kanak yang belum melewati umur 15

tahun dicatat dan disuruh datang ke sekolah untuk belajar kerana dalam usia itu mereka masih dapat dididik, masih mudah menerima pelajaran. Pada waktu itu anak-anak perempuan tidak dibenarkan bersekolah kerana haram.

Ada 82 atau 83 orang yang sudah terkumpul dan di dalamnya terdapatlah Zainal Abidin bersama-sama adiknya Muhamad Yusuf yang berumur tujuh tahun.

1 Julai 1907, 40 hari sesudah ibunya meninggal dunia, dia pun masuklah ke sekolah itu. Dia seorang ditempatkan di darjah tiga, kerana dia sudah pandai membaca dan menulis tulisan jawi dan juga tulisan rumi. Kawan-kawannya yang lain dibahagi ke dalam tiga kumpulan dan tiap-tiap satu kumpulan diajar oleh seorang guru. Mereka itu diajar membaca beramai-ramai. Tetapi Zainal Abidin duduk sendirian tidak belajar apa-apa, kerana dalam darjah tiga itu dia sendirian saja.

Tidak lama sesudah itu datanglah Cikgu Muhammad, penolong guru pelawat dari Kuala Pilah ke sekolah itu.

"Untuk darjah satu ada tiga kumpulan anak-anak, kira-kira 27 orang satu kumpulan," kata guru besar sekolah itu. "Tetapi di darjah tiga hanya seorang saja."

"Bagaimana boleh jadi begitu?" tanya guru pelawat itu dengan kehairanan. "Anak siapa yang di darjah tiga itu?"

"Anak Cik Mat," jawab guru besar itu.

"Anak Cik Mat? Patutlah," ujar penolong guru pelawat itu. Mereka kenal Cik Ahmad sebagai seorang yang tahu membaca dan menulis serta alim pula. "Baiklah, kita akan pindahkan anak-anak dari sekolah Kuala Jempol yang tinggal berhampiran dengan sekolah ini."

Tidak lama kemudian beberapa orang anak lain yang sudah bersekolah di Sekolah Melayu Kuala Jempol yang tinggal lebih hampir dengan Sekolah Batu Kikir pun dipindahkan menjadi teman kepada Zainal Abidin.

Pada waktu itu ada dua orang guru pelawat yang sering kali datang melawat sekolah itu. Seorang daripadanya dari Seremban bernama Haji Ahmad yang selalu menulis dan menandatangani buku pelawat dengan tulisan jawi dan di hujung namanya ditulis: *ba ta (visiting teacher)*, sedangkan Cikgu Muhammad dari Kuala Pilah itu menulis pada hujung namanya: *alif ba ta (assistant visiting teacher)*.

Setelah ibunya meninggal dunia, bapanya membawa isteri mudanya dari Linggi yang bernama Fatimah bt. Mohd. Said tinggal bersama-sama di Batu Kikir. Dengan ibu tirinya itu bapanya mendapat dua orang anak: Mohd. Makam meninggal waktu kecil dan Khatijah. Zainal Abidin pada akhir tahun 1907 telah pindah dan bersekolah di Linggi, tinggal bersama-sama dengan emak saudara kepada bapanya yang bernama Hajah Halimah, nenek saudaranya itu sudah berumur 60 tahun dan mengajar al-Qur'an. Waktu itulah dia melihat pakaian orang-orang di Linggi yang berasal dari Bugis itu berbeza daripada pakaian orang-orang kampungnya yang berasal dari Minangkabau. Orang-orang perempuan Minangkabau mengikat kain di atas kepalanya tetapi perempuan-perempuan Bugis menggunakan kain sarung sebagai kelubung.

Pada tiap-tiap pagi dia belajar di sekolah dan pada tiap-tiap petang belajar agama pada Tuan Guru Abbas. Dia diajar menghafal nahu.

Cara menghafal nahu serupa itu ditiru dari Makkah yang biasa dipelajari oleh orang-orang Arab. Orang-orang yang sudah faham dengan bahasanya sudah tentu

lebih mudah mempelajarinya daripada orang-orang Melayu. Cara itu sangatlah kolot. Sebab itulah berpuluh-puluh tahun orang baru dapat memahaminya. Zainal Abidin sengaja diserahkan oleh bapanya belajar pada Tuan Guru Abbas itu walaupun di sana ada orang yang lebih alim lagi daripadanya, Syeikh Mustafa yang telah tinggal selama 18 tahun di Makkah. Menurut bapanya lebih baik belajar daripada orang yang nombor dua daripada belajar dengan orang yang nombor satu.

Di Linggi inilah dia dapat membaca lebih banyak lagi buku cerita klasik dan syair Melayu yang ditulis dengan huruf jawi, yang dapat dipinjam daripada orang-orang tua yang ada menyimpannya. Orang-orang Bugis lelaki dan perempuan pandai membaca. Mereka itu lebih terpelajar daripada orang-orang Minangkabau di Jempol, tetapi mereka lebih keras disiplinnya dalam soal pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Tiga tahun kemudian dia pun lulus dalam peperiksaan darjah lima dengan mendapat nombor satu dan dipilih untuk ikut dalam peperiksaan beradu yang akan diadakan di Seremban sebagai wakil dari sekolahnya, untuk dipilih masuk ke sekolah Inggeris.

Dari seluruh Negeri Sembilan ada 265 orang anak-anak yang ikut dalam ujian itu. Tiap-tiap seorang anak mestilah menulis di atas kertas ujiannya: apakah dia akan menjadi guru ataupun mahu meneruskan lagi pelajarannya ke sekolah Inggeris: Malay College Kuala Kangsar atau Christian Brother's School di Seremban.

Cik Ahmad tidak suka anaknya belajar bahasa Inggeris.

"Nanti kalau nak mati tidak dapat mengucap kalimah syahadat lagi. *No, no*, saja," katanya. "Jadi kafir, mati masuk neraka jahanam."

Oleh sebab itu Zainal Abidin pun menulis di atas kertas peperiksaannya: mahu menjadi guru. Peperiksaan itu telah diadakan beberapa hari sebelum bulan puasa.

Setelah lepas peperiksaan dia pun terus pulang ke Batu Kikir ke rumah tempat lahirnya. Perjalanan pada waktu itu adalah dengan kereta lembu dengan bayaran satu ringgit seorang. Kadang-kadang percuma.

Di kota-kota besar ada padang kereta lembu serupa dengan stesen bas sekarang ini, kereta-kereta lembu itu membawa penumpang-penumpang, membawa barang-barang dari satu tempat ke satu tempat. Perjalanan dari Seremban ke Kuala Pilah sejauh 25 batu itu memakan masa dua malam.

Dalam perjalanan pulang ke Linggi sesudah Hari Raya dia singgah di Seremban untuk bertanya tentang keputusan peperiksaannya kepada guru di sekolah tempat peperiksaan itu diadakan dahulu.

"Engkau dapat nombor satu," kata gurunya itu. "Tetapi engkau bodoh, mengapa engkau meminta mahu menjadi guru? Apa yang engkau dapat?"

Pada waktu itu, menjadi guru mendapat gaji \$6.00 sahaja sebulan.

"Bapa saya tidak izinkan saya belajar bahasa Inggeris, takut saya mati masuk neraka," jawabnya. Tetapi hatinya sendiri ingin hendak mengetahui bahasa itu.

Dia selalu melihat tulisan-tulisan rumi di kertas-kerta surat khabar yang menjadi pembungkus barang-barang. Huruf-hurufnya dia kenal tetapi dia tidak dapat membacanya. Banyak sekali perkataan *the, for, of* dan sebagainya. 'Apakah bendanya ini?' fikirnya dalam hatinya. Dia cuba menyebut *the* itu *tehe*.

Di Linggi juga dia dimarahi oleh guru besarnya kerana meminta menjadi guru. Pada waktu itu pertentangan fikiran antara golongan muda dengan golongan

tua telah ada. *Biasanya orang-orang yang menganggap salah itulah yang kalah dalam pertentangan serupa ini* dan biasanya yang menghalang itu orang alim, orang yang ada pengetahuan agama.

"Kautulis surat permohonan," kata guru besarnya memberi jalan. "Aku buatkan surat itu dan engkau salin. Tak lama lagi Tuan Alexander Keir, inspektor sekolah dan pegawai pelajaran akan datang ke mari, engkau bawa surat itu kepadanya."

Guru besar itu telah menulis sepucuk surat permohonan dan surat itu telah disalin oleh Zainal Abidin. Juga diajar kepadanya cara-cara mahu masuk menjumpai orang putih itu ketika dia akan berangkat pulang nanti.

Walaupun peperiksaannya sudah selesai tetapi dia masih tetap juga datang ke sekolah itu sampai hari pemberian hadiah yang akan dilakukan oleh orang putih dari Seremban itu. Sementara itu pada tiap-tiap petang dia meneruskan pelajaran agamanya.

Hari yang ditunggu-tunggu itu pun tiba. Setelah selesai upacara menyampaikan hadiah, dan setelah orang putih itu selesai menulis dalam buku catatan tentang lawatannya yang ditulis dalam bahasa Inggeris, Zainal Abidin pun masuk.

Dia memberi tabik seperti yang diajar oleh gurunya. Orang putih itu pun mendongak memandangnya dari atas meja, dan menyambut surat yang dihulurkan kepadanya. Surat itu dibukanya dan dibaca. Dia mengangguk-angguk beberapa kali.

"Mengapa dulu minta jadi guru?"

"Bapa saya tidak suka saya belajar bahasa Inggeris, tuan, dia mahu saya belajar agama."

"Itu pun baik juga bukan?"

"Ya, tuan. Tetapi belajar agama itu bila-bila juga

boleh. Waktu tua berjanggut juga boleh. Belajar bahasa Inggeris hanya waktu kita masih muda sahaja, sudah tua tidak boleh belajar lagi."

"Ya, itu betul. Belajar agama bila-bila juga boleh. Tetapi saya tidak dapat berjanji. Saya akan berusaha, kalau nasib kamu baik ada lagi tempat di Seremban. Di Malay College sudah tidak ada lagi. Walaupun kamu mendapat nombor satu tetapi saya tidak dapat menarik orang lain keluar untuk menempatkan kamu di sana. Tempat sudah dibagi-bagi waktu keputusan peperiksaan itu diketahui. Tetapi saya akan cuba bertanya di Seremban."

Orang putih itu berjanji akan memberi khabar dalam masa dua minggu kepadanya. Zainal Abidin sangat mengharap bahawa dia diterima masuk ke sekolah itu. Kebetulan dalam masa belajar agama itu dia mengetahui beberapa doa, salah satu doa ialah:

Ya fardzu, ya somadu, ya sanadu, ya man ilaihil-mustanu, ya man lam yalid walam yulad walam yakun lahu kufuan ahad, ikzi hajati.

Menurut Mukatil bin Sulaiman orang yang memberi doa itu, dia boleh dikutuk, kalau sekiranya doa itu tidak makbul, demikian kuat keyakinannya. Doa itu mesti dibaca sebanyak 200 kali tiap-tiap hari berturut-turut sesudah sembahyang subuh.

Zainal Abidin pun mengamalkan doa itu. Dengan khushyuk dan ikhlas dia memohon kepada Tuhan agar dia dapat belajar di sekolah Inggeris.

Berita tentang dia meminta masuk ke sekolah Inggeris itu telah disampaikan oleh salah seorang saudaranya kepada bapanya di Batu Kikir dengan telegraf. "Pak cik lekas datang, anak pak cik telah meminta masuk sekolah Inggeris."

Dengan menumpang kereta kuda bapanya pun

datang segera ke Linggi untuk menghalang anaknya itu supaya jangan masuk ke sekolah Inggeris. Segala kata-kata bapanya tidak dijawab oleh Zainal Abidin. Dia diam seribu bahasa.

"Benarkah kau meminta masuk ke sekolah Inggeris?" tanya bapanya.

Setelah reda kemarahan bapanya itu maka dia pun berkata, "Saya tidak akan dapat kerana tempat sudah tidak ada lagi."

"Syukurlah," kata bapanya. "Aku akan berdoa kepada Tuhan supaya engkau jangan diterima masuk ke sekolah Inggeris. Aku akan berdoa siang malam."

Tetapi Zainal Abidin lebih dulu berdoa kepada Tuhan. Meskipun anak dan bapa itu berdoa kepada Tuhan yang satu, tetapi agaknya doa yang lebih dulu itulah yang diterimanya.

Dua minggu kemudian datanglah berita yang mengatakan bahawa dia telah diterima masuk ke Sekolah Inggeris Christian Brother's di Seremban. Hatinya gembira bukan kepalang, seorang pemuda lain dari Linggi, Shamsuddin bin Mohd. Attas diterima bersamasama dengannya. Kerana tidak mempunyai wang mereka berangkat ke Seremban dengan berjalan kaki sejauh 12 batu di bawah panas terik ke Kuala Sawah. Dari sana ada kereta api ke Seremban.

Sekolah Inggeris Christian Brother's St. Paul Institution itu ialah sebuah sekolah misi Kristian Rom Katolik, diurus dan diselenggarakan oleh pengembang agama Kristian. Semua gurunya memakai jubah hitam dan dipanggil *brother* dan *father*.

Barangkali juga penentangan tidak akan sebesar itu daripada orang-orang kampung sekiranya sekolah tersebut sekolah Inggeris biasa yang tidak ada sangkut-pautnya dengan agama Kristian, tetapi pada waktu itu

hanya sekolah-sekolah misi serupa itu sahajalah yang mengajar bahasa Inggeris.

"Kamu bernasib baik," ujar orang putih ketua pelajaran itu ketika dia datang berjumpa dengan Zainal Abidin.

Setelah dia masuk ke sekolah itu, maka pada malamnya dia pun menulis sepucuk surat yang panjang kepada bapanya, menerangkan bahawa dia sudah masuk ke sekolah Inggeris. "Tidak usahlah bapa marah kepada saya, kerana ini sudah tersurat di lohmahfuz." Dia berjanji dalam surat itu akan sembahyang dan berpuasa supaya dia tidak lupa kalimah syahadat. Suratnya itu dituliskannya di atas dua keping kertas dan dengan dakwat merah pula.

Tiga tahun lamanya, bapanya tidak mahu menjumpainya, sakit juga tidak dijenguknya, bapanya benar-benar mengotakan apa yang dikatakan olehnya. Tetapi di belakang Zainal Abidin, bapanya itu dengan diam-diam bertanya kepada orang-orang yang mengetahui tentang anaknya.

"Apakah ia selalu sembahyang?"

"Oh, anak pak cik itu tidak pernah tinggal sembahyang. Bulan puasa juga walaupun banyak orang tidak puasa tetapi dia terus berpuasa."

Sangat senang hati bapanya itu mendengar tentang keadaan Zainal Abidin yang tidak lupakan agama itu. Tetapi hatinya tetap keras, dia terus tidak mahu berjumpa dengan anaknya.

Waktu cuti Zainal pulang ke Linggi, ketika dia bertemu dengan Tuan Guru Abbas, yang mengajar agama kepadanya, tuan guru itu dengan menyindir bertanya kepadanya, "Sudah alimkah kau sekarang, Zainal?"

Di sekolah Inggeris itu dia terus diajar membaca dan ketika dalam darjah tiga baru diajar *grammar*. Pada

PENDETA ZA'BA DALAM KENANGAN

waktu itu teringatlah dia akan pelajaran nahu Arab yang dihafalnya dahulu dan barulah dia mengerti akan guna nahu itu menurut susunan yang sebenarnya.

Pendeta Za'ba dalam Kenangan

Catatan:

Pendeta Za'ba meninggal dunia pada 23 Oktober 1973 ketika berusia 78 tahun.

the University of Chicago Press, 1963. Pp. 288. \$12.50. This book is a collection of essays by various authors, edited by the same name. It is a very good book, and is well worth the price. The essays are written by some of the best writers of the time, and are very interesting and thought-provoking. The book is a must-read for anyone who is interested in the history of the United States.

1

THE UNIVERSITY OF CHICAGO

2

3

4

5

6

7

8

9

10

11

12

13

14

15



Fragmen Skrip
Drama Televisyen



Keruh di Hulu

BABAK 25/DI BAWAH RUMAH/SIANG/LUAR

(Anak-anak sedang mengejar seekor anjing. Mereka menjerit dan memekik. (Imbas kembali Babak 7).

BABAK 26/DI ATAS RUMAH/SIANG/DALAM

(Air muka PAK ALI berubah melihat peristiwa itu. BUNTAR keluar mendukung anaknya. BUNTAR duduk di sisi mentuanya dan anaknya melepaskan ibunya. Dia mendapatkan datuknya dan dipeluk oleh PAK ALI. Dicium pipinya).

106. PAK ALI

Ikut datuk balik ya?

107. APONG

Awang Ali ini datang mahu bawa balik kau dan anakmu, bagaimana?

108. BUNTAR

(Muka masam).

Saya tidak mahu pergi, ini rumah saya.

109. **PAK ALI**
Aku hendak sekolahkan Jefri di bandar. Sekolah orang putih.
110. **BUNTAR**
Dia masih kecil.
111. **PAK ALI**
Sekolah Tabika. Sekolah anak-anak kecil.
112. **BUNTAR**
Siapa yang jaga di sana?
113. **PAK ALI**
Aku akan jaga dia. Neneknya pun ada.
114. **BUNTAR**
Untuk apalah nak susah-susah jaga budak ini. Lagipun aku masih muda. Aku boleh jaga.
115. **PAK ALI**
Biar bapa cakap terus terang. Kita orang Islam mesti hidup bersama-sama. Kau dan anakmu mesti bersama kami.
116. **BUNTAR**
Di mana-mana pun sama. Hidup juga.
117. **PAK ALI**
Itu benar, tetapi hidup bersama kami lebih terjamin. Kamu tidak akan berdosa.
118. **BUNTAR**
Apakah bapa percaya yang keluarga bapa benar-

benar hidup tidak berdosa?

119. **PAK ALI**

(Tergamam).

Memanglah kita ini manusia. Kau pernah belajar agama. Kita ini makhluk yang lemah. Ada salah dan silapnya.

120. **BUNTAR**

Tapi Bidin itu anak bapa. Bapa didik sendiri. Tapi kenapa dia minum arak, main judi dan gila perempuan?

121. **PAK ALI**

Itu salah aku. Aku mengaku dan aku tidak mahu lagi buat salah serupa itu, sebab itu aku ajak kau balik duduk dengan kami.

122. **BUNTAR**

Di sini? Di sini tidak ada apa-apa. Aku tetap sembahyang lima waktu tidak pernah tinggal. Aku baca al-Qur'an. Aku masak sendiri. Ibu dan bapaku juga ikut jaga aku. Mereka tidak pernah bawa barang-barang yang terlarang.

(PAK ALI agak terkejut. Berubah air mukanya. Belum sempat dia menjawab, APONG dan isterinya datang. Mereka duduk bersama-sama).

123. **APONG**

(Melihat JEFRI dengan PAK ALI).

Kalau anakmu suka ikut datuknya, kau ikutlah sama.

(BUNTAR menggelengkan kepalanya).

124. **PAK ALI**
Buntar. Aku mengaku salah. Bidin sudah salah jalan. Bidin sudah tidak masuk ajar.
125. **BUNTAR**
Jadi bapa sudah tahu?
126. **PAK ALI**
Kami tahu.
127. **BUNTAR**
Jadi, bapa hendak bawa anak ini? Hendak didik macam Bidin?
128. **PAK ALI**
(Menggelengkan kepala).
Tidak. Bukan begitu. Aku sudah kata tadi, kami tidak mahu lagi hal itu berulang. Kau dan Jefri adalah anak dan cucu kami.
129. **BUNTAR**
Anak ini anakku. Buruk baik hidupnya biar aku yang tanggung. Aku tak benarkan dia ikut bapa.

(BUNTAR menangis. Dia lalu menyambar anaknya dan didukung masuk ke dalam. PAK ALI terkapa-kapa. Dia kemudian tunduk sedih).
(Flashback Babak 11).
130. **APONG**
Sabarlah. Aku akan cuba pujuk dia.
131. **ISTERI APONG**
Buntar marah sebab Bidin kahwin lain.

132. **APONG**

Buntar itu keras kepala. Kalau dia kata itu, itulah keputusannya.

(PAK ALI kembali menggeleng-gelengkan kepala seperti kesal. Dia kemudian bangun).

133. **PAK ALI**

Aku akan datang lagi. Dia sudah jadi anakku ganti Bidin. Pong, tolong jaga dia baik-baik.

CUT TO

BABAK 27/DI LUAR RUMAH PAK ALI/SIANG/LUAR

(PAK ALI memandu motokarnya masuk ke pekarangan rumah. Dia memberhentikan motokar itu di depan tangga/pintu. Dia turun dan melangkah masuk ke dalam rumah).

BABAK 28/DI RUANG TAMU/SIANG/DALAM

134. **PAK ALI**

(Memandang keliling).

Ton! Oh, Ton!

(Tidak ada jawapan. Dia berjalan ke pintu bilik tidurnya. Ditolak daun pintu).

BABAK 29/DI DALAM BILIK/SIANG/DALAM

(ZAITON, isteri PAK ALI sedang duduk di tikar sembahyang dalam pakaian telekung. Dia menadah tangan).

BABAK 30/DI RUANG TAMU/SIANG/DALAM

(PAK ALI duduk di salah sebuah kerusi, menopang kepala. ZAITON keluar sambil membetulkan kain tutup kepala).

135. **ZAITON**

(Duduk).

Abang panggil saya?

136. **PAK ALI**

Ya.

137. **ZAITON**

Mana Buntar?

138. **PAK ALI**

(Memandang muka isterinya).

Inilah masalahnya. Dia tidak mahu pulang.

139. **ZAITON**

Tidak mahu pulang? Anaknya?

140. **PAK ALI**

Anaknya dengan dialah.

141. **ZAITON**

Tapi itu cucu kita?

142. **PAK ALI**

Cucu kita pun, kalau maknya tak mahu pulang kita nak buat apa?

143. **ZAITON**

Eh, cucu kita itu Islam, takkan kita nak biarkan

dia duduk dengan orang-orang bukan Islam itu?

144. **PAK ALI**

Buntar itu pun sudah Islam juga, takkan dia nak biarkan anaknya tak tentu hala.

145. **ZAITON**

Tapi, abang. Duduk di rumah panjang serupa itu. Masak satu periuk, makan satu pinggan. Eh, tak boleh kita biarkan. Kena buat sesuatu abang.

146. **PAK ALI**

Mana Bidin?

147. **ZAITON**

Sejak dia keluar tadi, belum saya nampak mukanya lagi abang! Entah anak itu sudah jadi syaitan barangkali.

148. **PAK ALI**

Salah kau juga. Terlalu dimanjakan sangat.

149. **ZAITON**

Dia anak seorang bang! Saya manjakan pun sebagai manja ibu saja. Tapi abang yang buat dia naik kepala.

150. **PAK ALI**

Aku pula yang kautuduh. Apa yang aku buat?

151. **ZAITON**

Itu wang yang abang berikan kepadanya. Syarikat yang abang percayakan kepadanya. Motokar yang abang belikan waktu dia di sekolah menengah. Itu

yang buat dia naik kepala.

152. **PAK ALI**

Tapi itu untuk kesenangannya supaya dia belajar dengan baik. Supaya dia hidup sempurna. Empat tahun dia belajar jurusan perniagaan di England tentu dia boleh kendalikan syarikat itu.

153. **ZAITON**

Itulah yang membawa malapetaka kepadanya abang. Dia belum patut dapat kuasa serupa itu, pegang wang banyak dan belum waktunya diberi tanggungjawab berat kerana dia belum ada pengalaman lagi.

154. **PAK ALI**

Bila lagi yang patut? Waktu kita ada inilah kita berikan kepadanya. Aku ini sudah tua. Aku hanya mahu berbuat ibadat saja.

155. **ZAITON**

Saya fikir pendirian abang itu salah. Abang seperti mahu melarikan diri daripada tanggungjawab saja. Ibadat abang itu tidak ada erti kalau anak kita jadi syaitan, buat kerosakan di dunia.

(PAK ALI tidak sempat menjawab kerana mendengar motokar berhenti di depan rumah. Kemudian nampak BIDIN melangkah masuk dari pintu depan).

BABAK 31/DI DEPAN PINTU/SIANG/DALAM

(BIDIN masuk dalam keadaan tergesa-gesa menuju ke biliknya).

BABAK 32/DI RUANG TAMU/SIANG/DALAM 231

(PAK ALI dan ZAITON memandangi BIDIN dengan mata tajam. BIDIN hampir ke pintu biliknya).

156. **PAK ALI**

Bidin!

(BIDIN terhenti dan berpaling kepada bapa dan ibunya).

Tunggu dulu. Aku mahu bercakap sedikit.

157. **BIDIN**

Bapa mahu bercakap apa lagi? Saya sedang sibuk ini.

158. **PAK ALI**

Mari sini!

(BIDIN masih tercegat berdiri tidak bergerak).

Mari sini aku kata!

159. **ZAITON**

(Suara lembut).

Bidin! Bapa kau panggil.

160. **BIDIN**

Apa lagi mak? Saya sibuk ini.

(BIDIN berjalan dan berdiri dekat kerusi).

161. **PAK ALI**

Pergi ambil Buntar dan anak kau itu bawa balik ke sini.

162. **BIDIN**

Tapi bapa sudah pergi?

163. **PAK ALI**

Aku cuma bapa mentua, aku tak ada kuasa memaksanya tapi kau suaminya.

164. **BIDIN**

Hari ini saya tak dapat pergi. Saya ada urusan penting.

165. **PAK ALI**

Urusan penting! Apa yang penting sangat itu? Mana lebih penting dengan isteri dan anakmu? (*BIDIN diam*).

166. **ZAITON**

Apa yang penting sangat itu Bidin? Pergilah ambil Buntar balik.

167. **BIDIN**

(*Tergagap-gagap*).
Saya ... saya mahu pergi kahwin malam ini.

168. **PAK ALI**

(*Terperanjat*).
Apa?

(*ZAITON ternganga mulutnya*).

CUT TO

BABAK 33/DI DISKO LABUAN/MALAM/DALAM

(*Tarian dan nyanyian sedang rancak. BIDIN duduk dengan kawan-kawannya di sebuah meja. Dua tiga orang perempuan muda ada bersama-sama*).

169. **KAWAN I**
Bidin, menari!

170. **BIDIN**
Tak ada *partner*.

171. **KAWAN II**
Ini Mary, bukan *partner*? Nah, pergi Mary.

(MARY bangun dan mengajak BIDIN menari. BIDIN bangun dengan teragak-agak).

BABAK 34/DI RUANG TARI/MALAM/DALAM

(Orang-orang sedang rancak menari. BIDIN dan MARY menari bersama-sama. Seorang penyanyi terkenal sedang mengalunkan lagu rancak).

BABAK 35/DI DALAM DISKO/MALAM/DALAM

(Kawan-kawan BIDIN memerhatikan BIDIN dan MARY menari).

172. **KAWAN I**
Bidin itu anak orang kaya Brunei.

173. **KAWAN II**
Anak orang kaya? Patutlah tiap-tiap minggu dia ada di sini. Tinggal di hotel kelas satu dan belanjanya pun besar.

174. **KAWAN III**
Kau tahu, minggu lalu beberapa perempuan dapat hadiah jam yang mahal seorang satu. Tapi dia itu

suka pada Maria.

175. **KAWAN II**

Maria kawan kita itu?

176. **ESAH**

Maria mana lagi?

177. **KAWAN II**

Maria bagaimana?

178. **KAWAN III**

Maria! Macam burung merpati. Diberi makan dia dekat, mahu ditangkap dia terbang.

179. **KAWAN I**

Kalau begitu ada peluang kita korek duitnya.

180. **KAWAN II**

Bagaimana?

181. **KAWAN I**

Esah dan Mary tentu boleh tolong.

182. **ESAH**

Tolong bagaimana? Nanti kalau sudah dapat duit kami dilupakan.

183. **KAWAN I**

Eh, kita buat perjanjian dulu. Tapi kalian berdua mesti bersumpah memegang rahsia.

184. **ESAH**

Mary aku jamin. Aku sudah lama kenal dia. Nah, apa dia?

185. **KAWAN I**

Kaupujuk Maria supaya mahu kahwin dengan Bidin. Tapi sifat merpatinya itu teruskan juga. Hal lain serah kepada kami.

CUT TO

BABAK 36/DI SEBUAH BILIK/SIANG/DALAM

(*KAWAN I, KAWAN II, KAWAN III, ESAH, MARY dan MARIA sedang berunding*).

186. **KAWAN I**

Maria! Ini rancangan kita untuk memperdaya Bidin.

187. **MARIA**

Aku takut. Aku tidak mahu ikut campur.

188. **ESAH**

Apa yang kau mahu takutkan. Kita bukan buat salah.

189. **KAWAN III**

Betul Maria, kita tidak buat salah apa-apa pun. Cuma kau pura-pura suka pada dia saja. Yang lain-lainnya serahkan kepada kami. Kami tahu.

190. **MARIA**

Bagaimana kalau tunangku tahu?

191. **MARY**

Tunang kau kan tidak ada di sini.

(*MARIA diam berfikir. Kemudian dia menganggukkan kepalanya*).

192. **MARIA**
Baiklah!

CUT TO

BABAK 37/DI DEWAN DISKO/MALAM/DALAM

(BIDIN duduk berdua-duaan dengan MARIA di suatu meja).

193. **BIDIN**
Aku sudah beritahu ibu bapaku kita akan kahwin esok.
194. **MARIA**
Tapi terlalu cepat. Aku belum beritahu bapaku lagi.
195. **BIDIN**
Kita pergi saja ke rumahmu.
196. **MARIA**
Tapi aku perlukan duit untuk belanja, perkahwinan kita.
197. **BIDIN**
Dua hari dulu aku sudah berikan dua ribu tidak cukup?
198. **MARIA**
Itu bukan untuk belanja kahwin. Belanja kahwin paling kurang sepuluh ribu baru cukup. Takkan kita mahu kahwin begitu saja, paling tidak tentulah di hotel yang besar dan jemput semua kawan-kawan.

(Tiba-tiba seorang lelaki berdiri dekat meja mereka.

MARIA terperanjat).

199. **MARIA**

(Suara kuat).

Jack! Bila kaubalik?

200. **JACK**

Ini kerja kau? Siapa lelaki ini?

(JACK menarik tangan MARIA tetapi diadang oleh BIDIN. Lalu terjadi pergelutan. Orang ramai mula lari. Tiba-tiba JACK jatuh dan BIDIN tergamam. Belum sempat dia berbuat apa-apa, polis masuk dan menangkapnya. BIDIN dibawa ke balai polis. JACK diusung keluar dan dibawa dengan ambulans ke rumah sakit).

**BABAK 38/DALAM TAHANAN POLIS/SIANG/
DALAM**

(BUNTAR dan anaknya JEFRI bersama-sama PAKALI dan isterinya mengunjungi BIDIN dalam tahanan).

201. **BIDIN**

Buntar, aku minta maaf. Aku banyak bersalah kepadamu. Aku kejam!

202. **BUNTAR**

Tidak usah sesalkan lagi perkara yang lalu. Perkara sudah terlajak sudah tidak dapat diundurkan lagi. Sekarang tangan yang mencincang, bahu yang memikul.

203. **BIDIN**

Kalau terjadi apa-apa ke atasku, kau berjanji akan

PERTEMUAN ABADI

duduk dengan bapa dan ibuku. Biar Jefri mereka besarkan dan jangan ikut jejak langkahku.

(BUNTAR menangis teresak-esak. JEFRI tidak mahu dipegang oleh bapanya tetapi dia lari memeluk kaki datuknya).

TAMAT



Fragmen Skrip
Drama Pentas



Intan

SENARAI WATAK

JAMAL, suami
LEHA, isteri
ATAN, anak lelaki
PAK CHIN, jiran tidak tua tetapi macam orang tua.
MUNAH, isteri Pak Chin
PAK NGAH, jiran jauh.
MAK NGAH, isteri Pak Ngah
KOPERAL POLIS
PEGUAM
ORANG CINA
TUKANG KERETA
TUK DUKUN
TUKANG JAHIT

BABAK SATU

Pentas: Ruang di dalam sebuah pondok buruk. Amat miskin dengan perabot. Di sebelah kiri pintu ada sebuah ranjang yang terletak melintang. Kepala ranjang ke dinding sebelah kiri dan kakinya menghala ke dinding sebelah kanan. Ranjang itu terletak arah ke depan sedikit. Berhampiran dengan pintu, di sebalik ranjang itu ada tungku tempat memasak. Ada sebuah tempayan, beberapa biji pinggan dan perkakas-perkakas dapur yang lain. Di atas ranjang itu ada tilam yang sudah tua tidak bercadar. Di ruang sebelah kanan ada sehelai tikar yang sudah pecah-pecah. Beberapa buah guni terletak di sudut. Baju dan kain tergantung pada satu tali. Bubu tua tersangkut di dinding.

Tirai dibuka. Atan sedang berbaring di atas ranjang dengan berselimut. Leha duduk di tepi tungku, menyeluk ke dalam tempayan. Jamal berjalan dan duduk di birai ranjang. Dia merenung muka Atan. Kemudian meletakkan tangannya di dahi dan di leher Atan.

LEHA: Abang! (*Berpaling kepada JAMAL*). Beras kita sudah tidak ada lagi.

JAMAL (*membetulkan kain selimut ATAN*): Sikit pun tak

ada? Kalau boleh buat bubur saja pun cukuplah. Atan ni (*memandang ATAN*) demam kuat. Badannya panas benar.

LEHA (*menarik keluar tangannya dan memperlihatkan genggaman yang berisi beras. Dengan nada sedih*): Ini saja.

JAMAL (*memandang sekilas. Lalu berpaling kepada ATAN yang sedang memejamkan matanya*): Aku dah tenggelam punca, Leha. Dah seminggu aku tak dapat apa-apa. Jeratku tak mengena dan bubuku di dalam sungai itu pun tak disentuh ikan.

LEHA (*memasukkan kembali beras itu ke dalam tempayan. Bangun*): Tapi abang!

JAMAL (*berpaling kepada LEHA*): Aku tahu. Cubalah kau pergi minta pinjam beras sedikit daripada Pak Chin. Aku cuba pinjam duit sedikit daripada Pak Ngah, kalau-kalau dia mahu tolong.

LEHA (*berjalan ke arah kepala ranjang. Berjongkok meraba dahi anaknya*): Abang! Atan ini semakin kuat panas. Kita kenalah minta ubat daripada dukun cepat.

JAMAL (*turut meraba*): Ya, panasnya semakin naik. Biarlah aku pergi minta ubat kepada dukun. (*Bangun berjalan. Tiba-tiba berhenti di dekat pintu. Kebingung-an*). Tapi aku tak ada duit pengeras.

LEHA (*berpaling memandang JAMAL dengan wajah sedih*): Abang lebihkan tembakau abang sedikit, pinang dan sirih juga. Minta tolonglah. Kita tak ada duit apa nak buat.

JAMAL (*ragu. Mengambil songkok di sangkutan*): Mahukah dia menolongnya? Biasanya pengeras itulah dia tengok dulu. (*Berjalan menuju pintu*). Kaujaga Atan itu baik-baik. Barangkali aku singgah juga ke

rumah Pak Ngah waktu balik nanti. (*Keluar*).

LEHA: Balik cepat sedikit, abang.

ATAN (*dengan suara mengerang*): Mak, Atan nak minum mak.

LEHA (*bangun cepat*): Nanti mak ambil. (*Pergi ke dekat tungku. Mengambil kendi labu dan menuanginya ke dalam gelas. Dibawanya gelas itu ke dekat anaknya*). Nah ... Minumlah Atan. Nanti biar mak angkat kepala kau. (*Mengangkat kepala anaknya sedikit. Lalu memberinya minum*).

ATAN (*minum sampai habis*): Atan mahu lagi mak. Atan haus.

LEHA (*meletakkan kepala anaknya*): Nanti mak ambil lagi. (*Setelah dituang air itu lalu diberikan kepada anaknya. Dia kembali mengurut-urut belakang anaknya*). Biar mak tuam kepalamu supaya turun panasnya.

(*LEHA menuam ATAN. JAMAL masuk. LEHA terperanjat apabila JAMAL masuk ke dalam rumah itu dengan tergesa-gesa dan marah-marah. Dibanting songkoknya ke lantai*).

JAMAL (*meludah-ludah tetapi tak keluar ludahnya*): Babi, dukun apa macam tu. Bila dia tengok tak ada pengeras dia terus tak mahu. Aku tak boleh melanggar petua, katanya. Tiap-tiap orang minta ubat kena bawa pengeras. Kalau tak bawa pengeras penyakit itu nanti berbalik tadah. Berbalik tadah kepala otaknya. Budak ni sakit setengah mati, pengeras itu juga yang dia mahu. (*LEHA terhenti daripada mengurut JAMAL duduk dekat anaknya*).

JAMAL: Tak apa Atan. Tuhan ada. (*Memegang dahi ATAN*). Eh, dah berkurangan panasnya. (*Dengan*

penuh kasih). Atan jangan bangun dulu. Atan tidurlah. (*Kepada isterinya*). Kaubagi apa tadi?

LEHA: Air sejuk. Dua gelas dia minum dan saya tuam.

JAMAL: Tuhan Maha Pengasih. (*Menadah tangan bersyukur*).

LEHA: Abang dah pergi ke rumah Pak Ngah?

JAMAL (*wajahnya kembali muram. Menggeleng-gelengkan kepalanya*): Jangan diharap. Belum pun aku buka mulut, dia dah cerita tentang kesusahannya.

LEHA (*bangun*): Biarlah saya pergi minta pinjam beras di rumah Pak Chin, tengok. (*Mencapai tudung dan terus keluar. JAMAL menggantikan LEHA memicit-micit belakang ATAN*).

JAMAL (*JAMAL berdiri di muka pintu ketika LEHA balik. Dia melihat LEHA menangis. Apabila LEHA sudah masuk ke dalam rumah, dia memegang bahu LEHA*): Sikit pun mereka tak kasi?

LEHA: Tidak. Tidak ada beras kata mereka. Tapi beras yang mereka hambur untuk makanan ayam itu, lebih daripada cukup untuk kita anak-beranak. (*Memandang muka suaminya*). Bagaimana?

JAMAL (*masygul*): Aku tak tahu nak buat apa lagi. Leha, aku tak tahu lagi ke mana nak tuju.

LEHA: Cubalah abang pergi tengok jerat dan bubu abang itu. Siapa tahu, ada rezeki kita barangkali.

JAMAL (*mukanya cerah semula*): Ya, juga.

(JAMAL lalu keluar. LEHA sedang menyapu lantai rumahnya ketika dia mendengar laungan JAMAL dari jauh. JAMAL memanggil namanya berulang-ulang. LEHA lari ke pintu. ATAN juga sudah bangun duduk dan mencuba mahu berdiri.

Suara bapanya agak lain. Berisi kegembiraan).

LEHA (*berdiri di pintu*): Ada apa abang? Ada apa?

JAMAL (*sudah masuk ke dalam rumah. Tidak berbaju. Di tangannya ada sebuah bungkus bulat*): Ini, ini abang dapat di dalam bubu kita. (*Sambil membuka bajunya yang membungkus benda itu. ATAN datang dekat ibu dan bapanya. Benda itu bersiar-sinar*).

LEHA (*hairan. Tercengang*): Apa benda ini abang, kaca ke?

JAMAL: Abang tak tahu. Takkan kaca macam ini. Kaca apa? Berat. Nah cuba kaupegang. (*Menyerahkan benda itu kepada isterinya*).

LEHA (*menyambut benda itu daripada suaminya*): Eh, berat ya abang. Apa benda ini? Kalau kecil macam ni (*membuat isyarat dengan jarinya*) mahulah saya kata benda ini intan.¹ Macam intan.

JAMAL (*mengambil balik daripada isterinya*): Takkan ada intan sebesar ini. Tapi apa pun bendanya, abang fikir boleh kita jual. (*Menimang-nimang dengan tangannya. Tiba-tiba terlepas*).

LEHA (*memekik*): Abang!

JAMAL (*pucat*): Allah. (*Mukanya berseri kembali apabila benda itu tidak jadi apa-apa*). Untung tak pecah. (*Dia mengambil balik dari lantai dan dibungkus dengan bajunya*).

ATAN (*tunduk*): Itu apa, pak? (*Menunjuk pada serpihan di lantai*).

LEHA (*memungut*): Ini serpihannya abang. (*Menyerahkan kepada suaminya*).

¹ Boleh dibuat daripada kaca, batu kuaz yang berkilat atau gula batu yang berketul.

JAMAL (*meletakkan benda itu ke bawah dan mengambil serpihan yang diberikan isterinya*). Berkilat sekali. Apa agaknya?

LEHA: Kenapa abang tak bawa serpihan ini ke kedai, tanya apa bendanya?

JAMAL: Kedai mana? Takkan mereka tahu apa bendanya ini.

LEHA: Bawa ke kedai tukang emas. Dia tentu tahu apa bendanya ini.

JAMAL: Ya, juga. (*Bangun*). Kaucari kain lain, nak bungkus benda ini, aku nak ambil bajuku itu. (*LEHA bangun pergi mengambil kain dan diberikan kepada suaminya. JAMAL membungkusnya*). Ini kausimpan di bawah tilam itu, kepada siapa pun jangan kauceritakan. (*Kepada ATAN*). Atan pun jangan cerita kepada kawan-kawan. Ingat ya? (*Mengambil bajunya yang sudah keronyok itu dan dikibas-kibas dua tiga kali, lalu dipakainya. Serpihan benda itu dibungkus baik-baik lalu dimasukkan ke dalam kantungnya. Dia lalu keluar. Dihantar oleh LEHA dan ATAN sampai ke pintu. Kemudian LEHA membuat kerja-kerja rumah, menyapu, mencuci pinggan dan sebagainya. ATAN kembali tidur. TUKANG KERETA datang*).

TUKANG KERETA: Tuan rumah! (*Dia melaung dengan kuat. LEHA dan ATAN ke dekat pintu. TUKANG KERETA muncul*).

LEHA (*hairan dan takut*): Ada apa?

TUKANG KERETA (*berdiri dengan hormat*): Inikah rumah Encik Jamal? Ini Cik Lehakah?

LEHA (*makin tercengang*): Ya, saya Leha. Ini memang benar rumah Jamal.

TUKANG KERETA (*keluar dan masuk membawa guni beras*): Saya mahu serahkan barang-barang ini.

LEHA (*kebingungan*): Apa ini? Saya tak, eh kami tak ada beli barang-barang ini. Saya tak mahu.

TUKANG KERETA (*kebingungan. Meletakkan guni lalu keluar dan mengambil lagi*): Tapi barang-barang ini disuruh hantar ke mari.

LEHA (*membuat isyarat menolak dengan tangannya*): Barangkali Jamal lain, barangkali Leha lain. Kami tak pernah pesan barang-barang ini. Tak usah punggah di sini. Bawa balik.

TUKANG KERETA (*mencari-cari kertas alamat di dalam kantungnya*): Ini alamatnya. Ya, Jamal. Kampung Asamasam. Isterinya bernama Leha.

LEHA (*seperti mendapat akal*): Anaknyanya nama apa?

TUKANG KERETA: Anaknyanya (*mencari-cari dalam kertas*). Tidak ada ditulis di sini.

LEHA (*merasa lega*): Kalau begitu bukan Jamal suami saya yang dimaksudkan. Bukan Leha saya. Ada Jamal lain, ada Leha lain. Kami ada anak. (*Menunjukkan ATAN*). Ini anak kami nama Atan. (*Mahu masuk ke dalam dan mahu menutup pintu*).

ATAN: Ambillah barang-barang itu, mak.

TUKANG KERETA: Tunggu dulu. Kampungnya betul atau tidak. Kampung Asamasam?

LEHA (*tak jadi menutup pintu*): Ya, kampung ini memang itulah namanya, tapi bukan di sini saja. Sampai ke sana tu, ke balik bukit, ke seberang sungai, Kampung Asamasam juga namanya. Berapa Jamal ada, berapa Leha ada. (*Mahu menutup semula*).

TUKANG KERETA (*tidak mahu mengalah*): Betullah di sini. Saya tak salah lagi. (*Mula menyusun barang-barang di tepi pintu. CINA kedai emas datang. LEHA kebingungan. TUKANG KERETA tercengang. LEHA juga makin kebingungan*).

CINA: Inikah rumah Jamal?

LEHA (*terkulat-kulat*): Ya. Eh ... bukan!

TUKANG KERETA (*mencelah*): Tauke juga cari rumah Jamal? (*Memandang LEHA*).

CINA: Ya, Jamal sudah balik?

LEHA (*macam mahu menangis*): Tauke jangan tangkap dia. Dia tidak curi.

CINA (*hairan dan tercengang*): Tangkap apa? Saya tidak mahu tangkap dia. Saya mahu jumpa dia.

LEHA (*mulai berani*): Buat apa tauke mahu jumpa dia? Dia tidak ada di rumah. Dia pergi ke kedai. Barang-barang ini kami tidak pesan. Tauke boleh ambil balik. Kami mati tak makan pun tidak apa, asal jangan kami ambil harta orang. (*Seorang koperal datang masuk ke dalam rumah. Tauke CINA itu memberi hormat dan seperti orang takut melihat MATA-MATA itu*).

MATA-MATA: Tauke buat apa di sini?

CINA: Tidak ada apa-apa datuk. Saya saja datang berjalan-jalan. (*Mahu pulang*). Baiklah datuk. Saya pulang dulu. (*Lalu berjalan meninggalkan tempat itu*).

TUKANG KERETA (*ketika melihat CINA itu berlalu*): Saya pun tidak ada apa-apa di sini datuk. Saya cuma menghantar barang-barang ini saja. Saya pulang dulu. (*Tergesa-gesa berjalan keluar. Berlalu dari situ*).

MATA-MATA (*hairan dan tercengang-cengang memandang kepada LEHA*): Ada apa ini, cik?

LEHA (*juga hairan bercampur takut*): Saya tak tahu. Datuk jangan tangkap Jamal, dia tak salah. Kami tak curi orang punya.

MATA-MATA (*bertambah hairan*): Curi apa?

LEHA: Barang-barang itu. Kami tak pesan. Orang itu saja yang datang ke mari. Merekalah yang curi. Mereka nak timpakan kesalahan itu kepada kami. Kami ni orang miskin.

MATA-MATA: Saya tak tahu tentang hal itu. Tak ada orang yang datang repot barang-barangnya dicuri. Saya datang nak jumpa Encik Jamal. Adakah dia di rumah?

LEHA (*semakin takut. Tak percaya kepada MATA-MATA*): Sungguh mati datuk, Jamal tak curi. Jangan datuk tangkap dia. Matilah kami yang tinggal ini.

MATA-MATA: Eh, cik ni tak fahamkah cakap saya? Saya bukan nak tangkap Encik Jamal. Saya datang mahu berjumpa dengan dia saja. Ada dia di rumah?

LEHA: Datuk tak tangkap Jamal?

MATA-MATA: Betul. Buat apa saya bohong. Saya ni pegawai kerajaan. Hmm, mana Encik Jamal?

LEHA: Dia pergi ke kedai, belum balik lagi?

MATA-MATA: Buat apa dia ke kedai?

LEHA: Eh, datuk ini macam nak periksa saya pula. Tapi kata datuk, datuk tak mahu tangkap Jamal.

MATA-MATA: Itu bukan periksa, itu tanya. Siapa pun kalau bertanya, begitu juga bunyinya. Ya, buat apa dia ke kedai?

- LEHA (*ragu-ragu*): Dia ... dia ...
- MATA-MATA: Dia apa?
- LEHA: Dia .. eh, tak apa. Dia pergi ke kedai saja.
- MATA-MATA (*mulai curiga*): Hai, ada apa-apakah ni? Nampaknya cik ni macam nak sembunyikan sesuatu daripada saya.
- LEHA: Tidak datuk. Sungguh mati saya tak sembunyikan apa-apa. (*Mahu menangis*).
- MATA-MATA (*mulai gusar melihat mimik muka LEHA*): Cik jangan menangis, saya bukan nak tangkap Encik Jamal. Kalau cik nak menangis pun biarlah saya pergi dulu. (*Cepat-cepat keluar dari rumah itu*).
- LEHA (*menjenguk dari pintu. Melihat MATA-MATA pergi. Kepada ATAN*): Itu ada orang lain pula yang datang. Tan. Mari kita masuk dan tutup pintu. (*Menarik tangan ATAN*).
- ATAN (*melihat ke luar. Meronta*): Mak, bapa yang balik tu.
- LEHA (*menjenguk sekali lalu*): Kau gila. Bapa kau pun kau dah tak kenal lagi. Bapa kau tu, berpakaian macam tu? Kau tak ingat bagaimana bapa kau berpakaian. (*Sambil berkata sambil merenung kepada orang yang sedang datang. Mulutnya ternganga*). Abang Jamal! (*JAMAL masuk*).
- JAMAL (*tersengih-sengih*): Bagaimana aku, segar atau tidak? (*Berpusing-pusing*). Apa sebab barang-barang ini tak disimpan?
- LEHA: Apa yang sudah jadi ni, abang? Di mana abang dapat pakaian ini? Lebih baik abang pergi kasi balik. Patutlah ada Cina datang tadi, ada mata-mata datang. Abang mencuri agaknya.

JAMAL: Cina datang? Mata-mata datang? (*Mukanya pucat. Berasa takut*). Buat apa? (*Kepada ATAN*). Tan, mari ambil ini dulu. (*Menghulurkan beg yang dibawanya*). Ini ambil, bawa lekas!

ATAN (*mencapai dengan cepat*): Apa di dalamnya bapa?

JAMAL: Baju untuk mak kau. Untuk kau. Baju dan seluar. Bukalah, biarlah kita rasa dulu baju baru, walaupun kita nak ditangkap.

LEHA: Saya tak mahu abang. Saya tak mahu barang-barang curi.

JAMAL (*hairan*): Mana ada barang-barang curi? Aku beli semuanya ini. Ini. (*Menunjukkan barang-barang yang terlonggok di tepi pintu*). Juga aku beli. (*Tiba-tiba teringat pada intannya*): Intan aku. (*Mendekati LEHA*). Mana intan kita?

LEHA (*terkejut*): Intan kita? Mana ada intan kita?

JAMAL (*membuat isyarat menutup mulut*): Pelan-pelan. Barang yang aku jumpa itu, intan. Serpihannya yang kecil itu saja aku jual dua ratus lima puluh ringgit lebih.

LEHA: Intan! (*Jatuh di muka pintu tak sedarkan diri*).

JAMAL (*gugup melihat isterinya jatuh*): Atan! Lekas ambil air. (*ATAN berlari mengambil air dan JAMAL menyiram muka isterinya. LEHA sedar semula*).

LEHA: Apa sudah jadi?

JAMAL : Kau pengsan tadi. Mana intan kita?

LEHA: Intan kita. (*Mahu pengsan lagi. JAMAL lekas-lekas menyuruh ATAN mengambil air*).

ATAN (*membawa air*): Ini air, bapa!

JAMAL: Pegang dulu. Di mana kauletak in ... (*Teringat*

- LEHA *(penganan kalau dia menyebut)*. Di mana?
- LEHA: Di bawah tilam. In ... *(Dia juga tak jadi sebut)*.
- JAMAL: Tan. Jangan kau penganan lagi. Benda itulah yang aku jual tadi. *(Tiba-tiba teringat)*. Apa kata Cina itu?
- LEHA: Tak ada apa-apa. Tapi waktu mata-mata datang tadi dia terus pergi.
- JAMAL *(berfikir)*: Kalau barang itu bukan intan tentu dia mengadu kepada mata-mata itu.
- LEHA: Lebih baik abang kembalikan ini semua.
- JAMAL *(tak endah)*: Biar apa pun mari kita merasa jadi orang kaya dulu. *(Cuba mahu mengira dengan jarinya. Tak dapat)*. Atan. Pergi ambil pensel.
- ATAN *(pergi tetapi tidak jadi)*: Ponsel tak ada pak. Pak tak pernah menulis pun
- JAMAL: Tentu banyaklah duitnya.
- LEHA: Di mana kita nak simpan duit yang banyak serupa itu? Tentu nanti pencuri datang ke rumah kita. Tentu kita dibunuhnya.
- JAMAL *(mulai ngeri)*: Ya, kita tentu dibunuhnya. Apa kita mesti buat? *(Menarik intan dari bawah ranjang. Bangun)*.
- LEHA *(teringat sesuatu)*: Kita beritahu mata-mata tadi. Minta dia jaga kita.
- ATAN: Mata-mata nak jaga rumah kita, bapa? Hooray! *(Koperal telah berdiri di muka pintu rumah JAMAL. JAMAL terperanjat ketika dia berpaling ke belakang melihat MATA-MATA di pintu)*.
- JAMAL: Mata-mata.

MATA-MATA (*LEHA juga terperanjat melihat MATA-MATA itu*): Hah, Encik Jamal sudah balik nampaknya!

JAMAL (*seperti mahu melindungi intannya*): Saya tidak curi. Saya dapat intan eh barang ini dari dalam bubu saya.

MATA-MATA: Saya tidak tuduh encik curi. Saya cuma mahu periksa bagaimana encik dapat barang itu. Saya mahu ajak encik ke balai polis.

ATAN: Eh, eh, bapa mahu ke balai polis. Atan mahu ikut.

JAMAL: Kau ingat balai polis itu restoran?

LEHA: Suami saya tidak curi datuk. Ini barang kami dapat.

MATA-MATA: Cik jangan salah faham. Saya bukan mahu tangkap Encik Jamal. Saya mahu tanya bagaimana dia dapat barang ini.

LEHA: Dia dah bilang dia dapat dalam bubu. Mahu periksa apa lagi?

JAMAL: Betul datuk. Saya berani sumpah saya dapat dalam bubu.

MATA-MATA: Saya percaya. Tapi Encik Jamal mesti tahu. Barang-barang jumpa seperti ini mesti diserahkan kepada kerajaan.

JAMAL: Tapi, saya tidak curi. Saya dapat dalam bubu saya. Ikan apa pun yang masuk ke bubu saya menjadi milik saya.

MATA-MATA: Tapi ini bukan ikan, encik. Ini barang berharga.

LEHA: Sudahlah abang, serahkan saja. (*Muncul seorang yang kacak di muka pintu. Memakai pakaian yang rapi.*)

Memegang sebuah beg Echolac dan menunggu di pintu).

PEGUAM: Memang kerajaan tidak boleh merampas hak kita. Undang-undang negeri ini memberi perlindungan kepada warganegaranya.

MATA-MATA (*memberi tempat kepada orang baru itu*): Tuan ini siapa?

PEGUAM (*masuk*): Peguam. Saya mendapat khabar daripada orang Cina kedai emas. Encik Jamal menjumpai seketul intan di dalam bubunya, saya segera datang untuk memberi perlindungan kalau-kalau ada orang mahu merampas hak miliknya itu. (*Berjalan ke dekat JAMAL*). Saudara jangan takut, saya akan membela saudara mempertahankan hak.

JAMAL (*kebingungan*): Jadi, apa yang mesti saya buat?

LEHA (*merayu kepada suaminya*): Serahkan saja kepada kerajaan. Buat apa kita gaduh-gaduh. Kita pun tak dapat simpan barang ini. Orang jahat tentu datang merampasnya nanti. Kita mesti taat pada undang-undang.

PEGUAM (*kepada MATA-MATA*): Tuan boleh ambil barang ini tapi tuan mesti berikan surat keterangannya.

MATA-MATA: Memang saya akan beri surat keterangan. Tuan tahu barang yang berharga serupa ini tidak boleh disimpan sembarangan, berbahaya kepada orang yang menyimpan dan juga berbahaya kepada negara. Kerajaan takut barang serupa ini akan dibawa keluar secara haram.

PEGUAM: Saya bersetuju dengan keterangan tuan. Tapi *client* saya mesti juga diberi perlindungan undang-undang. (*Kepada JAMAL*). Saudara boleh serahkan barang ini kepada tuan ini. Saya jadi saksi.

JAMAL (*enggan*): Tapi barang ini saya punya.

LEHA: Tapi abang, barang ini ada badinya. Saya takut dia tidak akan membawa kesenangan kepada kita. Lebih baiklah kita miskin macam dulu tak apa.

JAMAL (*mahu marah*): Aku tak mahu miskin lagi macam dulu. Aku mahu senang. Sekarang kita sudah senang, jangan kita lepaskan lagi peluang ini.

MATA-MATA: Saya fikir Encik Jamal ikut kata cik ini. Biar kerajaan jaga barang ini.

JAMAL: Baiklah datuk. Ini barangnya. (*Lalu mengeluarkan barang itu dari dalam bajunya*).

MATA-MATA (*terbelalak matanya*): Eh, besarnya! (*PEGUAM menjongkok dan mencuba mahu menyentuhnya. JAMAL mengelakkan barang itu. PEGUAM kecewa lalu tegak semula*). Biar saya pegang. (*Memegang*).

PEGUAM (*membuat isyarat dengan tangan*): Eh ... jangan bawa dulu. Buat surat tanda terima.

MATA-MATA (*menyerahkan balik kepada JAMAL*): Baiklah! (*Mengeluarkan kertas dan pensel lalu menulis tanda terima*). Nah ini dia.

PEGUAM (*merampas surat itu*): Ya, tuan simpan surat ini baik-baik. (*Diserahkan kepada JAMAL*).

JAMAL (*memandang kepada PEGUAM*): Cuba tuan baca, saya dengar.

PEGUAM (*mengambil semula surat itu*): Surat keterangan. Saya Koperal empat empat kosong Badin bin Ali dari Balai Polis Asamasam mengaku telah menerima daripada Encik Jamal bin Buyung dari Kampung Asamasam seketul intan sebesar buah kelapa²

2 Menurut kesukaan.

yang dijumpainya di dalam bubu untuk dinilai oleh kerajaan akan harganya dan kemudian memberi bayaran yang difikirkan patut kepada Encik Jamal tersebut.

LEHA: Tapi berapa beratnya tidak ditulis.

PEGUAM: Ya, beratnya mesti ditulis juga.

MATA-MATA (*mencapai intan itu dan menimbang-nimbang dalam tangannya*): Ada kira-kira sepuluh kati.

LEHA: Mengapa tak ditimbang betul-betul? Di rumah Pak Chin ada katinya. Atan pergi pinjam. (*ATAN terus berlari keluar, tetapi PAK GHIN dan isterinya sudah tiba. ATAN ditolak masuk balik*).

PAK CHIN (*tanpa silu-silu*): Aku dah agak-agak tadi kau mahu pinjam kati. Nah, ini katinya. Kau mahu pinjam apa lagi. Beras?

JAMAL: Kati saja. Beras tak payah, sudah ada. (*Sambil menunjukkan guni beras di sudut rumah*).

MATA-MATA: Bawa katinya ke mari. (*Menyambar kati itu dari tangan PAK CHIN. PAK CHIN dan isterinya menghulurkan kepalanya mahu melihat intan pada JAMAL*).

PAK CHIN dan MUNAH (*serentak*): Waah! (*MUNAH jatuh pengan. JAMAL mengambil balik intan itu dari tangan MATA-MATA. MATA-MATA dan LEHA menerpa kepada isteri PAK CHIN*).

MATA-MATA: Kenapa dia?

PAK CHIN: Dia terperanjat! (*Kembali memandang intan dalam tangan JAMAL*). Biarkan dia. Nanti dia baik sendiri. Dia biasa begitu.

MATA-MATA: Mana intan tadi? (*Mengambil balik dari*

tangan JAMAL dan menimbangnya). Betul sepuluh kati.

PEGUAM (*tidak percaya*): Mana sepuluh kati? Lebih itu, tiga tahlil. Tiga tahlil itu mesti masuk kira juga. Dia menambahkan bahagian saya.

PAK CHIN: Bahagian saya juga, saya yang punya kati.

LEHA: Bahagian apa mereka kata abang?

JAMAL: Ya, bahagian apa?

PEGUAM: Kerana menguruskan perkara ini. (*Menyerahkan keterangan kepada MATA-MATA*). Tulis dalam surat akuan ini. (*MATA-MATA menyambut kertas itu dan menulisnya. Menyerahkan surat kembali kepada PEGUAM*).

MATA-MATA: Tolong carikan kertas sikit, saya mahu balut intan ini.

JAMAL: Jadi, datuk mahu bawa juga intan ini? (*Mencari kertas di bawah ranjang*).

MATA-MATA: Kena bawalah. (*Membungkus intan itu*).

JAMAL: Kami ini bagaimana? Apa kami dapat? Kertas ini saja?

PEGUAM: Kertas ini sudah cukup keterangan bagi kita, kita akan tuntutan daripada kerajaan.

MATA-MATA: Ya, nanti kerajaan akan bayar ganti rugi. Encik tak usah khuatir. Encik tentu jadi orang kaya.

PEGUAM: Ya, tuan telah jadi orang kaya.

MUNAH: Mereka jadi orang kaya. (*Pengsan semula*).

PAK CHIN (*menjenguk kepada isterinya*): Sudahlah. Jangan kau pura-pura pengsan lagi. Mereka kaya, takkan mereka nak biarkan kita susah.

- LEHA: Bangunlah kak. Kami tak lupa kepada kakak.
Kami kaya, kakak pun kaya juga.
- MUNAH (*bangun dan memeluk LEHA*): Kau adikku, macam darah dagingku sendiri.
- PEGUAM (*kepada JAMAL. Mengeluarkan surat-surat dari begnya*): Sekarang tuan tandatangan surat ini.
- JAMAL (*hairan*): Surat apa tuan?
- PEGUAM: Surat kuasa, memberi kuasa kepada saya untuk bertindak bagi pihak tuan.
- JAMAL (*kepada MATA-MATA yang hendak keluar*): Datuk. Tunggu dulu. Ini surat apa pula yang saya mesti tandatangani?
- MATA-MATA (*acuh tak acuh*): Itu urusan encik dengan dia. Saya tak boleh campur. (*Berjalan*).
- ATAN (*ikut di belakang MATA-MATA. Mengacung-acungkan pistol mainannya*): Tam! Tam! (*Lalu turun ke tanah*).
- PEGUAM: Ini perkara biasa saja. Ini perkara rutin. Tuan beri kuasa kepada saya untuk bertindak atas nama tuan dalam perkara intan ini. Itu saja. Lekaslah! Turunkan tandatangan!
- JAMAL: Saya tak boleh menulis.
- LEHA: Tulah, dulu saya suruh ...!
- PEGUAM: Cap jari saja pun boleh. (*Berfikir*). Conteng saja di sini. (*Menunjukkan tempat yang mesti dicon-teng*).
- JAMAL: Yalah. Menconteng saja boleh.
- PEGUAM (*puas hati*): Saya pergi sekarang. (*Lalu keluar*).
- JAMAL: Tunggu dulu, tuan. Saya mahu tanya.
- PEGUAM (*terhenti*): Tanya apa?

JAMAL: Bagaimana boleh ada intan di dalam sungai itu? Intan siapa yang jatuh?

PEGUAM: Dalam sungai itu ada sejenis kimberli, ibu intan. Ahli kimia saja yang tahu. *(Lalu keluar)*.

PAK CHIN *(mencuba memujuk JAMAL)*: Kau memang bernasib baik Jamal. Tapi tuah itu sebenarnya ada pada aku, aku yang mesti dapatnya kalau aku pasang bubu dulu. Cuma aku tolak tuah.

JAMAL *(baru teringat)*: Mari Pak Chin tolong saya susun barang-barang itu. *(PAK CHIN mengangkat barang-barang seperti yang diarahkan JAMAL)*.

PAK CHIN: Amboi, macam-macam kau beli Jamal. Ini roti dalam tin pun ada. Boleh aku makan sikit? *(Terus membuka tin dan makan)*.

LEHA: Kak, makanlah kak. *(Menyodorkan tin biskut itu kepada MUNAH)*.

MUNAH: Eh ... macam-macam kaubeli. Bolehlah aku tumpang sama. Kau dengan aku sebenarnya bukan orang lain.

PAK CHIN: Aku dengan Jamal pun bukan bau-bau bacang lagi.

JAMAL *(tersengih-sengih)*: Begitulah yang saya dengar, tapi saya tak percaya.

PAK CHIN: Sekarang kau percaya dari mulut aku sendiri bukan? *(PAK NGAH dan MAK NGAH datang)*.

PAK NGAH *(melaung dari luar)*: Jamal! Oh Jamal!

JAMAL *(bangun. Menjenguk di pintu)*: Ha, Pak Ngah dan Mak Ngah. *(LEHA berpaling melihat)*: Sila naik.

PAK NGAH *(naik dulu dan diikuti MAK NGAH)*: Tak payah suruh. Aku minta maaf tadi, Jamal. Aku tak

sangka anak kau sakit kuat.

JAMAL (*di pintu*): Dah baik pun Pak Ngah.

PAK CHIN (*bangun*): Jamal, aku baliklah dulu. Nanti aku datang lagi. (*Kepada isterinya*). Oi, mari kita balik.

MUNAH (*memeluk LEHA*): Kak balik dulu sayang, nanti kak datang lagi. Ada apa-apa, kaulaung saja. (*MUNAH keluar, LEHA ikut sampai di sisi suaminya*).

JAMAL: Tak sangka Pak Chin tu baik sekali.

LEHA: Kakak itu sebut saya, sayang. Takkan abang tak dengar tadi. (*JAMAL mengangguk. Tersengih*).

PAK NGAH: Aku dengar kau dapat ... apa tu, intan. Mana dia Jamal?

LEHA : Dah dibawa polis pun.

MAK NGAH: Intan. Besar mana? (*Membuat isyarat dengan ibu jari*). Ada sebesar ini?

JAMAL: Bukan!

MAK NGAH: Sebesar ini. (*Membuat isyarat dengan hujung jari kelingkingnya*). Tak berapa sangat harganya. (*Sinis*). Heboh sekampung.

JAMAL: Bukan, bukan sebesar itu Mak Ngah. Sebesar ini. (*Membuat isyarat dengan tangan*). Sebesar buah kelapa.

PAK NGAH dan MAK NGAH (*serentak*): Sebesar buah kelapa?

JAMAL (*mahu bangun seperti mahu menolong*): Jangan pengsan.

PAK NGAH (*mengurut-urut dada*): Kau bertuah Jamal.

LEHA: Pak Chin tadi pun kata begitu juga.

MAK NGAH: Ini betul-betul kau bertuah Jamal. Aku ingat waktu kau kecil-kecil dulu, mak kau selalu berkata kau ini anak bertuah. Bertuah betul. Aku tahu.

JAMAL: Terima kasih Mak Ngah. (*Menghulurkan tin biskut*). Ni makanlah Pak Ngah dan Mak Ngah. Nak minum apa? Air dalam botol pun ada.

MAK NGAH: Aku nak minum air dalam botol itulah.

JAMAL: Leha, ambulkan air dalam botol.

MAK NGAH (*menengok barang-barang di dalam rumah JAMAL*): Amboi, banyaknya barang-barang! Kau beli dengan duit intan itukah?

JAMAL: Sebesar ini. (*Menunjukkan jari kelingkingnya*). Dua ratus lima puluh ringgit, Pak Ngah.

PAK NGAH: Dua ratus lima puluh ringgit? Kalau sebesar buah kelapa berapa pula harganya? (*Cuba mencongak*). Ratus ribu, juta. Kau jadi jutawan Jamal. Memang bertuah anak saudara aku ini.

JAMAL (*tersengih-sengih*): Kalau saya kaya, Pak Ngah dan Mak Ngah pun ikut kaya juga. Ha, ha, ha. (*JAMAL terhenti ketawa ketika di muka pintu muncul TUK DUKUN*).

TUK DUKUN (*tanpa menunggu JAMAL memanggil masuk*): Jamal, mana anakmu yang sakit tadi? (*Memandang berkeliling*). Ini ada sirih pinang yang telah kujampi.

JAMAL: Anak saya sudah baik, Tuk Dukun. Itu pun dia sedang bermain-main dengan pistolnya.

TUK DUKUN: Kenapa dibiarkan dia bermain-main? Dia belum sembuh benar. Sebentar lagi dia akan sakit balik. Atan ... (*Memandang berkeliling*).

ATAN (*datang di belakang TUK DUKUN*): Tam! Tam!

TUK DUKUN (*terperanjat*): Eh ... Atan.

JAMAL (*mencelah*): Atan! Jangan buat begitu pada Tuk Dukun. Pergi tembak di sana.

TUK DUKUN: Kurse semangat! (*Seperti baru ternampak PAK NGAH dan MAK NGAH*). Eh ... Pak Ngah dan Mak Ngah ni, dah lama sampai?

PAK NGAH (*agak malu*): Lama juga. Kami dah nak balik pun. (*Mencuit isterinya*).

JAMAL: Hai kenapa cepat sangat nak balik? Duduklah dulu. Tuk Dukun pun baru saja sampai.

(*MAK NGAH ke sisi LEHA dan berbisik sesuatu menunjuk-nunjuk ke dalam*).

LEHA (*mengangguk-angguk*): Nanti kejap ya! (*Menyerahkan tin biskut kepada MAK NGAH*). Datanglah selalu!

MAK NGAH (*berjalan di belakang PAK NGAH*): Kau tak pelawa pun aku datang juga. Kau bukan orang lain dengan kami. Sakit pening, senang susah kamilah yang melihatnya.

JAMAL (*bangun terperanjat*): Apa pula yang dibawa tu? (*Memandang keluar*).

LEHA (*ikut bangun dan berdiri di sebelah JAMAL*): Apa abang? Eh, siapa punya itu? (*TUK DUKUN ikut melihat. TUKANG KERETA masuk membawa kerusi ke dalam rumah*).

JAMAL (*menerpa*): Siapa punya ni?

TUKANG KERETA: Di sinilah. (*Meletakkan kerusi*). Jangan tuan kata ini pun saya salah bawa ke sini pula.

JAMAL: Saya tidak pesan. Siapa yang suruh bawa ke mari?

TUKANG KERETA (*mencari surat di dalam sakunya*): Ini alamatnya. Encik Jamal, Kampung Asamasam. Betul?

LEHA: Siapa kirim?

TUKANG KERETA (*sambil turun dan mengangkat kerusi lagi*): Peguam encik. Ini pesannya: Kerana tuan sudah menjadi orang hartawan, tuan mesti hidup seperti orang hartawan. Nah, tolong saya!

TUK DUKUN: Kau punya ni Jamal? Berapa kaubeli?

JAMAL: Kiriman orang. Saya pun tak tahu.

LEHA: Di mana abang nak letak?

JAMAL: Letak saja di mana ada tempat. (*Meja dan kerusi diatur*). Sila duduk Tuk Dukun.

TUKANG KERETA: Nah, encik tolong tandatangan sikit.

JAMAL (*berlagak seperti orang kaya*): Di mana? Penselnya? (*Lalu menconteng di tempat yang ditunjukkan. PAK NGAH lewat di muka pintu. JAMAL memandangi PAK NGAH dengan hairan*). Hai, nak ke mana ni Pak Nгах? (*TUK DUKUN ikut berdiri di sebelah JAMAL dan memandangi*).

PAK NGAH: Aku pun nak kaya seperti kau juga. Orang semua dah mulai tahan bubu di dalam sungai.

JAMAL: Ai, saya tak dengar khabar berita pun.

TUKANG KERETA (*tertarik hati*): Saya pun mahu pergi tahan bubu juga. Takkan saya boleh kaya dengan

tarik kereta seperti ini. (*Lalu keluar*).

JAMAL: Hei, kereta ini nak tinggal di sinikah?

TUKANG KERETA (*tanpa berpaling*): Encik ambillah, saya nak tahan bubu. Tak mahu tarik kereta lagi. (*TUK DUKUN mahu keluar*).

JAMAL: Tuk Dukun pun mahu tahan bubu juga?

TUK DUKUN: Takkan kaya kalau dengan menjampi siri siri saja. Aku pun mahu dapatkan intan juga. Sungai kita ini memang berisi intan. Aku mahu balik ambil bubu.

JAMAL: Tapi rumah Tuk Dukun juga di tepi sungai sana? (*Menunjuk ke hilir*). Buat apa bawa bubu sampai ke mari?

TUK DUKUN: Dekat rumah kau lebih baik, sebab kau dah dapat dulu. Tengok tu Pak Chin pun dah bawa bubu juga. (*Semua memandang. PAK CHIN jalan terus*). Siapa tu yang datang? (*TUKANG JAHIT masuk*).

JAMAL: Hei, macam aku kenal. Di mana kita jumpa dulu?

TUKANG JAHIT (*menunjuk ke baju JAMAL*): Itu baju saya bikin, tak ingat?

JAMAL: Tapi saya sudah bayar wangnya.

TUKANG JAHIT: Saya datang bukan pasal wang. Saya datang mahu buat baju lagi.

JAMAL: Saya baru saja buat.

TUKANG JAHIT: Satu mana cukup? Orang kaya mesti ada banyak pasang. Pergi jalan sana, makan kenduri, pergi tengok wayang, pergi jalan sini mesti tukar baju. Tak boleh sama.

JAMAL (*kebingungan*): Macam itukah? Susah juga jadi orang kaya. (*Berfikir*). Isteri saya, anak saya bagaimana?

TUKANG JAHIT: Serupa juga. Mești banyak pasang baju.

JAMAL (*memandang PAK NGAH dan TUK DUKUN*). Tapi saya belum ada duit.

TUKANG JAHIT: Saya tak cakap pasal duit. Saya mahu langganan dulu. Duit nanti boleh bayar.

PAK NGAH (*melihat bajunya*): Tauke, boleh saya buat baju juga?

TUKANG JAHIT: Siapa pun boleh. Asal ada duit.

PAK NGAH: Tapi tauke bilang tadi duit nanti boleh bayar.

TUKANG JAHIT: Saya cakap sama encik ini. Saya ... encik. (*Kepada PAK NGAH*). Ada lain.

TUK DUKUN: Apa sebab kami ini lain?

TUKANG JAHIT: Itu tahu sama tahu. Encik ini ada ... (*Diam sambil mengukur badan JAMAL. Kemudian seperti berbisik kepada JAMAL*). Sudah jualkah?

JAMAL (*menggelengkan kepala*): Belum. Tapi kerajaan tolong simpan.

TUKANG JAHIT: Tak apa.

TUK DUKUN: Kami ini pun mahu pergi cari itu juga. Tengok! (*Menunjukkan bubu yang PAK NGAH bawa*). Tak lama lagi kami juga kaya.

TUKANG JAHIT: Betul. Betul. Kalau sudah kaya baru boleh cakap.

PAK NGAH (*merasa iri hati*): Kami pergi dulu.

(*TUKANG JAHIT juga pergi*).

JAMAL (*duduk di kerusi, mulai bingung*): Leha. Aku ma-

cam mahu gila melihat barang-barang ini semua.

LEHA: Tapi kita tak susah lagi sekarang, abang. Apa yang kita mahu semuanya ada. Makan minum dan pakai patut kita semuanya ada. Kawan kenalan kita pun sudah banyak.

JAMAL: Betul kata kau tu. Pak Ngah dan Mak Ngah tu pun dah baik dengan kita. Pak Chin dan isterinya itu pun dah jadi keluarga kita. Kita ni nama saja kaya tapi mana duitnya. Sesen pun belum aku tengok.

LEHA: Bila kita dapat duit intan itu nanti, kita jelaskanlah semuanya.

JAMAL : Bila? Satu tahun lagi, dua tahun lagi? Seratus tahun atau seribu tahun? *(Dia terhenti tiba-tiba apabila melihat PEGUAM tiba).*

LEHA: Masuklah!

PEGUAM: Mengapa tuan susahkan perkara wang? Wang itu perlu untuk membeli barang-barang, tapi kalau barang-barang boleh didapat tanpa wang, wang itu tak perlu lagi. *(Lalu duduk).*

JAMAL: Tuan datang tepat pada waktunya. Banyak yang hendak saya tanyakan.

PEGUAM: Tanya saja tak kena bayar, tapi menjawabnya kena. Itu profesion saya.

JAMAL: Tapi tuan tahu saya tidak ada wang. Bagaimana saya mahu membayarnya?

PEGUAM: Tidak usah bayar sekarang. Boleh masuk kira-kira dulu. Ya, tanyalah.

JAMAL: Saya ini sudah bingung. Dulu saya tak pernah jadi begini.

PEGUAM: Dulu tuan orang miskin. Sekarang tuan orang kaya. Tentu ada bezanya.

JAMAL: Saya tak sangka orang kaya susah begini.

LEHA (*mencelah*): Tuan lihat badannya sudah kurus. Dia tak lalu makan, tak mahu tidur. Ketawanya kadang-kadang menakutkan saya.

PEGUAM: Orang-orang kaya semuanya begitu. Itu penyakit orang hartawan.

JAMAL: Dulu tuan, kalau saya makan nasi dengan garam saja pun sedap sekali. Letak saja kepala saya terus terlelap ... (*Memandang berkeliling*). Ini saya rasa, rumah ini selalu sempit. Takut pun selalu ada.

PEGUAM: Itu pun penyakit orang kaya juga. Takut dan curiga bersarang dalam hatinya. Tapi apa yang *tuan* takutkan? Saya mahu *tuan* pindah dari sini. Cari rumah lain yang sesuai dengan kedudukan *tuan*.

JAMAL: Saya mesti pindah?

PEGUAM: *Tuan* mesti pindah ke rumah yang lebih besar. *Tuan* sekarang sudah menjadi perhatian dunia. Lihat! (*Mengeluarkan guntingan surat khabar*). Nama *tuan* sudah disiarkan di seluruh dunia. Malulah kalau *tourist* nanti melawat ke mari, melihat *tuan* tinggal di gubuk ini. *Tuan* telah menjadi suatu objek pelancongan.

JAMAL: Apa? *Tourist* apa? Objek pelancongan apa?

PEGUAM: Itu orang-orang dari negeri asing yang datang dalam rombongan, bawa kamera. (*Membuat isyarat dengan tangan*). Ambil gambar benda-benda yang ganjil, bawa pulang dan tunjuk kepada kawan kenalan. Mereka akan datang melihat *tuan* dan ambil gambar *tuan*.

INTAN

JAMAL (*merasa bangga*): Kalau begitu saya tak boleh tinggal di sini lagi, saya mesti pindah. Kita mesti pindah Leha, mari Atan kita pindah. (*Kepada PEGUAM*). Ke mana kami pindah?

TIRAI TURUN.



Fragmen Skrip
Filem



Konserto Terakhir

**SCENE 307 (DALAM) DI DALAM RUMAH
KAMPUNG**

WAKTU : MALAM
PELAKON : DATUK JOHARI (MASIH MUDA)
SEORANG GADIS KAMPUNG
PARA TETAMU

SATU majlis persandingan sedang berlangsung. (Seperti keramaian waktu pengantin sedang bersanding).

CUT TO

SCENE 308 (DALAM) DI LUAR WAD I.C.U.

PELAKON : KARIM
DATUK JOHARI
DATIN SALMAH
DOKTOR
AZIZAH

PERTEMUAN ABADI

HAYATI
HAKIM
IBU AZIZAH

DATUK JOHARI: Anak saya? (*Bergerak seperti mahu balik ke I.C.U. KARIM memegang tangannya*). Saya tidak tahu. Saya telah menyeksanya. Ya, Allah ampunkan dosaku.

DATIN SALMAH (*berwajah menyesal*): Kenapa abang tidak beritahu dulu? Kami tidak tahu.

(*DOKTOR datang tergesa-gesa, diikuti oleh seorang JURU-RAWAT. Masuk ke I.C.U. Orang-orang di luar memandang dengan perasaan cemas*).

DOKTOR (*keluar dari I.C.U.*): Syukur dia sudah sedar. Dia mahu berjumpa bapanya.

KARIM (*memandang DATUK JOHARI*): Boleh kami berdua masuk?

DOKTOR (*kebingungan*): Bapanya saja.

DATUK JOHARI: Saya bapanya.

DOKTOR: Datuk? Yang ini?

DATUK JOHARI (*menganggukkan kepala*): Ya, ini bapa yang memeliharanya.

DOKTOR: Masuklah tapi berdua-dua saja. Jangan ajak dia bercakap banyak. Sesudah ini saya fikir datuk boleh balik. Biarkan kami saja yang merawatnya.

CUT TO

SCENE 309 (DALAM)

WAD I.C.U.

PELAKON : DOKTOR

KONSERTO TERAKHIR

JURURAWAT
DATUK JOHARI
KARIM
HILMI

DATUK JOHARI (*menyentuh tangan HILMI*): Mi!

HILMI (*membuka mata*): Bapa! (C.U. DATUK JOHARI mengangguk. C.U. HILMI memandang sejurus kemudian beralih kepada KARIM).

KARIM (*menahan air mata*): Mi! (*Memegang tangan HILMI dan memandang DATUK JOHARI*). Cepat sembuh nak!

HILMI (*memandang DATUK JOHARI*): Bapa?

KARIM (*menganggukkan kepala*): Ya, bapamu Mi. Aku cuma menjagamu saja.

HILMI (*memejamkan mata. C.U. setitik air mata jatuh ke pipinya*): Yati mana?

DATUK JOHARI: Ada di luar. Nanti bapa panggilkan. (*Keluar*).

KARIM: Cepat sembuh, nak. Boleh kita balik.

CUT TO

SCENE 310 (DALAM) DI LUAR WAD I.C.U.

PELAKON : DATUK JOHARI
DATIN SALMAH
HAYATI
KARIM
AZIZAH
IBU AZIZAH
HAKIM

DATUK JOHARI: Yati, abangmu panggil. (*Terus terduduk dan menangis*).

HAYATI: Kenapa Abang Hilmi, pak?

DATIN SALMAH (*kepada HAYATI*): Hilmi itu abangmu yang sebenar Yati.

HAYATI (*hairan*): Memang dia abang Yati.

DATIN SALMAH: Dia anak bapamu, bukan anak pak longmu. Pergilah masuk! (*Duduk di sebelah DATUK JOHARI*).

AZIZAH: Apa datin kata, Hilmi itu anak datuk?

HAYATI: Betulkah mak?

DATIN SALMAH: Betul, pak long kau yang beritahu.

AZIZAH (*bangun mendapatkan DATUK JOHARI*): Maafkan saya, datuk, datin. (*Kepada HAYATI*). Maafkan kakak, Yati. (*Memeluk HAYATI*).

DATUK JOHARI (*mengangkat muka memandang AZIZAH dan HAYATI*): Pergilah masuk. Nanti ibumu pula.

DATIN SALMAH: Berikan Hakim kepadaku. (*AZIZAH memberikan anak yang sedang dipangkunya itu kepada DATIN SALMAH*).

KARIM (*keluar*): Yati, Azizah abangmu mahu berjumpa.

CUT TO

SCENE 311 (DALAM)

WAD I.C.U.

PELAKON : HAYATI
 HILMI
 AZIZAH
 JURURAWAT
 DOKTOR

KONSERTO TERAKHIR

AZIZAH (*menyentuh tangan HILMI*): Mi!

HILMI (*membuka mata. Lama merenung*): Azizah? Hakim?
(*Memandang HAYATI*). Yati!

HAYATI (*tunduk menyentuh tangan HILMI*): Abang!
Cepat sembuh, abang.

AZIZAH: Cepat sembuh Hilmi. Kita balik.

HILMI (*tersenyum getir*): Kita balik. (*Dia menutup matanya*).

CUT TO

SCENE 312 (DALAM) DI LUAR WAD I.C.U.

PELAKON : DATUK JOHARI
DATIN SALMAH
KARIM
DOKTOR
AZIZAH
HAYATI
HAKIM
IBU AZIZAH

DOKTOR (*keluar dari I.C.U*): Nanti bila mereka itu keluar, datin boleh masuk, bawa mak cik ini sama. Kalau dia mahu lihat anaknya bawalah juga.

DATUK JOHARI: Doktor. Tolong usahakan agar dia selamat. Kalau perlukan *specialist* juga saya akan membayarnya. Saya mahu dia selamat.

DOKTOR: Kami akan ikhtiar, datuk. Mari kita semua berdoa kepada Allah. DIA yang lebih tahu segala yang ghaib.

DATIN SALMAH: Kami akan berdoa doktor. Tolong ikhtiarkan.

HAYATI (*keluar dari I.C.U.*): Mak, Abang Hilmi mahu Hakim.

DATIN SALMAH (*meminta HAKIM daripada IBU AZIZAH*): Biar saya dukung.

IBU AZIZAH: Tidak apa datin. Saya boleh bawa.

DATIN SALMAH (*mengajak IBU AZIZAH*): Mari kak, kita masuk. (*DOKTOR ikut masuk*).

CUT TO

SCENE 313 (DALAM)

WAD I.C.U.

AZIZAH (*bangun*): Hilmi, ini Hakim.

HILMI (*membuka matanya*): Kim! Bapa, sayang. (*HAKIM mula-mula enggan mendekati bapanya*). Cium bapa sikit.

DATIN SALMAH (*memegang HAKIM ke dekat HILMI*): Cium bapa sayang. (*HAKIM mencium dahi Hilmi*).

HILMI: Mak cik maafkan saya. Mak maafkan saya.

DATIN SALMAH: Mak cik minta maaf kepada Hilmi. Maafkan mak cik. (*HILMI kembali menutup mata*).

DOKTOR: Saya fikir, baiklah kita tinggalkan dia. Nampaknya dia terlalu penat. (*Semua keluar*).

CUT TO

SCENE 314 (DALAM)

DI LUAR WAD I.C.U.

DATUK JOHARI: Marilah kita pulang. (*Kepada AZI-*

KONSERTO TERAKHIR

ZAH, memegang bahunya). Mari ikut pak cik. Ajak mak sama.

AZIZAH: Saya mahu tunggu di sini. Mak saja ikut, bawa Hakim sekali.

KARIM: Baguslah. Biar Azizah tinggal di sini. Yati baliklah. Pak long dengar Yati belum lagi sampai ke rumah.

HAYATI (*memeluk AZIZAH*): Saya balik dulu, kak. Nanti saya datang lagi. (*Kepada KARIM*). Saya pergi dulu, pak long. Mari mak cik. (*Mereka lalu meninggalkan tempat itu*).

KARIM (*setelah mereka pergi*): Azizah tunggu di sini, pak cik pergi solat. (*Berjalan sedikit. Berhenti*). Oh ya, Azizah mahu makan atau minum. Biar pak cik belikan.

AZIZAH: Tak apa pak cik. Pak cik saja makan. Saya tunggu di sini. (*KARIM meninggalkan tempat itu*).

CUT TO

SCENE 315 (LUAR) DEPAN HOSPITAL

WAKTU : DINIHARI

DATUK JOHARI dan keluarganya masuk ke dalam motokar. DATUK JOHARI duduk di depan dengan PAK AMAT. DATIN SALMAH, HAYATI, IBU AZIZAH duduk di belakang. HAKIM dipangku oleh DATIN SALMAH.

SCENE 316 (LUAR) JALAN RAYA

KEADAAN jalan raya sunyi. Tidak banyak kenderaan.

KONSERTO TERAKHIR

HAYATI (*sudah berada di tepi bapanya dan memeluk*): Bapa!
(*Menangis teresak-esak*).

MAK MINAH (*keluar ke halaman melaung Pak Amat*): Pak
Amat! Pak Amat! Tolong panggil Doktor Nathan.

PAK AMAT (*berlari datang*): Apa? Datuk?

MAK MINAH: Panggil Doktor Nathan. (*PAK AMAT
segera keluar*).

S E L E S A I



Puisi



KISAH DUA EKOR TUPAI

1

Waktu mudaku dulu
kudengar kisah dua ekor tupai
seekor putih seekor hitam
merongrong dahan sebatang pokok
pokok itu pokok yang besar
tumbuh rimbun di tengah padang
padang nan luas tidak terperi.

Waktu itu kisah tersebut
belum kutanggapi tamsilannya
aku masih di ambang remaja
kemanisan hidup baru kurasa
leka bermandi cahaya suria
mimpikan candera yang kirana.

2

Tupai-tupai terus mengunggis
pangkal dahan semakin tipis
waktunya akan sampai
batang dan dahan akan bercerai.

3

Kini cerita tupai kembali menjelma
dalam fikiran yang sudah rengsa
padang itu ialah dunia
pohon itu ialah kehidupan
dahannya ialah usia
tupainya ialah masa
putih ialah siang
hitam ialah malam
yang terus menggerogoti tanpa jeda.

4

Padang nan luas terlalu luas
tak terjelajah selagi hayat
ada sudut tak mungkin dicapai
biarpun ada usaha dan kudrat.

Kehidupan juga luas daerahnya
penaka pokok yang tumbuh rendang
semakin disiram semakin menggoda
akhirnya tenaga menjadi lumpuh
saat terjaga sudah terlambat
sesal sudah tidak berguna
di depan tangga lahad ternganga.

Bandar Seri Begawan
Awal Ramadan 1406

Dewan Sastera, Jun 1986

MASA BERANGKAT SEMAKIN DEKAT

Semakin lama jalan ini kulalui
terasa semakin dekat aku kepada-Nya
liang lahad terbuka
pintu aku masuk ke rumah-Nya.

Semakin lama jalan ini kulalui
semakin hampir aku kepada-Nya
takutku terasa menjadi-jadi
aku hamba-Nya yang tidak berbudi
melakukan mungkar di dalam dunia-Nya.

Salahku terlalu banyak
dapatkah aku memandang-Nya nanti
atau seperti Musa di Bukit Thursina
jatuh tersungkur tak sedarkan diri
oleh azamat cahaya kebesaran-Nya.

Atau aku tersisih daripada rahmat-Nya
terlindung oleh kekotoran yang melumuri tubuhku
sehingga aku tidak dipandang-Nya
seperti binatang terlepas daripada kumpulannya.

Masaku bertolak semakin dekat
terasa seperti esok aku mesti berangkat
pergi bersimpuh hina di bawah arasy-Nya.

Semakin lama jalan ini kulalui
semakin insaf aku akan diriku
sebihi debu halus di dalam jagat milik-Nya
terapung-apung dimainkan angin
lemah tidak berdaya melainkan
dengan iradat-Nya.

PERTEMUAN ABADI

Ampunilah aku wahai Allah azzawajalla
bawalah aku kembali ke hadirat-Mu yang mulia
tunjukkanlah aku jalan-Mu yang lempang
jalan pulang hamba-hamba yang Engkau sayang.

Bandar Seri Begawan
22 Zulkaedah 1406

Dewan Sastera, Mac 1987

ARAFAH

1

di tempat ini
 dahulu, tiada pohon tumbuh
 hanya akasia ranggas.
 sebuah lembah gersang
 tiada berpenghuni
 di sini, Rasulullah berdiri
 dan bersabda: 'aku berwukuf di tempat
 ini, dan arafah ini seluruhnya
 baik untuk tempat berhenti'.

2

di tempat ini
 kini, telah ditanami pohon-pohon
 hari ini
 sore delapan Zulhijah
 tanggal bertuah
 ramai orang berhimpun
 berwukuf di dalam khemah
 mendampingi Allah dengan doa
 menangi diri terlalu kecil menyesali perbuatan yang
 salah
 meminta dan memohon berkat
 dengan hati dan lidah
 dengan seluruh jiwa raga
 memanjatkan suara ke angkasa:
 Lailahailallah
 wahdahu la syarikalahu
 lahulmulk wa lahulhamd
 yuhyi wayumitu wahuwa ala
 kulli syaiin Qadir.

subhanalLah walhamdulilLah
wala ilahaillallah
wallahu akbar.'

3

menjelang pagi
suara-suara mersik makin meninggi
mengiringi suria di ufuk timur
beralun bagai gelombang pasang perbani
menjanjikan masa payah
bagi yang tipis iman
panas terik ya Allah
langit bersih tiada tanda
awan yang membawa harapan
hanya secalit bulu kasuari
menodai langit biru
itu pun segera berlalu
menyembunyikan diri
di balik bukit di sebelah kiri bagai gadis dikunjungi pacar
waktu bangun daripada tidur.
angkasa berubah warna
biru menjadi jingga.

4

di sini kini berkumpul
manusia berbagai warna
menunggu gelincir matahari
bertilawah
bersolat
berzikir
bertahmid
berdoa
mendambakan ikhlas dalam niat
melawan gigitan panas

pedih nyeri mencambuk kulit
 mendera menyiksa isi
 di dalam lipatan hati.

5

di tempat ini
 dahulu, tiada pohon tumbuh
 matahari sangat dekat
 panas menyerang dari semua penjuru
 dari kiri
 dari kanan
 dari depan
 dari belakang
 dari atas
 dari batu
 dari pasir
 bersatu mendera menyiksa
 menguji iman
 tulen atau bukan.

6

di tempat ini
 kini, telah ada pohon-pohon kecil
 tempat ujian diri
 dalam menasik haji
 tempat menguji hati dan iman
 seksaan rasa kesendirian
 akan ego keakuan
 yang selalu diagung-agungkan.

7

di tempat ini
 dan hari ini
 air mata akan mengalir

nafsu amarah akan dikurung
 dosa akan diampun
 Allah terlalu dekat kepada makhluk-Nya
 dan berkata kepada malaikat:
 'lihatlah hamba-Ku
 datang beramai-ramai memuji-Ku'.

8
 di tempat ini
 kini, telah tumbuh pohon-pohon
 hari ini
 sembilan Zulhijah
 di sini kami berwukuf
 menunggu matahari tergelincir
 untuk bergerak
 meninggalkan tempat ini
 menuju mahsyar al-haram
 untuk bermalam
 lalu ke Mina
 sebelum fajar Aidiladha menyingsing

9
 tahun demi tahun
 pohon-pohon di sini semakin besar
 selagi Allah di dalam hati
 tempat ini terus dikunjungi
 manusia datang
 manusia pergi
 sehingga bunyi lagu nafiri
 kita akan berkumpul lagi
 di lembah Arafah yang lebih besar
 di yaumin mahsyar.

Arafah
 9 Zulhijah 1406

Dewan Budaya, Januari 1989

MEDAN UHUD

Apabila kakiku mencecah tempat ini
 tiba-tiba matakü berpasir
 di kepalaku terlintas peristiwa menyayat
 yang menimpamu wahai Hamzah
 betapa laknatnya dendam
 bila bersarang di hati manusia
 pelbagai durjana boleh dilakukan
 tiada terjangkau oleh fikiran.

Demikianlah Hindun isteri Sofian
 kerana bencinya kepada Islam
 membujuk Wasyi dengan kerlingan
 menombakimu hingga gugur
 sebagai syuhada di medan Uhud
 dadamu kemudian dibelah-belah
 jantungmu dikeluarkan
 lalu dimamah-mamah
 matanya terbelalak penaka syaitan.

Alangkah kejamnya manusia
 apabila dendam menguasai perasaan
 fikiran buntu matahati buta
 sirna sudah rasa kemanusiaan
 yang nampak hanya pembalasan.

Di sini juga banyak syuhada
 yang telah menggadai nyawa dan raga
 kerana yakin Allah itu Esa
 gugur bagai manik-manik permata.

Kini, di tempat ini
 tempat beristirahat para syuhada

setiap saat dikunjungi orang
mengintai dari celah jeriji jarang
melihat bekas darah tertumpah
sambil berdoa kepada Allah
mudah-mudahan diberinya tempat mulia
jannatul na'im dengan isinya segala.

Firman Allah
yang diukir di pintu gerbang
"Mereka yang mati di jalan-Ku
bukan mati, tetapi
hidup selama-lamanya."
tetap berkumandang.

Kalian, wahai para syuhada
terus hidup dalam nubari kami
terus hidup dalam sejarah
bukti pengorbanan yang maha agung
dalam menegakkan agama Allah.

Dari maqam kalian yang tinggi
kalian tentu melihat kami
yang hina dan kerdil ini
datang dari pelbagai negeri
sekadar menziarahi
kerana inilah saja yang ada
pada kami generasi ini
melihat dan berdoa
selain daripada itu tiada upaya
apalagi bakti seperti kalian
sebagai syuhada hidup sepanjang zaman.

Berat rasa kaki kan kuangkat
meninggalkan medan Uhud ini

yang banyak mengandungi peri
 kepada yang mahu jadikan iktibar
 di sini tertulis pengorbanan
 terakam kesetiaan kepada pucuk pimpinan
 di sini terjadi pengkhianatan
 nafsu tamak yang memakan diri.

Di sinilah pula
 tubuh Junjunganku yang mulia
 disentuh senjata
 barisan Islam hampir saja porak-peranda
 kerana menyangka
 Rasulullah sudah tiada.

Tetapi
 dengan izin Allah
 di sinilah bermula sejarah
 Islam menjadi megah
 tersebar ke seluruh jazirah
 cahayanya menyilau tiada dapat dicegah.

Dan aku
 si kerdil malang ini
 merasa bertuah menziarahi
 tempatmu beristirahat
 dengan penuh kerinduan dan cinta
 wahai Hamzah.

Jabal Uhud
 30 Zulhijah 1406

Bahana, Dewan Bahasa dan
 Pustaka Brunei Darussalam,
 September 1986

SARE

Empat puluh tahun dahulu, aku
selalu melintasi tempat ini, dan
setiap kali aku di sini
ada rasa aneh bergelut dalam diriku
aku tidak tahu
gerakan apa rasa itu.

Waktu itu kalau ke sini
risiko terlalu berat
mungkin bermalam di hutan lebat, tetapi
kami gagahi juga
jalan lain tidak ada, inilah
satu-satu hubungan Sigli-Kotaraja
kenderaan sering membuat olah, tetapi
kami tak pernah mengaku kalah.

Hari ini aku berdiri lagi di sini, di ekor
Ogos bulan keramat
menghirup semula udaramu, yang
segar bersih lagi sihat.

Aku melihat Selat Melaka, itu
tanah tumpah darahku
di belakangku Seulawah Inong
bersembunyi di sebalik Seulawah Agam, malu
bagai gadis melihat tunang.

Panorama di sini masih seperti dahulu
masih dalam keadaan asal
raksasa pembangunan masih jauh darimu
persekitaranmu masih belum terganggu.

SARE

Tapi pada diriku, ada
sesuatu yang hilang
jarak masakah yang menjurang, ataupun
aku di sini anak hilang
yang baru pulang?

Sare, Gunung Seulawah
28 Ogos 1988

Dewan Sastera, Ogos 1988

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DIVISION OF THE PHYSICAL SCIENCES
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5708 SOUTH CAMPUS DRIVE
CHICAGO, ILLINOIS 60637


DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5708 SOUTH CAMPUS DRIVE
CHICAGO, ILLINOIS 60637

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DIVISION OF THE PHYSICAL SCIENCES
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5708 SOUTH CAMPUS DRIVE
CHICAGO, ILLINOIS 60637



Esei Sastera





Sastera Boleh Memperkukuh Kepercayaan Beragama*

SAYA mengucap syukur ke hadirat Allah subhanahu wa Taala kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada malam yang berbahagia ini saya sebagai hamba-Nya yang kerdil telah dapat berdiri di Dewan Nirwana, Hotel Hilton untuk satu upacara penerimaan anugerah yang paling tinggi dalam bidang sastera. Saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana penghormatan ini. Pada saat yang bersejarah sekarang, kenangan saya kembali kepada masa 60 tahun yang lalu, ketika ibu dan bapa saya bimbang melihat kecenderungan saya kepada bidang penulisan. Kebimbangan mereka itulah yang menjadi punca utama saya dapat berdiri di dewan ini pada malam ini. Enam puluh tahun yang lalu profesi penulisan bukanlah satu bidang kerja yang menggalakkan, baik sebagai kerja sampingan apatah lagi sebagai kerja sepenuh masa. Bekerja sebagai penulis bukan sahaja tidak mendatangkan pulangan tetapi kadang-kadang boleh mendatangkan malapetaka kepada diri sendiri

* Ucapan penerimaan Anugerah Sastera Negara ke-8 pada tahun 1996 yang dimulai dengan membaca lima ayat daripada surah *Al-Alaq*.

dan keluarga. Tulisan baik yang kreatif ataupun tidak biasanya berisi komen, pendapat, teguran ataupun protes. Tidak ada orang suka ditegur biarpun teguran itu bermaksud baik apatah lagi teguran yang jahat. Teguran terhadap orang perseorangan ataupun terhadap kebijaksanaan sesuatu institusi kerajaan atau swasta akan menimbulkan akibat yang tidak diinginkan. Oleh sebab itulah banyak penulis pada masa itu menggunakan nama samaran. Mereka merasa lebih selesa dan selamat berselindung di sebalik nama samaran itu.

Saya tidak tahu mengapa saya memilih bidang penulisan. Pada waktu itu sedikit pun tidak terlintas bahawa saya akan berkekalan dalam bidang ini sampai ke saat sekarang. Tetapi begitulah kehendak Allah subhanahu wa Taala, sedikit demi sedikit ia sudah menjadi sebahagian daripada diri saya. Berbagai-bagai macam pekerjaan telah saya lakukan tetapi kemudian ternyata bahawa bidang penulisan juga yang lebih kuat daya tarikannya. Ia sudah menjadi semacam obsesi yang tidak dapat dipisahkan.

Lapangan penulisan pada masa dahulu penuh dengan duri dan onak, ia bukan satu kerja yang ada *glamour*, bukan juga satu pekerjaan untuk mencari kemegahan seperti sekarang ini. Ia penaka sebiji cahaya api yang memancing kelekatu pada petang menjelang hujan. Penuh dengan cubaan tidak saja dengan kerajaan penjajah, dengan masyarakat sekeliling yang belum tinggi inteletaknya tetapi juga dengan keluarga dan diri sendiri. Para penulis pada masa itu terdiri daripada guru-guru sekolah Melayu, pelajar-pelajar lepasan sekolah agama dan sekolah pondok. Penulis yang sedikit profesional hanyalah mereka orang Indonesia yang berhijrah ke mari kerana mahu mencari daerah baru untuk menyebarkan ideologi perjuangannya dalam

bidang agama atau politik ataupun kerana tekanan politik pemerintah Hindia Belanda.

Pada masa dahulu keadaan kehidupan dalam masyarakat tidaklah begitu kompleks seperti sekarang ini. Masyarakat adalah unit sosial yang besar. Nilai yang hidup dalam masyarakat seperti kepercayaan agama, budi bahasa dan adat resam sangat dijunjung tinggi, maka dalam unit sosial yang besar itu ikatan antara anggota keluarga cukup kuat, sehingga ada kontrol yang tidak bertali. Anak-anak bukan hanya menjadi tanggungjawab ibu dan bapanya saja, tetapi menjadi tanggungjawab keluarga besar itu. Tidak ada perilaku anggota yang menyimpang daripada norma yang sudah ada, maka akan ada orang yang menegur, memberi nasihat, mengingatkannya atau memberi ancaman. Apalagi melakukan hal-hal yang menjadi tabu seperti perbuatan-perbuatan yang boleh menimbulkan aib kepada keluarga besar itu. Jadi melakukan apa pun, apalagi yang melanggar aturan moral akan dapat diketahui dengan segera. Oleh sebab keadaan kehidupan yang tidak begitu kompleks maka para penulis kreatif tidak mempunyai banyak pilihan dalam soal tema yang akan digarap dalam penulisannya. Tema-tema yang berkaitan dengan perbezaan darjat dan kahwin paksa menjadi popular dan dianggap sebagai satu komoditi lokal yang laris. Penulis-penulis daripada kalangan guru, misalnya Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim walaupun mendapat asuhan semangat kebangsaan daripada para pensyarahnya yang nasionalis, penulis-penulis dari sekolah agama dan sekolah pondok walaupun dapat membaca *literature* tentang reformasi Islam Jamaluddin Al-Afghani, Muhammad Abduh, Muhammad Rasyid Redha tetapi tema yang digunakan dalam novel dan cerpen masih

belum berani berganjak daripada kepompong perbezaan darjat dan kahwin paksa itu. Tema-tema itulah yang dijalin dalam kisah percintaan muda remaja yang stereotaip bentuknya dengan syarahan nasihat berdasarkan konsep-konsep didaktik. Tema keagamaan dan kebangsaan baru mulai menampakkan corak dalam *Hikayat Faridah Hanum* karya Syed Syeikh Al-Hadi salah seorang pelopor reformis Islam dan *Hikayat Dzul-Ruhain* yang diterjemahkan oleh A. Rahim Kajai serta beberapa karya saduran lain, merupakan tema yang diimport dari luar khasnya dari Mesir untuk tidak menimbulkan kecurigaan pemerintah penjajah. Dua tahun sesudah *Hikayat Faridah Hanum* diterbitkan, muncul novel *Kawan Benar* karya Ahmad Rasyid Talu seorang penulis kelahiran Pulau Pinang, penulis yang pertama menggunakan latar belakang tempatan dan yang kemudian telah membuat satu kejutan dalam novelnya *Iakah Salmah?* Melalui watak Salmah seorang gadis Melayu yang belajar di sekolah Inggeris, Ahmad Rasyid cuba mengetengahkan soal emansipasi wanita mencuba merobek beberapa tradisi kehidupan perempuan Melayu yang masih dipingit. Salmah cuba mengubah cara berfikir orang Melayu dengan perbuatan-perbuatan yang selama ini dianggap sebagai tabu. Mulai dari novel *Iakah Salmah?* itu maka novel-novel Melayu pun mulai mendapat arah baru dan berkembang sedikit demi sedikit mengikut peredaran masa. Qalam, dakwat dan kertas yang selama ini ikut mengambil bahagian mengutarakan pendapat dan pandangan mulai menarik diri.

Perkembangan dalam penulisan puisi agak lambat. Penulis-penulis pada waktu itu lebih tertarik kepada penulisan pantun, syair, gurindam dan seloka yang panjang-panjang dengan tema kasih sayang, humor, keindahan tanah air dan nasihat. Puisi moden mulai

bertapak di bumi ini dalam masa pemerintahan Jepun apabila Tanah Melayu termasuk Singapura digabungkan dengan Pulau Sumatera di bawah satu pentadbiran Angkatan Darat Jepun. Penulis-penulis Indonesia dari Sumatera yang berhijrah ke Singapura telah membawa aliran Angkatan Pujangga Baru dalam penulisan sajak.

Setelah Perang Dunia Kedua tamat, aliran itu telah digantikan dengan aliran Angkatan 45 yang dipelopori oleh Chairil Anwar.

Walaupun pada permulaan saya melibatkan diri dalam dunia penulisan ini tanpa ada konsep yang jelas, kecuali keinginan sebagai anak muda yang marah-marah yang mahu menulis apa saja dalam majalah, akhbar ataupun buku lalu merasa bahagia, tetapi kemudian ternyata akan kebenaran kata-kata Kamal Atatürk, pemimpin Turki Muda bahawa mata pena itu lebih tajam daripada mata pedang. Mata pena Ishak Haji Muhammad dalam esei, cerpen dan daripada novel-novel *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila*, telah meninggalkan kesan yang cukup mendalam dalam diri saya. Semangat kebangsaan mulai tumbuh yang kemudian telah melahirkan arah baru dalam tujuan hidup dan pandangan politik melalui penulisan.

Sebelum Ishak Haji Muhammad sudah ada beberapa orang penulis Melayu yang berpendidikan Inggeris tetapi kehadiran mereka tidaklah begitu ketara. Ishak sebagai mantan pelajar Malay College, kolej kaum bangsawan yang sangat berprestij dan kemudian sebagai mantan majistret, telah membuat kehadirannya lebih tertonjol dan memberikan satu dampakan yang cukup bermakna kepada perkembangan sastera Melayu moden. Dengan karya-karyanya yang berlatarbelakangkan tempatan, dengan watak-watak lokal yang manusiawi, arah yang dibawanya lebih inovatif, realistik dan

agresif. Novel-novel *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila* telah membawa nafas baru dengan tema kebangsaan yang cukup intelek, lebih terkini serta segar. Maka sejak itu bermulalah satu generasi baru dalam dunia penulisan Melayu dengan darah baru yang terdiri daripada penulis-penulis lepasan sekolah Inggeris. Muncullah Abdullah Sani Raja Kecil, A. Samad Ismail, Kassim Ahmad, A. Samad Said, Shahnnon Ahmad, Muhammad Haji Salleh, Baha Zain dan seterusnya, yang lebih lantang bicaranya daripada generasi sebelum mereka dengan tema-tema yang lebih berwarna-warni dan lebih relevan mengenai nasionalisme, politik, ekonomi dan sosial. Namun demikian peranan yang dimainkan oleh Keris Mas, Usman Awang, Hamzah, Asraf, Masuri S.N., Awam-il-Sarkam, MAS dan lain-lain yang menubuhkan Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) dengan cogan kata "Seni untuk Masyarakat" adalah mereka yang telah menjadi batu tanda perpisahan konsep lama dan baru. ASAS 50 telah diberi kesempatan oleh sejarah untuk mencorakkan perjuangan bahasa dan sastera pada zaman itu.

Malaysia sedang mengalami revolusi ekonomi sosial dan politik yang begitu besar dan cergas. Maka keperluan kita setiap waktu ikut berubah. Keperluan hari ini akan berbeza daripada keperluan esok, walaupun keperluan manusia selalu berubah tetapi keperluan kepada moral dan budaya tetap kekal. Dalam negara yang baru berkembang, sering terjadi kekaburan akan norma sehingga menyebabkan masyarakat sukar memilih mana yang benar dan mana yang salah. Anggota masyarakat seakan-akan hilang pegangan, sehingga tidak malu melakukan perbuatan yang tidak terpuji, mencari kepentingan diri dengan menghalalkan cara. Maka hampir setiap hari kita akan membaca dalam akhbar

atau menonton melalui televisyen dan mendengar melalui radio berita-berita tentang pecah amanah, penipuan saham, perampokan, pembunuhan, pembuangan anak, perkosaan bukan saja dengan orang lain tetapi bahkan dengan anak kandung sendiri. Terjadinya kasus-kasus inses seperti ini ialah sebagai salah satu tanda terjadinya perubahan kehidupan sosial yang cepat. Anggota masyarakat telah terpecah menjadi unit sosial yang kecil dan berjalan sendiri-sendiri. Nilai hidup yang patut dijunjung kini sudah terjadi hal yang sebaliknya, manusia sudah mengarah kepada sifat individualistik. Nilai yang mengikat kepada kehidupan bersama sudah tidak dipedulikan lagi. Orang tidak lagi merasa sebagai bahagian daripada masyarakat yang besar, tidak lagi ada kepedulian terhadap satu sama lain, masing-masing lebih mementingkan diri sendiri, lalu semuanya berasa bebas melakukan apa saja. Orang sudah tidak lagi mempunyai perasaan halus seperti simpati, sedih, bertimbang rasa, dukacita, menyesal kerana jiwanya sudah menjadi kasar, berkarat oleh materialisme.

Tetapi kita sudah tidak boleh berpatah balik. Tidak boleh berhenti di pertengahan jalan. Negara dan bangsa mesti dibangunkan. Walaupun negara ini kecil tetapi kita mesti menjadi bangsa yang kuat dan berjiwa besar sehingga suara kita diambil perhatian oleh masyarakat dunia. Hari depan bangsa dan negara sangat bergantung kepada usaha kita hari ini. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri telah meletakkan patokan wawasan untuk kita tuju. Dengan perpaduan kaum yang kukuh, disiplin yang kuat, ilmu yang cukup, insya-Allah wawasan itu dapat kita capai sekiranya ada perimbangan pada diri peribadi kita. Perimbangan antara pencapaian lahiriah dengan rohaniah, material dan moral. Kita mungkin boleh mencapai kejayaan dalam materialisme

lebih cepat daripada tarikh 2020 melalui sains dan teknologi, tetapi jikalau pertahanan diri kita tidak kukuh untuk menahan tabrakan kesan-kesan sampingan daripada kemajuan materialisme, maka kita juga akan ikut terjebak ke dalam jurang malapetaka moral yang contohnya dapat kita lihat di negara-negara maju sekarang. Kita akan jatuh tersepuk sebelum sampai ke *target* itu. Manusia ialah makhluk yang idealistik, pemuja ideal. Dia tidak akan berasa puas dengan apa yang sudah dicapainya tetapi terus mencuba untuk mentransformasi pencapaiannya itu kepada benda yang lebih canggih, menyesuaikan realiti dengan ideanya. Maka berbagai-bagai kemajuan berlaku begitu cepat, sehingga kita kadang-kadang merasa belum lagi bersedia untuk menyambutnya. Sekarang kita telah tercampak ke dalam lebuhraya maklumat yang paling canggih, *internet* dan satelit yang tidak lagi mengenal batas sempadan negara. Dunia dapat mengharapkan bahawa selama 500 tahun yang akan datang tenaga elektrik dan elektromagnetik yang disumbangkan oleh Michael Faraday dan James Clark Maxwell itu akan terus menjadi bahan yang penting kepada berbagai-bagai pencapaian sains dan teknologi yang akhirnya amat sukar bagi kita untuk membuat ramalan tentang apa yang akan berlaku. Perkara yang paling *urgent* dan realistik yang perlu kita laksanakan segera ialah memperkukuhkan benteng pertahanan diri seperti yang disarankan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri. Beliau telah memberi peringatan supaya rakyat mengukuhkan benteng moral dan budaya bagi menghadapi era ledakan teknologi maklumat kerana kerajaan tidak lagi mampu menyekatnya. Maklumat dari seluruh dunia akan menerobos masuk melalui *internet*.

Maksud ayat al-Qur'an yang saya bacakan pada awal

ucapan ini ialah "Baca." *Iqra* ayat pertama yang disampaikan oleh Jibrail a.s. kepada Muhammad s.a.w. 13 tahun sebelum Hijrah. Jibrail menyuruh Nabi yang ummi, yang tidak tahu membaca itu mengikutnya. Itulah titik permulaan ilmu moral dunia mutakhir yang diturunkan oleh Allah subhanahu wa Taala kepada Muhammad Rasul-Nya. Baca dan qalam, dua perkara yang akan menjadi alat penting dalam kehidupan manusia akhir zaman untuk mendapatkan ilmu yang tidak diketahuinya kerana sesudah Muhammad s.a.w. tidak ada Rasul dan Nabi lagi untuk menjadi tempat rujukan kecuali al-Qur'an dan hadis. Manusia mutakhir ialah manusia yang cerdas akal fikirannya, yang tinggi inteleginya, yang akan menulis dan membaca. Melalui qalam, Allah subhanahu wa Taala memperlihatkan akan keunikan kebolehan manusia untuk mentransmit, melalui catatan yang ditulis, fikirannya, pengalamannya, dan wawasannya daripada individu kepada individu, daripada generasi kepada generasi dan daripada satu *environment* kebudayaan kepada *environment* kebudayaan yang lain.

Dalam surah Asy-Syu'ara, Allah subhanahu wa Taala ada menyebut tentang kelemahan karakter manusia yang tidak berubah dan mudah cenderung kepada sifat menipu diri sendiri; yang menjelaskan betapa sebahagian besar manusia pada sepanjang zaman dan dalam semua komuniti begitu bersedia untuk menolak kebenaran baik kebenaran itu daripada Allah subhanahu wa Taala ataupun nilai moral yang sudah jelas. Akibat daripada kelemahan karakternya itu maka manusia menjadi pemuja kekuasaan, pemuja kekayaan atau apa saja yang biasa diistilahkan sebagai *glory* di samping mempercayai membuta tuli segala macam slogan, dogma dan cara berfikir yang sudah menjadi kelaziman.

Dalam konteks kebudayaan yang lalu, sastra adalah suatu seni ekspresi yang diolah daripada pengalaman. Perbuatan, perasaan dan fikiran adalah tiga unsur yang utama dalam kehidupan yang membentuk pengalaman. Sastra menyajikan pengalaman itu dengan menggunakan bahasa sebagai medium sehingga boleh menimbulkan pengertian bagi pembaca. Pada zaman Yunani Kuno, sastra digunakan sebagai alat untuk menjadikan manusia lebih sempurna, setelah seorang individu mengerti hakikat manusia melalui sastra ia dapat memungut pengalaman yang lebih luas dan lebih kaya yang dapat dimanfaatkan untuk dirinya sendiri. Sastra teater dan lukisan adalah potret kehidupan yang senantiasa bertenaga. Karya sastra merupakan cermin kehidupan masyarakat manusia yang menjadi anggota pada zamannya, juga merupakan hasil penghayatan manusia yang paling dalam terhadap hidup dan kehidupan. Membaca dan mempelajari karya sastra sesuatu bangsa akan membawa gambaran tentang segala yang difikirkan, dirasakan dan dialami oleh bangsa itu dalam satu kurun zaman yang tertentu. Sastra yang baik boleh menolong memperhalusi budi pekerti manusia dan memancarkan sifat-sifat kemanusiaan yang sejati. Sastra boleh menolong memperkukuhkan kepercayaan kepada agama dengan tergilapnya sifat-sifat amanah, jujur, ikhlas, kasih sayang, simpati dan bertimbang rasa.

Semakin lama dan semakin jauh saya terlibat dalam dunia penulisan, maka saya menjadi semakin sedar bahawa penulisan ialah satu cara dakwah kepada kebaikan, dakwah kepada amal makruf nahi mungkar, untuk menyampaikan seruan ke jalan Allah subhanahu wa Taala. Tugas penulis semacam fardu kifayah yakni mesti ada seseorang yang menguruskan mayat.

Tetapi malangnya tidak banyak orang yang dapat

menghargai pekerjaan penulisan kerana kedudukan penulis dalam masyarakat tidak setaraf dengan kedudukan orang politik yang ada kuasa, ahli korporat yang ada wang, pelakon filem yang ada *glamour*, penyanyi yang ada peminat dan ahli sukan yang boleh meraih pingat emas di arena sukan internasional. Walaupun kuasa, wang, *glamour*, peminat boleh hilang bila-bila masa saja dan medal emas boleh tinggal tidak bergilap, namun orang lebih suka dan lebih berminat kepada kebendaan yang bersifat lahiriah, yang boleh dilihat dan dijamah. Orang tidak gemarkan sastera kerana sifatnya yang abstrak, kerana ada kaitannya dengan hati dan perasaan, maruah dan prestij. Dan ini semua tidak banyak memberi pulangan. Orang Barat dan Rusia mengenali tamadun dan budaya Malaysia bukan kerana kelapa sawitnya, getahnya atau pada masa dahulu bijihnya, tetapi kerana *Sejarah Melayu*, kerana *Hikayat Hang Tuah*. Orang mengenal budaya dan tamadun Inggeris kerana karya-karya Shakespeare, orang mengenal budaya dan tamadun Amerika kerana Mark Twain dengan *Tom Sawyer* dan orang mengenal Rusia kerana Dostoyevsky dengan *Crime and Punishment*, Boris Pasternak dengan *Dr. Zivago*.

Francis Bacon dalam *The Adventure of Learning* (1605) pernah berkata: "Wit (saya terjemahkan sebagai kepintaran) dan ilmu lebih lama bertahan daripada monumen kekuasaan ataupun hasil tangan. Sesudah 2 500 tahun sajak-sajak Homer masih kekal tanpa ada satu suku kata atau huruf pun yang hilang; padahal dalam masa yang sama istana, kuil, kasel, negara kota yang tidak terhad banyaknya telah reput dan runtuh". Kerajaan Melayu Melaka yang termasyhur itu telah lama jatuh tetapi *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu* masih dibaca, ditelaah dan diteliti di peringkat kebangsaan

dan antarabangsa.

Kita bersyukur ke hadirat Allah subhanahu wa Taala dengan peringkat perkembangan dan kemajuan sastera sekarang ini, walaupun kedudukannya tidak setaraf dengan bidang-bidang seni yang lain dari segi populariti dan audiennya dan dengan sukan dari segi bantuan kewangan dan galakan, tetapi hanya di negara kita yang unik ini saja terdapat berbagai-bagai persatuan penulis dan peminat sastera dengan berbagai-bagai kegiatan lokal dan regional dan antarabangsa. Kita juga bersyukur kerana walaupun dengan audien yang terbatas, sastera telah diiktiraf oleh kerajaan sampai kepada pemberian satu anugerah yang paling tinggi, Anugerah Sastera Negara.

Walaupun demikian bidang penulisan masih belum dapat memberi jaminan hidup yang wajar kepada penulis, belum dapat dijadikan kerjaya sepenuh masa. Kebanyakan penulis, kecuali beberapa orang saja melakukannya sebagai satu kerja sampingan atau hobi pada masa lapang. Sebagai jaminan hidup mereka membuat berbagai-bagai macam kerja seperti buruh kasar, suri rumah, guru, polis, tentera, pegawai negeri dan kerja yang agak elitis sedikit ialah ahli akademik. Maka apakah yang dapat kita harapkan daripada kerja sampingan dan hobi masa lapang serupa itu? Dapatkah kita mengharap sebuah karya agung daripada otak dan tenaga yang sudah penat? Sebuah karya agung untuk calon Hadiah Nobel?

Kita mempunyai inovasi dan motivasi yang cukup banyak untuk memancing orang berkarya. Kita mempunyai berpuluh macam sayembara dan peraduan, tetapi apabila terlalu kerap diadakan dan sudah menjadi sebagai satu macam tradisi maka hasilnya akan kelihatan sebagai stereotaip. Agak payah untuk mendapatkan

karya yang benar-benar bermutu tinggi melalui tema yang dipersyaratkan ataupun kerana masa yang diperuntukkan. Sekarang kita sudah dapat melihat kesannya, setiap kali ada peraduan hanya penulis-penulis yang tertentu saja yang meraih hadiahnya, bahkan sebelum keputusan itu diumumkan khalayak sastera sudah boleh membuat ramalan nama calon yang berjaya. Memang benar, ketokohan penulis-penulis yang terpilih itu tidak dapat dinafikan, mereka memang penulis yang prolific, yang istimewa tetapi kenapa 'keistimewaan'nya itu mesti dicungkil melalui sayembara? Apakah dengan peraduan itu kita boleh menyerlahkan bakat seorang penulis yang tulen, yang boleh diharap akan melahirkan karya besar? Memang benar ada penulis baru yang muncul sekali-sekala untuk mengalahkan penulis yang berpengalaman, tetapi malangnya tidak banyak penulis yang serupa itu yang terus menulis. Hanya dengan karya yang pertama itu atau satu dua karya lain sesudahnya maka dia pun terus menghilangkan diri. Menulis dengan tujuan untuk mendapatkan hadiah sama seperti orang yang mengerjakan solat mengharap pahala. Mengerjakan sesuatu dengan tujuan akan mendapat balasan biar dalam bidang apa jua maka hasilnya pasti akan mengecewakan.

Selain itu, peraduan juga boleh menimbulkan kesan negatif kepada penulis yang tidak berjaya terutama dalam peraduan penulisan novel. Apa yang akan dilakukan kepada manuskrip novel yang tidak berjaya sesudah memeras otak, menghabiskan tenaga dan masa begitu lama? Novelnya itu memang tidak baik, kerana ada kelemahan dan kekurangannya tetapi jikalau bukan kerana peraduan maka besar kemungkinan novel tersebut mempunyai harapan untuk diterbitkan sesudah ada perundingan dan perbincangan yang konstruktif

dengan penerbitnya.

Sebagai penulis, saya dapat merasai kepiluan dan kepedihan apabila ada hasil karya yang sudah dikerjakan sekian lama menjadi habuan bakul sampah, menjadi barang yang tidak berguna di sudut almari buku.

Pada majlis yang mulia ini, saya mengemukakan usulan yang mungkin boleh dipertimbangkan supaya mutu sastera dapat dipertingkatkan melalui usaha yang lebih proaktif. Saya mengusulkan supaya satu badan yang tunggal diwujudkan untuk menyelenggarakan semua hadiah karya kreatif seperti Hadiah Pulitzer di Amerika, yang diasaskan oleh Joseph Pulitzer, seorang editor dan penerbit. Hadiah itu untuk jurnalisme, *literature* dan muzik dalam usaha melahirkan karya besar yang boleh mengangkat standard moraliti dan adat yang tinggi menurut nilai-nilai tradisional Amerika. Hadiah Booker di Britain yang ditubuhkan bagi memberikan merit kepada karya yang dihasilkan yang boleh meningkatkan kedudukan penulis di mata publik. Kedua-dua hadiah ini dan 58 macam hadiah lain di Britain diberikan kepada karya yang terbaik setiap tahun yang dipilih daripada karya-karya yang sudah tersiar dalam media massa atau dalam bentuk buku bukan daripada sayembara atau peraduan. Dengan demikian peluang kepada penulis untuk melahirkan karya yang terbaik lebih terbuka dan mencabar. Satu hadiah yang besar yang lebih berprestij dapat diberikan kepada tiap-tiap genre sastera. Saya cadangkan supaya satu anjakan paradigma kita lakukan, iaitu semua hadiah untuk pelbagai macam sayembara dan peraduan penulisan dari pelbagai badan dan institusi, swasta atau kerajaan sekarang ini dikumpulkan ke dalam satu dana yang tunggal dengan rakaman nama penyumbangnya untuk tiap-tiap kategori hadiah yang dikeluarkan. Dengan perubahan para-

digma ini kita akan mempunyai sebuah badan yang khusus dan dana yang besar maka sebuah panel penilaian yang tetap dapat diwujudkan bagi menilai semua karya yang tersiar dan memilih karya yang layak dicalonkan ke penilaian akhir. Inilah yang sebenarnya cadangan asal dan harapan yang pernah disuarakan oleh Allahyarham Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Ketiga Malaysia dalam ucapannya pada 11 November 1977 ketika mahu mengakhiri Hadiah Karya Sastera Nasional.

Jurnalisme Baru dalam Karya Kreatif

KIRA-KIRA pada bahagian akhir dekad 60-an dahulu, saya terbaca sebuah kasus tentang *defamation of character* yang terjadi di England. Kasus itu berpunca daripada sebuah novel yang ditulis oleh seorang pengarang yang terkenal di negara itu. Kasus tersebut menarik perhatian saya kerana kejadiannya agak aneh sedikit. Sayangnya guntingan akhbar tentang kasus yang akan saya ceritakan ini telah hilang entah ke mana. Bagaimanapun saya masih ingat sedikit-sedikit ceritanya sekadar untuk membuat satu misalan tentang apa yang akan saya ceritakan dalam pengalaman saya sekali ini. Saya minta maaf kerana judul novel itu, nama pengarangnya dan tarikh kejadian kasus tersebut tidak dapat saya ingat lagi.

Watak utama dalam novel itu ialah seorang Eropah. Dia telah membuang dirinya ke salah sebuah pulau di Lautan Teduh, berkahwin dengan seorang wanita peribumi dan hidup mengikut adat istiadat bangsa isterinya. Sifat buruk watak utama ini ialah dia seorang pemabuk.

Kebetulan pada masa novel itu diterbitkan, di salah sebuah pulau di kepulauan Lautan Teduh hidup seorang Eropah yang hampir sama keadaannya dengan yang diceritakan dalam novel itu. Orang Eropah itu kemudian

mendapat senaskhah novel tersebut daripada seorang temannya yang telah membaca dan merasa watak yang diceritakan ada persamaan dengan wataknya. Orang Eropah itu merasa dirinya telah dirugikan dengan novel itu lalu membuat tuntutan di mahkamah dengan kawannya yang telah mengirinkan novel kepadanya itu menjadi saksi utama. Pengarang novel itu pun mengemukakan juga saksi-saksinya untuk membuktikan bahawa dia tidak pernah tahu tentang adanya watak seperti yang diceritakannya itu, malah dia juga mengaku dengan sungguh-sungguh tidak pernah sampai ke pulau tersebut ataupun ada mendengar cerita tentang orang Eropah itu. Namun pada akhir perbincangan, pengarang itu telah dijatuhi hukuman membayar kerugian kepada orang Eropah tersebut.

Cerita ini saya ambil untuk dijadikan misalan tentang masalah 'kebetulan' yang sering kali terjadi dalam karya-karya kreatif. Masuri S.N. pernah dituduh memplagiat sebuah sajak penulis Inggeris dan Chairil Anwar pula dituduh memplagiat sajak penulis Cina. Pada peringkat awal saya menulis, ada sebuah novelet kecil saya hampir serupa jalan ceritanya dengan sebuah novel yang pernah terbit di Indonesia.

Tetapi misalan yang akan saya bawakan tentang pengalaman saya sekali ini agak berlainan sedikit. Bagaimanapun ia masih berkisar pada masalah 'kebetulan' itu juga. Waktu saya menulis cerpen "Pertemuan di Tjiandjur" (1972), ada tiga nama orang yang benar-benar wujud saya masukkan sebagai watak sampingan dalam cerpen itu. Pertama Dedek, kedua Alimuddin dan ketiga Loh Poi. Kerana cerpen itu saya tulis daripada sudut pandangan orang pertama maka aku menjadi protagonisnya. Aku atau saya yang pergi ke Cimahi dengan motokar Volkswagen kepunyaan Dedek, itu

memang kisah benar, tetapi jamuan menyambut perayaan hari jadi Ana di Hotel Sentral cuma daripada imaginasi saja walaupun saya dan Alimuddin pernah tinggal beberapa lama di hotel itu pada akhir tahun 1950. Loh Poi ialah pemilik sebuah bengkel kereta di Jalan Sungai Besi tempat kami memperbaiki kereta apabila rosak. Hampir semua pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka kenal baik dengan Loh Poi ini, lebih-lebih lagi kerana upahnya boleh dibayar ansur, hutang dua tiga bulan juga tidak jadi masalah.

Apabila saya menulis cerpen "Pertemuan di Kuching", saya masukkan nama Kadri seorang kawan baik yang bekerja di RTM Sarawak, Rubiah sekarang seorang pemimpin wanita, Szali seorang guru. Tetapi mereka itu, kecuali Kadri, tidak lebih daripada *shadowy character* sahaja yang dicatat namanya di atas halaman kertas.

Pertama kali saya menjejakkan kaki di bumi Sabah ialah sebagai wakil Persatuan Penulis Nasional (PENA) untuk Seminar Bahasa yang dianjurkan oleh Badan Bahasa Sabah. Satu peristiwa kecil tetapi mengharukan telah terjadi dalam masa seminar itu berlangsung. Saya tiba-tiba mendapat demam ketika menghadiri sidang pleno di Maktab Sabah dan kerana terlalu sejuk maka saya pun lari keluar dari dewan maktab itu dan duduk di lobi dengan beberapa orang petugas seminar. Salah seorang petugas wanita telah berlari ke kantin mengambil kopi panas dan mencari Panadol untuk saya dan kemudian menawarkan jasanya untuk menghantar saya kembali ke hotel. Tetapi saya tidak dapat meninggalkan sidang pleno itu kerana salah satu rumusan yang akan dibincangkan ialah rumusan kertas kerja saya. Sebenarnya, kepada semua perwakilan telah diperuntukkan kenderaan. Saya bersama-sama Prof. Mohd. Taib

Osman, Prof. Dr. Datuk Hajah Asmah Haji Omar dan Datuk Haji Hassan Ahmad.

Waktu sidang pleno selesai, petugas wanita yang bernama Aida itu melarang saya pulang dengan kenderaan yang disediakan dan mengajak saya menaiki keretanya. Mula-mula saya menolak, sebab kenderaan yang disediakan sedang menunggu dan semua kawan-kawan saya telah ada di dalamnya. Tetapi Aida berkeras juga. Akhirnya saya terimalah pelawaannya dan saya pun dihantar dengan Mercedesnya ke hotel. Aida itu nama benar. Dalam cerpen "Pertemuan di Kota Kinabalu" Aida menjadi salah satu watak utama di samping Hakim yang menjadi *first person observer*. Beberapa nama lain daripada watak yang sebenarnya ikut saya cantumkan, mereka itu ialah K. Bali, Noraini Haji Salleh, Haji Johari, Jamdin, Ahyar suami Noraini, Herman, Zulkifli Abd. Hamid yang pada masa itu menjadi Menteri Muda dan pengerusi Badan Bahasa. Sabariah bukan berasal daripada seminar itu, tetapi dia seorang pramugari MAS yang berpangkalan di Kota Kinabalu. Apabila saya dan Jins Shamsuddin ke Kota Kinabalu kami selalu keluar ke kelab malam bersama-sama dengannya. Dia seorang teman yang periang dan gemar membaca cerpen.

Barulah saya sedar dengan terbitnya "Pertemuan di Kota Kinabalu" itu bahawa saya telah membuat satu penerokaan baru dalam penulisan karya kreatif saya dengan melibatkan watak-watak yang benar-benar wujud. Kesedaran itu timbul ketika seorang teman menegur: "Tidak apakah kita masukkan orang yang sebenarnya dalam karya kreatif kita?"

Padahal dua tahun sebelum itu saya telah pun memulakannya dalam "Pertemuan di Tjiandjur" dan "Pertemuan di Kuching". Demi menyedari hal itu maka timbul satu macam keseronokan untuk menarik orang-

orang yang saya kenal ke dalam cerpen saya, sebagai satu rakaman sejarah terhadap perkenalan atau persahabatan yang telah terjalin, lebih-lebih lagi apabila tempat itu tempat baru.

Kerana keseronokan itu maka terdapatlah nama Ahmad Kassim Endut, Othman Omar, A. Rahman C.M., Sharif Putera, Haji Rashid Ngah, Aziz Afkar dalam "Pertemuan di Kuala Terengganu". Kecuali Ahmad Kassim Endut, yang lain-lain itu cuma *shadowy figures* saja yang muncul di sana sini sebentar dan ikut makan di Taman Selera, Jalan Ladang. Makan-makan itu kejadian yang benar, tetapi yang lain itu kebanyakannya imaginasi belaka. Kemudian ada antara mereka itu yang muncul sekali lagi dalam cerpen "Natasya".

Waktu saya diarahkan memimpin rombongan pengarang dari Tingkat 3 Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan Kuching, satu peristiwa yang amat mencemaskan telah berlaku di Lapangan Terbang Miri. Rombongan itu terdiri daripada Syed Jaafar, Zainal Abidin Abu Bakar dan Sarah Sadon. Kami bertolak dari Kota Kinabalu ke Kuching kira-kira jam 11:00 tengah hari kerana bercadang akan makan di rumah Abdullah Abbas. Sebelum bertolak, Abdullah Abbas telah berpesan melalui telefon jangan makan dulu kerana dia akan menjamu kami dengan undang. Cuaca pada hari itu tidak berapa baik. Sejak dari Kota Kinabalu sampai ke Miri hujan turun tidak henti-henti. Apabila Boeing 737 yang kami tumpangi itu mendarat hujan menjadi semakin lebat dan kapal terbang itu telah terlajak keluar dari landasan merempuh masuk ke dalam hutan. Kerana peristiwa yang mencemaskan itu kami telah tersadai selama enam jam di Lapangan Terbang Miri. Pihak kapal terbang cuma memberi makan kek seketul, teh secawan dan segulung

tisu untuk mengelap badan, sebab semuanya sudah basah kuyup. Udang entah ke mana? Peristiwa ini atas permintaan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Green Rock, Kuching, saya rakamkan dalam cerpen "Pertemuan di Miri".

Begitulah pula dalam "Sebuah Pekan Bernama Semporna" terdapat nama Arena Wati, Ahmad Matusin, Intan, Raup, Bani, Pipah dan Baitah. Kecuali Arena Wati dan Ahmad Matusin, yang lain-lain itu adalah pelajar dari Sekolah Menengah di Semporna. Intan mungkin telah menjadi guru sekarang ini.

Kemuncak daripada penggunaan nama-nama benar dalam cerpen-cerpen saya, terjadi apabila saya menulis "Pertemuan di Brunei". Cerpen itu agak panjang. Saya bercadang mahu menyerahkan kepada editor *Dewan Sastera* tetapi telah lebih dulu diambil oleh Abdul Ahmad untuk *Dewan Masyarakat*. Beberapa bulan lamanya dia memeram cerpen tersebut di dalam laci mejanya. Setiap kali saya minta kembali dia menyuruh saya sabar. Saya tidak tahu bahawa dia sedang menghadapi satu masalah dengan cerpen itu. Ruangan cerpen dalam *Dewan Masyarakat* hanya beberapa halaman saja yang mesti pula disesuaikan dengan kertas *art* untuk ilustrasi warna bahagian akhir majalah itu. Kalau cerpen saya dimasukkan maka seluruh kedudukan ruangan rencana dalam majalah tersebut mesti dirubah. Dan dia tidak berani memberitahu hal ini kepada M. Noor Azam, ketua editornya.

Akhirnya, dia mendapat kesempatan apabila M. Noor Azam cuti sakit. Dengan nekad cerpen itu dimasukkan dan kedudukan ruangan rencana lain diubah atau dikurangkan. Tepat pada hari majalah itu terbit, M. Noor Azam datang ke pejabat. Goncangan jantung Abdul Ahmad pun menjadi semakin kencang apabila

M. Noor Azam membelek-belek majalah itu. Dia menunggu masanya apabila ketua editornya akan memanggilnya. Hatinya agak lega apabila ketua editornya itu tiba-tiba pulang.

Besok pagi-pagi M. Noor Azam datang dan terus memanggil Abdul Ahmad ke biliknya. "Inilah masanya!" kata Abdul dalam hatinya.

M. Noor Azam sebenarnya jarang membaca cerpen-cerpen sejak dia meninggalkan bidang pengulasan cerpen di majalah *Dewan Bahasa* dahulu. Malam itu, katanya, dia tidak dapat tidur dan kerana tidak ada apa yang hendak dibacanya, maka dibacalah cerpen "Pertemuan di Brunei" itu. Sebab terdapat beberapa nama benar, maka dibacalah sampai habis. Satu saja yang kurang, katanya, Bung Abdullah tidak gunakan namanya yang sebenar. Hati Abdul Ahmad pun lega buka main lagi.

Sebaik saja cerpen itu tersiar, saya yang pada masa itu sudah bertugas sebagai ahli cipta di Universiti Sains Malaysia banyak menerima surat yang bertanyakan tentang cerpen tersebut. Kebanyakan yang menulis surat itu ialah pelajar-pelajar perempuan. Tiga orang daripada mereka kini menjadi anak angkat saya. Seorang dari Perlis, seorang dari Terengganu sekarang menjadi guru di Sabah dan seorang lagi dari Singapura. Zaihasra yang pada masa itu masih bertugas di Angkasapuri menulis: "Walaupun nama saya hanya sekali saja bapa sebutkan dalam cerpen itu, tetapi orang-orang di Angkasapuri tak berhenti-henti bertanyakan saya betul atau tidak cerpen itu." Othman Puteh juga begitu, mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia selalu mengkonfrontasinya. Memang dalam "Pertemuan di Brunei" itu banyak sekali nama-nama benar yang saya gunakan, sebab kebetulan mereka itu ikut dalam rombongan

GAPENA melawat Negara Brunei Darussalam.

Saya yang menyertai rombongan itu dari Kota Kinabalu, seperti biasa apabila berjumpa dengan orang yang baru berkenalan terus dicabar supaya menulis sebuah cerpen tentang Brunei. "Bapa," kata mereka, "tulishlah pertemuan di Brunei pula."

Tidak mahu mereka itu berkecil hati saya lalu berjanji. Apabila balik ke Kota Kinabalu barulah saya menyedari akan akibat janji saya itu. Barulah saya merasa susah hati. Apa yang akan saya tuliskan? Berhari-hari lamanya saya memeras otak, membolak-balik segala peristiwa yang saya alami selama di Bandar Seri Begawan, mencari satu *cue* yang dapat saya jadikan punca. Akhirnya saya teringatkan antologi cerpen yang dihadihkan oleh Muslim Burmat. Saya lalu membacanya, apabila sampai kepada cerpen "Burung Salji", datang satu pertanyaan di dalam kepala saya. "Kenapa saya tidak buatkan adik *nun* yang kahwin dengan Din itu datang mencari abang iparnya di Brunei?"

Apabila pertanyaan serupa itu terus menari-nari di dalam kepala saya setiap hari, maka saya pun mengambil mesin taip dan terus menulisnya. Itulah "Pertemuan di Brunei" yang kini ikut dimuatkan dalam antologi *Sebuah Pekan Bernama Semporna*.

Kebanyakan surat yang saya terima bertanyakan: Apa yang sudah terjadi kepada Mabel sesudah itu? Jadikah dia masuk Islam?

Mabel itu kemudian berjumpa dengan saya sekali lagi di Masjid Kufah dalam cerpen yang lain yang disiarkan dalam lampiran majalah *Keluarga* keluaran Hari Raya Puasa tahun 1982.

Sekarang saya mahu kembali kepada soal pokok yang telah saya sebutkan di awal rencana ini. Soal 'kebetulan' yang sering kali terjadi dalam karya-karya

kreatif. Saya tidak pernah menyadari bahawa memasukkan watak-watak benar dalam karya kreatif itu telah pun dilakukan oleh pengarang –pengarang Barat. Barulah sesudah saya ke Universiti Sains Malaysia saya membaca sebuah novel berjudul *The Valley of Dolls*, saya mendapati pengarangnya (maaf saya lupa namanya, novel itu ada di rumah saya di Petaling Jaya) menggunakan nama bintang filem terkenal di Hollywood sebagai watak-watak sampingan dalam novelnya itu. Novel *The Valley of Dolls* itu pun saya beli di Lapangan Terbang Subang hanya sekadar untuk dijadikan bahan bacaan di dalam kapal terbang ke Pulau Pinang saja dan sama sekali tidak menyangka bahawa saya akan menjumpai sesuatu yang ada persamaannya dengan apa yang sedang saya lakukan selama ini.

Alangkah anehnya 'kebetulan' itu? Orang yang lebih dulu membacanya tentulah akan mengatakan saya meniru stail pengarang *The Valley of Dolls* yang menggunakan watak-watak benar dalam karya kreatifnya. Tetapi barulah itu kali pertama saya mengetahuinya. Dari sini saya mengambil kesimpulan bahawa dalam dunia kreatif masalah 'kebetulan' ini tidak dapat dielak dan apa yang dikatakan 'plagiat' itu terlalu halus garis pemisahannya. Rupanya bagi penulis-penulis di Barat stail yang saya lakukan itu telah lama berjalan dan dikenali dengan nama '*new journalism*' (jurnalisme baru). Hal ini saya ketahui melalui Salleh Kassim ketika kami sama-sama pergi ke Melaka memberi ceramah di Bengkel Penulisan di Tapian Gelanggang pada bulan Mei tahun 1982.

Malam itu di Hotel Admiral, Salleh yang pada masa itu menjadi pensyarah Kreatif dan Deskriptif di Universiti Malaya menunjukkan kepada saya manuskrip bukunya yang baru disiapkan dan di dalamnya ada

disebutkan nama saya sebagai orang yang memulai stail itu di Malaysia. Wallahualam.

Dewan Sastera, Mei 1985

Menoleh ke Belakang Sebelum Melangkah Lalu Melangkah dengan Yakin*

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH. Saya mengucap syukur ke hadirat Allah subhanahu wa Taala kerana dengan taufik dan hidayat-Nya dalam usia yang menjelang maghrib ini, telah memberi kesempatan kepada saya ikut melangkah masuk ke alaf dan abad baru dan ikut serta dalam dialog yang pertama abad ini anjuran KALAM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Selawat dan salam kepada sebaik-baik manusia di muka bumi Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., Rasul akhir zaman, kepada kaum keluarga dan sahabat-sahabat Baginda yang mulia lagi dirahmati Allah.

Pada tiap-tiap kali menyambut tahun baru, saya teringat sebuah ungkapan popular daripada seorang ahli fikir yang saya sudah lupa namanya. Katanya begini: *"I'm not afraid of tomorrow, for I've seen yesterday and I love today"*. Walaupun saya bukan seorang yang terlalu sangat

* Kertas kerja ini dibentangkan pada Dialog Agung Bersama Sasterawan Negara pada 26 Februari 2000 di Balai Seminar DBP, anjuran Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM) dengan kerjasama DBP.

optimis, tetapi saya mengambil kalimat yang ketiga itu dari segi positifnya saja, sebab ia boleh ditafsirkan dari berbagai-bagai sudut. Bagi orang yang pesimis sifatnya, maka dia akan berusaha mengisi 'hari ini'nya itu dengan perkara-perkara yang bersifat sementara seperti mengumpul harta kekayaan '*by hook or by crook*', mengejar pangkat dan kekuasaan dalam masa yang sesingkat mungkin, menghabiskan umur dengan hiburan yang melalaikan kerana 'kelmarin' yang dilihatnya dari kaca mata yang berwarna kelabu, warnanya kabur dan amat menakutkan.

Saya cuba mahu memperkemas diri berdasarkan ungkapan yang di atas itu dari segi yang positifnya. Saya mahu menoleh ke belakang melihat jalan yang telah saya lalui pada alaf lama yang baru kita tinggalkan terutama dalam bidang yang saya ikut terlibat secara serius di dalamnya. Sebab untuk dapat sampai ke hadapan dengan selamat dan berjaya, selain memastikan tempat tuju maka tempat berpijak yang lalu harus kita perhitungkan. Sejarah mengajar bahawa apa yang dimiliki, situasi dan pencapaian masa kini adalah sebagai akibat proses masa lampau. Dengan demikian maka saya amat bersetuju dengan falsafah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan menyambut tahun dan alaf baru, baru-baru ini. Sebagai pemimpin yang bijaksana dan berwawasan jauh, beliau memperingatkan kita tentang sebab-musabab kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Supaya kita dalam masa melangkah ke hadapan tidak lupa menoleh ke belakang, agar jangan sampai dua kali kehilangan tongkat.

Barangkali, saya peserta yang tertua dalam majlis yang mulia ini, jika diizinkan Allah subhanahu wa Taala, satu bulan genap dari hari ini, menurut takwim Mila-

diah, saya akan menikmati usia 80 tahun, satu usia yang cukup panjang yang Allah Taala kurniakan kepada saya. Saya mengucap syukur ke hadirat-Nya Yang Maha Tinggi kerana dengan kurnia-Nya itu, saya dapat menyaksikan belbagai macam peristiwa dan pengalaman hidup. Selama melayari bahtera hayat yang panjang itu saya sering kali menghadapi badai dan gelombang yang besar walaupun sekali-sekala lautannya tenang tidak bergelora amat menggembirakan. Dan dengan anugerah-Nya pula saya dapat meninggalkan cerita tentang pelayaran itu kepada generasi yang akan datang, mudah-mudahan yang baik dapat dijadikan teladan dan yang tidak baik dijadikan sempadan.

Sekarang izinkan saya untuk bercakap tentang bidang yang saya faham.

Sebagai orang yang telah mengalami hidup selama tiga suku bahagian daripada abad yang lalu, maka mungkin penyaksian saya tentang maju mundur dan naik turunnya perkembangan sastera Melayu boleh diambil kira, kerana saya dapat dilabelkan sebagai dokumen yang bernyawa. Pada pendapat saya yang tidak berilmu ini, sebagai bangsa Melayu, kita tidaklah terlalu terkebelakang dalam bidang sastera dunia, leluhur kita Tun Sri Lanang, Abdullah Abdul Kadir Munsyi dan Raja Ali Haji misalnya telah meninggalkan kepada kita hasil karya mereka yang besar. *Sejarah Melayu*, *Hikayat Abdullah*, *Tuhfat al-Nafis* yang kini telah diisytiharkan sebagai karya agung bukan lagi karya klasik, walaupun pengisytiharan itu masih ada pro dan kontranya, namun saya rasa, tidak ada orang yang membantah bahawa karya-karya tersebut memang besar.

Sesudah berlalu jarak masa yang begitu panjang meskipun perkembangan penulisan kreatif menjadi semakin maju selaras dengan perkembangan kehidupan

yang lain, tetapi sampai sebegitu jauh kita masih belum lagi dapat mengatakan bahawa kita sudah benar-benar berjaya, kita masih mencari karya sastera moden yang setanding yang boleh dikategorikan sebagai karya agung, walaupun ada cadangan bahawa beberapa karya yang tertentu dapat dipertimbangkan. Mungkin belum sampai masanya ataupun kerana pengarangnya masih hidup maka karya-karya tersebut belum dapat dikategorikan sebagai karya klasik. Bagaimana jika kita klasifikasikan sebagai klasik moden?

Kegiatan Penulisan di Abad 20

Saya dilahirkan ketika api Perang Dunia Pertama baru saja padam dan bahang baranya masih lagi terasa. Krisis ekonomi, sosial dan moral sedang hebat melanda di seluruh dunia. Apabila keadaan beransur pulih, ketika itu saya mencapai usia 20 tahun, dan harga getah telah turun kepada paras yang minimum. Perang Dunia Kedua pula meletus di Eropah, yang kemudian merebak sampai ke Asia Tenggara apabila pada 8 Disember 1941 Jepun yang menjadi sekutu Jerman dan Itali telah mengisytiharkan Dai Toa Senso (Perang Asia Timur Raya) ke atas Amerika yang menjajah Filipina, Inggeris yang menjajah Tanah Melayu, Kalimantan Utara, Burma dan India; Belanda yang menjajah Indonesia dan Perancis yang menjajah Indo-China. Saya tanpa diminta, sebagai anak muda fanatik kebangsaan ikut terseret dalam kancah peperangan itu menjadi anggota Fujiwara Kikan, satu badan *fifth columnist* apabila Semenanjung Tanah Melayu sudah separuh diduduki tentera Jepun. Barisan kolone kelima yang saya ikuti ini yang terdiri daripada anak-anak Indonesia beroperasi merongrong pertahanan Belanda di Sumatera dan Jawa, sehingga daerah-daerah tersebut jatuh ke tangan Jepun dengan

mudah tanpa berlaku pertempuran fizikal. Pengguguran bom atom di Hiroshima dan Nagasaki sebagai puncak kekejaman manusia beradab telah dilaksanakan oleh Amerika. Peperangan memang satu malapetaka alam yang dahsyat, tetapi malapetaka itu telah membawa hikmat yang besar kepada bangsa-bangsa Asia yang terjajah kerana apabila peperangan usai, warna peta dunia telah berubah corak tidak saja di Asia tetapi juga di benua Afrika. Corak sastera juga ikut berubah dengan cara yang amat drastik. Daripada tema sosial dan kebangsaan yang ringan kepada tema kemerdekaan yang lebih agresif dan universal sifatnya. Daripada kancah revolusi Indonesia muncul Chairil Anwar dengan sajak "Aku Ini Binatang Jalang".

Dua tahun sebelum peperangan itu meletus saya secara tidak rasmi sudah terlibat dalam bidang penulisan, sudah ikut menjadi penumpang dalam kenderaan mereka yang disebut pengarang. Karya saya yang pertama "Binti Penghulu" telah disiarkan dalam akhbar *Sahabat* pada akhir bulan Ogos 1939 ketika saya berusia 19 tahun lalu dikuti dengan "Harta dan Jodoh Menanti di England" yang disiarkan secara bersiri dari 10 Januari hingga 29 Mac 1940. Pejabat dan percetakan *Sahabat* yang amat berjasa kepada saya, yang terletak di hujung Penang Street, Pulau Pinang telah musnah oleh bom kapal terbang Jepun dalam gelombang serangannya yang pertama ke Tanah Melayu.

Menjadi penulis pada masa itu tanpa ada gagasan apa-apa. Tidak ada inovasi atau motivasi, tidak ada galakan daripada pihak mana pun juga malahan amat dicurigai oleh keluarga sendiri. Tetapi minat kepada bidang penulisan tumbuh dari dalam diri tanpa paksaan, ia bermula daripada satu desakan halus yang berpunca daripada satu keinginan untuk menulis seperti

penulis yang namanya tertera di halaman akhbar. Keinginan itu, yang boleh juga diistilahkan sebagai cita-cita telah berubah menjadi hobi yang menyeronokan sebaik saja melihat hasil karya yang pertama disiarkan walaupun dengan menggunakan nama pena. Pada masa itu tidak ada royalti, tidak ada honorarium, hadiah, sayembara dan sebagainya. Penulis itu sendiri mesti mengeluarkan duitnya untuk membeli kertas, dakwat, setem dan akhbar atau majalah yang karyanya tersiar. Penulis-penulis novel selain daripada mereka yang bekerja di surat khabar, yang ingin hasil karyanya diterbitkan segera terpaksa mengeluarkan modal untuk mencetak dan kemudian memasarkan sendiri hasil karyanya itu. Penulis-penulis yang kini kita sebut-sebut namanya seperti Syed Syeikh al-Hadi, Ahmad Rashid Talu, Shamsuddin Salléh, Abdullah Sidek, Harun Aminurrashid, Ahmad Lutfi dapat menjadi penulis yang prolific kerana mereka memiliki syarikat penerbitannya sendiri. Syed Syeikh ada Jelutong Press, Ahmad Rashid ada C. Dibab & Co.; Harun Aminurrashid ada HARMY; Ahmad Lutfi ada Qalam Press. Raja Mansoor yang berasal dari Medan walaupun namanya tidak begitu popular tetapi boleh dianggap sebagai penulis yang pertama menerbitkan novel secara konsisten tiap-tiap bulan melalui Trio Company di Kelang yang ditubuhkan bersama-sama isterinya dan seorang teman lain. Saya ingin menyebut namanya di sini kerana dia merupakan penulis yang pertama membuat promosi novel-novelnya secara langsung kepada pembaca di seluruh Semenanjung di pasar-pasar mingguan yang di Kedah kami sebut sebagai pekan nat atau tamu bagi orang Sabah.

Penulis-penulis lain terutama daripada angkatan sesudah generasi yang pertama ini yang kebanyakannya terdiri daripada guru-guru Melayu lepasan Maktab

Perguruan Sultan Idris, yang seangkatan dengan Harun Aminurrashid seperti Ahmad Abdullah (Ahmad Bakhtiar), Abdullah Sidek, Muhammad Yasin Maamur (Pungguk), Shaharom Husain, Ahmad Murad Nassaruddin banyak bergantung kepada syarikat percetakan yang bertindak sebagai penerbit, walaupun jumlah mereka yang sudah menulis sebuah atau dua tiga buah novel agak banyak tetapi namanya telah hilang tenggelam bersama-sama dengan karyanya. Profesi penulisan tidak menjanjikan apa-apa pulangan yang boleh memberikan ransangan untuk orang terus menulis. Penulis yang bergantung kepada penerbit seperti ini hanya mendapat hadiah 15 atau 20 naskhah novelnya sebagai imbuhan akan jerih payahnya itu.

Saya dapat digolongkan ke dalam kategori wartawan sasterawan seangkatan dengan A. Rahim Kajai, A. Samad Ahmad, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Noor Abdul Shukoor (Adnan af-Fikri), Ahmad Boestamam walaupun kedatangan saya agak terkemudian iaitu ketika dunia sudah berada di ambang Perang Dunia Kedua. Sebagai penulis baru saya dapat dianggap beruntung kerana dua buah novel yang pertama diterbitkan oleh Annies Printing Works Johor Bahru telah dibayar royalti sebanyak RM8.00. Annies Printing Works yang dimiliki oleh bapa Anis Sabirin dapat dikatakan sebagai pelopor penerbitan novel-novel Melayu yang pertama yang membayar royalti kepada para penulisnya. Penerbit ini kemudian telah menggemparkan masyarakat penulis khasnya dan masyarakat Melayu amnya dengan sebuah iklan dalam mingguan *Utusan Zaman* bahawa manuskrip *Anak Mat Lela Gila* karya Ishak Haji Muhammad telah dibeli dengan harga RM200.00, satu jumlah yang cukup besar sama banyak dengan tujuh bulan gaji guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris.

Para penulis sastera Melayu moden pada abad yang lalu, seperti yang dicatatkan dalam *Dewan Sastera*, keluaran Disember 1999, keluaran terakhir abad ke-20, dapat dibahagikan ke dalam beberapa kelompok menurut zaman dan tema yang menjadi bahan penulisannya. Dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden ada dikatakan bahawa tema utama kesusasteraan Melayu pada peringkat awal berunsurkan Islam dan bersemangat kebangsaan kerana kebanyakan penulisnya pernah belajar di Mesir dan di Asia Barat termasuk India. Mereka mendapat pengaruh daripada Syeikh Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, Rasyid Redha dan sebagainya. Tetapi yang benar-benar terlibat dalam bidang penulisan kreatif, pada pendapat saya, hanya Syed Syeikh al-Hadi seorang saja, sedangkan yang lainnya itu ialah para pemuka reformis agama yang menulis rencana dalam akhbar dan majalah. Syed Syeikh melalui karya *Setia Asyik Kepada Maksyuknya* atau *Hikayat Faridah Hanum* cuba membawa semangat reformasi itu ke dalam karya kreatif dan pada zaman yang sama muncul Ahmad Rasyid Talu yang bukan lulusan al-Azhar dengan novel *Iakah Salmah?* yang membawa tema emansipasi wanita; Ahmad Kotot seorang guru dari Pahang muncul dengan sebuah novel percintaan *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan*. Tema reformasi agama dan emansipasi wanita yang dikemukakan dalam karya Syed Syeikh al-Hadi dan Ahmad Rashid Talu, yang dianggap sebagai karya awal novel Melayu moden telah terhenti sampai di situ saja, kerana tidak ada penulis yang mengikuti jejak mereka. Tema-tema tersebut terlalu asing bagi masyarakat Melayu yang masih tertutup. Tidak terfikir oleh mereka cara pergaulan bebas lelaki dan perempuan seperti yang digambarkan melalui Syafik Affandi dan Faridah Hanum atau kelakuan Salmah gadis Melayu

anak orang baik-baik menaiki beca tanpa berkampung itu boleh berlaku dalam masyarakat yang sopan dan beradab. Para penulis dalam kelompok ini lebih berminat dengan tema-tema kahwin paksa dan perbezaan darjat yang berakhir dengan kesengsaraan hidup, berendam air mata penderitaan sepanjang hayat kerana putus kasih. Ada juga yang cuba menerokai tema sejarah.

Tema kebangsaan dan pendidikan mulai memasuki kesusasteraan Melayu moden secara serius apabila wartawan dan guru-guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris ikut mengambil bahagian dalam bidang penulisan kreatif. Apabila Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) ditubuhkan maka ideologi mulai meresap masuk ke dalam kesusasteraan Melayu moden, konsep seni mulai diketengahkan dan diperdebatkan untuk mencari dasar perjuangan bagi mencapai kemerdekaan.

Ada satu perkara dalam proses perkembangan kesusasteraan Melayu yang ingin saya catatkan di sini walaupun ianya tidak begitu penting tetapi menarik. Pertumbuhan sastera kita secara tidak sengaja ada hubungan kaitnya dengan perusahaan perubatan tradisional Melayu. Hubungan kait itu kedengarannya amat aneh, tetapi ianya satu kenyataan dan merupakan satu sumbangan yang positif dalam bidang penerbitan novel-novel Melayu. Sabirin Ani, pemilik Annies Printing Works di Jalan Ah Fook, Johor Bahru, yang menjadi pencetak dan penerbit novel-novel pada masa menjelang Perang Dunia Kedua ialah seorang pembuat ubat panau Cap Gajah yang sangat terkenal di kalangan masyarakat Melayu pada masa itu, begitu juga dengan C. Abdul Rahman Marang, Terengganu yang menjadi penerbit novel-novel Melayu sesudah Perang Dunia Kedua, ialah pembuat makjun Tupai Melompat yang terkenal di seluruh Semenanjung, Brunei, Singapura,

Sarawak dan Borneo Utara.

Izinkan saya untuk menyebutkan beberapa nama penulis saja dalam makalah ini sebagai wakil daripada generasi atau angkatannya. Tidak ada maksud mahu membeza-bezakan antara satu dengan yang lain, kerana tiap-tiap penulis itu ada sahamnya yang tersendiri, kehadiran mereka biar sekecil apa pun juga telah meninggalkan impak yang kukuh sebagai asas kepada pembinaan dan perkembangan kesusasteraan Melayu moden yang kita miliki sekarang.

Ahli-ahli ASAS 50 yang antaranya ialah Keris Mas, Usman Awang, Masuri S.N., MAS, Awam il-Sarkam berpegang kepada konsep 'Seni untuk Masyarakat' walaupun konsep ini ditentang oleh Hamzah Husin yang juga pada mulanya ahli penaja ASAS 50. Hamzah dengan kelompoknya berpegang kepada konsep 'Seni untuk Seni', tetapi sejarah lebih memberikan kesempatan kepada kelompok ASAS 50 untuk mencorakkan arah kesusasteraan Melayu pada waktu itu dan kesannya dapat kita rasai sampai sekarang. Dalam barisan penulis-penulis ASAS 50 ini ikut tercatat nama A. Samad Ismail, tokoh di balik tabir, meskipun dia khabarnya bukan seorang ahli yang berdaftar.

Sesudah negara mencapai kemerdekaan, muncul generasi pelapis yang cukup aktif terdiri daripada Adibah Amin, A. Samad Said, Shahnnon Ahmad, Ibrahim Omar, Hassan Ali, Arena Wati, Aziz Jahpin, Awang Had Salleh, Ismail Abbas, dan Khadijah Hashim. Mereka diikuti dengan sebilangan besar penulis cerpen dan sajak, lelaki dan perempuan. Beberapa orang daripadanya muncul melalui sayembara atau yang karyanya dipilih untuk Hadiah Karya Sastera. Berbagai-bagai macam eksperimen juga cuba dilakukan termasuk karya-karya absurd kerana teori-teori Barat tentang penulisan

mulai diajarkan di Institusi Pengajian Tinggi dan juga sebagai tempiasan pengaruh daripada penulis-penulis Indonesia yang lebih dulu terdedah kepada kesusasteraan Barat khasnya kesusasteraan Belanda.

Apabila bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa rasmi negara maka perkembangan dan kemajuan kesusasteraan Melayu mulai meningkat naik sedikit demi sedikit, selain daripada Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberi amanah oleh kerajaan untuk memajukan dan memperkembangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu maka beberapa buah syarikat penerbitan lokal dan asing yang *bona fide* sifatnya telah ikut mengambil bahagian secara aktif menerbitkan buku-buku Melayu: Oxford University Press telah mempelopori penerbitan antologi cerpen, sajak ahli-ahli ASAS 50, terjemahan karya-karya asing ke dalam bahasa Melayu dalam bentuk buku yang lebih canggih, meninggalkan tradisi buku murahan kulit nipis kertas *newsprint* pada tahun 50-an. Pustaka Antara, Pustaka Melayu Baru, Pustaka Abbas Bandung di Melaka dan Pustaka Nasional di Singapura, hampir boleh dikatakan bersaing hebat untuk menguasai penulis-penulis yang prolifik pada masa itu seperti Shahnnon Ahmad, Yahya Samah, A. Samad Said, A. Samad Ismail, Malungun dan lainnya. Perkembangan penulisan kreatif khasnya dalam genre novel berada di taraf yang amat menggalakkan, hampir tiap minggu ada diskusi buku yang diselenggarakan oleh PENA, akhbar-akhbar *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman*, *Utusan Malaysia*, *Mingguan Malaysia*, *Berita Harian* dan *Berita Minggu* serta majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, menyediakan ruangan untuk kritikan atau ulasan buku.

Kira-kira satu dekad sebelum suku akhir abad ke-20 tercatat sederetan besar nama penulis – dalam pelbagai genre. Mereka ini amat prolifik, penuh bersema-

ngat dan bercita-cita tinggi walaupun pekerjaan penulisan dilakukan sebagai kerja sampingan atau hobi. Nama-nama Kemala, Affrini Adham, Suhaimi Haji Muhammad, A. Ghaffar Ibrahim, Jihaty Abadi, S. Othman Kelantan, Latiff Mohidin, A.S. Amin, M. Ghazali, Noor S.I., Anis Sabirin, Mohd. Affandi Hassan, Baha Zain, Muhammad Haji Salleh, Dharmawijaya, Rahman Shaari, Mana Sikana, Noordin Hassan, Adi Badiozaman Tuah, T. Alias Taib, A. Rahim Abdullah, Abdullah Tahir, Azizi Haji Abdullah, Norhisham Mustaffa, Othman Puteh, Siti Zainon Ismail, Zurinah Hassan, Lim Swee Tin, Zaharah Nawawi, Saiee Driss adalah antara 126 orang penulis abad ke-20 seperti yang telah disenaraikan oleh majalah *Dewan Sastera* keluaran bulan Disember 1999. Nama mereka hampir setiap waktu dapat dilihat silih berganti menghiasi halaman akhbar dan majalah dengan hasil-hasil karyanya yang semakin dewasa. Sebahagian besar daripada mereka masih terus menulis sampai ke saat ini.

Sebagai generasi pelapis para penulis angkatan suku akhir abad yang baru kita tinggalkan itu, kini diperkuat dengan satu barisan penulis muda yang tidak saja berpotensi besar tetapi juga ada antaranya berpendidikan tinggi. Nama-nama Anwar Ridhwan, Zakaria Ariffin, Zaen Kasturi, Marsli N.O., Mawar Shafie, Faizal Tehrani, Azmah Noordin, Che Soo Ismail, Hizairi Othman, S.M. Zakir, Uthaya Sankar SB tentu akan senantiasa menjadi perhatian yang serius kepada para peneliti kesusasteraan Melayu. Jumlah mereka itu akan terus bertambah dari masa ke masa kerana sastera dan penulisan bukanlah sesuatu yang statis sifatnya. Ia akan terus hidup dan berkembang mengikut peredaran zaman meskipun pada hakikatnya pekerjaan penulisan tidak menjanjikan satu kehidupan yang lumayan.

Daripada penelitian saya selama lebih 60 tahun menulis dan daripada pengalaman yang saya alami, bidang penulisan ialah satu bidang profesi yang memerlukan bakat. Semua orang boleh menulis dan bercerita tetapi menulis dan bercerita untuk sebuah karya kreatif memerlukan bakat dan komitmen yang serius selain memiliki keinginan dan keazaman. *An artist must be a craftsman, but a craftsman need not be an artist*, demikian bunyi satu ungkapan yang masyhur yang masih ada relevansinya. Tukang kayu atau tukang besi hanya perlu membuat pekerjaannya berulang-ulang untuk mendapatkan hasil yang baik tetapi tidak demikian dengan pekerjaan seni yang di sini saya maksudkan kepada seni penulisan kreatif.

Serupa dengan profesi lain, profesi penulisan ini pun juga ada masa naik dan turunnya. Pada permulaan, sebahagian daripada hasil karya seseorang penulis itu sudah pasti akan mengalami banyak kelemahan di sana sini, selain daripada kerana kurang ilmu maka kurang pengalaman menjadi faktor utama kelemahan tersebut. Walaupun ada kes-kes tertentu seperti kata seorang pengarang yang terkenal, kemungkinan karya yang pertama itu menjadi *masterpiece* amat besar kerana itu adalah karyanya yang pertama, yang lahir daripada idea yang masih segar, dengan tema yang berbeza dan pendekatan serta teknik yang baru. Pearl S. Buck terpaksa menjaja novelnya yang pertama *The Good Earth* dari satu penerbit ke satu penerbit, beberapa tahun lamanya, kerana dia penulis baru, belum terkenal. Tetapi siapa sangka novel itulah pula yang telah menyebabkan dia dipilih menerima Hadiah Nobel. Ernest Hemingway ketika baru menulis pada umur 20 tahun, tidak ada sebuah majalah Amerika yang mahu menyiarkan cerpennya kecuali sebuah majalah kecil *The Little Review*

tanpa bayaran apa-apa. Delapan tahun kemudian iaitu pada tahun 1927 baru majalah *Atlantic* menyiarkan cerpennya yang berjudul *Fifty Grand* dan pada tahun 1952, 25 tahun kemudian melalui novelnya *The Old Man and The Sea* yang tebalnya hanya 120 muka surat dia telah dianugerahi Hadiah Nobel dalam bidang kesusasteraan.

Sebagai penulis baru, kita pada umumnya terlalu ghairah mahu mencapai kejayaan, mahu lekas terkenal maka kita cuba meniru stail orang yang lebih dulu menulis, yang sudah terkenal ataupun membuat eksperimen untuk mencari satu kelainan dalam berkarya. Bagi saya peniruan dan eksperimen itu satu fenomena yang baik dalam profesi apa pun juga tidak saja terhad kepada penulisan kreatif, satu usaha yang sihat asalkan peniruan itu bukan plagiatisme atau perompakan. Kita meniru untuk keluar dari bingkai tradisi usang yang stereotaip, kita meniru bukan untuk mencari keuntungan material tetapi untuk berkreatif, meneroka daerah baru yang belum pernah diterokai orang, atau dalam konotasi yang lain, penulisan karya kreatif itu sendiri adalah satu peniruan terhadap alam. Tetapi sebagai orang Islam dan Timur ada *do and don't*-nya kerana istilah kebebasan ada batas-batasnya yang khas yang harus diambil kira. Sebagai sifatnya, peniruan dan eksperimen itu boleh membuat kita lupa akan batas-batas larangan yang diharuskan kepada orang yang beriman. Fahaman kebebasan kita orang Islam khasnya orang Timur tidak sama dengan fahaman kebebasan orang Barat. Tentang fahaman kebebasan Barat ini – saya mengutip Prof. Madya Dr. Ungku Maimunah oleh C. Skinner: “Masyarakat Barat mengutamakan kepentingan keperibadiannya seseorang, kebebasan peribadi seseorang, bebas hendak bekerja (ataupun hendak mati kelaparan), bebas hendak bercakap, bebas hendak mengarang, dengan

sebagainya, dengan tidak terikat oleh larangan apa-apa, baik dari undang-undang negeri baik dari adat yang turun-temurun."

Eksperimen boleh menyebabkan seseorang itu berjaya dengan cemerlang dan boleh pula membuatnya gagal total ataupun merasa menyesal dengan hasil yang telah dicapai apabila usianya meningkat dan tingkatan kebijaksanaannya bertambah. Oleh yang demikian kita tidak boleh terlalu terpengaruh dengan eksperimen yang berlebihan kerana sebagai manusia kita senantiasa mengalami perubahan seperti firman Allah yang termaktub dalam al-Qur'an *Surah al-Haj* bahagian akhir Ayat 5. Oleh sebab perubahan itulah maka ada penulis yang merasa malu dengan karya-karya awalnya dan cuba mahu melepaskan tanggungjawab, menafikan atau menidakkan hasil karya yang telah lalu itu sebagai karyanya. Karya kreatif, bagi saya adalah seperti anak. Baik atau jahat, pandai atau bodoh, sempurna atau cacat, dia adalah anak kita, daging darah kita sendiri. Sebagai manusia bersusila kita harus menerimanya dengan jujur.

Bagi saya sekarang, pada peringkat usia ini, walaupun sudah agak terlambat, mulai menyedari bahawa bidang penulisan ialah satu bidang dakwah bukan hanya sekadar satu peniruan terhadap alam (mimesis) dakwah kepada amal maaruf, nahi mungkar. Dengan yang demikian, sebagai orang Islam maka saya dengan sendirinya terikat kepada akidah yakni beriman kepada Allah subhanahu wa Taala, beriman kepada Malaikat, Rasul dan Hari Pembalasan, syurga, neraka, qadak dan qadar sambil menjalankan syariah yakni mengerjakan amal salih (termasuk amal ibadat), membuat kebajikan, menjalinkan perhubungan silaturrahim sesama manusia dan berinteraksi dengan alam. Ini amat berbeza dengan konsep kebebasan orang Barat yang dihubungkan

dengan Hak Asasi Manusia.

Memang benar tiap-tiap hasil karya kreatif itu merupakan peniruan terhadap alam atau *twice remove from reality* seperti yang dikatakan Plato. Ada mesej yang mahu disampaikan baik yang berbentuk teguran, kritikan mahupun yang berbentuk didaktik atau saranan. Saya selalu berpendapat, sebagai manusia yang diberikan anugerah bakat oleh Allah sabhanahu wa Taala maka dengan kamus bahasa yang cukup kita boleh menegur atau mengkritik sesuatu yang tidak wajar itu dengan kata-kata yang paling *subtle*, sopan dan lemah lembut atau disindir secara halus. Pembaca yang peka, boleh membaca yang tersirat tanpa perlu menggunakan kata-kata yang kasar, kesat, jelik dan keji. Sebab kata-kata yang tercetak akan kekal sampai dunia kiamat, dibaca berulang-ulang oleh orang yang menjumpainya, sehinggalah ke saat Allah mengangkat seluruh huruf kata-kata itu daripada muka bumi ini. Kata-kata yang bercetak tidak sama dengan ucapan lisan yang hilang diterbangkan angin pada waktu itu juga dan segera dilupai orang walaupun Malaikat Kiraman dan Katibin ada mencatatnya. Penulis Muslim harus berpegang kukuh kepada konsep umat wasatha (umat yang pilihan lagi adil) seperti yang difirmankan Allah dalam *Surah Al-Baqarah* Ayat 143 yang maksudnya kira-kira "... supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah)...."

Oleh sebab penulisan itu merupakan satu peniruan terhadap alam, yang membawa kisah tentang manusia, tentang binatang atau makhluk lain yang dimanusiakan, maka sebagai garis panduan berkarya yang paling penting diperhatikan ialah maksud firman Allah seperti yang termaktub dalam al-Qur'an *Surah al-Hujarat*.

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan-rendahkan puak lelaki yang lain; (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendahkan-rendahkan puak perempuan yang lain; dan janganlah kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk (larangan yang tersebut menyebabkan orang menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman dan (ingatlah) sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim.” (Ayat 11)

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan kamu dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat akan setengahnya yang lain. Sukakah seorang dari kamu memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya, (oleh itu patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi amat mengasihani.” (Ayat 12).

Mari Kita Melangkah ke Alaf 21

Daripada senario sepintas lalu yang saya gambarkan di atas, kita dapat menyaksikan bahawa perkembangan penulisan kesusasteraan Melayu moden dalam semua genre pada sepanjang abad yang lalu cukup menggalak-

kan. Kita dapat berbangga dengan berbagai-bagai pencapaian kerana itu adalah hasil inisiatif yang diberikan oleh kerajaan atau oleh pihak swasta bagi menyuburkan kehidupan sastera dan penulisan kreatif, yang barangkali tidak terdapat di negara lain. Kita mengucap syukur ke hadirat Allah subhnanu wa Taala dan terima kasih kepada kerajaan yang di dalamnya ikut tercatat peranan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi yang bertanggungjawab. Penulis-penulis kita, baik yang sudah veteran mahupun yang baru memasuki bidang penulisan ini telah dibekali dengan satu wawasan dan keyakinan yang mantap. Mereka telah menghasilkan pelbagai macam novel, antologi cerpen, antologi sajak, drama dan esei dalam bentuk buku-buku yang tipis dan tebal, yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Utusan Melayu, Fajar Bakti, Creative Enterprises, Marwilis, Pelanduk dan berpuluh buah penerbit lain yang berselerak di seluruh tanah air. Penerbit-penerbit tahun 50-an seperti Pustaka Antara, Pustaka Melayu Baru, Pustaka Abbas Bandung, Pustaka Nasional walaupun sudah tidak aktif lagi namun peranan dan penglibatan mereka tetap tercatat dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden dan kita amat berterima kasih kepada mereka semua.

Pada suku akhir abad ke-20, kita dapat menyaksikan berpuluh judul novel yang tebal-tebal bahkan ada yang sudah melimpasi angka 1000 muka surat. Novel-novel popular yang dahulunya diistilahkan sebagai novel picisan dengan tema-tema percintaan yang ringan juga sudah banyak yang diterbitkan dalam bentuk buku yang amat canggih, dan tebal-tebal, ada yang sampai 500 atau 600 muka bahkan ada yang melimpasi 1000 muka surat dan kita akan terperanjat mengetahui bahawa novel-novel tersebut telah ada yang dicetak ulang sampai

beberapa kali. Ini adalah sesuatu yang luar biasa. Siapa pembacanya? Jika anda memasuki Kedai Buku Dewan Bahasa dan Pustaka anda akan terperanjat melihat betapa banyaknya buku-buku sastera daripada pelbagai macam genre yang telah diterbitkan, bukan lagi ratusan judul tetapi ribuan jumlahnya. Bagaimana pula dengan buku-buku sastera yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit lain, tentu ratusan atau ribuan judul juga banyaknya. Saya tidak tahu apakah sudah pernah ada statistik atau kaji selidik tentang pembaca karya-karya sastera Melayu. Anda tentu akan menjadi lebih terperanjat apabila pada tiap-tiap akhir tahun buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka akan dijual lambak dengan harga murah.

Kita biarkan dulu pertanyaan itu tergantung di situ. Sejarah mengajarkan kita bahawa apa yang kita miliki hari ini, situasi dan pencapaian adalah akibat proses masa lampau.

Memang amat wajar. Sebagai satu bangsa yang merdeka dan berdaulat, kita mahu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini dalam bidang apa pun juga. Kita mahu ada antara penulis kita yang karyanya dapat meraih Hadiah Nobel dalam alaf ini, kerana itulah anugerah yang tertinggi dalam kesusasteraan dunia. Bercita-cita besar serupa itu memang baik, ia menjadi semacam motivasi untuk kita berusaha dan bekerja kuat. Negara kita mempunyai slogan 'Malaysia Boleh' insya-Allah kita boleh. Tetapi implikasi yang lain harus diambil kira. Sastera itu merupakan salah satu cabang seni dan seni tidak sama dengan olahraga yang boleh dicapai dengan kekuatan fizikal dan mental melalui latihan yang bertepatan. Kita boleh mencipta satu senarai yang panjang tentang kejayaan-kejayaan yang boleh dicapai dengan

kekuatan fizikal dan mental itu, sebagai contoh kita sudah boleh berbangga dengan anak bangsa kita yang dapat melayari tujuh lautan bersendirian, menakluki puncak Gunung Everest, terjun di Kutub Utara dan sebagainya. Tetapi seni sastera tidak saja memerlukan kekuatan fizikal dan mental tetapi juga keintelektualan yang tinggi, persepsi yang tajam, kemanusiaan yang tinggi, kesedaran, tanggungjawab dan *environment* sebagai asas dan ruang untuk memungkinkan kelahiran karya yang besar menurut konsep dan acuan kita sendiri. Tidak hanya Hadiah Nobel itu saja yang menjadi tujuan kita bersastera tetapi ada banyak perkara lain yang mesti kita ambil peduli dalam masa menjalani kehidupan yang amat singkat ini. Walaupun penulis itu bukan orang politik yang boleh merubah keadaan, tetapi kita sebagai warganegara mempunyai tanggungjawab yang sama dengan orang politik untuk membina kesejahteraan dan kebajikan bagi bangsa dan negara tercinta ini melalui tulisan.

Terlepas daripada semua perkara yang saya sebutkan di atas, maka kita kini sudah berada di abad dan alaf baru yang menjanjikan pelbagai macam kemungkinan dengan pencapaian sains dan teknologi serba mutakhir, dengan teknologi maklumat yang sudah mengglobalisasi. Kita akan melangkah ke hadapan. Kita sudah melihat hari kelmarin, apakah kita akan merasa takut melihat hari esok?

Berdasarkan pengalaman yang telah lalu kita boleh menyusun satu strategi untuk tindakan yang lebih proaktif dalam usaha membina dan memperkembangkan sastera pada abad dan alaf baru ini. Kita mesti menyediakan tapak semaiannya lebih dulu supaya bibit-bibit yang kita tabur itu tumbuhnya kelak lebih subur. Tapak untuk pertumbuhan sastera ialah pembaca, suasana atau *envir-*

onment. Anggapan bahawa sastra yang besar itu hanya boleh tumbuh dalam keadaan suasana yang kalut berdasarkan contoh-contoh daripada karya penulis Rusia, Amerika Latin dan Afrika yang pernah memenangi Hadiah Nobel, pada pendapat saya sudah usang dan terlalu streataip. Sastra membawa kisah manusia dan alamnya maka para penulis zaman ini yang lebih berilmu pengetahuan dengan kemajuan sains dan teknologi, lebih berkemampuan untuk membawa kisah tersebut sesuai dengan suasana dan kemajuan itu. Para penulis mesti sanggup berhadapan dengan suasana globalisasi dengan anjakan paradigma melalui ilmu dan maklumat yang cukup, dengan kreativiti yang berdisiplin, mengikut rentak perubahan yang sedang berlaku.

Sastra seperti juga benda-benda lain tidak dapat berdiri sebagai satu komponen yang berasingan. Sastra mesti ada penulis, penerbit dan pembaca. Pembaca sebagai pengguna merupakan nadi dalam kehidupan kesusasteraan seperti juga pengguna barang-barang komoditi yang lain. Dalam zaman teknologi yang canggih ini konsep barang menunggu pengguna sudah ketinggalan zaman. Sekarang ini barang yang mesti mencari pengguna walaupun sampai ke dalam bilik tidurnya. Hal ini dapat kita saksikan melalui media massa dan media elektronik sepanjang masa setiap hari. Mereka menjaja barang-barang buaatannya melalui promosi, pameran, iklan dalam media massa, media elektrik, *pamflet*, *newsletter* yang setiap hari kita jumpa di dalam peti surat atau di depan pintu rumah, dengan pelbagai macam insentif lain: kuiz, hadiah dan sebagainya. Semua industri pembuatan barangan kecuali industri buku di negara kita ini saja, jika saya silap minta maaf, menggunakan cara promosi dan iklan besar-besar serupa ifu. Industri buku hanya mengadakan Pesta Buku

sekali atau dua kali setahun. Memang untuk menyamakan buku yang merupakan makanan intelektual yang termasuk dalam kategori barang-barang *luxury* dengan barang-barang keperluan kehidupan yang lain amat tidak wajar. Pertama, penggunaannya amat terbatas dan kedua, produknya berubah-ubah (berlainan tajuk, berlainan tema) tetapi apa salahnya kita mengambil sedikit pelajaran dan iktibar daripada cara promosi dan iklan yang mereka lakukan itu disesuaikan dengan sifatnya sebagai makanan intelektual.

Sebagai contoh, saya yang meminati buku, tidak pernah tahu tentang buku-buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, sekiranya saya tidak ke kedai buku di bangunannya. Jika saya ke kedai buku itu pun saya tidak mungkin mendapat dengan mudah buku yang saya perlukan dalam masa satu jam atau dua jam berdiri dengan hanya membaca *blurb* yang tercatat pada kulit luar belakangnya. Begitu juga halnya dengan peminat buku Melayu yang lain di negara kita, terpaksa berdiri beberapa jam di kedai buku sebelum dapat memilih sebuah buku yang dicarinya. Di sinilah letaknya peranan iklan dan promosi yang efektif. Perindustrian buku kita boleh dikatakan sangat lemah atau amat kurang memerhatikan bidang ini. Keadaan menjadi semakin tertekan apabila media massa dan media elektronik hampir tidak ambil peduli, kecuali *Utusan Malaysia* yang menyiarkan kolum kecil 'Sehari Sebuah Buku' yang konsisten, dan sekali-sekala ada ruangan ulasan buku. Akhbar *Berita Harian* walaupun hampir tiap hari ada ruangan sastera tetapi pembicaraan tentang buku terlalu langka hanya sekali-sekala saja, sementara majalah-majalah Dewan Bahasa dan Pustaka menyiarkan iklan-iklan kecil yang amat stereotaip bentuknya. Tidak seperti buku Inggeris yang sekali seminggu ada

ruangannya dalam akhbar *The New Straits Times* dan tiap minggu ada halaman buku dalam akhbar *The Star*. Beberapa waktu dahulu ada slot pembicaraan buku di TV 1 tetapi cara yang digunakan tidak sesuai dengan sifat hiburan media elektronik, maka hayatnya tidak panjang, tidak seperti muzik, lagu, nyanyian, filem, drama malah olahraga juga yang corak siarannya lebih proaktif.

Umat manusia pada zaman moden ini lebih memuja fizikal daripada mental. Kita memuja wajah yang cantik, potongan tubuh yang menarik atau kejayaan yang dapat dicapai dalam olahraga yang pada umumnya semua pemujaan ini tertumpu kepada kegiatan-kegiatan yang bersifat hiburan yakni yang suka ditonton orang. Pemujaan kepada fizikal pada zaman moden bermula apabila Hollywood memperkenalkan watak hero dan heroin yang gagah dan cantik melalui filem-filemnya. Konsep manusia yang sempurna ialah orang yang gagah dan berwajah cantik dan orang jahat berwajah hodoh. Konsep itu telah diterima secara total tanpa bantahan. Saya tidak berani berkata secara khusus tetapi secara umum, apabila orang yang memuja fizikal kurang iman maka gejala-gejala sosial seperti yang kita saksikan sekarang, penderaan, pembuangan bayi, hubungan song-sang, kekejaman dan sebagainya amat mudah berlaku.

Hiburan dan olahraga mendapat liputan yang cukup luas, tidak saja tabloid yang menjadi lampiran semua akhbar utama tetapi juga ada majalah yang khas diterbitkan tiap-tiap minggu dan bulan berisi gambar-gambar yang menarik, fesyen pakaian, barang hiasan, alat kecantikan yang pelbagai macam dengan gunjingan (*gossip*) di balik tabir yang ingin diketahui tidak saja oleh penduduk kota tetapi juga oleh para remaja dan orang dewasa di segenap ceruk kampung. Kita dapat mema-

hami akan situasi yang menyebabkan media massa dan media elektronik, baik yang dimiliki oleh kerajaan mahupun oleh swasta memberi layanan yang istimewa kepada bidang ini, kerana hiburan menjadi nadi kewujudannya yang utama di samping sebagai alat penyampai maklumat.

Dalam masa memasuki alaf dan abad baru sekarang, saya rasa sudah sampai masanya industri buku di negara kita khasnya Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit-penerbit buku yang *bona fide* menghadapi masalah pemasaran secara lebih proaktif. Kita pinjam sebahagian daripada cara industri pembuatan barangan lain dalam menangani masalah pemasaran ini.

Saya ada beberapa cadangan: pertama, perlu ada satu media khas yang menyiarkan iklan buku-buku, ulasan dan kritikan seperti *Times Literary Supplements* yang menjadi lampiran akhbar *The Times London*. Suplemen serupa itu boleh menolong peminat-peminat buku, perpustakaan dan guru-guru untuk mendapatkan maklumat tentang semua buku yang sudah diterbitkan dan bakal diterbitkan. Suplemen itu juga boleh menolong memajukan ilmu kritikan sastera yang kini diajarkan di institusi pengajian tinggi dengan memberikan ruangan kepada ahli akademik dan para pelajar untuk menulis. Kepada mereka dibekalkan buku-buku untuk dikritik dan diulas dengan memberikan honorarium yang wajar. Tulisan mereka itu akan menjadi bimbingan kepada pembaca dan peminat buku untuk mendapatkan buku-buku yang diperlukannya. Suplemen tersebut yang dibiayai melalui iklan atau geran diedarkan sebagai lampiran akhbar-akhbar utama secara percuma. Sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat sekarang ini wujudkan sebuah atau beberapa laman web di internet yang khas untuk promosi, iklan, kritikan dan

ulasan buku di samping pemasaran secara langsung tanpa melalui orang tengah seperti yang sudah berlaku di negara-negara Barat. Diskusi buku yang biasa diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tiap-tiap hujung minggu itu sekali-sekala dibawa keluar ke daerah-daerah khasnya ke sekolah-sekolah menengah dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Negeri atau badan-badan penulis. Selain membuat promosi buku secara langsung di sekolah-sekolah menengah melalui ceramah, pengenalan buku dan penulis dengan menggunakan tenaga satu dua orang penulis terkenal dan tempatan yang karyanya sudah diterbitkan, kita dapat menimbulkan rasa kecintaan murid-murid kepada buku berdasarkan semangat peribahasa 'Tak Kenal Maka Tak Cinta'. Promosi serupa ini boleh dijadikan serampang dua mata yakni boleh digunakan untuk menolong murid-murid sekolah menengah memahami sastera sebagai komponen pengajaran bahasa Melayu. Promosi secara besar-besaran boleh diadakan pada musim cuti sekolah di Kampung Buku di Langkawi dengan menampilkan pelbagai acara yang ada kaitan dengan buku, penulis dan intelektual. Kegiatan-kegiatan kesusasteraan yang bersifat nasional dan *regional* seperti Hari Sastera, Hari Puisi, Dialog Utara, Dialog Timur, Dialog Selatan, Dialog Teluk, Dialog Kalimantan-Borneo, Pertemuan Sasterawan Malaysia dan Pertemuan Sasterawan Nusantara boleh dimanfaatkan sebagai medan yang baik untuk promosi buku dan penulis. Jawatankuasa perhimpunan memilih karya penulis negeri yang menjadi tuan rumah dan satu dua buah karya penulis lain untuk dibicarakan sebagai salah satu agenda yang tetap. Diskusi buku seperti yang dianjurkan oleh Kelab Seni dan Kebudayaan Fakulti Pergigian, Universiti Malaya merupakan satu kegiatan yang sangat dialu-alukan dan patut

disokong tidak saja oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi juga oleh para penerbit lain sebagai tempat mempromosi buku sastera kepada orang-orang sains yang selama ini selalu ditinggalkan kerana prasangka yang tertentu. Persatuan-persatuan penulis baik yang menjadi badan kerabat GAPENA ataupun tidak, boleh ikut memberikan sumbangan yang positif dalam mempromosikan buku dan penulis tetapi mereka harus membuka dirinya kepada generasi muda dengan kegiatan-kegiatan yang memberi faedah seperti bengkel, diskusi buku, pembacaan sajak, pementasan dan sebagainya melalui kerjasama dengan persatuan atau kelab sastera sekolah-sekolah menengah, memberi peluang kepada anak-anak muda untuk ikut serta sebagai aktivis pelapis. Jika tidak, nanti sampai kepada satu peringkat, saya khuatir, persatuan-persatuan ini akan menjadi persatuan murid-murid tua. Saya percaya, usaha ke arah ini tidak sukar kerana hampir semua persatuan penulis diterajui oleh guru-guru baik yang masih bertugas mahupun yang sudah bersara.

Akhir sekali, saya ingin mengulangi kembali saranan yang pernah saya kemukakan dalam ucapan penerimaan Anugerah Sastera Negara dahulu dengan sedikit perubahan, iaitu supaya sayembara penulisan kreatif dihentikan dan diganti dengan hadiah tahunan yang bersifat nasional yang lebih berprestij dan lebih besar hadiahnya seperti Hadiah Pulitzer di Amerika Syarikat ataupun Hadiah Booker di England bagi karya-karya yang sudah diterbitkan khasnya kepada novel, antologi sajak atau sajak panjang dan antologi cerpen. Ini dapat memberi peluang kepada semua penulis, veteran dan baru, *established* ataupun tidak yang karyanya sudah diterbitkan dan dicalonkan oleh penerbitnya. Panel penilai hadiah utama nasional ini hanya menilai

karya-karya yang dicalonkan saja. Sajak, cerpen dan rencana sastera yang tersiar dalam pelbagai media massa boleh dipilih oleh badan atau pertubuhan lain untuk diberikan hadiah tahunan dengan membawa nama badan atau pertubuhan yang menyelenggaranya. Hadiah Utusan dan Public Bank yang diberikan tiap-tiap tahun kepada semua karya kreatif yang telah disiarkan dalam semua penerbitan Utusan Melayu (M) Berhad boleh diteruskan dan diberi sokongan padu sebagai usaha yang amat positif. Oleh sebab penulisan memoir, biografi atau autobiografi tidak seratus peratus berbentuk kreatif maka usaha yang dijalankan oleh ESSO-GAPENA bagi menggalakkan orang menulis karya-karya tersebut melalui sayembara boleh diteruskan dan diberi sokongan.

Saya tidak menafikan akan hakikat bahawa matlamat sayembara diadakan adalah untuk memperoleh pencapaian yang baik, untuk pertumbuhan minat penulis, sebagai obor rangsangan yang terus memberikan sinarnya seperti yang dikatakan oleh Hashim Awang. Tetapi hasil seni yang diperoleh kerana peraduan dan hadiah, walaupun baik, tidak kekal kerana niatnya, tidak sama seperti hasil seni yang lahir secara jujur daripada bawah sedar penulis. Hadiah material, lebih-lebih lagi apabila hadiahnya beratus ribu untuk sebuah cerpen yang hanya 5000 perkataan, memang menggiurkan sekali, sudah tentu akan menarik minat banyak orang untuk mencuba sama ada masuk akal ataupun tidak, cerpen senilai hadiah itu dapat dihasilkan sebagai sebuah hasil seni yang besar. Memang benar seperti kata Hashim Awang, karya yang terpilih dalam sesuatu sayembara itu ada kebaikan dan kehebatannya, ada pasaran dan perhatian daripada para pembaca dan pengkritik. Orang akan berbicara mengenainya. Tetapi

pembicaraan mengenai karya itu tidak lama. Sebagai contoh lagu-lagu yang menang dalam pertandingan mengarang lagu anjuran RTM dahulu, sudah hilang begitu saja entah ke mana, yang masih kekal dan *ever-green* ialah lagu-lagu P. Ramlee. Memang benar, orang akan bercakap mengenai karya tersebut kerana teruja oleh kemenangannya itu, tetapi orang juga akan bercakap, membaca, memerhati dan mengkritik karya yang terpilih daripada hadiah yang dicadangkan ini. Jualannya juga akan melambung tinggi seperti novel-novel yang memenangi Hadiah Pulitzer di Amerika dan Hadiah Booker di England.

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pengalamannya yang telah lalu sebagai sekretariat Hadiah Karya Sastra dan sekretariat Hadiah Sastra Perdana Malaysia sekarang ini dapat kembali menjadi sekretariat badan atau jawatankuasa hadiah itu ataupun memperkasai penuhuan sebuah badan bebas bagi menyelenggarakan hadiah ini untuk mentadbir, mengumpul bahan, melantik ahli panel dan sebagainya. Kerajaan, badan-badan swasta baik yang selama ini ikut membantu kehidupan sastra ataupun tidak, tentu dapat memberikan sumbangan kewangan seperti yang biasa dilakukan kepada kegiatan olahraga dan badan-badan sosial yang lain, walaupun ia tidak *seglamour* acara hiburan dan sukan yang penontonnya dapat dilihat tetapi sumbangan kepada sastra menjadi pelaburan intelektual jangka panjang bagi membangunkan manusia Malaysia yang berkeperibadian dan bermoral tinggi. Jasa mereka kepada perkembangan sastra nasional akan menjadi hiasan sejarah dan akan dikenang sampai ke akhir zaman. Wabillahi taufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.